LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2022

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

JILID 1



JABATAN AUDIT NEGARA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2022

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

JILID 1

JABATAN AUDIT NEGARA

ISSN 2805-5241



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara Malaysia
Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
MALAYSIA

Laman web: https://www.audit.gov.my
Emel: jbaudit@audit.gov.my
Tel: +603-8091 1000
Faks: +603-8091 1454

Dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 22 November 2023

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.

PNMB

Dicetak Oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, 2023
Laman web: www.printnasional.com.my
Emel: cservice@printnasional.com.my
Tel: 603-9236 6895
Faks: 603-9222 4773

KANDUNGAN

KANDUNGAN

JILID 1

	Muka Surat
PENDAHULUAN	A - 1
RINGKASAN KESELURUHAN LKAN SECARA INFOGRAFIK	B - 1
PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN	B - 3
1 KEMENTERIAN KEWANGAN	
• **Lembaga Pembangunan Langkawi**	
- Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi	1 - 1
2 KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	
• **Lembaga Getah Malaysia**	
- Pengurusan Projek Penyelidikan dan Pembangunan oleh Lembaga Getah Malaysia	2 - 1
3 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN	
- Pengurusan Program Penanaman Padi	3 - 1
• **Jabatan Perikanan**	
- Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin	3 - 49
4 KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH	
- Pengurusan Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat	4 - 1
• **Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah**	
- Pengurusan Projek Pemajuan Kawasan	4 - 51
5 KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM	
• **Jabatan Pengairan dan Saliran**	
- Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara	5 - 1
AKRONIM	D - 1

KANDUNGAN

JILID 2

Muka Surat

6 KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

- **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**
  - Program Galakan Pelaburan bagi Sektor Perkilangan 6 - 1

7 KEMENTERIAN KERJA RAYA

- **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia**
  - Pengurusan Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan dan Daya Saing Industri Pembinaan 7 - 1

8 KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

- **Agensi Pengangkutan Awam Darat**
- **Prasarana Malaysia Berhad**
- **Keretapi Tanah Melayu Berhad**
- **Pihak Berkuasa Tempatan**
  - Kelestarian Pengangkutan Awam Darat di Lembah Klang 8 - 1

9 KEMENTERIAN KESIHATAN

- Pengurusan Kawalan Penyakit Denggi 9 - 1

10 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI

- Pengurusan Program Bandar Selamat 10 - 1

11 KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

- **Majlis Sukan Negara**
- **Institut Sukan Negara**
  - Pengurusan Program Podium Sukan Elit 11 - 1

12 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

- **Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia**
  - Pengurusan Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) 12 - 1

KANDUNGAN

JILID 2

Muka Surat

13 KEMENTERIAN DALAM NEGERI

- **Polis DiRaja Malaysia**
- **Jabatan Penjara Malaysia**
- **Jabatan Imigresen Malaysia**
- **Jabatan Sukarelawan Malaysia**
- **Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia**
- **Eastern Sabah Security Command**
  - Pengurusan dan Kawal Selia Senjata Api Jabatan dan Agensi di Bawah Kementerian Dalam Negeri — 13 - 1

14 KEMENTERIAN PENDIDIKAN

- **Jabatan Kerja Raya Malaysia**
- **Jabatan Kerja Raya Sarawak**
- **Jabatan Kerja Raya Sabah**
  - Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah — 14 - 1

STATUS TINDAKAN BAGI ISU YANG DILAPORKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
- KEDUDUKAN SETAKAT 31 SEPTEMBER 2023 — 15 - 1

PENUTUP — C - 1

AKRONIM — D - 1

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan empat jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di kementerian/jabatan/agensi telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti kementerian/jabatan/agensi dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Pengauditan Prestasi dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan pada kali ini mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap 16 program/aktiviti/projek di 14 kementerian. Pengauditan yang dijalankan antara lain meliputi aspek pengurusan program/aktiviti, pengurusan projek dan sistem ICT.

3. Secara umumnya, program/projek/aktiviti Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut tujuan yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti sasaran output dan pencapaian keberhasilan yang ditetapkan tidak tercapai. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2022, terdapat kes kerugian wang awam dalam pemberian pengecualian denda ke atas kelewatan pembekalan dan kegagalan

mengutip hasil Kerajaan, pembayaran tidak teratur yang melibatkan pembayaran di luar skop kelulusan serta pembaziran yang berpunca daripada projek siap tetapi tidak digunakan.

4. Kelemahan tersebut antara lain disebabkan oleh kecuaian dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan serta kurang teliti semasa merancang program/aktiviti/projek. Selain itu, ia juga disebabkan pemantauan yang tidak dijalankan dengan konsisten dan teliti terhadap pengurusan projek dan kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/projek/aktiviti. Perkara ini juga menyumbang kepada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2022.

5. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Penutup diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada pemegang taruh mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 55 syor untuk diambil tindakan oleh kementerian/jabatan/agensi berkenaan.

6. Untuk LKAN Tahun 2022, Jabatan Audit Negara masih meneruskan LKAN dalam format cetakan buku serta format digital, iaitu format *Card Drive* dan juga *QR Code* untuk tujuan pembentangan di hadapan Dewan Rakyat, Dewan Negara serta edaran kepada kementerian/jabatan/agensi dan pemegang taruh. Selain itu, pembaharuan seperti persembahan infografik bagi setiap kajian yang dilaporkan dan perenggan Status Tindakan Bagi Isu yang Dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tetap diteruskan. Semua pembaharuan ini diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada semua pemegang taruh yang terlibat.

7. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi membolehkan Kerajaan mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

8. Status isu dan tindakan terkini Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 boleh diakses oleh auditi dan orang awam melalui Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (*Auditor General's Dashboard* – AGD) di laman web Jabatan Audit Negara (http://agdashboard.audit.gov.my). Mekanisme ini telah berjaya membantu kementerian/jabatan/agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat, pantas serta meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti. Hal ini membuktikan komitmen

dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu yang dibangkitkan dalam LKAN serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil.

9. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai kementerian/jabatan/agensi Kerajaan yang telah memberi kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberi sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
17 Oktober 2023

RINGKASAN KESELURUHAN
LKAN SECARA INFOGRAFIK

RINGKASAN KESELURUHAN LKAN 2022

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Jumlah Kos Keseluruhan

RM208.882 bilion

Pengurusan & Kawal Selia Senjata Api Jabatan & Agensi di Bawah Kementerian Dalam Negeri

13 Program/Aktiviti

RM189.290 bilion
Program Galakan Pelaburan bagi Sektor Perkilangan

RM6.820 bilion
Pengurusan Program Penanaman Padi

RM5.230 bilion
Pengurusan Kawalan Penyakit Denggi

RM2.215 bilion
Pengurusan Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat

RM1.026 bilion
Pengurusan Naik Taraf & Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah

RM822.61 juta
Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi

RM750.55 juta
Kelestarian Pengangkutan Awam Darat di Lembah Klang

RM620 juta
Pengurusan Program Podium Sukan Elit

RM269.37 juta
Pengurusan Program Bandar Selamat

RM164.60 juta
Pengurusan Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan & Daya Saing Industri Pembinaan

RM75.38 juta
Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin

RM68.2 juta
Pengurusan Projek Penyelidikan & Pembangunan oleh Lembaga Getah Malaysia

RM145 juta
Program Ramalan & Amaran Banjir Negara

1 Projek

RM316 juta
Pengurusan Projek Pemajuan Kawasan

2 Sistem ICT

RM1.069 bilion
Pengurusan Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) & Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)

16 KAJIAN

14 KEMENTERIAN

55 SYOR AUDIT

RINGKASAN ISU UTAMA

6 KEHILANGAN/KERUGIAN WANG AWAM RM681.71 juta

1. Pengurusan Program Penanaman Padi RM660.14 juta
2. Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi RM14.33 juta
3. Pengurusan & Kawal Selia Senjata Api Jabatan & Agensi di Bawah Kementerian Dalam Negeri RM6.34 juta
4. Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin RM0.49 juta
5. Program Galakan Pelaburan bagi Sektor Perkilangan RM0.29 juta
6. Pengurusan Program Bandar Selamat RM0.12 juta

3 PEMBAZIRAN RM21.35 juta

1. Pengurusan Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) & Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) RM19.39 juta
2. Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin RM1.04 juta
3. Pengurusan Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan & Daya Saing Industri Pembinaan RM0.92 juta

2 PEMBAYARAN TIDAK TERATUR RM1.52 juta

1. Pengurusan Program Podium Sukan Elit RM1.47 juta
2. Pengurusan Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan & Daya Saing Industri Pembinaan RM0.05 juta

Pencapaian Objektif/Keberhasilan Projek/Program

11 Tidak Tercapai

1. Pengurusan Program Penanaman Padi
2. Pengurusan Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) & Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS
3. Pengurusan Naik Taraf & Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah
4. Kelestarian Pengangkutan Awam Darat di Lembah Klang
5. Pengurusan Program Podium Sukan Elit
6. Pengurusan Program Bandar Selamat
7. Pengurusan Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan & Daya Saing Industri Pembinaan
8. Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin
9. Pengurusan Projek Pemajuan Kawasan
10. Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi
11. Pengurusan Projek Penyelidikan & Pembangunan oleh Lembaga Getah Malaysia

2 Tercapai

1. Pengurusan Kawalan Penyakit Denggi
2. Pengurusan Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat

3 Tidak Dapat Diukur

1. Program Ramalan & Amaran Banjir Negara
2. Program Galakan Pelaburan bagi Sektor Perkilangan
3. Pengurusan & Kawal Selia Senjata Api Jabatan & Agensi di Bawah Kementerian Dalam Negeri

PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2022 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan. Bagi LKAN Tahun 2022, **sebanyak 16 pengauditan prestasi bernilai RM208.882 bilion telah dilaksanakan** di 14 kementerian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 13 pengauditan bernilai RM207.352 bilion melibatkan kategori program/aktiviti, satu pengauditan bernilai RM316.0 juta melibatkan projek dan dua pengauditan bernilai RM1.214 bilion melibatkan sistem ICT. Sebanyak satu program/aktiviti tidak melibatkan perbelanjaan pembangunan iaitu Pengurusan dan Kawal Selia Senjata Api Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri.

2. Penglibatan Kementerian dalam 16 pengauditan tersebut adalah seperti berikut:

   a. Tiga pengauditan melibatkan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

   b. Tiga pengauditan melibatkan Kementerian Dalam Negeri.

   c. Dua pengauditan melibatkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

   d. Satu pengauditan masing-masing melibatkan, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perladangan dan Komoditi, Kementerian Pelaburan, Perdangangan dan Industri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Sumber Manusia.

3. Secara keseluruhannya, daripada 16 program/aktiviti/projek yang disemak didapati beberapa penemuan seperti berikut:

   3.1. Bagi aspek penilaian pencapaian objektif projek didapati:

      a. **Dua program/aktiviti/projek telah berjaya mencapai objektif** projek seperti yang ditetapkan, iaitu Pengurusan Kawalan Penyakit Denggi dan Pengurusan Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat.

      b. **11 program/aktiviti/projek tidak mencapai objektif** projek seperti yang ditetapkan seperti berikut:

- Pengurusan Program Penanaman Padi
- Pengurusan Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)
- Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah
- Kelestarian Pengangkutan Awam Darat di Lembah Klang
- Pengurusan Program Podium Sukan Elit
- Pengurusan Program Bandar Selamat
- Pengurusan Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan dan Daya Saing Industri Pembinaan
- Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin
- Pengurusan Projek Pemajuan Kawasan
- Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi
- Pengurusan Projek Penyelidikan dan Pembangunan oleh Lembaga Getah Malaysia

c. **Tiga program/aktiviti/projek tidak dapat diukur tahap pencapaian objektif** projek seperti yang ditetapkan iaitu Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara, Program Galakan Pelaburan bagi Sektor Perkilangan serta Pengurusan dan Kawal Selia Senjata Api Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri.

3.2. Terdapat **enam kes kehilangan/kerugian wang awam bernilai RM681.71 juta** melibatkan Pengurusan Program Penanaman Padi, Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi, Pengurusan dan Kawal Selia Senjata Api Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri, Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin, Program Galakan Pelaburan bagi Sektor Perkilangan dan Pengurusan Program Bandar Selamat. Perkara ini antaranya berkaitan pemberian pengecualian denda yang dikenakan ke atas kelewatan pembekalan dan penghantaran baja, penyaluran subsidi dan insentif pesawah tidak optimum, kegagalan mengutip hasil pajakan tanah dan perolehan secara penggantian pelupusan senjata api tidak dibekalkan sepenuhnya.

3.3. Terdapat **tiga kes pembaziran bernilai RM21.35 juta** melibatkan Pengurusan Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) & Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS), Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin dan Pengurusan Program

Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan dan Daya Saing Industri Pembinaan. Kes yang dibangkitkan antaranya berkaitan sistem yang tidak digunakan secara optimum di mana 11 daripada 14 modul sistem ePPAx tidak digunakan dalam proses pengurusan pekerja asing, projek pangkalan hadapan yang siap pada tahun 2020 tidak dapat digunakan dan peralatan kelengkapan latihan (ACMV Industrial) tidak digunakan sejak diterima pada tahun 2018.

3.4. Terdapat juga **dua kes pembayaran tidak teratur bernilai RM1.52 juta** melibatkan Pengurusan Program Podium Sukan Elit dan Pengurusan Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan dan Daya Saing Industri Pembinaan. Perkara yang berbangkit adalah berkaitan perbelanjaan di luar skop kelulusan dan tajaan program dibuat kepada peserta yang tidak memenuhi syarat.

4. Hasil daripada pengauditan yang dilaksanakan, **Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 55 syor** untuk diambil tindakan oleh kementerian/jabatan/agensi berkaitan. Antara syor yang dikemukakan adalah kementerian/jabatan/agensi dimohon menjalankan kajian terperinci bagi setiap cadangan projek terlebih dahulu sebelum diluluskan. Selain itu, kementerian/jabatan/agensi juga harus mempertingkatkan aspek pemantauan bagi memastikan program/aktiviti/projek dilaksanakan mengikut jadual atau perancangan yang ditetapkan. Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan perlu menetapkan kriteria dan mekanisme penilaian keberhasilan semasa di peringkat perancangan untuk setiap program projek yang dilaksanakan.

AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

1

Kementerian Kewangan

- **Lembaga Pembangunan Langkawi**
  - Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi

PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

KEMENTERIAN KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI



RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan pembangunan hartanah LADA **masih belum mencapai prestasi yang memuaskan** kerana sebilangan projek pembangunan dan pelaburan swasta tidak dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan, pulangan hasil tidak mencapai sasaran keberhasilan serta kelemahan dalam pengurusan pajakan tanah yang menyebabkan kegagalan kutipan hasil dan mendedahkan kepada risiko kehilangan tanah.

1. PENCAPAIAN OUTPUT

Sehingga 31 Disember 2022

1.1. Projek Pembangunan LADA

20 Projek

- **11** Siap
- **2** Batal
- **6** Dalam Pelaksanaan
- **1** Belum Mula

1.2. Pencapaian Projek Pelaburan Swasta

1.2.1. Projek Pelaburan Swasta

15 Projek

- **3** Siap
- **6** Dalam Pelaksanaan
- **6** Batal

1.3. Aktiviti Hartanah Pelaburan

847 Jumlah Unit Rumah Sewaan

- 554 Unit (65.4%) Disewa Tahun 2022
- Hasil Sewaan Tahun 2022: RM1.51 juta

12 Perjanjian M&O Hartanah

Sasaran Yuran M&O RM1.32 juta

Kutipan RM0.85 juta hingga RM1.23 juta setahun

1.2.2. Pembangunan Tanah Kosong Pelaburan Swasta

19 Konsep Pembangunan

- **1** Dimeterai Perjanjian
- **15** Dalam Kemajuan
- **3** Tiada Pelabur Berminat

2. PENCAPAIAN KEBERHASILAN

2.1. Memaksimumkan Pulangan Atas Pelaburan dan Aset

Kutipan Hasil

- **Pajakan Tanah** RM76.68 juta
- **Hasil Perkongsian Untung dan Yuran Pengurusan M&O** RM62.68 juta
- **Sewaan Hartanah** RM13.14 juta

ROA Hartanah Pelaburan


- **Oriental Village dan Kereta Kabel Memberi Pulangan yang Tinggi Sehingga 21.9% Setahun**
- **3 Sampel Hartanah Lain Memberi Pulangan di Bawah 5% Setahun**

GDV Projek Pelaburan

- **Siap - RM153.62 juta**
- **Dalam Pelaksanaan - RM537.91 juta**
- **Batal - RM3.00 juta**


2.2. Pemangkin Pembangunan Pelancongan

Rajah Kehadiran Pelancong ke Pulau Langkawi Tahun 1990 - 2022



Tahun	Bilangan Pelancong
1990	0.78 juta
2015	3.62 juta
2019	3.92 juta
2021	1.09 juta

2.3. Peningkatan Taraf Kehidupan dan Sosioekonomi Tempatan



Purata Pendapatan Isi Rumah

Purata Perbelanjaan Isi Rumah

Statistik Guna Tenaga dan Pengangguran di Daerah Langkawi Bagi Tahun 2018 Hingga 2021

PERKARA		2018	2019	2020	2021
Guna Tenaga	Tenaga Buruh ('000)	50.6	51.3	50.6	50.6
	Penduduk Bekerja ('000)	48.7	49.4	47.1	46.9
	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (%)	68.3	68.1	68.3	68.8
Pengangguran	Pengangguran ('000)	1.9	1.9	3.5	3.7
	Kadar Pengangguran (%)	3.8	3.7	6.9	7.3

3. PENGURUSAN AKTIVITI

3.1. Pelaksanaan Projek Pembangunan LADA

Pembinaan Jalan Temoyong

- Kos Siling Projek Meningkat RM67.30 juta (60.9%)

Pembinaan Auditorium Kota Mahsuri

- Kontraktor Asal Gagal Menyiapkan Projek
- Keseluruhan EOT Lulus Berjumlah 742 hari

3.2. Perjanjian Pajakan Tanah

Projek Hotel SRL

- Hasil Pajakan Tidak Diperolehi (RM3.19 juta)
- Risiko Kehilangan Tanah

Projek Kg. Tok Senik Resort

- Tiada Balasan Pegangan Saham atau Tunai atas Pajakan Tanah
- Risiko Kehilangan Tanah

3.3. Jualan, Pengurusan & Operasi (M&O) dan Pindah Milik Hartanah

Jualan dan Sewa Beli Rumah

- Pindah Milik Walaupun Terdapat Tunggakan Bayaran
- Kerugian Hapus Kira Tunggakan Sewa

Jeti Pelancongan Chenang

- Operasi Syarikat M&O Tidak Selari Syarat Guna Tanah

Restoran 1Malaysia

- Kegagalan Syarikat M&O Melaksanakan Penyenggaraan

Rumah Kedai Damansara Perdana

- Pemilikan Hartanah di Damansara Perdana, Selangor Tidak Selari dengan Fungsi LADA

3 SYOR AUDIT

KEMENTERIAN KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- LADA ditubuhkan pada 15 Mac 1990 sebagai sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423). LADA adalah agensi utama yang berperanan membangun dan memajukan Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan utama dunia. LADA melaksanakan pelbagai projek pembangunan hartanah seperti produk dan kemudahan pelancongan, projek pelaburan swasta dan infrastruktur awam serta sosioekonomi di Langkawi selaras dengan fungsinya di bawah Seksyen 4, Akta LADA 1990.
- Pengauditan tertumpu kepada projek pembangunan di bawah Blueprint Pelancongan Langkawi (BPL), RMKe-11 dan RMKe-12, projek pelaburan swasta dan aktiviti hartanah LADA.
- Prestasi projek pembangunan dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan keberhasilan projek. Pengurusan aktiviti pembangunan hartanah pula meliputi peruntukan dan perbelanjaan kewangan, pelaksanaan projek pembangunan LADA, perjanjian pajakan tanah, pengurusan hartanah pelaburan serta pertukaran dan pindah milik hartanah.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Sejumlah RM408.22 juta telah diluluskan dan sejumlah RM255.20 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan 20 projek pembangunan di bawah BPL RMKe-11 dan RMKe-12 bagi menyediakan kemudahan infrastruktur pelancongan dan kemudahan awam.
- Sebanyak 19 konsep pembangunan telah disediakan dalam Pelan Induk Pembangunan Tanah Kosong (MasPlan) LADA bagi tahun 2016 hingga 2030 bertujuan menarik pelabur swasta melaksanakan projek pembangunan di atas tanah LADA ke arah menjadikan Langkawi destinasi pelancongan dunia.

- Anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) bagi projek pelaburan di bawah LADA dan syarikat swasta berjumlah RM694.53 juta bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022.
- Jumlah kutipan hasil melalui aktiviti pembangunan hartanah adalah RM197.91 juta bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022.

Rumusan

Secara keseluruhannya, pengurusan pembangunan hartanah LADA masih belum mencapai prestasi yang memuaskan kerana sebilangan projek pembangunan dan pelaburan swasta tidak dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan, pulangan hasil tidak mencapai sasaran keberhasilan serta kelemahan dalam pengurusan pajakan tanah yang menyebabkan kegagalan kutipan hasil dan mendedahkan kepada risiko kehilangan tanah.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
1.	Setakat 31 Disember 2022, hanya 11 (55%) daripada 20 projek pembangunan siap manakala bagi projek pelaburan swasta hanya tiga (20%) yang siap berbanding 15 projek.	Pelancong dan penduduk tempatan lambat mendapat manfaat.	Melaksanakan pemantauan yang rapi dengan mengadakan libat urus yang menyeluruh dengan Kerajaan Negeri, kontraktor dan pihak yang berkaitan agar projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.
2.	Projek Meroboh Dan Membina Semula Bangunan Auditorium Kota Mahsuri gagal disiapkan oleh kontraktor asal bernilai RM6.97 juta. Baki kerja projek berjaya disiapkan oleh kontraktor penyelamat dengan kos RM6.96 juta.	• **Tuntutan Perakuan Kos Penamatan kepada kontraktor asal berjumlah RM2.84 juta** oleh JKR yang sehingga ke tarikh pengauditan masih belum dibayar oleh kontraktor asal. • Risiko tuntutan ganti rugi oleh kontraktor kepada JKR.	
3.	Dianggarkan sejumlah RM3.19 juta hasil pajakan tanah bagi projek pembinaan Hotel St. Regis Langkawi masih belum dibayar kepada LADA sehingga 31 Disember 2022.	Risiko **kehilangan hasil dengan anggaran berjumlah RM11.49 juta** serta kehilangan tanah pajakan.	Pengurusan perjanjian pajakan tanah diteliti semula dan dilaksanakan dengan teratur bagi menjamin kepentingan Kerajaan bagi mengelakkan risiko

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
4.	Tiada balasan yang diterima LADA dari segi pegangan saham atau hasil pajakan tanah berjumlah RM8.30 juta dalam Projek Perkampungan Tok Senik Resort.		kehilangan hasil dan hartanah.
5.	Jeti Pelancongan Chenang tidak beroperasi dan berfungsi sebagaimana ditetapkan dalam syarat geran tanah, tidak disenggara serta melanggar terma perjanjian M&O antara LADA dan syarikat.	Aset dan hartanah LADA mengalami kerosakan dan tidak dapat memberi pulangan atas aset yang maksimum.	• Tatakelola pengurusan hartanah pelaburan perlu ditambah baik bagi memastikan hartanah diuruskan secara cekap serta memberi pulangan sewajarnya. • Memastikan syarat dan klausa perjanjian M&O yang ditandatangani dikuatkuasa dan dipantau rapi.
6.	Tiada pemantauan dan penyenggaraan dilaksanakan oleh pengendali dilantik sejak Restoran 1Malaysia berhenti beroperasi pada tahun 2018 walaupun perjanjian M&O masih berkuatkuasa.		

KEMENTERIAN KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
1. PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

FAKTA UTAMA

RM1.231 Bilion	**2,221.13 Ekar**	**RM197.91 Juta**
• Nilai kos tanah dan bangunan milik LADA sehingga 31 Disember 2022.	• Jumlah keluasan 624 lot tanah pegangan selama-lamanya dan pajakan milik LADA.	• Kutipan hasil yang telah diperolehi bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022.


Kementerian Kewangan	Perancang, penyelaras dan pemantau urusan berkaitan tadbir urus LADA, peruntukan dan perbelanjaan.
Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)	Diperbadankan pada 15 Mac 1990 dan bertanggungjawab sebagai agensi peneraju untuk membangunkan Pulau Langkawi serta memajukannya sebagai destinasi pelancongan antarabangsa.
Tiga Fungsi LADA	• Pembangunan Sosioekonomi • Infrastruktur • Pelancongan
Objektif	Menjadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia yang memberi manfaat kepada masyarakat, negeri dan negara.

1. LATAR BELAKANG

1.1. Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) ditubuhkan pada 15 Mac 1990 sebagai sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423). LADA merupakan agensi di bawah Kementerian Kewangan (MOF) yang berperanan membangun dan memajukan Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan utama bertaraf dunia. LADA telah melaksanakan pelbagai projek pembangunan hartanah seperti produk dan kemudahan pelancongan, infrastruktur awam dan pelancongan di Langkawi.

1.2. Selaras dengan Seksyen 4, Akta LADA 1990, LADA bertanggungjawab menjalankan fungsi dan menyelaras pelaksanaan ketiga-tiga aktiviti dalam Kawasan LADA seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
FUNGSI DAN PERANAN LADA



Sumber: Akta LADA 1990

1.3. Pembangunan hartanah dilaksana berpandukan kepada dasar dan polisi yang dikeluarkan oleh MOF, Kementerian Ekonomi, Kerajaan Negeri Kedah, pihak berkuasa tempatan dan pejabat tanah. Dasar Strategik Pajakan dan Pengurusan Aset (DSPPA 2015) adalah dasar LADA berhubung aktiviti perolehan dan pengurusan guna tanah, pembangunan hartanah, pelaburan swasta dan pengurusan aset tak alih. LADA juga telah menyediakan Pelan Induk Pembangunan Tanah LADA (MasPlan) yang merupakan komitmen dan hala tuju LADA untuk membangunkan tanah kosongnya di daerah Langkawi bagi tahun 2016 hingga 2030.

1.4. Tiga jenis projek pembangunan yang dilaksanakan di atas tanah milik LADA adalah seperti dalam **Rajah 2.**

RAJAH 2
JENIS PROJEK PEMBANGUNAN DI ATAS TANAH LADA

1. Projek Pembangunan LADA	2. Projek Pelaburan Swasta	3. Projek Ekonomi (Sewaan)
• Dilaksanakan melalui kelulusan peruntukan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMK) melibatkan tanah milik LADA, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan Kerajaan Negeri. • Projek pembangunan yang telah siap diuruskan melalui kaedah pengurusan langsung oleh LADA atau pengurusan dan operasi (M&O) oleh pengendali.	• Projek pembangunan yang dicadangkan oleh pihak swasta untuk dibangunkan di atas tanah kosong LADA. • Pelaksanaan projek adalah melalui kaedah pajakan berdasarkan kriteria, tempoh dan terma perjanjian yang telah ditetapkan.	• Projek ekonomi berskala kecil dan tidak melibatkan kos pembangunan yang besar. Kriteria projek adalah sementara dan tempoh tidak melebihi tiga tahun bagi setiap perjanjian serta boleh diperbaharui. • Projek ekonomi berskala kecil diuruskan melalui kaedah sewaan tanah (ekonomi) kepada pihak swasta mengikut perjanjian yang dipersetujui.

Sumber: DSPPA 2015

1.5. Mulai tahun 2022, LADA telah menambahbaik kaedah pengurusan hartanah dalam Dasar Strategik Pelaburan dan Pengurusan Aset (DSPPA 2022) melalui enam model pengurusan iaitu pajakan, M&O, sewaan tanah, perkongsian secara usahasama, kerjasama pintar secara usahasama dan jualan hartanah.

1.6. Sehingga 31 Disember 2022, seluas 1,408.62 (63.4%) daripada 2,221.13 ekar tanah milik LADA diuruskan melalui empat kaedah utama iaitu secara kaedah pajakan, pengurusan secara langsung oleh LADA, *M&O* dan secara sewaan tanah jangka pendek. Seluas 761.08 ekar (34.3%) tanah pula berstatus kosong merangkumi tanah berpotensi dan tidak berpotensi untuk dibangunkan. Status tanah LADA mengikut keluasan dan mukim adalah seperti dalam **Jadual 1.**

JADUAL 1
STATUS PENGURUSAN TANAH LADA SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	STATUS	KELUASAN MENGIKUT MUKIM (Ekar)						JUMLAH	
		KUAH	PADANG MAT SIRAT	KEDAWANG	AYER HANGAT	BOHOR	ULU MELAKA	KELUASAN (Ekar)	%
1.	Pajakan	90.75	575.56	15.10	20.22	-	100.13	801.76	36.1
2.	Pengurusan	210.31	68.47	9.10	38.43	-	-	326.31	14.7
3.	M&O	23.47	141.64	52.25	4.93	-	4.56	226.85	10.2
4.	Sewaan (Ekonomi)	28.18	1.85	7.04	14.23	2.40	-	53.70	2.4
5.	Kosong	203.70	179.50	193.15	106.17	7.73	70.83	761.08	34.3
6.	Dalam proses pemilikan	6.69	3.61	14.51	-	-	-	24.81	1.1
7.	Lain - lain	-	-	26.62	-	-	-	26.62	1.2
JUMLAH KESELURUHAN		**563.10**	**970.63**	**317.77**	**183.98**	**10.13**	**175.52**	**2,221.13**	**100.0**

Sumber: Rekod Tanah Milik LADA
Nota: Jumlah Keluasan 2,221.13 Ekar Melibatkan 624 Lot Tanah LADA. Ini Tidak Termasuk Satu Lot Tanah LADA Berkeluasan 0.04 Ekar di Mukim Sg. Buloh, Selangor

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti pembangunan hartanah LADA dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu meningkatkan pelaburan berimpak tinggi dan melaksanakan aktiviti pembangunan ke arah menjadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dunia.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Dua bidang utama Audit dan agensi yang terlibat adalah seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3
BIDANG UTAMA AUDIT, AGENSI TERLIBAT DAN TEMPOH PENGAUDITAN

BIDANG UTAMA AUDIT	• Prestasi pembangunan dinilai berdasarkan pencapaian output dan pencapaian keberhasilan meliputi projek pembangunan LADA di bawah RMKe-11 dan RMKe-12, projek pelaburan swasta dan aktiviti hartanah pelaburan. • Prestasi pengurusan aktiviti pembangunan hartanah meliputi peruntukan dan perbelanjaan kewangan, pelaksanaan projek pembangunan LADA, perjanjian pajakan tanah, pengurusan hartanah pelaburan, pertukaran dan pindah milik hartanah.
AGENSI TERLIBAT	• LADA, MOF dan Jabatan Kerja Raya Langkawi (JKR Langkawi). • Agensi lain adalah Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP), Pejabat Tanah dan Galian, Kedah (PTG Kedah) dan Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi (PT Langkawi).
TEMPOH PENGAUDITAN	• Analisis data dan semakan dokumen adalah untuk tempoh lima tahun mulai tahun 2018 hingga 2022 serta rekod-rekod bagi tempoh tahun terdahulu dalam keadaan tertentu.

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Sebanyak tujuh daripada 20 projek pembangunan di bawah BPL, RMKe-11 dan RMKe-12 dengan nilai kos siling projek berjumlah RM286.13 juta (70.1%) dan lapan daripada 15 projek pelaburan swasta dengan nilai kontrak berjumlah RM260.14 juta (91.3%) telah diambil sebagai sampel. Selain itu, sampel Audit juga meliputi lapan bangunan dan 14 lot tanah milik LADA dengan nilai kos berjumlah RM276.34 juta (22.4%) daripada keseluruhan hartanah LADA bernilai RM1.231 bilion sehingga 31 Disember 2022.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan. Pemeriksaan fizikal dan temu bual bersama pegawai yang bertanggungjawab turut dijalankan. Borang soal selidik mengenai kepuasan pelanggan juga telah diedarkan secara fizikal dan dalam talian untuk mendapat maklum balas daripada semua pihak terhadap projek pembangunan yang telah dilaksanakan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Januari hingga Mei 2023. Perkara yang ditemui dan maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 31 Julai 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Projek Pembangunan Fizikal

5.1.1. Pencapaian Output

Prestasi output pembangunan hartanah meliputi pencapaian projek pembangunan LADA, projek pelaburan swasta dan aktiviti hartanah pelaburan.

5.1.1.1. Pencapaian Projek Pembangunan LADA


a. Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016 hingga 2020, Prospek Ekonomi, Teras Strategik dan Penyediaan Projek Pembangunan daripada Unit Perancang Ekonomi (UPE), JPM menyatakan pendekatan berasaskan keberhasilan akan terus diguna pakai dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan RMKe-11. Projek yang dirancang dan dilaksanakan mestilah projek pembangunan yang berimpak tinggi, kos yang rendah dan dapat dilaksanakan dengan cepat.

b. Berdasarkan Pelan Strategik LADA tahun 2016 dan 2020, Bidang Keberhasilan Utama bagi pengurusan projek yang ditetapkan adalah projek yang dilaksanakan mestilah mengikut tempoh yang ditetapkan, kos yang dipersetujui

dan memenuhi keperluan pelanggan. LADA menetapkan 90% daripada projek pembangunan yang dilaksanakan mestilah siap mengikut jadual semasa.

c. Sebanyak 20 projek pembangunan baru dan sambungan telah diluluskan di bawah RMKe-11 dan RMKe-12 termasuk satu projek sambungan Blueprint Pelancongan Langkawi (BPL) yang diluluskan oleh EPU dan dilaksanakan di bawah RMKe-10. Status pelaksanaan bagi 20 projek tersebut sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
STATUS PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN LADA SEHINGGA 31 DISEMBER 2022



Sumber: Laporan Prestasi Projek Pembangunan Disember 2022

d. Analisis Audit terhadap pelaksanaan 20 projek pembangunan LADA mengikut BPL, RMKe-11 dan RMKe-12 sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2.**

JADUAL 2
STATUS PELAKSANAAN 20 PROJEK PEMBANGUNAN LADA MENGIKUT MENGIKUT BPL, RMKE-11 DAN RMKE-12 SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	PERUNTUKAN RMK	PROJEK BARU/ SAMBUNGAN	BIL. PROJEK LULUS	STATUS PELAKSANAAN PROJEK					BATAL
				SIAP		DALAM PELAKSANAAN		BELUM MULA	
				TANPA EOT	DENGAN EOT	IKUT JADUAL	LEWAT JADUAL		
1.	BPL (RMKe-11)	Sambungan (BPL RMKe-10)	1	-	1	-	-	-	-
2.	RMKe-11	Baru	5	2	2	-	-	-	1
		Sambungan (RMKe-10)	3	1	1	-	-	-	1
3.	RMKe-12	Baru	3	-	-	1	1	1	-
		Sambungan (RMKe-10 dan RMKe-11)	8	2	2	1	3	-	-
JUMLAH KESELURUHAN			**20**	**5**	**6**	**2**	**4**	**1**	**2**
				11		**6**			

Sumber: Laporan Prestasi Projek Pembangunan Disember 2022
Nota: EOT Merujuk Kepada Perlanjutan Masa

e. Berdasarkan **Jadual 2**, semakan Audit selanjutnya mendapati enam projek siap dengan EOT telah diberikan **tempoh lanjutan masa antara 72 hingga 977 hari manakala empat projek dalam pelaksanaan lewat jadual antara 1.8% hingga 9%.** Dua projek RMKe-11 pula dibatalkan kerana projek tidak berimpak tinggi dan kegagalan syarikat mengemukakan dokumen lengkap. Maklumat lanjut bagi status 20 projek pembangunan LADA yang dilaksanakan oleh agensi teknikal utama mengikut pemilikan tanah seperti dalam **Jadual 3.**

JADUAL 3
STATUS TERPERINCI PROJEK PEMBANGUNAN MENGIKUT AGENSI PEMILIKAN TANAH SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	NAMA PROJEK	KOS SILING (RM Juta)	PEMILIK TANAH	AGENSI PELAKSANA DAN TEMPOH KONTRAK	TARIKH SIAP		BIL. EOT DAN JUMLAH HARI	STATUS PROJEK
					ASAL	SEMASA/ SEBENAR		
PROJEK BPL DILAKSANAKAN DI BAWAH RMKe-11								
1.	Pusat Discovery Geopark	16.00	LADA	JKR (13.06.2016 hingga 12.06.2018)	12.06.2018	31.07.2019	4 (401 Hari)	Siap
RMKe-11 (Baru)								
2.	Naik Taraf Sistem Perparitan di Bandar Kuah, Langkawi	4.00	Persekutuan/ Negeri (JPS)	JPS (09.05.2017 hingga 08.05.2018)	08.05.2018	05.12.2018	1 (93 Hari)	Siap
3.	ID Signage Langkawi UNESCO Global Geopark dan Papan Tanda Tunjuk Arah Destinasi Produk Pelancongan Langkawi	1.10	Persekutuan/ Negeri (Rezab Jalan)	LADA (16.10.2017 hingga 04.03.2018)	04.03.2018	15.05.2018	2 (72 Hari)	Siap
4.	Pembinaan Tembok Penahan di River Bay Sungai Kilim, Langkawi	0.62	Persekutuan/ Negeri (Rezab Sungai)	JKR (15.07.2019 hingga 11.11.2019)	11.11.2019	08.10.2019	-	Siap
5.	Meroboh dan Membuang Sisa Binaan Jeti Pulau Anak Tikus dan Gua Langsir	0.50	Persekutuan/ Negeri (Rezab Hutan)	LADA (11.03.2020 hingga 24.08.2020)	24.08.2020	10.05.2020	-	Siap
6.	Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan (Jalan LIMA Ft168) Bulatan Airport-PULAPOL dan Kerja-kerja Berkaitan di Padang Mat Sirat, Langkawi	50.00	-	-	-	-	-	Batal

BIL.	NAMA PROJEK	KOS SILING (RM Juta)	PEMILIK TANAH	AGENSI PELAKSANA DAN TEMPOH KONTRAK	TARIKH SIAP		BIL. EOT DAN JUMLAH HARI	STATUS PROJEK
					ASAL	SEMASA/ SEBENAR		
RMKe-11 (Sambungan)								
7.	Pembesaran Dermaga Jeti Tanjung Lembung bagi Pukal Kering	29.03	LADA	JKR (01.03.2016 hingga 24.04.2017)	24.04.2017	23.08.2017	2 (121 Hari)	Siap
8.	Naik Taraf Trek Balapan dan Fasiliti Kompleks Sukan LADA	9.36	LADA	JKR (11.01.2016 hingga 09.01.2017)	09.01.2017	09.01.2017	-	Siap
9.	Penyediaan Infrastruktur di Langkawi *International Fisheries Terminal* (LIFT)	25.00	-	-	-	-	-	Batal
RMKe-12 (Baru)								
10.	Kerja Menaik Taraf Dewan MIEC	45.00	LADA	LADA (14.04.2022 hingga 13.04.2023)	13.04.2023	13.04.2023	-	Ikut Jadual (+4.0%)
11.	Membina dan Menyiapkan Baru Jeti dan Lain-Lain Kerja yang Berkaitan di Gua Langsir, Kilim Karst Geoforest Park, Mukim Ayer Hangat, Langkawi	5.00	Persekutuan/ Negeri (Rezab Hutan)	JKR (03.11.2021 hingga 02.05.2023)	02.05.2023	02.05.2023	-	Lewat Jadual (-1.8%)
12.	Meroboh dan Membina Baru Pelantar Tasik Dayang Bunting dan Lain-lain Berkaitan di dalam Tasik Dayang Bunting, Langkawi	4.00	Persekutuan/ Negeri (Rezab Hutan - Permit Hutan kepada LADA)	JKR 08.02.2023 hingga 06.08.2024	06.08.2024	06.08.2024	-	Belum Mula
RMKe-12 (Sambungan)								
13.	Pembinaan Jalan dari Kuala Temoyong ke Teluk Baru dan Pantai Tengah, Langkawi, Kedah (RMKe-10)	177.73	Persekutuan/ Negeri	JKR (24.01.2018 hingga 23.01.2020)	23.01.2020	25.09.2022	6 (977 Hari)	Siap
14.	Menyiapkan Baki Kerja Tertinggal bagi Meroboh dan Membina Semula Bangunan Auditorium di Atas Sebahagian Lot 60016 (Asal Lot 2359 & 2360) Mukim Ulu Melaka, Langkawi	7.00	LADA	JKR (10.06.2020 hingga 07.12.2021)	07.12.2021	31.05.2022	3 (175 Hari)	Siap

BIL.	NAMA PROJEK	KOS SILING (RM Juta)	PEMILIK TANAH	AGENSI PELAKSANA DAN TEMPOH KONTRAK	TARIKH SIAP		BIL. EOT DAN JUMLAH HARI	STATUS PROJEK
					ASAL	SEMASA/ SEBENAR		
15.	Penggantian Pontoon dan Kerja Berkaitan Di Jeti Teluk Bujur, Pulau Tuba, Langkawi	6.21	LADA	JKR (01.02.2021 hingga 29.01.2023)	29.01.2023	21.08.2022	-	Siap
16.	Menaik Taraf Tandas dan Menggantikan Sistem Pembentungan di Tasik Dayang Bunting, Langkawi	1.00	Persekutuan/ Negeri (Rezab Hutan - Permit Hutan kepada LADA)	LADA (07.02.2022 hingga 21.03.2022)	21.03.2022	21.03.2022	-	Siap
17.	Membaik Pulih dan Menaik Taraf Jeti Pelancongan Kuah	8.00	LADA	LADA (08.06.2022 hingga 07.06.2023)	07.06.2023	07.06.2023	-	Ikut Jadual (+3.0%)
18.	Membina Baharu Jambatan Sungai Perangin, Oriental Village, Langkawi	8.27	Persekutuan/ Negeri (Rezab Jalan)	JKR (30.10.2020 hingga 28.04.2022)	28.04.2022	20.06.2023	3 (406 Hari)	Lewat Jadual (-5.0%)
19.	Meroboh dan Membina Semula Kemudahan Jeti Pendaratan Pelancong di Gua Cherita, Langkawi	5.50	Persekutuan/ Negeri (Rezab Hutan)	JKR (19.11.2020 hingga 18.05.2022)	18.05.2022	09.03.2023	4 (295 Hari)	Lewat Jadual (-3.0%)
20.	Meroboh dan Membina Semula Kemudahan Jeti Pendaratan Pelancong di Teluk Mempelam, Pulau Langgun, Langkawi	4.90	Persekutuan/ Negeri (Rezab Hutan)	JKR (19.11.2020 hingga 04.05.2020)	04.05.2020	17.02.2023	4 (270 Hari)	Lewat Jadual (-9.0%)

Sumber: Laporan Prestasi Projek Pembangunan Disember 2022 dan Sistem Kawal dan Lapor (SKALA)

f. Analisis Audit seterusnya terhadap 11 projek pembangunan siap mendapati **dua projek siap yang diberikan EOT telah dikenakan jumlah ganti rugi tertentu dan ditetapkan (LAD)** berjumlah RM117,298. Butiran projek pembangunan yang telah dikenakan LAD seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
DUA PROJEK SIAP DIKENAKAN GANTI RUGI TERTENTU DAN DITETAPKAN

BIL.	NAMA PROJEK	SYARIKAT	TARIKH AKHIR KELULUSAN EOT	TARIKH SIAP SEBENAR	BILANGAN HARI LEWAT	KADAR SEHARI (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Naik Taraf Sistem Perparitan di Bandar Kuah, Langkawi (Projek Baru, RMKe-11)	834200-U	09.08.2018	05.12.2018	118	675	79,650
2.	Pusat Geopark Discovery (Projek BPL di bawah RMKe-11)	304327-D dan 515652-W	18.07.2019	31.07.2019	13	2,896	37,648
	JUMLAH				**131**	**3,571**	**117,298**

Sumber: Dokumen JKR

Maklum balas LADA yang diterima pada 17 Julai 2023

Empat daripada enam projek berstatus dalam pelaksanaan yang lewat jadual dan diberikan EOT adalah disebabkan oleh Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP), masalah kontraktor di tapak serta kelewatan menerima bekalan bahan binaan. Sehingga 30 Jun 2023, tiga projek pembangunan berkenaan telah berjaya disiapkan manakala tiga projek dengan dua daripada projek tersebut mengikut jadual.

Projek Meroboh Dan Membina Semula Kemudahan Jeti Pendaratan Pelancongan di Gua Cherita, Langkawi yang sepatutnya siap telah mengalami kelewatan 6% mengikut jadual. Projek tersebut telah dikeluarkan Notis Perakuan Kerja Tidak Siap dan dikenakan LAD dengan kemajuan kerja adalah 94% sehingga Jun 2023. Projek baru RMKe-12 yang belum mula iaitu Meroboh dan Membina Baru Pelantar Tasik Dayang Bunting dan Lain-lain Berkaitan di dalam Tasik Dayang Bunting telah dimulakan pada 8 Februari 2023 dan dijangka siap berdasarkan kontrak pada 6 Ogos 2024. Nilai kontrak kerja berjumlah RM2.67 juta dan status projek adalah mengikut jadual.

Pendapat Audit

Pencapaian projek pembangunan LADA bagi tempoh RMKe-11 dan RMKe-12 adalah memuaskan. Sebanyak 11 daripada 20 projek telah disiapkan dengan dua projek telah dikenakan LAD atas kelewatan penyiapan.

5.1.1.2. Pencapaian Projek Pelaburan Swasta

Projek pelaburan swasta merupakan model pelaburan melalui pembiayaan syarikat swasta bagi memastikan tanah milik LADA dibangunkan dengan projek yang memacu aktiviti pelancongan yang memberi kesan positif kepada ekonomi dan penduduk Langkawi.


a. **Projek Pelaburan Swasta**

i. Berdasarkan DSPPA 2015, pelaksanaan projek mestilah bermula dalam tempoh setahun selepas perjanjian ditandatangani atau mengikut tempoh dan syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian. Projek pelaburan yang dilaksanakan perlu mengikut kelulusan pelan pembangunan dan jadual yang ditetapkan. Selain itu, Pelan Strategik LADA tahun 2016 dan 2020 juga telah menyasarkan memorandum perjanjian dengan tiga syarikat bagi setiap tempoh pelan strategik.

ii. Semakan Audit terhadap daftar projek pelaburan swasta mendapati sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 15 projek telah dimeterai perjanjian dengan pihak swasta melibatkan keluasan 450.31 ekar tanah. **Lima daripada 15 perjanjian pelaburan tersebut** telah ditandatangani antara tempoh 2016 hingga 2022.

iii. Status pelaksanaan projek pelaburan swasta yang melibatkan 13 projek secara model pajakan tanah, satu projek secara model usahasama dan satu projek menggunakan model konsesi sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
STATUS PELAKSANAAN BAGI 15 PROJEK PELABURAN SWASTA SEHINGGA 31 DISEMBER 2022



Sumber: LADA

iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati **satu projek siap belum dimeterai perjanjian pajakan tanah dan empat projek dalam pelaksanaan telah mengalami kelewatan jadual antara 2% hingga 54.3%.** Terdapat **enam projek dibatalkan** setelah ditamatkan perjanjian pajakan tanah. Prestasi pelaksanaan bagi 15 projek pelaburan swasta seperti dalam **Jadual 5.**

JADUAL 5
PRESTASI PROJEK PELABURAN SWASTA KE ATAS TANAH MILIK LADA
SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	NAMA PROJEK	NO. SYARIKAT PELABUR	MODEL PELABURAN DAN NILAI PAJAKAN (RM Juta)	MUKIM (Ekar)	JENIS PEMBANGUNAN	TEMPOH PAJAKAN	PRESTASI PROJEK		
							JADUAL (%)	SEBENAR (%)	STATUS
1.	Pembinaan Hotel St. Regis Langkawi	989392-K	Pajakan 65.34 (Plot 1)	Bandar Kuah **(47.23)**	Perhotelan	**99 Tahun** (Tiada perjanjian)	100	100	Siap (Januari 2016)
2.	Naam Water Sport	1002024-W	Pajakan 1.00	Padang Mat Sirat **(2.40)**	Produk Pelancongan	11.02.2015 hingga 10.02.2045 **(30 tahun)**	100	100	Siap (Disember 2017)
3.	Royal Langkawi Yatch Club	9187-A	Pajakan 0.09	Kuah **(2.23)**	Infrastruktur	10.08.1998 hingga 09.08.2088 **(90 tahun)**	100	100	Siap (Mac 2016)
4.	Jeti Menunggu ke Pulau Rebak	183757-T	Pajakan 0.18	Padang Mat Sirat **(0.67)**	Infrastruktur	15.03.2016 hingga 14.03.2046 **(30 Tahun)**	60.0	60.0	Ikut Jadual
5.	Eco Resort dan Eco Adventure Park	1226778-X	Usahasama 3.60	Padang Mat Sirat **(14.94)**	Produk Pelancongan	01.11.2021 hingga 31.10.2051 **(30 Tahun)**	30.0	30.0	Ikut Jadual
6.	The Burau	961037-T	Pajakan 34.71	Padang Mat Sirat **(36.70)**	Perhotelan dan Resort	01.01.2013 hingga 31.12.2093 **(81 Tahun)**	30.0	0.0	Lewat Jadual (-30.0%)
7.	Perdana Quay	14116-K	Pajakan 90.43	Padang Mat Sirat **(144.33)**	Infrastruktur, Kompleks Perniagaan, Perhotelan, Residensi dan Produk pelancongan	09.12.2012 hingga 08.12.2064 **(52 Tahun)**	100	45.7	Lewat Jadual (-54.3%)
8.	Langkawi City	608921-V	Pajakan 9.93	Kuah **(28.50)**	Kompleks Perniagaan, Residensi dan Produk Pelancongan	16.06.2013 hingga 15.06.2103 **(90 tahun)**	48.5	44.0	Lewat Jadual (-4.5%)
9.	Langkawi Premium Outlet	387031-V	Konsesi 28.68	Padang Mat Sirat **(40.98)**	Kompleks Perniagaan	01.05.2021 hingga 30.04.2051 **(30 tahun)**	17.0	15.0	Lewat Jadual (-2.0%)
10.	Muzium Coklat	181121-T	Pajakan 0.64	Padang Mat Sirat **(0.59)**	Produk Pelancongan	27.03.2017 hingga 26.03.2077 **(60 Tahun)**	Projek Dibatalkan		
11.	Geopark City	1072940-A	Pajakan 30.49	Padang Mat Sirat **(70.00)**	Residensi dan Kompleks Perniagaan	01.09.2014 hingga 31.08.2104 **(90 tahun)**	Projek Dibatalkan		
12.	Medical Village	1072940-A	Pajakan 10.89	Ulu Melaka **(50.00)**	Residensi dan Kemudahan Perubatan	01.09.2014 hingga 31.08.2104 **(90 tahun)**	Projek Dibatalkan		
13.	Aviation Helikopter	235827-W	Pajakan 2.35	Padang Mat Sirat **(3.00)**	Produk Pelancongan	12.04.2017 hingga 11.04.2047 **(30 Tahun)**	Projek Dibatalkan		
14.	Seratosa Eco Marine park	1046844-H	Pajakan 0.97	Padang Mat Sirat **(2.41)**	Produk Pelancongan	14.01.2015 hingga 13.01.2045 **(30 tahun)**	Projek Dibatalkan		
15.	Cenang Leisure Park	174004-P	Pajakan 5.78	Padang Mat Sirat **(6.33)**	Infrastruktur, Residensi dan Perhotelan	12.07.2011 hingga 12.01.2109 **(97 tahun 6 Bulan)**	Projek Dibatalkan		
	JUMLAH		**285.08**	**450.31**					

Sumber: LADA

v. Semakan Audit terhadap dua sampel projek siap iaitu Projek Hotel St. Regis Langkawi (SRL) dan Naam Water Sport mendapati seperti dalam **Rajah 4**.

RAJAH 4
PROJEK PELABURAN SWASTA YANG SIAP
HOTEL ST. REGIS LANGKAWI DAN PROJEK NAAM WATER SPORT

1. HOTEL ST REGIS LANGKAWI *GDC: RM271.89 Juta Siap: Januari 2016	• Projek perlu disiapkan dalam tempoh 15 bulan mulai Disember 2013 hingga Februari 2015. • Fasa satu telah siap pada 31 Mac 2015 dan sepenuhnya pada Januari 2016. Hotel SRL mula dibuka pada pelancong mulai 29 Mei 2016.
2. NAAM WATER SPORT *GDC: RM5.25 Juta Siap: Disember 2017	• Tarikh siap asal projek adalah pada Ogos 2016 dan kelewatan selama 15 bulan dari tarikh asal siap. • Kelulusan KM dan pelan pembangunan diperolehi selepas projek siap serta projek belum memperolehi CCC sehingga 31 Disember 2022.

Sumber: Kontrak Projek dan Laporan Pemantauan Projek Pelaburan Swasta
Nota: (*) GDC = Anggaran Kos Pembangunan Kasar

vi. Semakan Audit selanjutnya bagi dua projek dalam pelaksanaan iaitu Perdana Quay dan The Burau mendapati **kedua-dua projek mengalami kelewatan** seperti berikut:

- Projek Perdana Quay dan Projek The Burau telah diluluskan Jemaah Pengarah (JP) LADA pada tahun 2010 melibatkan pajakan tanah berkeluasan 181.03 ekar. Anggaran Nilai Pembangunan Kasar (GDV) asal bagi kedua-dua projek ini pada tahun 2011 adalah berjumlah RM833 juta. Cadangan pelaksanaan projek ini adalah selama 10 tahun dan butiran perjanjian adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PERJANJIAN PAJAKAN TANAH DENGAN PIHAK SWASTA

BUTIRAN	TARIKH PERJANJIAN	NO. SYARIKAT	LOT TANAH PAJAKAN	KELUASAN TANAH PAJAKAN (Ekar)	TEMPOH PAJAKAN	NILAI PAJAKAN (RM Juta)
PROJEK THE BURAU	28.03.2012	961037-T	PT 1718	36.70	01.01.2013 hingga 31.12.2093 (81 Tahun)	34.71
PROJEK PERDANA QUAY	09.12.2012	14116-K	PT 21 hingga PT 23, PT 25, PT 29, PT 32, PT 34, PT 36, Lot 43, Seksyen 2/PT 24	105.42	09.12.2012 hingga 08.12.2064 (52 tahun)	65.00
	Tambahan: 25.01.2014		PT 26 dan PT 30	1.36	09.12.2012 hingga 08.12.2064 (52 Tahun)	0.89
	Tambahan: 25.01.2014		Sebahagian PT 36	37.55	09.12.2012 hingga 08.12.2064 (52 Tahun)	24.54
JUMLAH				**181.03**		**125.14**

Sumber: Dokumen Kontrak, Proposal Projek dan Data Tanah LADA

- Laporan pemantauan projek pada 19 Jun 2017 menunjukkan pelaksanaan komponen projek mengalami kelewatan dan kerja-kerja pembinaan komponen *Marina Residential dan Retail Village* yang dijadualkan siap pada 2020 masih belum dilaksanakan. Sehingga 31 Disember 2022, **prestasi pelaksanaan projek Perdana Quay adalah 45.7% manakala The Burau masih belum mencapai sebarang kemajuan** sehingga 31 Disember 2022.

- Perubahan pelan induk pembangunan kesan daripada permintaan pasaran hartanah, sekatan tanah, isu hak milik strata dan penangguhan/pembatalan projek selepas pandemik Covid-19 menjadi punca kelewatan siap mengikut jadual. Dijangka kedua-dua projek bakal disiapkan sepenuhnya antara tahun 2029 dan 2031.

vii. Semakan Audit selanjutnya terhadap tiga daripada enam projek dibatalkan mendapati seperti berikut:

- Projek Muzium Coklat dengan anggaran kos pelaburan bernilai RM30 juta telah ditamatkan perjanjian pajakan tanah disebabkan syarikat memperakui ketidakupayaan untuk meneruskan projek pembangunan akibat kekangan kewangan dan masalah teknikal menerusi surat bertarikh 2 Jun 2020, 14 Disember 2020 dan 27 September 2021.

- Dua projek iaitu projek Langkawi Geopark City dan Medical Village dengan anggaran GDV berjumlah RM2.08 bilion telah ditamatkan perjanjian pajakan tanah pada bulan Mei 2021. Kedua-dua projek ini diluluskan oleh JP LADA kepada syarikat yang sama pada tahun 2014 dengan tempoh pajakan tanah selama 90 tahun. Perjanjian ditamatkan kerana syarikat telah memungkiri syarat-syarat yang dimeterai antara kedua-dua pihak.

Maklum balas LADA yang diterima pada 17 Julai 2023

LADA telah mengambil tindakan pemantauan melalui mesyuarat, lawatan tapak dan perbincangan secara berkala dengan pihak syarikat bagi memastikan projek pelaburan swasta dilaksanakan mengikut jadual yang telah dirancang.

Sehingga bulan Jun 2023, Kebenaran Merancang (KM) bagi projek The Burau telah diluluskan pada April 2023 yang meliputi tiga fasa pembinaan. Projek bagi fasa pertama melibatkan pembinaan hotel lima bintang telah bermula pada April 2023 dan dijangka siap pada Ogos 2024. Status kemajuan Perdana Quay adalah 63% secara keseluruhan

dengan komponen yang telah beroperasi adalah Hotel The Danna, Skytrex dan Eco-Marine Park. Syarikat telah menyelesaikan bayaran pajakan dan diberi empat minggu untuk mengemukakan keseluruhan pelan pembangunan baharu mengambil kira keadaan ekonomi dan model pembangunan semasa. Mesyuarat turut membincangkan terma dalam *Restated Agreement* bagi projek Perdana Quay.


Projek Naam Water Sport belum memperolehi CCC kerana masalah aksesibiliti jeti pendaratan mengikut kelulusan KM dan isu pematuhan terhadap syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Penamatan perjanjian melibatkan projek Muzium Coklat, projek Langkawi Geopark City dan Medical Village dan LADA dalam fasa untuk penyelesaian melalui tindakan perundangan. Pemotongan 20% daripada keseluruhan bayaran pajakan tanah telah dibuat mengikut syarat-syarat perjanjian bagi penamatan perjanjian pajakan tanah dengan pihak syarikat.

b. Pencapaian Pembangunan Tanah Kosong bagi Pelaburan Swasta

i. Berdasarkan MasPlan dan Investment Guide yang dikeluarkan oleh LADA, sebanyak 19 cadangan konsep pembangunan melibatkan 674.77 ekar tanah kosong yang berpotensi dibangunkan oleh pelabur swasta untuk tahun 2016 hingga 2030. Antara konsep pembangunan tersebut adalah seperti Cenang II, Aero Industry Center dan Eco Park Island.

ii. Semakan Audit terhadap 19 konsep pembangunan mendapati status pelaksanaan konsep sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti dalam **Rajah 5.**

RAJAH 5
STATUS PELAKSANAAN KONSEP PEMBANGUNAN TANAH KOSONG SEHINGGA 31 DISEMBER 2022



Sumber: Data Tanah Kosong LADA, MasPlan dan *Investment Guide* LADA

iii. Semakan selanjutnya terhadap 15 konsep pembangunan berstatus dalam peringkat kemajuan yang melibatkan 577.25 ekar (93.2%) tanah mendapati peringkat tindakan yang sedang dilaksanakan sejak tahun 2017

melibatkan pembukaan tawaran kepada pelabur melalui *Request for Proposal* (RFP), masih di peringkat penilaian jawatankuasa, tawaran semula kepada pelabur lain dan penilaian lanjut terhadap aspek kewangan dan teknikal syarikat.

iv. Pihak Audit juga mendapati sejumlah tanah kosong yang tidak diperuntukkan dalam *Investment Guide* telah ditawarkan kepada syarikat yang berminat melaksanakan projek ekonomi berskala kecil. Sebanyak dua projek pembangunan ekonomi berskala kecil telah ditandatangani bagi tahun 2016 hingga 2022 iaitu Projek Eco-Resort Adventures (14.94 ekar) dan Projek Jeti ke Pulau Rebak (0.67 ekar).

Maklum balas LADA yang diterima pada 17 Julai 2023

LADA telah menganjurkan Program Langkawi *Investment Day* bagi menarik minat pelabur untuk melabur di atas tanah kosong. LADA juga telah mengiklankan tawaran membangunkan tanah LADA secara RFP di media massa. Sehingga 31 Mac 2023, sebanyak 60 cadangan pelaburan diterima bagi pelbagai projek pelaburan yang telah dibuka tawaran melalui *Investment Guide*. Bagaimanapun, sebahagian permohonan pelaburan tidak dapat memenuhi kriteria ditetapkan dan kekangan sumber pembiayaan projek yang menjadikan perancangan projek pelaburan tidak diteruskan.

Tanah yang tidak berpotensi untuk projek pelaburan yang bernilai tinggi adalah disebabkan oleh faktor seperti lokasi dan saiz tanah yang menyebabkan tanah tersebut tidak dimasukkan di dalam MasPlan/*Investment Guide*. LADA merancang supaya tanah ini disewakan bagi projek berskala kecil. LADA dalam perancangan untuk mengkaji dan melihat semula MasPlan sedia ada yang telah diluluskan. Tanah-tanah yang bersaiz kecil/kurang berpotensi akan dimasukkan bersekali di dalam pelan induk MasPlan berdasarkan kepada keperluan dan permintaan pasaran semasa.

Pendapat Audit

Pencapaian projek pelaburan swasta adalah kurang memuaskan kerana hanya tiga projek siap, manakala empat lewat jadual dan enam projek telah dibatalkan daripada 15 projek. Cadangan konsep pembangunan kepada pelabur swasta bagi tanah kosong pula hanya berjaya dimuktamadkan dengan pemeteraian perjanjian bagi satu daripada 19 konsep pembangunan.

5.1.1.3. Pencapaian Aktiviti Hartanah Pelaburan


Hartanah pelaburan ditakrifkan sebagai hartanah yang dipegang untuk memperolehi pendapatan. Jenis hartanah pelaburan yang dimiliki terdiri daripada bangunan, premis perniagaan dan lot taman perumahan. Hartanah ini diuruskan melalui dua kaedah utama iaitu pengurusan secara langsung oleh LADA dan kaedah Pengurusan dan Operasi (M&O) melalui pengendali yang dilantik.

a. Kaedah Pengurusan Langsung oleh LADA

i. Berdasarkan pelan strategik LADA tahun 2016 dan 2020, LADA mensasarkan 90% rumah yang dimiliki ditawarkan kepada penyewa. Pengurusan hartanah perumahan yang terdiri daripada 847 unit rumah sewa di lapan taman perumahan sehingga 31 Disember 2022 diuruskan secara langsung oleh LADA. Kadar sewaan rumah yang ditetapkan adalah antara RM70 hingga RM2,250 sebulan dan ditawarkan kepada kakitangan LADA dan orang awam. Secara purata, LADA memperolehi pendapatan sewa rumah antara RM1.32 juta hingga RM1.60 juta setahun bagi tahun 2018 hingga 2022.

ii. Sehingga 31 Disember 2022, **sebanyak 554 (65.4%) daripada 847 unit rumah telah disewa manakala selebihnya iaitu 293 unit masih kosong.** Maklumat bilangan unit rumah yang disewakan berbanding bilangan rumah yang dimiliki LADA pada tahun 2022 mengikut lapan taman perumahan seperti dalam **Rajah 6**.

RAJAH 6
PERBANDINGAN RUMAH YANG DISEWAKAN DENGAN JUMLAH RUMAH DIMILIKI LADA PADA TAHUN 2022



Sumber: Laporan Status Rumah Sewa LADA Bulan Disember 2022

iii. Analisis Audit mendapati prestasi sewaan perumahan Taman Pantai Kok mempunyai peratus **jumlah penyewa yang paling rendah iaitu tiga unit (7.3%)** daripada jumlah keseluruhan unit rumah yang ada. Ini adalah disebabkan hartanah tersebut terlibat dalam proses penyenggaraan selepas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) menyerah hak pengurusan perumahan kepada LADA pada 1 November 2021.

iv. Semakan Audit terhadap sampel perumahan di Taman Kenari mendapati **149 unit (49.7%)** telah disewakan dengan kadar sewaan antara RM130 hingga RM500 sebulan pada tahun 2022. Jumlah pendapatan sewaan yang diperolehi pada tahun 2022 adalah berjumlah RM577,027. Sebanyak 151 unit (50.3%) rumah masih kosong dengan 60 unit daripadanya telah sedia untuk disewakan dan 59 unit pula dalam tindakan pembaikan. Terdapat 32 unit lagi masih belum dibaiki yang menyebabkan unit tersebut tidak dapat memberi pulangan hasil kepada LADA.

Maklum balas LADA yang diterima pada 17 Julai 2023

LADA telah menerima rumah di Taman Pantai Kok daripada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia pada November 2021 dan telah menjalankan pembaikan bagi 41 unit rumah di taman tersebut. Pembaikan siap sepenuhnya pada Mei 2023 dan telah ditawarkan kepada penyewa. Sebanyak 150 unit di Taman Kenari telah dilaksanakan kerja-kerja pembaikan dengan keseluruhan peruntukan berjumlah RM2.65 juta dan siap sepenuhnya pada April 2023. Oleh sebab kerja pembaikan perlu dijalankan, rumah berkenaan tidak dapat disewakan. Sehingga Jun 2023, bilangan unit yang disewakan adalah berjumlah 582 unit (68.7%) daripada keseluruhan 847 unit rumah sewa.

b. Kaedah Pengurusan dan Operasi

i. M&O merupakan kaedah lain yang digunakan oleh LADA dalam menguruskan aset dan hartanah dengan pengurusannya dikendalikan oleh pihak ketiga atau pengendali dilantik bagi memastikan aset diuruskan secara optimum dan diselenggara secara berkala. Pengendali yang dilantik perlu mematuhi terma perjanjian dan perlu membayar yuran pengurusan kepada LADA dan/atau perkongsian keuntungan berdasarkan perjanjian yang dimeterai.

ii. Sebanyak 12 perjanjian/tawaran M&O telah dimeterai sama ada dengan anak syarikat LADA atau pihak swasta sebagai pengendali operasi. Antara hartanah pelaburan yang diuruskan secara M&O adalah Kompleks Pekan Rabu Langkawi, Dermaga Tanjung Lembung, Oriental Village dan Kereta

Kabel. Pengurusan secara M&O memberi pendapatan kepada LADA melalui kadar yuran pengurusan bulanan. Sasaran kutipan yuran pengurusan bulanan berdasarkan perjanjian yang ditandatangani seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
SASARAN HASIL YURAN PENGURUSAN BULANAN YANG DITERIMA SECARA M&O BAGI TEMPOH 2018 HINGGA 2022

BIL.	KADAR YURAN M&O (BULANAN)	BILANGAN PERJANJIAN/ TAWARAN M&O	SASARAN HASIL BULANAN (RM)	
			TAHUN 2018 HINGGA 2021	MULAI TAHUN 2022
1.	Tiada Yuran Pengurusan	1	-	-
2.	Antara RM1,000 hingga RM10,000	9	30,000	40,000
3.	Antara RM11,000 hingga RM30,000	1	20,000	30,000
4.	Antara RM31,000 hingga RM50,000	1	50,000	50,000
JUMLAH		**12**	**100,000**	**120,000**

Sumber: Daftar Bayaran Yuran Pengurusan

iii. Berdasarkan perjanjian/tawaran M&O, LADA menganggarkan kutipan hasil yuran pengurusan adalah antara RM100,000 dan RM120,000 sebulan dengan purata hasil berjumlah RM1.32 juta setahun. Bagaimanapun, semakan Audit mendapat hasil sebenar diperolehi melalui yuran pengurusan adalah antara RM850,000 hingga RM1.23 juta setahun dengan kutipan hasil berjumlah RM5.07 juta bagi tahun 2018 hingga 2022.

iv. Selain itu, LADA turut menerima perkongsian keuntungan dengan kadar 50% untuk pengurusan Oriental Village dan 55% untuk pengurusan kereta kabel daripada anak syarikat LADA. Perkongsian keuntungan ini diperolehi daripada jumlah keuntungan bersih selepas cukai**.** Semakan Audit mendapati LADA telah memperolehi hasil perkongsian keuntungan selepas cukai berjumlah RM57.61 juta bagi tempoh 2018 hingga 2022. Perkongsian keuntungan ini diterima dua kali setahun daripada anak syarikat LADA iaitu Syarikat 594195-D.

Maklum balas LADA yang diterima pada 17 Julai 2023

Penentuan kadar yuran M&O pengendali dan anak syarikat mengambilkira keupayaan pengoperasian dan beban kewangan bagi memastikan ekonomi dan sosial penduduk Langkawi. Terdapat pengecualian bayaran yuran pengurusan yang diluluskan oleh JP LADA berjumlah RM330,000 dan RM151,250 di bawah program pemulihan bagi meringankan beban komitmen semasa tempoh pandemik COVID-19. Perkongsian keuntungan yang rendah juga berpunca daripada pandemik COVID-19 yang memberi kesan kepada industri pelancongan negara pada tahun 2020 dan 2021.

Pendapat Audit

Pencapaian aktiviti pembangunan hartanah pelaburan melalui sewaan perumahan dan yuran pengurusan M&O adalah memuaskan berdasarkan pencapaian yang melebihi 60% daripada keseluruhan sasaran yang ditetapkan.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

a. Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012, Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian Keberhasilan menetapkan kementerian/jabatan/agensi membuat penilaian dan impak terhadap sesuatu program/projek pembangunan yang dilaksanakan. LADA juga merangka DSPPA dalam memenuhi fungsi LADA dalam mencapai hasrat dan tujuan pembangunan yang utama dan inklusif iaitu untuk meningkatkan keberhasilan *'capitalis economy'* dan yang mempunyai impak kepada masyarakat *'people's economy'*.

b. DSPPA tahun 2015 dan 2022 menetapkan bahawa sasaran keberhasilan bagi pengurusan pembangunan hartanah yang terdiri daripada aset komersial dan aset sosial LADA adalah seperti berikut:

   i. memaksimumkan pulangan atas pelaburan dan aset;

   ii. menjadi pemangkin kepada pembangunan pelancongan; dan

   iii. peningkatan taraf kehidupan dan sosioekonomi penduduk tempatan.

5.1.2.1. Memaksimumkan Pulangan atas Pelaburan dan Aset

a. Aktiviti pembangunan dan pelaburan hartanah yang strategik berupaya memaksimumkan pulangan hasil kepada LADA. Hasil yang diterima dalam bentuk pendapatan melalui aktiviti pembangunan hartanah terdiri daripada hasil pajakan tanah, sewaan tanah, yuran pengurusan dan perkongsian keuntungan daripada perjanjian M&O dan sewaan perumahan serta premis perniagaan yang dimiliki oleh LADA.

b. Analisis Audit terhadap kutipan hasil mendapati berlaku penurunan kutipan hasil daripada RM71.20 juta pada tahun 2018 kepada RM9.26 juta pada tahun 2022. Maklumat lanjut berhubung jumlah hasil diterima daripada pelbagai jenis pendapatan seperti dalam **Jadual 8.**

JADUAL 8
HASIL/PENDAPATAN ATAS AKTIVITI PEMBANGUNAN HARTANAH
BAGI TEMPOH 2018 HINGGA 2022

BIL.	HASIL/ PENDAPATAN	TAHUN					JUMLAH	
		2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)	RM Juta	%
1.	Pajakan Tanah	2.78	21.93	51.97	-	-	76.68	38.8
2.	Pampasan	40.74	-	-	-	-	40.74	20.6
3.	Perkongsian Keuntungan	23.71	13.21	16.69	-	4.00	57.61	29.1
4.	Sewaan Perumahan	1.60	1.32	1.55	1.52	1.51	7.50	3.8
5.	Yuran Pengurusan M&O	0.85	1.13	0.99	1.23	0.87	5.07	2.6
6.	Sewaan Lain-lain	1.01	2.71	0.57	0.48	0.87	5.64	2.8
7.	Kompleks Sukan	0.15	0.18	0.11	0.12	0.12	0.68	0.3
8.	Lain-lain Pendapatan	0.36	1.56	0.17	0.01	1.89	3.99	2.0
	JUMLAH	**71.20**	**42.04**	**72.05**	**3.36**	**9.26**	**197.91**	**100.0**

Sumber: Laporan Terperinci Hasil Tahun 2018 hingga 2022

c. Analisis audit mendapati kutipan hasil pajakan tanah berjumlah RM76.68 juta merupakan tunggakan hasil daripada perjanjian pajakan tanah bagi tahun 2012 dan 2014. Tiada hasil pajakan tanah baharu yang diterima kerana tiada perjanjian pajakan tanah yang dimeterai dengan pihak swasta bagi tahun 2018 hingga 2022 yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan. Semakan Audit selanjutnya mendapati daripada RM76.68 juta hasil pajakan, anggaran sejumlah RM41.50 juta dipulangkan semula kepada pelabur berdasarkan syarat perjanjian pajakan. Sebanyak 80% hasil pajakan tanah perlu dipulangkan semula kepada pelabur apabila berlaku penamatan perjanjian projek disebabkan syarikat tidak dapat memenuhi terma perjanjian pajakan tanah.

d. Seterusnya, **kutipan sewaan perumahan berjumlah RM1.60 juta pada tahun 2018 telah merosot RM90,000 kepada RM1.51 juta pada tahun 2022.** Ini disebabkan berlaku pengurangan sewaan sehingga 31 unit rumah pada tahun 2022 berbanding tahun 2018. Perbandingan bilangan unit sewaan rumah di lapan taman perumahan milik LADA antara tahun 2018 dan 2022 seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PERBANDINGAN UNIT RUMAH YANG DISEWAKAN TAHUN 2018 DAN 2022

BIL.	LOKASI PERUMAHAN	JUMLAH (UNIT)	RUMAH DISEWAKAN (UNIT)					
			TAHUN 2018		TAHUN 2022		VARIANS	
			JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%
1.	Taman Medan Berjaya	23	22	95.7	23	100.0	1	4.5
2.	Taman Seri Berlian	86	60	69.8	59	68.6	(1)	(1.7)
3.	Taman Kenari	300	175	58.3	149	49.7	(26)	(14.9)

BIL.	LOKASI PERUMAHAN	JUMLAH (UNIT)	RUMAH DISEWAKAN (UNIT)					
			TAHUN 2018		TAHUN 2022		VARIANS	
			JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%
4.	Taman Desa Permata	276	246	89.1	234	84.8	(12)	(4.9)
5.	Chogm Villa	9	6	66.7	5	55.6	(1)	(16.7)
6.	Taman Nilam	95	76	80.0	72	75.8	(4)	(5.3)
7.	Perumahan LADA di Kilim	17	TB	-	9	52.9	9	100
8.	Taman Pantai Kok	41	TB	-	3	7.3	3	100
JUMLAH		**847**	**585**	**69.1**	**554**	**65.4**	**(31)**	**(5.3)**

Sumber: Laporan Status Rumah Sewa LADA Tahun 2018 dan 2022
Nota: TB – Tidak Berkenaan Kerana Berada di Bawah Kawalan Agensi Lain

e. Semakan Audit juga mendapati pulangan atas aset (ROA) yang diterima oleh LADA adalah daripada kadar perkongsian keuntungan anak syarikat dan yuran pengurusan daripada pengendali yang dilantik serta sewaan atas perumahan dan premis yang dimiliki. Analisis Audit terhadap lima sampel hartanah pelaburan mendapati **ROA yang diperolehi adalah antara 0.1% hingga 21.9% setahun** bagi tahun 2018 hingga 2022. Butiran lanjut ROA seperti dalam **Jadual 10.**

JADUAL 10
PULANGAN ATAS HARTANAH LADA

BIL.	HARTANAH	PENGENDALI	BUTIRAN	TAHUN				
				2018	2019	2020	2021	2022
1.	Oriental Village	Anak Syarikat LADA	Yuran Pengurusan (RM Juta)	0.12	0.12	0.12	0.04	0.12
			Perkongsian Keuntungan (RM Juta)	23.71	13.21	16.69	0.00	4.00
			Jumlah Hasil Diterima (RM Juta)	23.83	13.33	16.81	0.04	4.12
2.	Kereta Kabel		Nilai Aset Bersih (RM Juta)	109.06	106.20	103.35	100.49	84.06
			***ROA (%)**	**21.9**	**12.6**	**16.3**	****0.1**	**4.9**
3.	8 Taman Perumahan LADA	LADA	Hasil Diterima (RM Juta)	1.60	1.32	1.55	1.52	1.51
			Nilai Aset bersih (RM Juta)	36.59	36.62	37.19	35.62	34.05
			ROA (%)	**4.4**	**3.6**	**4.2**	**4.3**	**4.4**
4.	Kompleks Makam Mahsuri	Syarikat	Hasil Diterima (RM Juta)	0.06	0.06	0.06	0.06	0.06
			Nilai Aset Bersih (RM Juta)	5.86	5.72	5.58	5.45	18.02
			ROA (%)	**1.0**	**1.0**	**1.1**	**1.1**	**0.3**
5.	Kompleks Pekan Rabu	Anak Syarikat LADA	Hasil Diterima (RM Juta)	0.01	0.01	0.01	0.01	0.01
			Nilai Aset Bersih (RM Juta)	10.12	9.88	9.64	9.39	9.15
			ROA (%)	**0.1**	**0.1**	**0.1**	**0.1**	**0.1**

Sumber: Analisis Audit Berdasarkan Maklumat Kewangan LADA
Nota: (*) - Pengiraan Pulangan Atas Aset (ROA) = Jumlah Hasil Diterima Dibahagikan dengan Nilai Aset Bersih
(**) - Nilai Terlalu Kecil iaitu 0.04%

f. Hartanah Oriental Village telah menyumbang ROA sehingga 21.9% bagi tahun 2018 hingga 2022. Hartanah di lapan taman perumahan yang diurus secara langsung oleh LADA serta Kompleks Makam Mahsuri dan Kompleks Pekan Rabu diuruskan secara M&O pula hanya menyumbang ROA di bawah 5% setahun atas nilai aset bersih yang dimiliki.

g. Selain itu, analisis Audit terhadap pulangan atas pelaburan (ROI) yang diukur melalui Nilai Pembangunan Kasar (GDV) projek pelaburan mendapati anggaran GDV berdasarkan 20 permohonan KM adalah berjumlah RM694.53 juta bagi tahun 2018 hingga 2022. Maklumat lanjut anggaran GDV bagi tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 11.**

JADUAL 11
ANGGARAN GDV BERDASARKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022

AHUN	LADA		SWASTA*		JUMLAH	
	BIL. KM	GDV (RM Juta)	BIL. KM	GDV (RM Juta)	BIL. KM	GDV (RM Juta)
2018	2	27.00	2	5.00	4	32.00
2019**	1	0.00	1	0.00	2	0.00
2020	-	-	3	168.50	3	168.50
2021	-	-	2	30.00	2	30.00
2022	4	14.78	5	449.25	9	464.03
JUMLAH	**7**	**41.78**	**13**	**652.75**	**20**	**694.53**

Sumber: MPLBP
Nota: (*) – Projek Pelaburan Swasta di atas Tanah LADA
(**) – Melibatkan Permohonan KM bagi Pecah Sempadan Tanah dan Permohonan Semula KM

h. Analisis selanjutnya terhadap GDV mengikut status pelaksanaan projek mendapati sehingga 31 Disember 2022, terdapat 13 projek telah siap dengan nilai GDV berjumlah RM153.62 juta manakala enam projek dalam pelaksanaan dengan nilai GDV berjumlah RM537.91 juta. Terdapat satu projek dibatalkan dengan anggaran nilai GDV berjumlah RM3.00 juta.

Maklum balas LADA yang diterima pada 21 Jun 2023

Objektif utama pembangunan aset hartanah pelaburan tidak tertumpu kepada memaksimumkan keuntungan semata-mata sebaliknya menyediakan kemudahan bagi menampung keperluan lain kepada penduduk dan pelancong. Penilaian keberhasilan sesuatu aset adalah berdasarkan kegunaan dan matlamat aset berkenaan memandangkan LADA mempunyai jenis aset yang pelbagai. Antaranya, tujuan pembangunan Kompleks Pekan Rabu tidak hanya tertumpu kepada keuntungan semata-mata sebaliknya ia juga bertujuan meningkatkan penglibatan usahawan kecil

dalam perniagaan selaras dengan fungsi LADA seperti yang dinyatakan dalam Akta 423.

Bayaran pajakan tanah adalah bersifat *up-front payment* yang dijelaskan setelah perjanjian pajakan ditandatangani dan akan diiktiraf sebagai hasil sepanjang tempoh pajakan secara tahunan. Pemotongan 20% daripada keseluruhan bayaran pajakan tanah telah dibuat mengikut syarat-syarat perjanjian bagi penamatan perjanjian pajakan tanah dengan pihak syarikat. Pada tahun 2020 dan 2021 tiada perjanjian pajakan baharu yang ditandatangani kerana terdapat model pelaburan baharu seperti konsesi dan kerjasama pintar. Selain itu, penurunan sewaan rumah disebabkan rumah yang dimiliki LADA dalam tindakan pembaikan dan penyenggaraan. LADA telah mengambil tindakan membaiki rumah dan telah siap pada April tahun 2023. LADA juga mempunyai unjuran pendapatan bagi setiap hartanah pelaburan berdasarkan potensi setiap aset berkenaan untuk memberi pulangan kepada LADA.

Pendapat Audit


Sasaran untuk memaksimumkan pulangan pendapatan atas pelaburan dan aset masih belum tercapai kerana kutipan hasil dan prestasi ROA yang menurun bagi tahun 2018 hingga 2022.

5.1.2.2. Pemangkin kepada Pembangunan Pelancongan

a. Daerah Langkawi telah diiktiraf sebagai zon pelancongan utama antarabangsa dan domestik dengan LADA berperanan sebagai agensi pembangunan utama di peringkat Kerajaan Persekutuan dalam memacu pembangunan pelancongan dan infrastruktur. Pencapaian projek pembangunan RMKe-11 dan RMKe-12 termasuk projek pelaburan swasta dapat diukur secara tidak langsung melalui kehadiran pelancong domestik dan luar negara yang menjadikan Pulau Langkawi sebagai destinasi utama pelancongan dunia.

b. Statistik kehadiran pelancong ke Pulau Langkawi pada tahun 1990 hingga 2022 seperti dalam **Rajah 7.**

RAJAH 7
KEHADIRAN PELANCONG DOMESTIK DAN LUAR NEGARA KE PULAU LANGKAWI PADA TAHUN 1990 HINGGA 2022



Sumber: Data LADA

c. Secara keseluruhan, analisis Audit mendapati kehadiran 780,176 pelancong pada tahun 1990 telah meningkat lima kali ganda kepada 3.92 juta pada tahun 2019. Kedatangan pelancong tertinggi dicatatkan pada tahun 2019 kerana penganjuran acara Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) di samping pelaksanaan produk dan projek pembangunan BPL bagi tahun 2011 hingga 2015 (RMKe-10). Bagaimanapun, **kedatangan pelancong menurun kepada 1.80 juta dan 1.09 juta pada tahun 2020 dan 2021 berpunca daripada pandemik Covid-19.** Kehadiran pelancong melonjak kepada 2.58 juta pada tahun 2022 disebabkan pengenalan program Gelembung Pelancongan.

d. Analisis Audit mendapati pelaksanaan projek pembangunan RMKe-11 dan RMKe-12 yang lebih tertumpu kepada kerja menaik taraf dan pembaikan infrastruktur serta kemudahan pelancongan turut menyumbang sebagai pemangkin pembangunan pelancongan. Projek pelaburan swasta yang telah siap pada tahun 2016 iaitu Hotel St. Regis Langkawi juga secara tidak langsung telah menyumbang kepada peningkatan kehadiran dan penginapan pelancong di Langkawi. Analisis terhadap data bayaran cukai warisan daripada pelancong mendapati purata jualan bagi 89 bilik hotel adalah antara 34.7% hingga 64.3% bagi tahun 2018 hingga 2022.

e. Bagaimanapun kelewatan penyiapan projek pembangunan LADA seperti Pusat Discovery Geopark (GDC) dan projek Auditorium Kota Mahsuri memberi kesan terhadap peranan LADA sebagai pemangkin kepada pembangunan

pelancongan. GDC yang sepatutnya siap pada tahun 2018 hanya berjaya disiapkan pada tahun 2019 serta dibuka kepada pelancong pada 5 Januari 2020. Manakala projek Auditorium Kota Mahsuri yang merupakan projek sambungan RMKe-12 hanya disiapkan pada Mei 2022 berbanding perancangan asal pada April 2017. Kelewatan penyiapan projek ini menyebabkan manfaat lewat diterima oleh pelancong dan penduduk tempatan.

Maklum balas LADA yang diterima pada 21 Jun 2023

Kemasukan pelancong ke Langkawi bukan hanya disebabkan oleh faktor pembangunan fizikal tetapi turut dipengaruhi oleh faktor lain seperti keindahan alam semulajadi Langkawi dan keunikan budaya tempatan. Persaingan yang hebat dan promosi yang mantap di kalangan domestik dan luar negara turut mempengaruhi kedatangan pelancong ke Langkawi. Selepas COVID-19 yang melumpuhkan industri pelancongan dunia, LADA menetapkan sasaran penetapan kemasukan pelancong adalah pada 2.5 juta dan mencapai sasaran malah melebihi sehingga 2.58 juta pada tahun 2022. LADA juga menetapkan sasaran pelancong seramai 3.2 juta orang pada tahun 2023. Pelbagai strategi promosi dilaksanakan bagi mencapai sasaran tersebut dengan penglibatan Tourism Malaysia dan pemain industri.

MasPlan yang dilancarkan pada tahun 2016 akan disemak semula selaras dengan situasi pasaran semasa khususnya selepas pandemik COVID-19 dan setelah tujuh tahun diguna pakai oleh LADA. Terdapat projek pembangunan dan pelaburan yang sedang dilaksanakan sehingga kini seperti Projek Naik Taraf Jeti Pelancongan Kuah, Projek Langkawi Premium Outlet, Langkawi Eco-Resort dan Eco-Adventure Park. Pembinaan Menara MAHA dengan nilai GDC berjumlah RM220 juta telah berjaya disiapkan pada tahun 2022 dan telah menyumbang kepada peningkatan kehadiran pelancong dalam dan luar negara.

Pendapat Audit

LADA telah memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan pelancongan Langkawi melalui pelaksanaan projek pembangunan dan pelaburan swasta. Bagaimanapun, kelewatan penyiapan beberapa projek pembangunan menyebabkan manfaat lewat diterima oleh pelancong dan penduduk Langkawi.

5.1.2.3. Peningkatan Taraf Kehidupan dan Sosioekonomi Penduduk Tempatan

a. Seksyen 4, Akta LADA 1990 menyatakan antara peranan LADA adalah memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan

ekonomi dan sosial dalam Kawasan LADA. Aktiviti pembangunan hartanah membantu LADA mencapai fungsi tersebut.

b. Berdasarkan statistik pendapatan dan perbelanjaan isi rumah bagi daerah Langkawi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2019 dan 2022 terdapat penurunan dalam pendapatan dan peningkatan dalam perbelanjaan isi rumah. Secara purata pendapatan isi rumah secara bulanan **menurun RM650 (9.6%) manakala purata perbelanjaan meningkat RM346 (10.4%) pada tahun 2022.** Statistik pendapatan dan perbelanjaan isi rumah daerah Langkawi seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
STATISTIK PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN ISI RUMAH
DAERAH LANGKAWI BAGI TAHUN 2019 DAN 2022

PERKARA		2019 (RM)	2022 (RM)	PERBEZAAN	
				RM	%
Pendapatan isi rumah kasar bulanan	Penengah	5,905	5,250	(655)	(11.1)
	Purata	6,737	6,087	(650)	(9.6)
Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan	Penengah	2,695	3,372	677	25.1
	Purata	3,334	3,680	346	10.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

c. Analisis Audit terhadap premis perniagaan yang dimiliki LADA sehingga 31 Disember 2022 mendapati **lebih 70% daripada 108 lot perniagaan di Kompleks Pekan Rabu dan 94 lot perniagaan di Oriental Village telah disewakan.** Jenis perniagaan yang dijalankan adalah seperti agensi pelancongan, jualan cenderamata dan kedai makanan serta minuman yang secara tidak langsung dapat menyumbang kepada pendapatan perniagaan di atas premis LADA.

d. Berdasarkan statistik guna tenaga buruh dan pengangguran bagi daerah Langkawi juga mendapati bilangan penduduk yang bekerja menunjukkan penurunan sejak tahun 2019. **Jumlah dan kadar pengangguran semakin meningkat sehingga 3,700 (7.3%) orang pada tahun 2021.** Peningkatan pengangguran adalah antaranya berpunca daripada penutupan aktiviti ekonomi disebabkan pandemik Covid-19. Butiran statistik guna tenaga buruh dan pengangguran bagi daerah Langkawi bagi tempoh 2018 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 13.**

JADUAL 13
STATISTIK GUNA TENAGA BURUH DAN PENGANGGURAN
DAERAH LANGKAWI BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2021

PERKARA		2018	2019	2020	2021
Guna Tenaga	Tenaga Buruh ('000)	50.6	51.3	50.6	50.6
	Penduduk Bekerja ('000)	48.7	49.4	47.1	46.9
	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (%)	68.3	68.1	68.3	68.8
Pengangguran	Pengangguran ('000)	1.9	1.9	3.5	3.7
	Kadar Pengangguran (%)	3.8	3.7	6.9	7.3

Sumber: *My Local Stats* Langkawi Kedah, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
Nota: Laporan Statistik Guna Tenaga Buruh dan Pengangguran Setiap Tahun Setakat yang Telah Diterbitkan oleh DOSM

e. Projek pelaburan swasta LADA juga turut menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi penduduk tempatan seperti peluang pekerjaan dan perniagaan. Berdasarkan Kertas Cadangan Projek Geopark City dan Langkawi Medical City, sejumlah 5,000 peluang pekerjaan dijangka ditawarkan kepada penduduk Langkawi melalui kedua-dua projek ini. Selain itu, projek Perdana Quay dan Projek Langkawi City yang berimpak tinggi turut menjanjikan peluang pekerjaan dan perniagaan melalui pembinaan produk pelancongan baharu dan pusat komersial perniagaan. Pembinaan Hotel St. Regis Langkawi pula membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dalam bidang perhotelan.

f. Berdasarkan lima sampel Audit bagi projek pelaburan swasta, **hanya satu sahaja projek telah siap sepenuhnya** iaitu Hotel St. Regis Langkawi yang telah menawarkan sebanyak 201 peluang pekerjaan dalam bidang perhotelan. Dua projek lain masih dalam status pelaksanaan secara berfasa iaitu Projek Perdana Quay dan Langkawi City manakala dua projek lagi dibatalkan iaitu Projek Geopark City dan Medical Village.

Maklum balas LADA yang diterima pada 21 Jun 2023

LADA mengambil maklum statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. LADA telah mensyaratkan supaya maklumat sumbangan sosioekonomi kepada warga tempatan dimasukkan dalam cadangan pembangunan bagi projek baharu. Antara projek yang melibatkan warga tempatan ialah Projek Hotel St Regis Langkawi, Projek Eco-Resort Adventures dan Projek Langkawi Premium Outlet.

Pendapat Audit

Projek pembangunan LADA dan projek pelaburan swasta membantu meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi penduduk Langkawi kecuali tahun 2020 dan 2021 semasa pandemik Covid-19.

5.1.2.4. Kajian Kepuasan Pelanggan Pengurusan Pembangunan Hartanah

a. Satu kajian kepuasan pelanggan telah dijalankan untuk menilai prestasi projek pembangunan dan penyenggaraan yang dilaksanakan oleh LADA. Projek pembangunan melibatkan Projek Pembinaan Jalan Baharu dari Kuala Temoyong ke Teluk Baru dan Pantai Tengah, Pembinaan Pusat Discovery Geopark Kilim, Langkawi dan Auditorium Kota Mahsuri.

b. Soal selidik kajian ini telah diedarkan secara pos, e-mel dan hebahan melalui media sosial. Edaran dilaksanakan menggunakan borang soal selidik dan sistem *Quick Response* (QR) bagi tempoh Mac hingga Mei 2023. Seramai 141 responden telah memberi maklum balas sehingga Mei 2023. Responden terdiri daripada 63 kakitangan awam/LADA, 50 penduduk tempatan dan 28 responden terdiri daripada pelancong, peniaga/pelabur dan lain-lain.

c. Analisis Audit terhadap keberhasilan pengurusan pembangunan hartanah LADA mendapati **seramai 23 (16.3%) responden sangat berpuas hati dan 61 (43.3%) responden berpuas hati terhadap manfaat yang diterima daripada projek pembangunan hartanah LADA.** Seramai 26 (18.4%) responden pula tidak dan kurang berpuas hati dengan pengurusan pembangunan hartanah. Soalan kajian selidik adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PENILAIAN TERHADAP PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH LADA

BIL.	PERKARA	SKALA					
		TIDAK BERKENAAN	TIDAK BERPUAS HATI	KURANG BERPUAS HATI	AGAK BERPUAS HATI	BERPUAS HATI	SANGAT BERPUAS HATI
1.	Pemangkin kepada pembangunan Langkawi	3	7	15	32	59	25
2.	Meningkatkan pendapatan dan sosioekonomi penduduk tempatan	2	9	18	24	65	23
3.	Menambahbaik infrastruktur dan kemudahan asas	3	8	17	29	62	22
4.	Pemuliharaan alam sekitar dan pengekalan kehijauan	2	6	22	31	56	24
JUMLAH		**10**	**30**	**72**	**116**	**242**	**94**
BILANGAN RESPONDEN*		**2**	**8**	**18**	**29**	**61**	**23**

Sumber: Analisis JAN Berdasarkan Soal Selidik Secara Edaran Manual dan QR Code
Nota : (*) - Pengiraan Bilangan Responden Berdasarkan Jumlah Responden Dibahagikan dengan Empat Perkara yang Dinilai

d. Secara keseluruhan keberhasilan projek pembangunan yang dilaksanakan memberi manfaat dalam pembangunan pelancongan di Langkawi. Projek pembangunan RMKe-11, RMKe-12 dan projek pelaburan swasta yang dilaksanakan dapat membantu meningkatkan pendapatan dan sosioekonomi penduduk.

e. Sejumlah 27 cadangan penambahbaikan telah diberikan oleh responden dan antara cadangan adalah seperti berikut:

   i. merancang dan membangunkan produk-produk pelancongan baharu bertaraf dunia bagi meningkatkan pendapatan sosioekonomi penduduk Langkawi;

   ii. memberi pengkhususan terhadap pelaburan berimpak tinggi terhadap ekonomi dan pelancongan bertaraf dunia berbanding setempat dan lokaliti Langkawi; dan

   iii. mewujudkan jeti LADA di setiap pengkalan nelayan untuk memudahkan aktiviti pelancongan dan penduduk tempatan serta menaik taraf prasarana kemudahan jeti Langkawi.

Maklum balas LADA yang diterima pada 21 Jun 2023

LADA mengambil maklum hasil dapatan kajian berkenaan dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi cadangan yang berkaitan dengan pihak LADA.

5.2. Pengurusan Aktiviti

5.2.1. Peruntukan dan Perbelanjaan Kewangan

a. Pekeliling Perbendaharaan (PP), Pengurusan Belanjawan, Para 5.2 menyatakan Pegawai Pengawal hendaklah memastikan penyaluran dan perbelanjaan awam dilaksanakan dengan teratur dan berhemat mengikut perancangan kerangka keberhasilan. Penyaluran dan perbelanjaan awam tersebut hendaklah dibuat berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan sahaja.

b. LADA telah menerima peruntukan pembangunan bagi projek baru dan sambungan BPL, RMKe-11 dan RMKe-12 dengan masing-masing berjumlah RM15.06 juta, RM44.46 juta dan RM225.89 juta. **Sejumlah RM255.20 juta (89.4%) bagi semua jenis peruntukan berkenaan telah dibelanjakan** seperti dalam **Jadual 15.**

JADUAL 15
PRESTASI PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BPL, RMKe-11 DAN RMKe-12
SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

PERUNTUKAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN LULUS (RM Juta)	PERUNTUKAN		BAKI (RM Juta)	BELANJA (%)
			TERIMA (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)		
BPL	1	16.00	15.06	14.97	0.09	99.4
RMKe-11*	8	119.61	44.46	42.62	1.84	95.9
RMKe-12	11	272.61	225.89	197.61	28.28	87.5
JUMLAH	**20**	**408.22**	**285.41**	**255.20**	**30.21**	**89.4**

Sumber: Bahagian Kewangan, LADA
Nota: (*) - Prestasi Peruntukan Pembangunan Ini Tidak Termasuk Pengambilan dan Pembayaran Premium Tanah yang Telah Dibelanjakan Berjumlah RM13.11 Juta

c. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan bagi 20 projek pembangunan di bawah peruntukan BPL, RMKe-11 dan RMKe-12 sehingga 31 Disember 2022 mengikut status projek pembangunan dan peruntukan adalah seperti dalam **Jadual 16.**

JADUAL 16
PRESTASI PERUNTUKAN DITERIMA DAN PERBELANJAAN PROJEK PEMBANGUNAN
SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	STATUS PROJEK	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)								
			BPL			RMKe-11			RMKe-12		
			TERIMA	BELANJA		TERIMA	BELANJA		TERIMA	BELANJA	
				JUMLAH	%		JUMLAH	%		JUMLAH	%
1.	Siap	11	15.06	14.97	99.4	44.13	42.43	96.1	173.03	157.40	91.0
2.	Dalam Pelaksanaan	6	-	-	-	-	-	-	52.08	40.11	77.0
3.	Belum Mula	1	-	-	-	-	-	-	0.78	0.10	12.8
4.	Batal	2	-	-	-	0.33	0.19	57.6	-	-	-
JUMLAH		**20**	**15.06**	**14.97**	**99.4**	**44.46**	**42.62**	**95.9**	**225.89**	**197.61**	**87.5**

Sumber: Bahagian Kewangan, LADA

d. Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Perbelanjaan Projek Pembangunan sehingga 31 Disember 2022 mendapati prestasi perbelanjaan bagi dua projek pembangunan berada di tahap kurang daripada 50% dan tiga projek melebihi peruntukan semasa yang diterima. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17.**

JADUAL 17
PRESTASI PERBELANJAAN KURANG DARIPADA 50% DAN PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN DITERIMA BAGI PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-12 SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	SENARAI PROJEK	STATUS PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	TERIMA (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	BAKI (RM Juta)	PRESTASI BELANJA (%)	PENEMUAN AUDIT
1.	Meroboh dan Membina Baru Pelantar Tasik Dayang Bunting dan Kerja-kerja Lain Berkaitan di Tasik Dayang Bunting (Baru, RMKe-12)	Belum Mula	4.00	0.78	0.10	0.68	12.8	• Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan pada 25 Januari 2023. • Projek ini dilaksanakan oleh kontraktor mulai 8 Februari 2023.
2.	Membina Baharu Jambatan Sungai Perangin, Oriental Village (Sambungan, RMKe-12)	Dalam Pelaksanaan	8.27	8.00	2.45	5.55	30.6	• Projek mengalami kelewatan kerana pengalihan utiliti menyebabkan kerja di tapak kurang lancar.
3.	Penggantian Pontoon dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Jeti Teluk Bujur, Pulau Tuba, Langkawi (Sambungan, RMKe-12)	Siap	6.21	5.79	5.85	(0.06)	101.0	• Perbelanjaan semasa telah melebihi peruntukan diterima sehingga 31 Disember 2022. • Perbelanjaan menggunakan baki peruntukan daripada projek pembangunan lain.
4.	Menyiapkan Baki Kerja Tertinggal bagi Meroboh dan Membina Semula Bangunan Auditorium di Atas Sebahagian Lot di Mukim Ulu Melaka, Langkawi (Sambungan, RMKe-12)	Siap	7.00	6.69	6.92	(0.23)	103.4	
5.	Membina dan Menyiapkan Baru Jeti dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Gua Langsir, Kilim Karst Geoforest Park, Mukim Ayer Hangat, Langkawi (Baru, RMKe-12)	Dalam Pelaksanaan	5.00	2.19	2.72	(0.53)	124.2	

Sumber: Bahagian Kewangan, LADA

e. Semakan Audit seterusnya mendapati perbelanjaan melebihi peruntukan dilaksanakan mengikut kelulusan dalam Minit Mesyuarat Pemantauan Dan Pelaksanaan Projek Bilangan 9 Tahun 2022. Prestasi perbelanjaan tiga projek yang melebihi 100% disebabkan kelewatan menerima peruntukan daripada

MOF. Kelulusan MOF bertarikh 14 Februari 2022 telah diperolehi untuk menggunakan baki peruntukan daripada projek lain terlebih dahulu sebelum peruntukan diterima dan perbelanjaan keseluruhan masih tidak melebihi kos siling peruntukan.

Maklum balas LADA pada 21 Jun 2023 dan 17 Julai 2023

Peruntukan telah diterima pada suku kedua tahun 2023 menjadikan prestasi perbelanjaan projek antara 94.6% sehingga 98.9%. Oleh itu, prestasi perbelanjaan tidak melebihi keseluruhan peruntukan pembangunan yang diterima untuk tempoh lima tahun bagi setiap RMK.

Sehingga 30 Jun 2023, Projek Membina Baharu Jambatan Sungai Perangin, Oriental Village menunjukkan prestasi perbelanjaan berdasarkan kepada harga kontrak adalah sebanyak 63.5% dan status pelaksanaan adalah mengikut jadual. Projek Meroboh dan Membina Baharu Pelantar Tasik Dayang Bunting pula menunjukkan prestasi perbelanjaan berdasarkan kepada harga kontrak adalah sebanyak 3.7%.

Pendapat Audit

Prestasi perbelanjaan pembangunan adalah memuaskan berdasarkan keseluruhan peruntukan yang dibelanjakan melebihi 87.5% namun perbelanjaan bagi tiga projek telah melebihi peruntukan semasa yang diterima.

5.2.2. Pelaksanaan Projek Pembangunan LADA

Projek Pembangunan LADA dilaksanakan melalui permohonan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMK) yang terdiri daripada projek infrastruktur, sosial dan ekonomi.

5.2.2.1. Pembinaan Jalan dari Kuala Temoyong ke Teluk Baru dan Pantai Tengah

a. Pekeliling Perbendaharaan PK2.19, Mekanisme Kawalan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan Persekutuan mengkehendaki jabatan dan agensi yang telah diluluskan projek Kerajaan oleh UPE, JPM dan MOF bertanggungjawab memastikan setiap projek pembangunan dilaksanakan mengikut kos projek, jadual dan siling peruntukan yang ditetapkan.

b. Projek Pembinaan Jalan dari Kuala Temoyong ke Teluk Baru dan Pantai Tengah yang diluluskan di bawah RMKe-10 dilaksanakan pada

RMKe-11 serta disambung ke RMKe-12. Butiran projek pembinaan jalan adalah seperti dalam **Jadual 18.**

JADUAL 18
BUTIRAN PROJEK PEMBINAAN JALAN DARI KUALA TEMOYONG KE TELUK BARU DAN PANTAI TENGAH

PERKARA	MAKLUMAT TERPERINCI
Nama Projek	Pembinaan Jalan dari Kuala Temoyong ke Teluk Baru dan Pantai Tengah, Langkawi.
Kos Siling Asal	RM110.43 juta diluluskan oleh UPE pada 13 Julai 2017 terdiri daripada kos pembinaan, kos pengambilan tanah dan kos lain-lain yang terlibat.
Tujuan Pembinaan	Pembinaan jalan sejauh 4.3 kilometer sebagai jalan alternatif dan memendekkan masa perjalanan melalui jalan raya sedia ada bagi tujuan kemudahan penduduk dan pelancong.
Perolehan Kontrak Kerja Pembinaan	• Secara tender terhad kepada Syarikat 256113-W. • Nilai asal kontrak pembinaan berjumlah RM66.26 juta. • Kontrak ditandatangani pada 5 April 2018 melibatkan kerja-kerja *site clearance and demolition works, earthworks, drainage, pavement works, road furniture* dan *structure*. • Tempoh pelaksanaan selama 24 bulan mulai 24 Januari 2018 hingga 23 Januari 2020.
Kos Pengambilan Tanah	Melibatkan 42 lot tanah termasuk dua lot tanah Kerajaan Negeri dengan anggaran kos pada tahun 2017 berjumlah RM39.26 juta.

Sumber: LADA

c. Semakan Audit mendapati Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 25 September 2022 dengan kelulusan enam EOT berjumlah 977 hari. Butiran lanjut EOT adalah seperti dalam **Jadual 19.**

JADUAL 19
KELULUSAN DAN JUSTIFIKASI EOT
PROJEK JALAN KUALA TEMOYONG KE TELUK BARU DAN PANTAI TENGAH

TEMPOH KONTRAK	NO. EOT	TEMPOH DIBENARKAN	BIL. HARI	TARIKH SIAP DILANJUTKAN	JUSTIFIKASI
24.01.2018 hingga 23.01.2020	EOT 1	24.01.2020 hingga 26.08.2020	216	26.08.2020	Kelewatan memperoleh tapak disebabkan proses pengambilan balik tanah belum selesai.
	EOT 2	27.08.2020 hingga 26.07.2021	334	26.07.2021	Kerja tambahan *Soil Nailing*, *Geobamtile* dan pertambahan kuantiti *rock.*
	EOT 3	27.07.2021 hingga 17.11.2021	114	17.11.2021	Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
	EOT 4	18.11.2021 hingga 16.01.2022	60	16.01.2022	PKP 3.0 – *Total Lockdown* Fasa 1.
	EOT 5	17.01.2022 hingga 29.05.2022	133	29.05.2022	• Kelewatan penyerahan pindaan lukisan pembinaan *Junction* 1 dan *Junction* 2. • Kelewatan penyerahan lukisan pembinaan lokasi *Rock Bolt* bagi Kerja-Kerja Wang Peruntukan Sementara (*Rock Slope Protection*).
	EOT 6	30.05.2022 hingga 26.09.2022	120	26.09.2022	Kelewatan bekalan bahan binaan (kabel) TNB bagi kerja-kerja *underground cabel* pada setiap pencawang padat baharu.
JUMLAH (Hari)			**977**		

Sumber: Sijil Kelambatan dan Lanjutan Masa

d. Semakan selanjutnya mendapati **berlaku peningkatan pelarasan harga kontrak pembinaan daripada RM66.26 juta kepada RM85.64 juta.** Peningkatan harga melibatkan lima Arahan Perubahan Kerja (APK) dan 15 Pelarasan Harga Kontrak (PHK) yang telah dikeluarkan dengan nilai bersih berjumlah RM19.38 juta semasa pelaksanaan projek. Perubahan kerja melibatkan APK 1 bernilai RM5.97 juta dan APK 3 bernilai RM13.77 juta disebabkan oleh perubahan reka bentuk di peringkat perunding semasa menyediakan lukisan reka bentuk membabitkan kelebaran jalan dan kecerunan tanah asal tidak mematuhi spesifikasi JKR.

e. Pada tahun 2019, LADA telah memohon peruntukan tambahan berjumlah RM48.75 juta disebabkan berlaku peningkatan kadar, harga pengambilan tanah dan tuntutan pampasan oleh pemilik tanah. Setakat Mei 2023, **terdapat 10 tuntutan pampasan pemilik tanah yang belum diselesaikan.** Ini menyebabkan kos sebenar keseluruhan projek masih belum dapat dimuktamadkan walaupun projek pembinaan telah siap sepenuhnya pada 25 September 2022.

f. Secara keseluruhannya, kos siling projek **telah meningkat RM67.30 juta (60.9%)** dan butiran terperinci kos siling seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
BUTIRAN PENINGKATAN KOS SILING PROJEK PEMBINAAN JALAN KUALA TEMOYONG SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	PERKARA	KOS SILING ASAL (RM Juta)	TAMBAHAN KOS KALI PERTAMA (RM Juta)	TAMBAHAN KOS KALI KEDUA (RM Juta)	KOS SILING PADA 31.12.2022 (RM Juta)	PENINGKATAN KOS SILING	
						JUMLAH (RM Juta)	%
1.	Kos Pembinaan	66.26	10.52	8.03	84.81	18.55	28.0
2.	Kos Pengambilan Balik Tanah	39.26	48.75	-	88.01	48.75	124.2
3.	Kos lain-lain*	4.91	-	-	4.91	-	-
JUMLAH		**110.43**	**59.27**	**8.03**	**177.73**	**67.30**	**60.9**

Sumber: Minit Bebas JPM.600-15/1/1/376 (8) bertarikh 12 Julai 2019 (RM59.27 juta) dan Surat MOF: MOF.200-8/4/2 Jld.3 (16) bertarikh 27 Oktober 2021 (RM8.03 juta)
Nota: (*) – Kos Lain-lain Melibatkan Bayaran kepada Perunding *Survey* dan Kerja *Soil Investigation, Contribution & Others*

g. Projek pembinaan jalan ini telah diserahkan oleh JKR kepada LADA pada 2 November 2022. Projek masih dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) selama setahun tiga bulan 14 hari yang tamat pada 8 Januari 2024. Pembinaan jalan yang telah siap adalah seperti dalam **Gambar 1** dan **Gambar 2.**

GAMBAR 1 **GAMBAR 2**





Projek Pembinaan Jalan Kuala Temoyong Ke Teluk Baru dan Pantai Tengah
- Keadaan Jalan yang Telah Siap
(26.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas LADA yang diterima pada 17 Julai 2023

Sehingga 30 Jun 2023, jumlah perbelanjaan projek pembinaan jalan termasuk sebahagian bayaran pampasan tanah adalah berjumlah RM143.89 juta (81.7%) daripada kos siling terkini berjumlah RM176.16 juta. MOF telah meluluskan pengurangan RM1.57 juta (0.9%) daripada kos siling projek asal berjumlah RM177.73 juta untuk disalurkan kepada projek pembangunan lain pada 23 Februari 2023.

Justifikasi peningkatan ketara kos pengambilan tanah adalah disebabkan nilai tanah ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) mengikut nilai pasaran pada tahun 2016. Bagaimanapun, pentadbir tanah telah menetapkan nilai pampasan berdasarkan nilaian semasa dan faktor-faktor lain di bawah bidang kuasa pentadbir tanah semasa pewartaan dibuat pada tahun 2017 dan 2018.

5.2.2.2. Projek Meroboh dan Membina Semula Bangunan Auditorium Kota Mahsuri, Daerah Langkawi, Kedah

a. Merujuk Klausa 39.1, kontrak Projek Meroboh dan Membina Semula Bangunan Auditorium menyatakan kontraktor perlu menyiapkan keseluruhan kerja pada atau sebelum tarikh siap yang ditetapkan. Klausa 40.1 pula menyatakan jika kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam masa yang ditetapkan atau dalam tempoh EOT, Pegawai Penguasa (PP) boleh mengeluarkan Perakuan Tidak Siap Kerja kepada kontraktor. Klausa 40.2 seterusnya memberi hak kepada Kerajaan menamatkan kontrak sekiranya kontraktor gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang perlu disiapkan.

b. Semakan Audit mendapati projek pembinaan semula bangunan Auditorium merupakan projek yang dilaksanakan melalui kontraktor asal dan kontraktor penyelamat antara tahun 2016 hingga 2021 seperti butiran dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
BUTIRAN PROJEK PEMBINAAN SEMULA BANGUNAN AUDITORIUM KOTA MAHSURI, DAERAH LANGKAWI

KONTRAKTOR	ASAL	PENYELAMAT
Nama Projek	Projek Meroboh dan Membina Semula Bangunan Auditorium di atas Sebahagian Lot 60016 (Asal Lot 2359 & 2360) Mukim Ulu Melaka Daerah Langkawi.	Projek Menyiapkan Baki Kerja Tertinggal bagi Meroboh dan Membina Semula Bangunan Auditorium di atas Sebahagian Lot 60016 (Asal Lot 2359 & 2360) Mukim Ulu Melaka, Daerah Langkawi.
Syarikat	607097-X	711614-D
Kos Kontrak	RM6.97 Juta	RM6.99 Juta
Tempoh Projek	11 April 2016 hingga 9 April 2017	10 Jun 2020 hingga 07 Disember 2021
Pegawai Penguasa	JKR Langkawi	JKR Langkawi
Status Pelaksanaan Projek	Perkhidmatan kontraktor ditamatkan oleh JKR pada 2 Januari 2019 kerana projek gagal disiapkan.	Projek telah disiapkan pada 31 Mei 2022 dengan nilai kontrak terselaras berjumlah RM6.96 juta.

Sumber: Kontrak Projek

c. Bagaimanapun, kedua-dua projek yang dilaksanakan oleh kontraktor berbeza mengalami **kelambatan siap dengan keseluruhan EOT berjumlah 742 hari.** Butiran kelulusan dan justifikasi EOT adalah seperti dalam **Jadual 22.**

JADUAL 22
BUTIRAN DUA PROJEK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA BANGUNAN AUDITORIUM

BIL.	PROJEK	SYARIKAT DAN TEMPOH PROJEK	TARIKH SIAP		EOT			
			ASAL	SEBENAR	TEMPOH LULUS	BIL. HARI	TARIKH SIAP SEMASA	JUSTIFIKASI
1.	Projek A	607097-X (11.04.2016 hingga 09.04.2017)	09.04.2017	Tidak Siap dan Ditamatkan Perjanjian	EOT 1 10.04.2017 hingga 07.11.2017	212	07.11.2017	• Kelewatan penerimaan lukisan struktur Blok Auditorium, Blok TNB dan Blok Mekanikal. • Kelewatan pelantikan kontraktor NSC.
					EOT 2 08.11.2017 hingga 06.04.2018	150	08.04.2018	Kelewatan memuktamadkan keputusan perubahan rekabentuk kekuda bumbung Blok Auditorium.
					EOT 3 07.04.2018 hingga 28.10.2018	205	28.10.2018	• Perubahan rekabentuk kekuda bumbung. • Kerja tambahan pada tembok penahan. • Halangan struktur bangunan milik pengusaha Makam Mahsuri di laluan masuk utama ke tapak.
	JUMLAH					**567**		

BIL.	PROJEK	SYARIKAT DAN TEMPOH PROJEK	TARIKH SIAP		EOT			
			ASAL	SEBENAR	TEMPOH LULUS	BIL. HARI	TARIKH SIAP SEMASA	JUSTIFIKASI
2.	Projek B	711614-D (10.06.2020 hingga 07.12.2021)	07.12.2021	31.05.2022	EOT 1 08.12.2021 hingga 05.02.2022	60	05.02.2022	Arahan PKP 3.
					EOT 2 06.02.2022 hingga 16.04.2022	70	16.04.2022	Kelewatan disebabkan pertukaran kelulusan skema warna daripada pihak pelanggan.
					EOT 3 17.04.2022 hingga 31.05.2022	45	31.05.2022	Kelewatan kelulusan sistem pembetungan.
	JUMLAH					**175**		
JUMLAH KESELURUHAN						**742**		

Sumber: Dokumen Perjanjian dan Kelulusan EOT
Nota: Projek A - Meroboh dan Membina Semula Bangunan Auditorium di atas Sebahagian Lot 60016 (Asal Lot 2359 & 2360) Mukim Ulu Melaka, Daerah Langkawi, Kedah
Projek B - Menyiapkan Baki Kerja Tertinggal bagi Meroboh dan Membina Semula Bangunan Auditorium di atas Sebahagian Lot 60016 (Asal Lot 2359 & 2360) Mukim Ulu Melaka, Daerah Langkawi, Kedah Darul Aman

d. Selain itu, status kemajuan kerja kontraktor asal adalah 64% berbanding jadual 94.8% manakala pembayaran yang telah dibuat kepada kontraktor asal berjumlah RM5.57 juta sehingga Oktober 2018 sebelum notis penamatan kerja dikeluarkan. Baki kerja projek telah berjaya disiapkan oleh kontraktor 711614-D pada 31 Mei 2022 dengan nilai kontrak terselaras berjumlah RM6.96 juta melibatkan komponen *Preliminaries Work*, Blok Auditorium, Blok TNB, Blok Mekanikal, Ruang Penghawa Dingin dan *External Works*. Sebanyak 10 APK dan 15 PHK telah dikeluarkan oleh JKR dengan nilai pengurangan bersih berjumlah RM24,906.

e. Pihak Audit mendapati kos sebenar projek bagi menyambung baki kerja-kerja yang gagal disiapkan hampir menyamai kos kontrak asal yang telah diberikan kepada Syarikat 607097-X. Seterusnya, JKR telah **mengeluarkan surat Tuntutan Perakuan Kos Penamatan berjumlah RM2.84 juta kepada Syarikat 607097-X pada 9 November 2021.** Tuntutan ini dibuat disebabkan kegagalan kontraktor asal menyiapkan projek mengikut syarat-syarat kontrak. Sehingga tarikh pengauditan, Syarikat 607097-X masih belum menyelesaikan tuntutan RM2.84 juta yang dikemukakan oleh JKR.

Maklum balas JKR yang diterima pada 21 Jun 2023

JKR telah mengeluarkan surat peringatan kepada kontraktor asal untuk membayar semula tuntutan perakuan kos penamatan pada 20 Februari 2022. Kontraktor asal telah melantik peguam dan memfailkan Notis Arbitrasi bagi mencabar penamatan kontrak tidak sah dan menuntut ganti rugi bagi kerja-kerja yang dilaksanakan melalui

surat bertarikh 24 Februari 2022. Kes masih dalam perbicaraan dan belum diputuskan oleh Tribunal Timbang Tara (Arbitrasi).

Pendapat Audit | **Pengurusan projek pembangunan LADA adalah kurang memuaskan berdasarkan tempoh penyiapan projek yang lama dan peningkatan kos sebenar projek.**

5.2.3. Perjanjian Pajakan Tanah

Pajakan tanah merupakan model pelaburan utama dalam memastikan tanah milik LADA diusahakan dan dibangunkan oleh pihak swasta di samping menjana terimaan dan pulangan hasil.

5.2.3.1. Pembinaan Hotel St. Regis Langkawi

Projek Pembinaan Hotel St. Regis Langkawi (SRL) dilaksanakan oleh Syarikat 989392-K merupakan syarikat bersekutu LADA. LADA telah memajak tanah kepada syarikat untuk tujuan pembangunan hotel berdasarkan *Shareholders Agreement* (SHA) yang telah ditandatangani pada 11 April 2014.

Pembinaan hotel SRL melibatkan dua plot pajakan tanah iaitu Plot 1 (Subplot A dan B) dan Plot 2 (Subplot Ci dan Cii) yang bernilai RM69.67 juta dengan jumlah keluasan 47.25 ekar yang terletak dalam Mukim Kuah, Langkawi. Hotel SRL telah beroperasi mulai 29 Mei 2016.

a. Hasil Pajakan Tanah

i. Merujuk Klausa 7.3.1 (c) SHA, syarikat perlu menjelaskan RM660,000 setahun kepada LADA bagi Plot 1 untuk tempoh pajakan selama 99 tahun. Syarikat juga boleh membuat pilihan dengan membeli tanah tersebut pada tahun ke tiga hingga tahun ke-10 pada nilaian harga semasa. Mesyuarat JP LADA Bil. 1 Tahun 2018 telah bersetuju supaya tempoh pajakan bagi Plot 1 kepada pihak syarikat adalah selama 99 tahun mulai tarikh pendaftaran geran baharu dengan kadar bayaran berjumlah RM660,000 setahun. Kadar bayaran pajakan Plot 2 pula akan ditentukan selepas penilaian JPPH mengikut kadar semasa.

ii. Semakan Audit mendapati geran tanah Plot 1 telah didaftarkan di pejabat tanah pada 8 Februari 2018 dengan status tanah pegangan pajakan bagi tempoh 99 tahun yang berakhir pada 7 Februari 2117. Pihak Audit mendapati perkara berikut:

- **Tiada perjanjian pajakan tanah Plot 1 ditandatangani** sehingga tarikh pengauditan dilaksanakan.
- **Hasil pajakan tanah berjumlah RM660,000 setahun masih belum diterima sejak geran tanah Plot 1 dikeluarkan pada 8 Februari 2018.**
- **Kadar pajakan tanah Plot 2 masih belum dimuktamadkan** sehingga 31 Disember 2022 walaupun hotel telah beroperasi sejak tahun 2016.

iii. Pada 9 Disember 2019, Mesyuarat JP LADA Bil. 4 Tahun 2019 telah memutuskan LADA tidak perlu menandatangani perjanjian pajakan tanah disebabkan kelemahan prestasi kewangan syarikat. Ini menyebabkan tindakan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan kerana kontrak perjanjian pajakan tidak ditandatangani manakala kutipan hasil pajakan tanah tidak dapat dibuat walaupun terdapat syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam SHA.

iv. Pihak Audit **menganggarkan sejumlah RM3.19 juta bagi tempoh 4 tahun 10 bulan bayaran pajakan tanah Plot 1 yang masih belum dikutip** sehingga 31 Disember 2022. Hasil pajakan bagi Plot 2 pula masih belum dapat ditentukan kerana masih dalam penilaian JPPH.

b. Hak Pemilikan Tanah

i. Klausa 7.3.4, SHA menyatakan Syarikat 989392-K perlu memastikan dokumen sekuriti perlu disempurnakan dan memenuhi keperluan serta syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank 16562-K. Sebarang pelanggaran obligasi, kegagalan ansuran pembayaran dan keadaan lain di bawah Klausa 16, kontrak pembiayaan menyebabkan bank boleh mengambil tindakan sewajarnya mengikut syarat-syarat kontrak.

ii. Semakan Audit terhadap perjanjian pembiayaan berjumlah RM246.54 juta antara syarikat dan bank mendapati bentuk sekuriti yang telah dipersetujui adalah gadaian ke atas pajakan tanah (charge over lease over the land). Sekuriti tersebut perlu disempurnakan selewat-lewatnya 22 Mac 2015. Bagaimanapun, dokumen gadaian tanah masih belum dilengkapkan dan Plot 1 telah **dikaveatkan oleh pihak bank mulai 29 Mac 2015.**

iii. Semakan terhadap surat daripada bank bertarikh 3 Ogos 2020 mendapati pihak bank tidak dapat menyempurnakan gadaian ke atas pajakan tanah

tersebut. Ini disebabkan perjanjian pajakan tanah antara pihak Syarikat 989392-K dengan LADA masih belum ditandatangani.

iv. Seterusnya, pihak Audit turut mendapati syarikat **tidak melunaskan bayaran ansuran kepada bank** bagi pembiayaan tertunggak selama 24 bulan berjumlah RM27.07 juta sehingga 30 Jun 2021. LADA berisiko kehilangan tanah pajakan kepada bank sekiranya tindakan perundangan di ambil atas pelanggaran terma dan syarat dalam perjanjian pembiayaan bank.

Maklum balas LADA yang diterima pada 10 Ogos 2023

LADA telah mengambil tindakan melaksanakan beberapa siri perbincangan dan mesyuarat dengan MOF serta bank dalam mencari penyelesaian holistik bagi menjaga kepentingan semua pihak yang terlibat. Mesyuarat Jemaah Pengarah LADA Bil. 1 Tahun 2023 telah diadakan pada 15 Mei 2023 dan bersetuju dengan membuat pindaan terhadap beberapa terma dan syarat dalam SHA sedia ada melibatkan pemilikan tanah *freehold* kepada pajakan 99 tahun, tempoh pegangan pajakan bagi Plot 2 adalah selama 60 tahun sahaja, dan terma-terma lain yang bertentangan dengan polisi atau peraturan terkini.

Penilaian JPPH telah diperolehi oleh LADA pada 16 April 2023 bagi Plot 2 dan penilaian JPPH ini akan digunakan sebagai asas bagi tujuan penentuan penilaian pajakan tanah yang sedang dimuktamadkan. Jemaah Pengarah LADA bersetuju untuk membenarkan LADA memasuki perjanjian pajakan tanah bersama pihak syarikat sekiranya memperoleh surat jaminan (indemnity) daripada MOF. Mesyuarat bersama pihak syarikat dan pihak MOF bagi tujuan penentuan terma utama perjanjian pajakan telah diadakan pada 20 Julai 2023. Pihak MOF dalam proses pertimbangan untuk mengeluarkan surat jaminan bagi membolehkan perjanjian pajakan tanah diselesaikan selewatnya pada bulan Disember 2023.

5.2.3.2. Projek Perkampungan Tok Senik Resort

Projek Perkampungan Tok Senik Resort merupakan projek pelaburan oleh Syarikat 414252-H di atas tanah LADA Lot 1577 dan 1244 Kg. Mata Ayer, Mukim Ulu Melaka, Langkawi. Projek ini dilaksanakan bagi membolehkan pelancong meninjau dan mengalami keunikan cara hidup dan budaya Melayu.

a. Balasan Bagi Pajakan Tanah

i. LADA telah memeterai perjanjian *Shareholder Agreement* (SHA), *Subscription Agreement* (SA) dan perjanjian pajakan tanah antara tahun

2000 hingga 2003 bagi tujuan pemilikan saham Syarikat 414252-H dan pembangunan Projek Perkampungan Tok Senik Resort. Butiran perjanjian SHA, SA dan pajakan tanah adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
BUTIRAN PERJANJIAN SHA, SA DAN PAJAKAN TANAH BAGI PEMBANGUNAN PROJEK PERKAMPUNGAN TOK SENIK RESORT

BUTIRAN PERJANJIAN	SHA DAN SA	PAJAKAN TANAH LADA
Tarikh Kontrak	26 Julai 2000	24 Jun 2001 dan 9 Mei 2003
Syarikat Terlibat	Syarikat 40444-V dan Syarikat 414252-H	Syarikat 414252-H
Tujuan Perjanjian	Pemilikan saham bernilai RM27.68 juta (RM1.00 sesaham) dalam Syarikat 414252-H. Pegangan saham mengikut entiti seperti berikut: i. 30% LADA bernilai RM8.30 juta ii. 70% Syarikat 40444-V bernilai RM19.38 juta.	Pajakan dua lot tanah LADA iaitu Lot 1577 dan sebahagian Lot 1244. Nilai pajakan tanah RM8.30 juta bagi tujuan pembangunan Projek Perkampungan Tok Senik Resort.

Sumber: Dokumen Perjanjian

ii. Merujuk kepada Klausa 1.2, perjanjian pajakan tanah, Syarikat 414252-H perlu membayar pajakan tanah bernilai RM8.30 juta dengan balasan pemberian 30% pemilikan saham kepada LADA dalam syarikat pada nilai iaitu RM8.30 juta. Maklumat dua lot tanah adalah seperti dalam **Jadual 24.**

JADUAL 24
BUTIRAN PAJAKAN TANAH SEBAGAI BALASAN 30% PEGANGAN SAHAM DIMILIKI LADA

BIL	BUTIRAN	LOT 1244	LOT 1577
1.	No. Hak Milik	GM 739	H.S.(M) 10-92
2.	No. Lot	1244 (Sebahagian)	1577 (PT 1010)
3.	Keluasan	0.64 hektar	14.77 hektar
4.	Kategori Penggunaan Tanah	Pertanian	Pertanian
5.	Pemilikan Tanah	Selama-lamanya	Selama-lamanya
6.	Syarat – syarat Nyata	Kampung	Getah
7.	Tempoh Pajakan Tanah	Pajakan sebahagian tanah kepada 414252-H selama 30 Tahun bermula 23 November 2001 hingga 22 November 2031.	Diberi pajakan kepada 414252-H selama 99 tahun bermula 2 April 2001 hingga 1 April 2100.

Sumber: Geran Tanah dan Dokumen Perjanjian

iii. Berdasarkan Minit Mesyuarat SHA antara LADA dan Syarikat 414252-H pada 30 Jun 2010, **pegangan saham 30% bernilai RM8.30 juta yang dijanjikan kepada LADA masih belum didaftarkan.** LADA meminta agar balasan tanah dalam bentuk balasan pegangan saham digantikan semula dalam bentuk bayaran pajakan secara tunai. Bagaimanapun, hasil semakan Audit mendapati syarikat tidak berkemampuan membuat bayaran pajakan secara tunai dan

mencadangkan LADA mempertimbangkan semula pemilikan saham sebanyak 30% dalam Syarikat 414252-H. Namun tiada keputusan diperolehi daripada hasil mesyuarat berkenaan.

iv. Hasil semakan Audit di laman sesawang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sehingga 24 Mac 2023 mendapati **LADA masih belum memiliki pegangan saham bernilai RM8.30 juta dalam Syarikat 414252-H walaupun telah dibangkitkan pada tahun 2010.** Syarikat 40444-V memiliki 100% pegangan saham bernilai RM19.38 juta tanpa pendaftaran saham milik LADA. Semakan juga mendapati syarikat tidak membayar pajakan tanah berjumlah RM8.30 juta kepada LADA sebagaimana yang diputuskan seperti dalam mesyuarat SHA bertarikh 30 Jun 2010.

v. Lawatan Audit pada 28 Februari 2023 mendapati Perkampungan Tok Senik Resort masih beroperasi. Hasil temubual bersama dengan pegawai operasi Syarikat 414252-H memaklumkan hanya restoran dan sebahagian chalet yang masih disewakan kepada pelancong. Kebanyakan chalet telah usang dan rosak serta tidak mampu dibaiki oleh syarikat atas kekangan kewangan seperti dalam **Gambar 3** dan **Gambar 4**.

GAMBAR 3



GAMBAR 4



Lot 1577
- Chalet Usang dan Rosak
(28.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

b. Gadaian Tanah LADA

i. Berdasarkan Klausa 2.1 (j), perjanjian pajakan tanah antara LADA dan Syarikat 414252-H menyatakan pemajak iaitu Syarikat 414252-H berhak untuk menggadaikan tanah pajakan kepada pihak dan/atau institusi kewangan. Ini sebagai jaminan untuk sebarang pinjaman, overdraf atau kemudahan pembiayaan lain yang dipersetujui untuk diberikan kepada

pemajak atau mana-mana orang, firma atau syarikat lain bagi pelaksanaan projek pembangunan yang telah dipersetujui.

ii. Semakan Audit mendapati LADA, Syarikat 40444-V dan Syarikat 83868-X telah memeterai perjanjian gadaian tanah melibatkan tanah milik LADA iaitu Lot 1577 dan Lot 1244 pada 18 November 2002. Gadaian tanah telah didaftarkan di pejabat tanah pada 31 Disember 2003. LADA bersetuju untuk membenarkan dua lot tanah pajakan bernilai RM2.76 juta tersebut dijadikan sebagai jaminan terhadap bayaran Syarikat 40444-V dalam pembelian saham entiti milik Syarikat 83868-X.

iii. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati perjanjian gadaian tanah antara LADA, Syarikat 40444-V dan Syarikat 83868-X tidak melibatkan pemegang pajakan lot tanah iaitu Syarikat 414252-H dalam membiayai kos pembangunan projek Perkampungan Tok Senik Resort. Sebaliknya, **perjanjian gadaian ini dibuat bertujuan memberi jaminan kepada Syarikat 40444-V bagi menyelesaikan obligasi hutang kepada Syarikat 83868-X.**

iv. Perjanjian gadaian tanah LADA ini boleh mendedahkan risiko ke atas kehilangan tanah LADA sekiranya Syarikat 40444-V tidak mampu menyelesaikan hutang dengan Syarikat 83868-X.

Maklum balas LADA yang diterima pada 21 Jun 2023 dan 17 Julai 2023

Mesyuarat telah diadakan pada 5 September 2021 bagi membincangkan cadangan penyelesaian isu pembangunan Perkampungan Tok Senik bersama MOF. Mesyuarat bersetuju isu penyelesaian pajakan tanah bagi tujuan projek pembangunan Perkampungan Tok Senik Resort hanya dapat dapat dipertimbangkan setelah mendapat keputusan daripada mahkamah berkenaan.

Pendapat Audit

Pengurusan pajakan tanah tidak memuaskan kerana berlaku kelemahan dalam pengurusan perjanjian yang menyumbang kepada kehilangan hasil pajakan dan risiko kehilangan tanah LADA.

5.2.4. Hartanah Pelaburan

5.2.4.1. Jualan dan Sewa Beli Lot Perumahan LADA

Taman Nilam dibina pada tahun 2001 terdiri daripada 280 unit rumah teres kos rendah, 134 unit rumah teres kos sederhana rendah dan 200 unit rumah teres

sederhana. Sebanyak 100 unit diperuntukkan untuk sewaan manakala 123 unit adalah untuk tujuan sewa beli khusus untuk penduduk Melayu Islam Kedah (MIK). Selebihnya, sebanyak 391 unit rumah adalah untuk jualan kepada orang awam.

a. Hak Milik Rumah Kepada Pembeli

i. Berdasarkan Klausa 17, Perjanjian Jual Beli antara LADA dan pembeli, pembeli bertanggungjawab menjelaskan kesemua bayaran perjanjian jual beli kepada peguam pembeli. Jika pembeli gagal membayar baki jualan atau ansuran yang ditetapkan, peguam pembeli diberi kuasa untuk memulangkan dokumen hak milik hartanah tersebut kepada penjual dan pindah milik tersebut hendaklah dibatalkan.

ii. Semakan Audit terhadap tunggakan bayaran penjualan hartanah perumahan Taman Nilam (bukan MIK) mendapati berlaku tunggakan bayaran berjumlah RM723,231.60 sehingga 31 Disember 2022 melibatkan 41 unit perumahan Taman Nilam. Sebanyak **31 lot rumah telah dipindah milik walaupun pembeli belum menjelaskan tunggakan bayaran rumah sepenuhnya.** Lima sampel Audit bagi hak milik lot rumah yang telah diserahkan kepada pembeli seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
HAK MILIK LOT RUMAH DISERAH KEPADA PEMBELI WALAUPUN MASIH MEMPUNYAI TUNGGAKAN BAYARAN

BIL.	NO. LOT	HARGA JUALAN (RM)	TUNGGAKAN (RM)	NO. HAKMILIK	TARIKH SERAH MILIK
1.	331	71,334	67,777	HSM 5091	22.07.2007
2.	507	82,000	60,000	HSM 5174	10.08.2011
3.	372	65,000	40,250	HSM 5272	02.09.2009
4.	203	49,654	14,689	HSM 4681	17.05.2006
5.	612	79,485	10,510	HSM 4829	10.06.2007

Sumber: Carian Rasmi, Perjanjian Jual Beli dan Rekod Bahagian Kewangan LADA

iii. Semakan selanjutnya mendapati tunggakan bayaran yang melibatkan 41 unit rumah mempunyai pelbagai isu jual beli rumah yang berlaku sekitar tahun 2005 hingga 2008. Antara isu yang menyebabkan tunggakan adalah tunggakan bayaran pinjaman bank, baki tunggakan telah dibayar kepada peguam pembeli, salinan perjanjian tiada dalam fail dan tunggakan bayaran pinjaman Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

Maklum balas LADA yang diterima pada 17 Julai 2023

Sehingga 30 Jun 2023, hanya 31 unit daripada keseluruhan 385 unit jualan rumah Taman Nilam yang belum dimuktamadkan penjualan. LADA telah mengambil inisiatif untuk menyelesaikannya dengan libat urus bersama pihak bank, peguam dan pembeli mengikut isu-isu dan status setiap transaksi. Tindakan penyelesaian diambil *as per case basis* memandangkan isu-isu terlibat memerlukan dokumentasi dan rekod transaksi sejak tahun 2005. LADA telah menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* Taman Nilam bagi melaksanakan dan memantau ke arah penyelesaian isu ini. Tindakan susulan bersama peguam juga telah diadakan pada 18 Julai 2022, 14 September 2022 dan 10 Januari 2023.

LADA telah menghubungi pihak peguam yang menguruskan penjualan rumah Taman Nilam berkenaan. Proses mendapatkan maklumat dan dokumen berkaitan daripada peguam dan juga pembeli dan waris serta pihak pembiaya pinjaman masih dijalankan. Proses ini dilaksanakan secara berterusan dan akan diselesaikan secara berperingkat. Mulai tahun 2015, LADA juga telah menambah baik prosedur penjualan iaitu memastikan penyerahan kunci kepada pembeli dilakukan selepas bayaran penuh diterima dan disahkan oleh Bahagian Kewangan LADA.

b. Bayaran Sewa Beli Lot Rumah MIK

i. Klausa 6.1 (a) Perjanjian Sewa Beli antara LADA dan pembeli pada tahun 2018 menyatakan pembeli hendaklah menjelaskan bayaran ansuran bulanan mengikut masa dan cara yang ditetapkan. Klausa 8.1 pula menyatakan, sekiranya bayaran ansuran bulanan tidak dijelaskan dalam masa 14 hari, LADA berhak untuk menamatkan perjanjian tanpa menjejaskan kepentingan LADA.

ii. Kronologi pengurusan bayaran sewa beli lot rumah MIK adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
KRONOLOGI BAYARAN SEWA BELI LOT RUMAH MIK

TAHUN	BUTIRAN
2005	Sebanyak 123 unit rumah LADA di Taman Nilam telah diperuntukkan untuk penempatan penduduk MIK. Penduduk telah ditawarkan sewa beli semasa pemindahan dan penempatan penduduk. Tiada sebarang caj sewaan dikenakan kepada penduduk MIK.
2006	Mulai November 2006 caj sewaan telah dikenakan oleh LADA dengan kadar sewaan RM150 dan RM200 sebulan. Bagaimanapun, caj sewaan yang telah dikenakan tidak dibayar sepenuhnya oleh penyewa sehingga 2017.
2017	Pada 23 November 2017, LADA telah mengeluarkan surat tawaran dan perjanjian sewa beli kepada penduduk MIK. Perjanjian sewa beli antara LADA dan penyewa telah dimeterai pada tahun 2018 bagi tempoh 20 tahun dari tarikh perjanjian ditandatangani. Bayaran ansuran bulanan berjumlah antara RM120 hingga RM250. Sasaran kutipan sewaan sebulan adalah berjumlah RM26,300.
2018	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan (JPKA) Bil. 1 Tahun 2018 telah meluluskan cadangan untuk menghapuskira tunggakan dan telah diambil tindakan dalam Penyata Kewangan Tahun 2018. Terdapat tunggakan sewa rumah bermula dari 1 November 2006 hingga 30 November 2017 berjumlah RM2.03 juta.

Sumber: Dokumen LADA

iii. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2022, masih terdapat bayaran ansuran yang tidak dibayar oleh penduduk MIK. Pihak Audit mendapati **tunggakan sewa beli rumah Taman Nilam oleh MIK berjumlah RM1.03 juta** melibatkan 118 penyewa sejak tahun 2018. Sebanyak 49 penyewa (41.5%) daripada 118 penyewa mempunyai tunggakan bayaran sewa beli antara 49 hingga 60 bulan dengan nilai keseluruhan tunggakan berjumlah RM567,320.

iv. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat JPKA Bil. 1 Tahun 2018 mendapati cadangan hapus kira berjumlah RM2.03 juta diluluskan disebabkan tindakan undang-undang sukar dilaksanakan. Ini kerana ketiadaan perjanjian sewaan yang ditandatangani di antara LADA dan penduduk MIK sebelum tahun 2017. Selain itu, terdapat penyewa asal telah meninggal dunia, bercerai dan telah berpindah memberi kesan kepada kutipan hasil sewaan LADA.

v. Menurut perkiraan Audit, jumlah keseluruhan hasil sewa dan sewa beli rumah MIK yang **tidak dapat dikutip termasuk tunggakan dihapus kira adalah berjumlah RM3.06 juta bagi tempoh November 2006 hingga Disember 2022.**

Maklum balas LADA yang diterima pada 21 Jun 2023

LADA memaklumkan kutipan sewa beli (MIK) dijalankan secara berterusan. Pada tahun 2022, LADA telah berjaya mengutip sejumlah RM149,970 manakala tahun 2023 menunjukkan sejumlah RM42,410 dikutip sehingga 31 Mac 2023. LADA telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengurangkan tunggakan MIK. Antaranya ialah penubuhan *Task Force Unit Recovery* untuk mengutip sewa, membuka kaunter bayaran di Taman Nilam secara bulanan, pengeluaran notis tunggakan berkala dan pelaksanaan Hari Mesra bersama Penyewa Beli Taman Nilam. Inisiatif lain yang dilaksanakan adalah untuk menghubungi penyewa, hadir ke rumah dan memberi peringatan kepada penyewa pada setiap sesi kaunter bergerak. Tunggakan MIK ini juga dipantau dalam Mesyuarat Akaun Belum Terima (ABT) dan Hasil serta mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) LADA & JPKA MOF.

5.2.4.2. Pengurusan Secara M&O

Berdasarkan Para 3.2, Pelan Hala Tuju Pengurusan Aset Tak Alih (PROMAP) objektif pengurusan aset tak alih adalah untuk mendapatkan faedah yang optimum serta menyediakan bajet operasi dan penyelenggaraan yang lebih efisien. Pengurusan

aset secara M&O adalah kaedah yang digunakan bagi memastikan aset LADA diuruskan secara optimum dan disenggara dengan baik.

a. Jeti Pelancongan Chenang

i. Jeti Pelancongan Chenang terletak di Lot PT 1298 dengan keluasan 0.62 ekar di Mukim Kedawang telah diuruskan secara M&O oleh pengendali syarikat swasta. Butiran perjanjian M&O pengurusan Jeti Pelancongan Chenang adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
BUTIRAN PERJANJIAN M&O PENGURUSAN JETI PELANCONGAN CHENANG

PERKARA	MAKLUMAT
Syarikat Pengendali	Syarikat 237332-H.
Tempoh Perjanjian	29 November 2007 sehingga 28 November 2012.
Lanjutan Tempoh	Setiap 5 tahun sehingga 15 tahun pertama mulai tarikh perjanjian dan perjanjian perlu diperbaharui untuk 15 tahun berikutnya.
Syarat Nyata Geran Tanah	Tanah hendaklah digunakan bagi maksud Tapak Perusahaan Pelancongan (Pembangunan/Jeti Pelancongan) sahaja.
Yuran Pengurusan dan Terma Perjanjian	RM5,000/bulan • kenaikan sewa 10% selepas setiap lima tahun. • RM10,000 selepas perjanjian dimeterai sebagai deposit keselamatan. • RM1,000 untuk utiliti sebagai sekuriti.
Bangunan Asal	Jeti sahaja.

Sumber: Dokumen Perjanjian

ii. Klausa 3.1, Perjanjian menyatakan LADA telah melantik syarikat untuk menguruskan jeti tertakluk kepada syarat perjanjian. Syarikat hendaklah menyelia, mengarah dan mengawal pengurusan, pemasaran dan operasi jeti. Syarikat juga perlu mengambil tindakan yang perlu bagi memastikan operasi jeti ini dalam keadaan efisien serta berkeadaan baik. Klausa 7.3 Perjanjian, menyatakan jika pembaikan, penambahan atau penambahbaikan yang melibatkan asas jeti, syarikat perlu menghantar kertas cadangan bagi memohon kelulusan daripada LADA.

iii. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Hala Tuju Pengurusan Jeti Kuala Chenang (Jeti Pelancongan Pantai Chenang) bertarikh 12 September 2019 mendapati **fungsi jeti sebagai jeti pelancongan seperti mana terkandung di dalam perjanjian M&O tidak dijalankan dan diuruskan** oleh syarikat. Keadaan ini berlaku disebabkan lokasi dan keadaan persekitaran jeti yang tidak sesuai untuk operasi jeti.

iv. Lawatan Audit pada 1 Mac 2023 mendapati jeti tidak beroperasi dan tidak berfungsi, tidak disenggara dan mengalami kerosakan teruk. Pihak Audit juga mendapati pembinaan bangunan tambahan berupa motel yang

didirikan tanpa memohon kelulusan KM daripada MPLBP. Butiran seperti dalam **Gambar 5** hingga **Gambar 6.**

GAMBAR 5



Jeti Pelancongan Chenang
- Jeti Tidak Beroperasi, Tidak Berfungsi dan Tidak Diselenggara
(01.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



Jeti Pelancongan Chenang
- Binaan Seperti Motel Telah Dibina di Kawasan Jeti
(01.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas LADA yang diterima pada 17 Julai 2023

Tanah berkeluasan 0.62 ekar daripada keseluruhan 5.5 ekar yang pada asalnya dibangunkan sebagai Jeti Pelancongan Chenang tidak lagi sesuai untuk beroperasi sebagai jeti. Keperluan untuk menaik taraf jeti berkenaan tidak relevan memandangkan keadaan kawasan yang berlumpur dan cetek akibat pembinaan pemecah ombak yang tidak sesuai. LADA dalam tindakan untuk melaksanakan pecah sempadan bagi lot tanah ini. Hala tuju pengurusan akan ditentukan setelah proses pecah sempadan tanah ini dilaksanakan dan dijangka selesai pada Disember 2024. Sebahagian tanah akan diubah guna berdasarkan hala tuju LADA yang akan ditentukan dan diluluskan nanti.

b. Restoran 1Malaysia

i. Restoran 1Malaysia (R1M) telah siap dibina pada tahun 2014 sebagai aset milikan LADA. Pengurusan aset ini telah diserahkan kepada anak syarikat LADA iaitu Syarikat 518734-V melalui perjanjian M&O yang telah ditandatangani pada 18 April 2016. Maklumat perjanjian M&O R1M seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
MAKLUMAT PERJANJIAN M&O RESTORAN 1MALAYSIA

PERKARA	BUTIRAN
Tarikh Siap	30 Januari 2014
Lot Tanah (Keluasan)	PT 405 & PT 407 (2.23 ekar)
Kos Pembinaan	RM4.24 juta
Status Tanah	Pajakan Negeri yang akan berakhir pada 28 September 2096
Komponen	Enam unit gerai makan dan minum, dua unit kopitiam, tandas dan surau

PERKARA	BUTIRAN
Tujuan Pembinaan	Menyediakan sebuah restoran bertaraf kelas pertengahan (middle-class)
Tempoh M&O	1 Mac 2016 hingga 28 Februari 2022
Syarikat M&O	Syarikat 518734-V
Yuran Pengurusan	RM1,000 sebulan

Sumber: Dokumen LADA

ii. Klausa 3.5, Perjanjian M&O menyatakan syarikat hendaklah memastikan fasiliti luaran dan dalaman restoran sentiasa berada dalam kawasan pengurusan yang ditetapkan. Premis perlu sentiasa berada dalam keadaan baik dan dibaiki dengan kos ditanggung oleh syarikat bagi memastikan perniagaan premis terus beroperasi. Klausa 10.1 dan 10.2 pula menyatakan bahawa pembaikan struktur adalah dibawah tanggungjawab LADA jika kerosakan tidak disebabkan oleh kegagalan penyenggaraan berkala. Pembaikan perlu dilaksanakan dan ditanggung oleh syarikat sekiranya pihak syarikat gagal melaksanakan penyenggaraan berkala.

iii. Lawatan Audit pada 27 Februari 2023 mendapati R1M **telah lama tidak beroperasi sejak tahun 2018 dan mengalami kerosakan pada kemasan bangunan** seperti dalam **Gambar 7** hingga **Gambar 8**.

GAMBAR 7



Restoran 1Malaysia
- Kemasan Kedai yang Rosak dan Dinding Berlumut
(27.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Restoran 1 Malaysia
- Siling yang Berlubang dan Rosak
(27.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati syarikat mengalami kerugian atas operasi R1M bagi tiga tahun berturut-turut dengan nilai kerugian antara RM23,975 hingga RM133,010 bermula tahun 2016 sehingga premis ditutup pada tahun 2018. Syarikat hanya menyerahkan semula R1M kepada LADA pada 30 September 2021 disebabkan syarikat tidak mampu menguruskan premis tersebut. Tiada sebarang aktiviti dijalankan dalam tempoh penutupan premis sehingga ia diserah semula pada tahun 2021 tersebut.

v. Berdasarkan Minit Mesyuarat Penamatan R1M pada 18 Oktober 2021, syarikat tidak menjalankan pemantauan dan penyenggaraan sejak R1M tidak beroperasi pada tahun 2018. Premis restoran menjadi usang dan mengalami banyak kerosakan. Kawasan restoran juga telah diceroboh serta berlaku kecurian peralatan kabel elektrik. Selain itu, pihak Audit turut mendapati kebanyakan aset bernilai rendah telah hilang dan tidak dapat dikenalpasti.

Maklum balas LADA yang diterima pada 17 Julai 2023

Pihak Syarikat 518734-V bertanggungjawab untuk melaksanakan penyenggaraan dalam tempoh M&O. Namun, syarikat hanya melaksanakan penyenggaraan berskala kecil memandangkan syarikat mengalami kerugian operasi. LADA memaklumkan tiada kerja-kerja penyenggaraan dilaksanakan sepanjang tempoh M&O kerana tiada laporan kerosakan besar atau kritikal dikemukakan oleh syarikat. Surat penamatan telah dikeluarkan kepada syarikat dengan tarikh penamatan berkuat kuasa pada 30 September 2021.

LADA telah mengambil tindakan kerja-kerja pembersihan secara gotong royong (in-house). LADA juga telah melantik kontraktor bagi perkhidmatan pembersihan secara berkala (enam kali) selama 12 bulan bermula pada 1 Oktober 2022 hingga 30 September 2023 setelah R1M diserahkan semula kepada LADA. Surat tawaran pengurusan R1M telah dikeluarkan kepada Syarikat 1230962-W pada 20 Oktober 2022 melalui kaedah kerjasama pintar (smart partnership). Kos pembangunan dan penyenggaraan ditanggung oleh syarikat dan tawaran ini sebagai mekanisme untuk pembangunan semula R1M.

Pendapat Audit

Pengurusan hartanah pelaburan adalah kurang memuaskan kerana kelemahan pengurusan pindah milik rumah dan M&O. Penyenggaraan hartanah juga kurang memuaskan kerana berlaku banyak kerosakan pada hartanah.

5.2.5. Pertukaran dan Pindah Milik Hartanah

a. Seksyen 3, Akta LADA 1990, membenarkan LADA mengadakan kontrak, memperolehi, membeli, memegang dan menikmati harta alih dan harta tak alih. Perenggan 4 (2) (i) pula menyatakan LADA boleh melupuskan aset modal dengan kelulusan Menteri.

b. Semakan Audit mendapati satu perjanjian penjualan tanah telah ditandatangani antara LADA dan Syarikat 339170-W pada 24 Julai 1999. Butiran maklumat tanah yang dijual seperti dalam **Jadual 29.**

JADUAL 29
MAKLUMAT PENJUALAN TANAH LADA

PERKARA	MAKLUMAT
No. Lot dan Hak Milik	PT 379 (HSM 46)
Mukim dan Keluasan Tanah	Padang Mat Sirat dengan Keluasan 224400 Meter Persegi
Jenis Tanah	Pajakan 99 Tahun
Nilai Jualan Tanah	RM2.72 Juta
Tarikh Daftar	29 Jun 1999
Kategori Guna Tanah	Bangunan
Syarat Nyata	Pelbagai Pembangunan

Sumber: Geran Tanah

c. Sebagai balasan atas penjualan hartanah tersebut, LADA memperoleh pemilikan **satu lot tanah iaitu Lot 43858, Mukim Sg. Buloh, Selangor yang mempunyai tujuh unit rumah kedai lima tingkat di Bandar Damansara Perdana.** Nilai hartanah rumah kedai ini berjumlah RM2.72 juta yang terdiri daripada lima unit kedai di Blok C 26 bernilai RM1.89 juta dan dua unit kedai di Blok C 28 bernilai RM0.83 juta.

d. Pihak Audit mendapati lokasi rumah kedai lima tingkat ini berada di luar daerah Langkawi dan tidak diwartakan sebagai Kawasan LADA di bawah Akta LADA 1990. Kedudukan hartanah di luar Kawasan LADA ini menyebabkan pengurusan bangunan menjadi sukar dan tanggungan kos penyenggaraan yang semakin meningkat. Hanya dua daripada tujuh unit yang masih disewakan sehingga Disember 2022.

e. Semakan lanjut mendapati pada 13 Februari 2017, LADA telah memohon kelulusan penjualan tujuh unit rumah kedai tersebut daripada MOF dengan nilaian JPPH pada 26 Mei 2016 berjumlah RM6.43 juta. MOF telah meluluskan permohonan penjualan tersebut pada 12 Mei 2017. Surat MOF kepada LADA bertarikh 17 Mei 2017 menyatakan kelulusan penjualan hartanah dengan syarat harga jualan hendaklah tidak kurang daripada harga penilaian JPPH dan proses jualan dilaksanakan mengikut tatacara pelupusan aset Kerajaan.

Maklum balas LADA yang diterima pada 21 Jun 2023

Pertukaran PT379 dengan tujuh unit rumah kedai di Damansara Perdana berlaku pada tahun 1999 bernilai RM2.72 juta. Kelulusan JP LADA telah diperolehi bagi tujuan pertukaran hartanah tersebut bermula tahun 1998. Komposisi ahli Jemaah Pengarah

LADA pada ketika itu dipengerusikan oleh Pengerusi Bersama merangkap Menteri Kewangan manakala YAB Perdana Menteri sebagai Penasihat LADA pada ketika itu. Kelulusan Menteri Kewangan bagi penjualan telah diperoleh pada tahun 2017 dan penilaian JPPH telah dilaksanakan pada tahun yang sama. Sehingga 30 Jun 2023, proses penjualan sedang dilaksanakan. Sementara itu, hartanah berkenaan disewakan untuk tujuan menjana pendapatan kepada LADA.

Pendapat Audit | **Perolehan hartanah di luar Kawasan LADA tidak selaras dengan fungsi dan peranan LADA dalam pembangunan Langkawi.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pembangunan hartanah LADA bagi tempoh 2018 hingga 2022 masih belum mencapai prestasi yang memuaskan sebagai pemangkin kepada pelancongan. Terdapat projek pembangunan LADA dan pelaburan swasta yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan. Perancangan pembangunan tanah kosong LADA pula menunjukkan hanya satu daripada 19 konsep pembangunan MasPlan dan *Investment Guide* telah dimeterai perjanjian dan dalam fasa pelaksanaan oleh pihak swasta. Ini telah menyebabkan pelancong dan penduduk tempatan lambat mendapat manfaat yang sepatutnya. Pembangunan hartanah juga tidak dapat memberi pulangan hasil yang maksimum kerana LADA perlu bertanggungjawab dalam memenuhi fungsi di bawah Akta LADA 1990 sebagai agensi yang memajukan dan memudahkan pembangunan pelancongan, sosioekonomi dan infrastruktur di daerah Langkawi.

Terdapat kelemahan di peringkat pengurusan aktiviti meliputi pelaksanaan projek pembangunan LADA yang tidak disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan, ketiadaan perjanjian pajakan tanah yang memberi kesan terhadap pulangan hasil serta gadaian tanah kepada syarikat yang membawa risiko kehilangan tanah. Selain itu, tunggakan hasil sewaan yang tinggi, kelemahan pengurusan hartanah secara M&O dan pemilikan hartanah di luar kawasan LADA memerlukan perhatian daripada pihak pengurusan untuk tindakan penambahbaikan.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi isu-isu yang dibangkitkan dan memastikan ianya tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

7.1. MOF/LADA/JKR hendaklah memantau rapi projek pembangunan LADA agar dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan berdasarkan peruntukan yang diluluskan, bagi memastikan manfaat projek dapat dinikmati oleh pelancong dan penduduk tempatan;

7.2. MOF/LADA perlu memastikan pengurusan perjanjian pajakan tanah dilaksanakan dengan teratur dan berkesan bagi menjamin kepentingan LADA/Kerajaan dalam aktiviti pembangunan hartanah oleh pelabur swasta untuk mengelakkan risiko kehilangan hasil dan hartanah; dan

7.3. LADA perlu menambahbaik pengurusan hartanah pelaburan yang dilaksanakan secara pengurusan langsung oleh LADA atau M&O bagi memastikan hartanah diuruskan secara cekap serta memberi pulangan sewajarnya.

2

Kementerian Perladangan dan Komoditi

- **Lembaga Getah Malaysia**
  - Pengurusan Projek Penyelidikan dan Pembangunan oleh Lembaga Getah Malaysia

PENGURUSAN PROJEK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN OLEH LEMBAGA GETAH MALAYSIA

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
LEMBAGA GETAH MALAYSIA


R&D

RUMUSAN AUDIT

"LGM telah melaksanakan aktiviti *Research & Development* (R&D) merangkumi tiga sektor selaras dengan fungsi seperti yang ditetapkan. Bagaimanapun pengukuran tahap keberhasilan projek R&D oleh LGM masih **belum tercapai** sepenuhnya kerana aktiviti R&D yang dilaksanakan belum dapat menyumbang secara langsung kepada pembangunan industri getah Malaysia".

1 PENCAPAIAN OUTPUT

A PENCAPAIAN PROJEK



Selesai
24 Huluan
4 Pemprosesan
39 Hiliran

Dalam Tempoh Penyelidikan
12 Huluan
4 Pemprosesan
15 Hiliran

Dalam Tempoh Lanjutan
3 Huluan

Ditamatkan
2 Huluan
1 Hiliran

B PEMINDAHAN TEKNOLOGI

i. Kerangka Keberhasilan LGM

- Harta Intelek Difailkan 167% - 500%
- Pengkomersialan Ditandatangan > 200%
- Pemindahan Teknologi Untuk Mengurangkan Pencemaran dan Pengurusan Alam Sekitar 100% - 140%

ii. Pindah Teknologi Mengikut Projek

44 daripada 72 Projek R&D

29 Sektor Huluan	3 Sektor Pemprosesan	40 Sektor Hiliran
17	3	24

PINDAH TEKNOLOGI

2 PENCAPAIAN KEBERHASILAN

5 PERKARA YANG DINILAI

Pengeluaran Getah Asli Negara
Getah Asli:
↑ 2019
↓ 2020 - 2022

Pengeluaran Produk Berasaskan Getah Negara
Produk Getah
↑ 2019 - 2021
↓2022

Eksport dan Import Getah Negara
Eksport: Getah Asli:
↓ 2019, 2021 - 2022
↑ 2020
Import Getah Asli:
↑ 2019 - 2020
↓2021 - 2022

KDNK Negara 2019 - 2022
Sektor Huluan
↑ 2019
↓ 2020 - 2022
Sektor Hiliran
↑ 2019 - 2021
↓ 2020

Pendapatan Hasil Getah
Penggiat Industri
↑ 50%
Kepada LGM:
11 Perjanjian Komersialan RM0.39 juta

3 PENGURUSAN AKTVITI R&D

Perancangan Projek R&D

- Keperluan pemegang taruh di sektor huluan kurang dibincangkan
- Manual Kualiti tidak menyatakan keperluan penilaian risiko

Pemindahan Teknologi

1. Kawalan Penyakit LDP Masih Belum Berkesan
2. Kod Projek 688 - Stimulant Technologies Kurang Diyakini Oleh Pekebun Kecil
3. Tiada Peningkatan Prestasi Daripada Projek *The Evaluation of Cuplump Modified Bitumen* (CMB) *for Malaysian Road Construction* (Kod Projek 577)

Pemantauan Oleh KPK

Tiada pemantauan dilaksanakan untuk memastikan hasil teknologi R&D yang dihasilkan dan dipindahkan kepada pemegang taruh industri getah

3 Syor Audit

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
PENGURUSAN PROJEK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN OLEH LEMBAGA GETAH MALAYSIA

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Objektif utama LGM adalah untuk mempromosi dan memaju industri getah Malaysia serta memberi keutamaan kepada industri getah Malaysia. Berdasarkan Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1966 (Akta 551), industri getah adalah termasuk pengeluaran getah dan kayu hevea, pemprosesan dan penggunaan getah, pengilangan keluaran getah dan perkhidmatan yang berhubungan dengannya.
- Aktiviti utama LGM pula adalah melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta melaksanakan pemindahan teknologi. Berdasarkan Akta 551, fungsi LGM adalah melaksanakan dasar dan projek pembangunan industri, melaksanakan aktiviti penyelidikan kemajuan getah, mengadakan perkhidmatan teknikal dan perunding industri getah serta merancang, menyelaras dan memajukan aktiviti penyelidikan.
- Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu Prestasi Aktiviti dan Pengurusan Aktiviti R&D. Prestasi Aktiviti dinilai melalui pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Penilaian pencapaian output dinilai berdasarkan pencapaian projek R&D dan pemindahan teknologi. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan pengeluaran getah asli negara, pengeluaran produk berasaskan getah negara, eksport dan import getah negara, sumbangan industri getah kepada hasil Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta pendapatan hasil getah kepada penggiat industri dan LGM. Pengurusan Aktiviti R&D meliputi perancangan projek R&D, pemindahan teknologi dan pemantauan oleh KPK. Sebanyak 26 projek R&D telah dipilih sebagai sampel Audit daripada keseluruhan 72 projek yang telah siap antara tempoh 2019 hingga 2022 serta satu projek berkaitan penyakit Luruhan Daun Pestalotiopsis (LDP) yang sedang dalam pelaksanaan. Kriteria pemilihan sampel adalah bagi projek dengan kos yang tertinggi serta keutamaan bagi projek di sektor huluan.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

Untuk menilai sama ada pengurusan R&D industri getah dibuat dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan iaitu mempromosi dan memajukan serta memberi keutamaan kepada pembangunan industri getah Malaysia.

Rumusan

Secara keseluruhannya, LGM telah melaksanakan aktiviti R&D merangkumi tiga sektor selaras dengan fungsi seperti yang ditetapkan. Bagaimanapun keberhasilan projek R&D oleh LGM masih belum tercapai sepenuhnya kerana aktiviti R&D yang dilaksanakan belum dapat menyumbang secara langsung kepada pembangunan industri getah Malaysia, selaras dengan objektif LGM iaitu bagi memaju dan memberi keutamaan kepada pembangunan industri getah negara.

Pelaksanaan projek R&D yang lebih menekankan kepada sektor hiliran berbanding sektor huluan tidak membantu industri getah semasa yang tidak stabil. Di samping itu faktor lain seperti saiz pegangan tanah, pandemik Covid-19, usia pekebun kecil, pokok getah tua, kekurangan tenaga buruh dan harga getah yang rendah turut mempengaruhi pengeluaran getah asli Negara. Bagi menampung keperluan industri, import melebihi eksport getah asli bermula pada tahun 2019 hingga 2022.

Pemindahan teknologi yang kebanyakannya adalah secara sumbangan sosial tidak dapat memberi impak yang signifikan terhadap pemegang taruh yang terlibat dalam industri getah. Selain itu, keperluan dari sektor huluan industri getah yang kurang perhatian menyebabkan R&D yang dijalankan oleh LGM kurang memberi penekanan terhadap keperluan sebenar penggiat industri terutamanya kepada pekebun kecil.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
1.	Daripada 72 projek, hanya 44 projek (61.1%) telah memindahkan teknologi kepada industri getah. Manakala baki 28 projek tiada pemindahan teknologi disebabkan projek ditamatkan dan projek merupakan kajian asas untuk kegunaan projek R&D seterusnya Daripada 44 projek, sebanyak 41 projek (93.2%) telah memindahkan teknologi secara sumbangan sosial.	Pemindahan teknologi secara sumbangan sosial lebih banyak dilaksanakan namun dari aspek pemegang taruh yang terlibat dalam pembangunan industri getah terutama sektor huluan ianya tidak dapat memberi impak yang signifikan.	Memastikan teknologi yang dibangunkan dipindahkan dan diadaptasikan oleh pemegang taruh dalam industri getah.
2.	R&D sektor huluan telah dilaksanakan tetapi kurang berjaya menyumbang kepada pembangunan dan peningkatan sektor huluan industri getah.	Sumbangan KDNK industri getah bagi sektor huluan menurun antara 8.4% hingga 19.7% bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.	Mengenal pasti keperluan industri dan pihak berkepentingan dalam menentukan projek R&D yang akan dilaksanakan
3.	Projek R&D yang dijalankan oleh LGM kurang mengambil kira keperluan pemegang taruh dalam industri getah.	R&D yang dijalankan oleh LGM kurang memberi penekanan terhadap keperluan sebenar penggiat industri terutamanya kepada pekebun kecil.	
4.	Manual Kualiti LGM tidak menyatakan keperluan penilaian risiko (risk assessment) dilaksanakan sebelum sesuatu projek R&D diluluskan.	Terdapat projek yang gagal dan ditamatkan.	Melaksanakan penilaian risiko/kajian awalan bagi mengurangkan risiko kegagalan sesuatu projek yang merugikan Kerajaan
5.	Tiada pemantauan dilaksanakan oleh KPK terhadap penyelidikan LGM untuk memastikan hasil teknologi yang dihasilkan dipindahkan kepada pemegang taruh industri getah.	Pemindahan teknologi oleh LGM kurang dilaksanakan kepada pemegang taruh.	KPK perlu mempergiatkan pemantauan terhadap aktiviti pemindahan teknologi oleh LGM kepada pemegang taruh bagi memastikan objektif untuk memajukan industri getah Malaysia tercapai.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
1. PENGURUSAN PROJEK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN OLEH LEMBAGA GETAH MALAYSIA

FAKTA UTAMA

Objektif Lembaga Getah Malaysia adalah mempromosi dan memajukan serta memberi keutamaan kepada pembangunan industri getah Malaysia.

KOS PROJEK RM68.20 juta
Tempoh 2019 – 2022
104 projek R&D dilaksanakan

- 41 projek R&D dari sektor huluan
- 8 projek R&D dari sektor pemprosesan
- 55 projek R&D dari sektor hiliran

- 72 projek R&D sepatutnya siap
- 31 projek R&D masih dalam tempoh penyelidikan
- 1 projek R&D ditamatkan sebelum bermula

72 projek R&D

44 projek R&D
Dipindahkan teknologi kepada pemegang taruh secara sumbangan sosial, usaha sama, pelesenan teknologi, penggunaan teknologi dan unit menjalankan perniagaan.

28 projek R&D
Tidak dipindahkan teknologi kepada pemegang taruh kerana ditamatkan dan projek merupakan kajian asas.

Fungsi LGM: Memajukan dan melaksanakan aktiviti penyelidikan serta kemajuan dalam pengeluaran, pemakaian dan penggunaan getah; merancang, menyelaras dan mengawasi segala aktiviti penyelidikan dan kemajuan getah.

1. LATAR BELAKANG

1.1. Merujuk kepada Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 (Akta 551), industri getah adalah termasuk pengeluaran getah dan kayu hevea, pemprosesan dan penggunaan getah, pengilangan keluaran getah serta perkhidmatan yang berhubungan dengannya. Berdasarkan Statistik Industri Getah Malaysia sehingga tahun 2022, Malaysia berada di kedudukan kelapan dunia bagi pengeluaran getah asli dengan hanya 377.05 juta tan metrik getah berbanding negara pengeluar utama negara jiran dengan pengeluaran berjumlah 3,831.60 juta tan metrik getah.

1.2. Getah yang dihasilkan antaranya adalah getah skrap, lateks dan *Standard Malaysian Rubber* (SMR). Harga pasaran getah di Malaysia terutamanya SMR Gred 20 pernah mencecah paras tertinggi pada tahun 2011 iaitu dengan harga purata RM13.48 per kilogram (kg) dan pada tahun 2017 harga purata RM10.60 per kg. Bagaimanapun, harga pasaran SMR 20 di Malaysia pada tahun 2022 adalah RM6.70 per kg. Harga purata pasaran lateks terus menunjukkan peningkatan setiap tahun yang mana pada tahun 2019 adalah RM4.53 per kg dan pada tahun 2022 mencecah

RM5.67 per kg. Harga purata pasaran skrap (basah) pula tidak menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu RM2.33 per kg pada tahun 2019 dan RM3.15 per kg pada tahun 2022.

1.3. Menurut Dasar Komoditi Negara Tahun 2011-2020, antara strategi industri getah bagi tempoh tahun 2011 hingga 2020 adalah dengan memperkukuh penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan untuk meningkatkan daya saing industri getah. Kementerian dan agensi yang terlibat secara langsung dengan industri getah dan fungsinya adalah seperti dalam **Rajah 1**.


RAJAH 1
KEMENTERIAN DAN AGENSI TERLIBAT DENGAN INDUSTRI GETAH



Sumber: Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996, Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972 dan Laman Sesawang KPK, KKDW, JPM, LGM, RISDA dan FELDA

1.4. Lembaga Getah Malaysia (LGM) ditubuhkan pada 1 Januari 1998 di bawah Akta 551. Objektif utama LGM adalah untuk mempromosi dan memaju industri getah Malaysia serta memberi keutamaan kepada industri getah Malaysia. Aktiviti utama LGM adalah melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta melaksanakan pemindahan teknologi. Pelaksanaan R&D adalah meliputi sektor[1] huluan, pemprosesan dan hiliran. Berdasarkan Akta 551, fungsi LGM adalah seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2
FUNGSI LGM



Sumber: Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 dan Laman Sesawang LGM

[1] Sektor huluan – Sektor perladangan (menghasilkan: susu getah cair, sekerap), Sektor pemprosesan – sektor pertengahan (menghasilkan: getah SMR, Lateks), Sektor hiliran – Sektor pembuatan (menghasilkan produk berasaskan getah seperti sarung tangan, kondom dan tayar)

1.5. Bagi melaksanakan projek R&D di bawah LGM, bahagian dan unit bertanggungjawab melaksana dan memantau projek seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3
FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB MENGIKUT BAHAGIAN

AGENSI	BAHAGIAN & FUNGSI		
Lembaga Getah Malaysia	1.	Bahagian Teknologi dan Kejuruteraan	Membangun dan meningkatkan teknologi; dan perundingan dan khidmat nasihat bidang teknikal
	2.	Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan	Pembangunan Infrastuktur Teknologi Maklumat dan Komunikasi, pelaksanaan bidang penerbitan, pengurusan harta tanah, pengurusan dalam perolehan dan kewangan
	3.	Bahagian Kemajuan Pengeluaran	Membangunkan produk untuk meningkatkan produktiviti pokok dan tanah
	4.	Bahagian Kualiti dan Perkhidmatan Teknikal	Membangunkan kaedah dan peralatan untuk menyokong penyelidikan aktiviti dan industri; dan membangunkan standard dan spesifikasi berkaitan getah dan produk berkaitan getah
	5.	Bahagian Pengembangan dan Pembangunan	Merancang, menyelaras, melaksana dan memantau aktiviti pemindahan teknologi dari dapatan penyelidikan dan pembangunan di sektor huluan industri getah
	6.	Unit Perancangan Strategik	Pengurusan bajet penyelidikan
	7.	Unit Perundangan	Memberi nasihat dan pandangan berkaitan undang-undang

Sumber: Laman Sesawang Portal LGM

1.6. Sumber dana LGM dalam melaksanakan aktiviti R&D adalah daripada peruntukan dalaman LGM iaitu peruntukan *Industrial Support and Technology Commercialization* (ISTC), dana rizab dan peruntukan mengurus LGM. Antara sumber utama bagi peruntukan dalaman utama LGM adalah daripada hasil cukai SES getah di mana bagi tahun 2019 hingga 2022, LGM memperoleh hasil cukai SES getah antara RM38.93 juta hingga RM62.23 juta setahun. SES getah merupakan pengenaan cukai kepada setiap kilogram getah asli yang dikeluarkan sama ada untuk jualan tempatan atau dieksport ke luar negara. Cukai SES getah dikutip pada kadar RM0.14 sekilogram iaitu RM0.10 sekilogram untuk tanam semula dan RM0.04 sekilogram untuk penyelidikan.

1.7. Selain itu, LGM turut menerima peruntukan melalui Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Sebanyak 104 projek R&D dilaksanakan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Pecahan projek R&D yang dilaksanakan mengikut sumber dana bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PROJEK R&D DILAKSANAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

SUMBER DANA	PROJEK		KOS PROJEK	
	BILANGAN	%	RM JUTA	%
ISTC dan peruntukan mengurus	99	95.2	23.58	34.6
Rizab LGM	3	2.9	25.94	38.0
RMKe-11 dan baki NKEA (RMKe-10)	2	1.9	18.68	27.4
JUMLAH	**104**	**100**	**68.20**	**100**

Sumber: Senarai Program Penyelidikan dan Pembangunan Mengikut Sektor serta Senarai Projek RMKe-11 dan NKEA di bawah RMKe-10

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan R&D industri getah dibuat dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan iaitu mempromosi dan memajukan serta memberi keutamaan kepada pembangunan industri getah Malaysia.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2019 hingga 2022. Prestasi aktiviti meliputi dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan, manakala pengurusan aktiviti meliputi perancangan projek R&D, pemindahan teknologi dan pemantauan oleh KPK. Bagi mengukur pencapaian keberhasilan dan trend berkaitan industri getah pula, data dianalisis bagi tempoh tahun 2015 hingga 2022.

3.2. Sebanyak 72 daripada 104 projek R&D (69.2%) merupakan projek yang sepatutnya siap dalam tempoh tahun 2019 hingga 2022. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 25 projek R&D (34.7%) telah dipilih sebagai sampel Audit. Selain itu terdapat satu projek yang masih dilaksanakan berkaitan penyakit terkini iaitu penyakit Luruhan Daun Pestalotiopsis (LDP) turut dipilih sebagai sampel Audit. Ini menjadikan keseluruhan sampel adalah sebanyak 26 daripada 73 projek R&D (35.6%).

3.3. Kriteria sampel dipilih adalah berasaskan projek dengan kos yang tertinggi serta melibatkan pelbagai sektor iaitu sektor huluan, pemprosesan dan hiliran dengan keutamaan bagi projek di sektor huluan. Ringkasan sampel dan butiran sampel projek adalah seperti dalam **Jadual 2** dan **Rajah 4**.

JADUAL 2
SAMPEL PENGAUDITAN PROJEK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

SEKTOR	POPULASI		SAMPEL			
	BIL.	KOS	BIL.	%	KOS	%
Huluan	30	32.31	16	53.3	30.52	94.5
Pemprosesan	3	4.20	2	66.7	3.32	79.0
Hiliran	40	24.75	8	20.0	19.77	79.9
JUMLAH KESELURUHAN	**73**	**61.26**	**26**	**35.6**	**53.61**	**87.5**

Sumber: Data RRIM *Research* dan Analisis Audit

RAJAH 4
BUTIRAN SAMPEL PROJEK

HULUAN		
Kod 535: *Evaluation and Selection of The High Yielding Cirad-Michelin South American Leaf Blight* (CMS) *Resistant Clones Based on Economic Characters In The Large-Scale Clone Trial* (LSCT)	**Kod 650**: *Evaluation of Diseases of Hevea*	**Kod 658**: Projek Model Pembangunan Getah Untuk Pribumi (GUP) Fasa Pokok Dewasa
Kod 665: Model Integrasi dalam Ekosistem Getah	**Kod 684**: *Plantation and Production of Raw Material*	**Kod 687**: *Research and Development on The RFID and Girth Measuring Devices Technology for The Immature and Mature Rubber Tree*
Kod 688: *Stimulant Technologies*	**Kod 703**: *Establishment of disease screening nurseries in* RRIMINIS Gua Musang/Tok Dor, SP Sunga Sari and SP Bukit Kuantan	**Kod 744**: *In Vivo Anti-dengue Virus Activity of Hevea Bark Phenolic Fraction*
Kod 747: Kajian Hubungan Kecerdasan Emosi Terhadap Penerimaan Guna Teknologi Dalam Kalangan Peserta Projek Getah Untuk Pribumi Malaysia	**Kod 750**: *Physiological and Biochemical Responses of Rubber Tree (Hevea Brasiliensis) cultivated on steep terrain in relation to fertilizer application*	**Kod 777**: Projek Adaptasi Teknologi Getah
Kod 785: *Microbiome Analysis of Hevea Leaves Infected with Pestalotipsis Leaf Fall Disease*	**Kod 788**: *Utilization of big data for smart nutrient management in rubber cultivation area*	**Kod 797**: *Evaluation and selection of the high yielding Cirad-Michelin South American Leaf Blight resistant clones based on economic characters in the large-scale clone trial*
Kod 813: *Predicting the Disease Dynamic Through Epidemiology Research on Pestalotiopsis Leaf Fall in Malaysia.*		
PEMPROSESAN		
Kod 655: *Processing of Crepe Rubber and Serum*	**Kod 734** : *A Study On SMR Producers' Performances In Term of Consistency and Origin of Raw Materials*	
HILIRAN		
Kod 577: *The Evaluation of Cuplump Modified Bitumen for Malaysian Road Construction*	**Kod 634** : Pembangunan produk-produk hiliran bahan termaju dan mesra alam berasaskan lateks	**Kod 663** : *Advance Latex Products*
Kod 666: *Industrial and General Rubber Goods*	**Kod 683** : *Advance Rubber Technology Unit*	**Kod 729**: *Development of an Automatic Cutter For Cuplump Sampling for determination of DRC by* RRIMETER
Kod 735: *Determination of Anionic Content in Rubber Serum, Effluents and Extracts of Latex Dipped Products by Ion Chromatography*	**Kod 760**: *Development of Ammonia-Free NR Latex Using MRB In-House Synthesized palm-based polymeric surfactants*	

Sumber: Data RRIM *Research* , Senarai Program Penyelidikan dan Pembangunan Mengikut Sektor - LGM dan Analisis Audit

3.4. Pengauditan dilaksanakan di Ibu Pejabat LGM dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahan Getah (RISDA), Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Stesen Penyelidikan (SP) Sungai Buloh, Selangor; SP Sungai Sari, Kedah dan SP Kota Tinggi, Johor berdasarkan sampel Audit yang telah dipilih.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan serta analisis data maklumat projek R&D daripada sistem *Rubber Research Institute of Malaysia* (RRIM) *Research*, data berkaitan industri getah yang diperolehi daripada KPK dan data pendapatan pekebun kecil yang diperoleh daripada RISDA. Analisis Audit dilaksanakan terhadap borang soal selidik yang diterima daripada pekebun kecil serta peserta projek R&D getah. Soal selidik turut melibatkan syarikat berkaitan industri getah yang pernah melaksanakan kolaborasi bersama LGM atau menjadi pelesen teknologi LGM.

4.2. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab berkaitan dengan aktiviti pengurusan R&D, peserta projek dan pekebun kecil turut diadakan. Lawatan Audit dijalankan di lima buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Pahang dan Johor yang melibatkan beberapa buah kampung. Butiran lokasi lawatan fizikal adalah seperti dalam **Rajah 5**.

RAJAH 5
LOKASI LAWATAN FIZIKAL



Sumber: Ilustrasi Jabatan Audit Negara

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan dijalankan antara bulan Disember 2022 hingga Jun 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada KPK, LGM dan RISDA telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 12 September 2023. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di LGM dilaksanakan mengikut tiga kategori sektor utama iaitu sektor huluan, pemprosesan dan hiliran.

5.1.1. Pencapaian Output

Pencapaian output dinilai berdasarkan dua perkara iaitu Status Pencapaian Projek R&D dan Pemindahan Teknologi.

5.1.1.1. Status Pencapaian Projek R&D

a. Berdasarkan Manual Kualiti LGM, setelah dana sesuatu projek R&D diluluskan, Ketua Projek dan Ketua Program perlu memastikan projek berjalan dengan lancar.

b. Semakan Audit mendapati daripada 104 projek R&D yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022, **sebanyak 67 projek (64.4%) telah berjaya diselesaikan, 31 projek (29.8%) masih dalam tempoh penyelidikan dan tiga projek (2.9%) masih dalam tempoh lanjutan masa serta tiga projek (2.9%) telah ditamatkan**. Butiran status projek R&D bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
STATUS PROJEK R&D BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

SEKTOR	BIL. PROJEK	SELESAI		BELUM SELESAI				DITAMATKAN	
				DALAM TEMPOH PENYELIDIKAN		DALAM TEMPOH LANJUTAN			
		BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%
Huluan	41	24	58.5	12	29.3	3	7.3	2	4.9
Pemprosesan	8	4	50.0	4	50.0	-	-	-	-
Hiliran	55	39	70.9	15	27.3	-	-	1	1.8
JUMLAH	**104**	**67**	**64.4**	**31**	**29.8**	**3**	**2.9**	**3**	**2.9**

Sumber: Data RRIM *Research* dan Analisis Audit

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati:

i. **Tiga projek yang belum selesai dan dalam lanjutan masa adalah terdiri daripada projek dari sektor huluan**. Projek tersebut telah diberikan dua hingga tiga kali tempoh lanjutan masa dengan jumlah tempoh lanjutan masa antara 14 hingga 24 bulan.

ii. Dua projek di sektor huluan yang ditamatkan adalah disebabkan **serangan haiwan liar serta serangan penyakit dan kematian haiwan ternakan** manakala **satu projek daripada sektor hiliran ditamatkan sebelum bermula, disebabkan penularan Covid-19**.

5.1.1.2. Pemindahan Teknologi

LGM berperanan untuk memindahkan teknologi yang telah dibangunkan selari dengan Seksyen 4(1)(f) Akta 551. Prosedur Kelulusan Pemindahan Teknologi LGM Tahun 2021, menyatakan pemindahan teknologi adalah segala aktiviti pemindahan pengetahuan, teknologi, harta intelek, kemahiran dan peralatan sama ada untuk menjana pendapatan melalui pelesenan teknologi, jualan

langsung, usaha sama, perkhidmatan perundingan, sumbangan sosial, penggunaan teknologi, langganan dan unit menjalankan perniagaan.

a. Pemindahan Teknologi Berdasarkan Kerangka Keberhasilan LGM

i. Berdasarkan Laporan Pemantauan Prestasi dan Ringkasan R&D LGM, tiga sasaran ditetapkan berkaitan pemindahan teknologi iaitu bilangan harta intelek yang difailkan, teknologi/inovasi yang dikomersialkan (perjanjian pengkomersialan ditandatangani) dan bilangan pemindahan teknologi kepada industri (pengkomersialan teknologi dan kolaborasi).

ii. Semakan Audit mendapati:

- LGM telah mencapai kesemua sasaran bagi bilangan harta intelek yang difailkan dengan **pencapaian antara 167% hingga 500%**;
- Pada tahun 2021 dan 2022 pencapaian sasaran teknologi/inovasi yang dikomersialkan (perjanjian pengkomersialan ditandatangani), LGM telah **mencapai 200% berbanding sasaran yang ditetapkan**. Pada tahun 2019 dan 2020, LGM mempunyai masing-masing enam dan satu perjanjian pengkomersialan walaupun tiada sasaran ditetapkan; dan
- Pada tahun 2019 dan 2020, LGM berjaya mencapai sasaran pemindahan **teknologi untuk mengurangkan pencemaran dan pengurusan alam sekitar kepada industri dengan pencapaian 100% hingga 140%**. Walaupun tiada sasaran ditetapkan pada tahun 2021 dan 2022, LGM telah melaksanakan sebanyak dua pemindahan teknologi pada tahun 2021 dan lima pada tahun 2022. Butiran pencapaian pemindahan teknologi adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENCAPAIAN BILANGAN PENGKOMERSIALAN
TEKNOLOGI BAHARU INOVASI DAN TEKNOLOGI LGM

BUTIRAN SASARAN	2019			2020			2021			2022		
	SASARAN	SEBENAR		SASARAN	SEBENAR		SASARAN	SEBENAR		SASARAN	SEBENAR	
	BIL.	BIL.	%	BIL.	BIL.	%	BIL.	BIL.	%	BIL.	BIL.	%
Bilangan Harta Intelek Difailkan	3	5	167.0	3	15	500.0	3	10	333.3	4	11	275.0
Teknologi/inovasi yang dikomersialkan (perjanjian pengkomersialan ditandatangani)	TB	6	TB	TB	1	TB	2	4	200.0	2	4	200.0
Bilangan pemindahan teknologi kepada industri (pengkomersialan teknologi dan kolaborasi)	5	7	140.0	1	1	100.0	TB	2	TB	TB	5	TB

Sumber: Laporan Pemantauan Prestasi dan Senarai Projek *Outcome Based Budgeting* 2019-2022 dan *Intellectual Property*
Nota: (TB) - Tidak Berkenaan Kerana Tiada Sasaran Pada Tahun Tersebut

b. Pemindahan Teknologi Mengikut Projek

i. Sasaran pemindahan teknologi yang perlu dicapai oleh sesuatu projek adalah secara sumbangan sosial (menghasilkan artikel jurnal, kertas persidangan, kertas teknikal), penggunaan teknologi atau secara usaha sama sebagaimana dalam kertas cadangan penyelidikan dan diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi.

ii. Semakan Audit terhadap 72 projek yang sepatutnya siap pada tahun 2019 hingga 2022 mendapati, sebanyak **44 (61.1%) daripadanya telah dipindahkan teknologi melalui lima kaedah iaitu sumbangan sosial, usaha sama, pelesenan, penggunaan teknologi dan unit menjalankan perniagaan**. Penerangan bagi lima kaedah tersebut adalah seperti dalam **Rajah 6**.

RAJAH 6
KAEDAH PEMINDAHAN TEKNOLOGI YANG DILAKSANAKAN OLEH LGM BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022



Sumber: Prosedur Kelulusan Pemindahan Teknologi LGM Tahun 2021 dan penerangan oleh LGM

iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati, 44 projek yang dipindah teknologi merangkumi 17 projek berkaitan sektor huluan, tiga projek sektor pemprosesan dan 24 projek sektor hiliran. Terdapat projek yang melaksanakan pemindahan teknologi melebihi satu kaedah. Sebanyak 41 (93.2%) projek telah memindahkan teknologi secara sumbangan sosial. Sebanyak 28 projek tidak memindahkan teknologi disebabkan projek yang ditamatkan, masih dalam penyelidikan dan projek yang merupakan kajian asas untuk kegunaan projek R&D seterusnya. Butiran kaedah pemindahan teknologi projek R&D adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KAEDAH PEMINDAHAN TEKNOLOGI PROJEK R&D BERDASARKAN SEKTOR


SEKTOR	BILANGAN PROJEK	PROJEK PINDAH TEKNOLOGI		KAEDAH PEMINDAHAN TEKNOLOGI				
		BIL.	%	SUMBANGAN SOSIAL	USAHA SAMA	PELESENAN TEKNOLOGI	PENGGUNAAN TEKNOLOGI	UNIT MENJALANKAN PERNIAGAAN
Huluan	29	17	58.6	16	-	1	5	-
Pemprosesan	3	3	100.0	3	1	-	1	-
Hiliran	40	24	60.0	22	-	2	4	2
JUMLAH	**72**	**44**	**61.1**	**41**	**1**	**3**	**10**	**2**

Sumber: Senarai Program Penyelidikan dan Pembangunan Mengikut Sektor dan Analisis Audit

iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati daripada **29 projek berkaitan sektor huluan, sebanyak 17 projek dilaksanakan pemindahan teknologi**. Daripada jumlah tersebut, hanya **enam projek (35.3%) dipindah teknologi secara penggunaan dan**

pelesenan teknologi. Butiran projek yang dipindah teknologi adalah seperti dalam **Rajah 7**.

RAJAH 7
PROJEK DIPINDAH TEKNOLOGI BAGI SEKTOR HULUAN




Sumber: Senarai Program Penyelidikan dan Pembangunan Mengikut Sektor, Analisis Audit dan Ilustrasi Jabatan Audit Negara

v. Selain itu, berdasarkan surat LGM kepada RISDA bertarikh 3 Mac 2023, sebanyak 44 jenis teknologi sektor huluan dipindahkan kepada RISDA sejak tahun 2016. Kebanyakan teknologi yang dipindahkan adalah secara sumbangan sosial dan tidak menjana pendapatan secara langsung kepada pihak LGM. Pihak Audit dimaklumkan oleh pihak RISDA, daripada jumlah tersebut sebanyak 32 teknologi (72.7%) tersebut telah dipindahkan kepada pekebun kecil.

vi. Bagi sektor pemprosesan, **tiga projek telah memindah teknologi secara sumbangan sosial. Daripada jumlah tersebut, sebanyak dua projek (66.7%) turut memindah teknologi secara penggunaan teknologi dan usaha sama**. Butiran projek yang dipindah teknologi adalah seperti dalam **Rajah 8**.

RAJAH 8
PROJEK DIPINDAH TEKNOLOGI BAGI SEKTOR PEMPROSESAN



Sumber: Senarai Program Penyelidikan dan Pembangunan Mengikut Sektor, Analisis Audit dan Ilustrasi Jabatan Audit Negara

vii. Bagi sektor hiliran sebanyak 24 daripada 40 projek R&D telah dilaksanakan pemindahan teknologi. Daripada jumlah tersebut **22 projek (91.7%) memindahkan teknologi secara sumbangan sosial, dua projek (8.3%) secara pelesenan teknologi, empat projek (16.7%) secara penggunaan teknologi manakala dua projek (8.3%) secara unit menjalankan perniagaan**. Butiran projek yang dipindah teknologi adalah seperti dalam **Rajah 9**.

RAJAH 9
PROJEK DIPINDAH TEKNOLOGI BAGI SEKTOR HILIRAN



Sumber: Senarai Program Penyelidikan dan Pembangunan Mengikut Sektor, Analisis Audit dan Ilustrasi Jabatan Audit Negara

Maklum balas LGM yang diterima pada 24 Julai 2023

Bagi projek yang terlibat, pemindahan teknologi melalui persidangan dan artikel jurnal adalah merupakan penyelidikan yang melibatkan pengumpulan data asas dan tidak berunsurkan aplikasi teknologi. Sebarang aplikasi teknologi daripada LGM adalah disalurkan kepada pemegang taruh melalui pemilikan harta intelek dan pemindahan teknologi oleh LGM.

Pendapat Audit

Hanya 44 projek memindahkan teknologi dan daripada jumlah tersebut 41 projek (93.2%) memindahkan teknologi secara sumbangan sosial. Pemindahan teknologi secara sumbangan sosial lebih banyak dilaksanakan namun dari aspek pemegang taruh yang terlibat dalam pembangunan industri getah terutama sektor huluan ianya tidak dapat memberi impak yang signifikan.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

a. Seksyen 4 Akta 551 menyatakan antara fungsi LGM adalah memajukan dan melaksanakan aktiviti penyelidikan dan kemajuan dalam pengeluaran, pemakaian dan penggunaan getah serta untuk merancang, menyelaras dan mengawasi segala aktiviti penyelidikan dan kemajuan getah. Objektif utama LGM adalah

untuk mempromosi dan memaju industri getah Malaysia serta memberi keutamaan kepada industri getah Malaysia.

b. Pemindahan teknologi telah dilaksanakan oleh LGM melalui sumbangan sosial, usaha sama, pelesenan, penggunaan teknologi dan unit menjalankan perniagaan kepada tiga sektor industri getah iaitu huluan, pemprosesan dan hiliran. Pemindahan teknologi secara sumbangan sosial merupakan kaedah pemindahan teknologi tertinggi berbanding kaedah pemindahan teknologi yang lain. R&D yang dilaksanakan LGM tidak memberikan kesan yang signifikan dan langsung kepada pembangunan industri getah yang boleh dinilai berdasarkan pencapaian terhadap Pengeluaran Getah Asli Negara, Eksport Dan Import Getah Negara dan Sumbangan Industri Getah Kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

5.1.2.1. Pengeluaran Getah Asli Negara

a. Berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KPK, pada tahun 2020 hingga 2022 terdapat dua sasaran berkaitan Pengeluaran Getah Negara iaitu Pengeluaran Getah Asli yang merujuk kepada Produktiviti Pengeluaran Getah Asli dan Keluasan Tanaman Getah.

b. Teras Dua Kerangka Strategik Pelan Strategik KPK Tahun 2021 hingga 2025 menggariskan peningkatan produktiviti melalui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersialan serta penerima guna teknologi. Melalui teras ini, salah satu strateginya adalah meningkatkan hasil pengeluaran komoditi per hektar.

c. Semakan Audit mendapati **sasaran pengeluaran getah asli tidak tercapai pada tahun 2020 hingga 2022 dengan perbezaan pencapaian sebenar berbanding pencapaian adalah antara -6.0% hingga -31.3%**. Ketidakcapaian ini disebabkan faktor arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sewaktu wabak Covid-19, kekurangan tenaga kerja dan Penyakit Luruhan Daun Pestalotiopsis (LDP) yang menjejaskan pengeluaran hasil getah. Butiran peratusan KPI adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENCAPAIAN PERATUSAN KPI

2020			2021			2022		
SASARAN	SEBENAR	PERBEZAAN (%)	SASARAN	SEBENAR	PERBEZAAN (%)	SASARAN	SEBENAR	PERBEZAAN (%)
Pengeluaran Getah Asli *								
1.5	1.41	(6.0)	1.6	1.3	(18.8)	1.6	1.1	(31.3)
Keluasan Tanaman Getah (hektar)								
1.09	1.11	1.8	TB	1.14	TB	TB	1.14	TB

Sumber: Laporan Pemantauan Prestasi Kerangka Keberhasilan KPK dan Maklumat Keluasan Tanaman Getah Mengikut Wilayah dan Sektor Tahun 2016 Hingga 2023
Nota: TB - Tidak Berkenaan Kerana Tiada Sasaran Pada Tahun 2021 dan 2022
(*) - Merujuk Kepada Produktiviti Pengeluaran Getah Asli

d. Analisis Audit terhadap data pengeluaran getah asli bagi tahun 2019 hingga tahun 2022 mendapati:

i. pengeluaran getah asli **meningkat sebanyak 6%** pada tahun **2019 berbanding tahun 2018**. Pada tahun 2020 hingga 2022, pengeluaran getah asli menurun antara 8.7% hingga 19.7%;

ii. pengeluaran getah asli kalangan pekebun kecil meningkat pada tahun 2019 dan menurun dari tahun 2020 hingga 2022. Manakala pengeluaran getah asli di kalangan estet menurun pada tahun 2020 dan 2021 sebanyak 7.9% dan 19.6%. Berlaku peningkatan pengeluaran getah asli di kalangan estet pada tahun 2022 sebanyak 4.5%; dan


iii. butiran jumlah pengeluaran getah asli bagi tempoh tahun 2015 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 7** manakala pengeluaran getah asli mengikut pekebun dan estet adalah seperti dalam **Carta 1**.

JADUAL 7
JUMLAH PENGELUARAN GETAH ASLI BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2022

TAHUN	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Jumlah Pengeluaran Getah Asli ('000 Tan)	722.12	673.52	740.14	603.33	639.83	514.70	469.67	377.05
Perbezaan Berbanding Tahun Sebelum (%)	TB	(6.7)	9.9	(18.5)	6.0	(19.6)	(8.7)	(19.7)

Sumber: Analisis Audit Terhadap Data Dari KPK
Nota: TB - Tidak Berkenaan

CARTA 1
PENGELUARAN GETAH ASLI NEGARA



Sumber: Analisis Audit Terhadap Data dari KPK

e. Berdasarkan Dasar Agrikomoditi Negara (2021-2030), cabaran utama pada peringkat huluan adalah bekalan bahan mentah memandangkan 92.0% daripada jumlah kawasan tanaman getah dimiliki pekebun kecil dengan saiz pegangan tanah yang tidak ekonomik. Selain itu, isu pekebun kecil yang semakin berusia, pokok getah tua, kekurangan tenaga buruh dan harga getah yang rendah juga menyebabkan bekalan bahan mentah tempatan terjejas.

f. Seterusnya pihak Audit telah melaksanakan analisis terhadap pendapatan pekebun kecil di bawah kumpulan *focus group* RISDA. Kumpulan *focus group* merupakan pekebun kecil yang menerima bantuan input pertanian untuk skim bantuan getah matang daripada RISDA direkodkan dalam Sistem Produktiviti dan Pemasaran (e-Propem).

g. Hasil analisis Audit terhadap data sistem e-Propem mendapati bagi tempoh 2019 hingga 2022, **purata pendapatan bulanan pekebun kecil adalah antara RM1,519 dan RM2,110. Pendapatan purata bulanan pada tahun 2022 meningkat sebanyak 38.9% meskipun pengeluaran getah asli menurun pada tahun tersebut**. Butiran terperinci mengenai pendapatan purata bulanan pekebun kecil adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PENDAPATAN PURATA BULANAN PEKEBUN GETAH
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	BILANGAN PEKEBUN	PERBEZAAN TAHUN SEBELUM (%)	PURATA PENDAPATAN BULANAN (RM)	PERBEZAAN TAHUN SEBELUM (%)
2019	7,252	-	1,676.17	-
2020	8,128	12.1	1,633.17	(2.6)
2021	8,576	5.5	1,518.83	(7.0)
2022	9,034	5.3	2,109.96	38.9

Sumber: Laporan e-PROPEM, RISDA Setakat 31 Disember 2022

h. Berdasarkan laporan perbandingan pendapatan skrap berbanding lateks yang dikeluarkan oleh pihak RISDA, berlaku peningkatan dalam pendapatan pekebun kecil kerana pekebun kecil mula menghasilkan lateks dan dapat menjual dengan harga yang lebih tinggi berbanding penjualan skrap.

Maklum balas LGM yang diterima pada 15 September 2023

Faktor kejatuhan pengeluaran getah asli negara bagi tempoh 2019 hingga 2022 di luar kawalan LGM. Terdapat faktor sosio-ekonomi iaitu:

a. 68% pekebun kecil berumur melebihi usia 50 tahun dan 64% dengan milikan kebun kurang dari dua hektar;

b. 75,519 orang pekebun berstatus pemilik dengan anggaran keluasan tanah 144,000 hektar. Kebergantungan kepada penoreh upahan adalah tinggi terutamanya warga asing;

c. Purata harga getah peringkat ladang yang kurang memberangsangkan manakala kos pengeluaran ladang telah meningkat 33% kepada RM3.20 per kg. Kos sara hidup turut meningkat sekitar 30% dalam tempoh 10 tahun kebelakang; dan

d. Pelaksanaan PKP dan penutupan sempadan telah menurunkan jumlah hari menoreh. Sehingga kini, penoreh asing sukar diperolehi mengakibatkan anggaran 400,000 hektar kawasan getah tidak bertoreh.

5.1.2.2. Pengeluaran Produk Berasaskan Getah Negara

a. Sehingga tahun 2022, sebanyak 103 syarikat yang terlibat dalam pelbagai jenis pengeluaran produk berasaskan getah berdaftar di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).

b. Pemindahan teknologi kepada sektor hiliran merangkumi 54.5% daripada keseluruhan projek yang dipindah teknologi. Pemindahan teknologi berkaitan


sarung tangan getah telah dilaksanakan secara sumbangan sosial melalui persidangan dan penerbitan artikel jurnal.

c. Analisis Audit terhadap pengeluaran produk berasaskan getah mendapati **pengeluaran di sektor hiliran mengalami peningkatan yang ketara pada tahun 2020 dan 2021**. **Peningkatan ketara adalah bagi produk sarung tangan getah dan kondom**.

d. Peratus peningkatan produk sarung tangan getah bagi tempoh 2019 hingga 2021 adalah antara 2.3% hingga 85.2% disebabkan permintaan yang tinggi akibat faktor pandemik Covid-19. Namun pengeluaran produk ini menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 37.5% pada tahun 2022 disebabkan permintaan yang semakin berkurang.

e. Bagi produk kondom, peratus kenaikan pengeluaran produk ini bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 adalah antara 3.5% hingga 68.1%. Lain-lain produk iaitu tayar, *inner tubes* dan kasut menunjukkan pengurangan pengeluaran pada tahun 2022 berbanding 2019. Butiran terperinci seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
PENGELUARAN PRODUK BERASASKAN GETAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2022



Sumber: Analisis Audit Terhadap Data Dari KPK

Maklum balas LGM yang diterima pada 15 September 2023

Dalam istilah ekonomi, tempoh pandemik pada 2020-2021 disebut sebagai *Global Economic Shock* dan secara konvensyen, penggunaan data-data dalam tempoh

tersebut akan menyebabkan berlakunya herotan (distortion) dalam analisa siri pertumbuhan keberhasilan negara.

Dengan menyisihkan data bagi tahun 2020 dan 2021, jumlah kenaikan sarung tangan getah adalah 54.4% pada tahun 2022 (sebelum Covid-19) berbanding 2019 (selepas Covid-19) manakala kondom mencatatkan kenaikan 102.7% pada tempoh yang sama.

5.1.2.3. Eksport dan Import Getah Negara

a. Berdasarkan KPI KPK, pada tahun 2021 dan 2022, salah satu sasaran yang ditetapkan adalah Peratusan Nilai Eksport Produk Hiliran Berasaskan Getah.

b. Semakan Audit mendapati **sasaran peratusan nilai eksport produk hiliran berasaskan getah tidak tercapai pada tahun 2021 dan 2022**. **Peratus perbezaan sasaran berbanding sebenar pada tahun 2021 dan 2022 adalah sebanyak -4.8% dan -4%**. Sasaran tidak tercapai disebabkan faktor arahan PKP sewaktu wabak Covid-19, kekurangan tenaga kerja dan jualan sarung tangan getah mengalami penurunan akibat lebihan bekalan di pasaran dan permintaan yang perlahan.

c. Butiran pencapaian peratusan nilai eksport produk hiliran berasaskan getah adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENCAPAIAN KPI PERATUSAN NILAI EKSPORT PRODUK HILIRAN BERASASKAN GETAH BAGI TAHUN 2021 HINGGA 2022

PERKARA/TAHUN	2021	2022
Sasaran (%)	92.1	83.0
Sebenar (%)	87.3	79.0
Perbezaan (%)	(4.8)	(4.0)

Sumber: Laporan Pemantauan Prestasi Kerangka Keberhasilan KPK

Maklum balas KPK yang diterima pada 2 Ogos 2023


Tahun 2022 menunjukkan pengurangan disebabkan peralihan ke fasa endemik yang mana kurangnya permintaan terhadap produk berasaskan getah.

d. Semakan lanjut Audit terhadap eksport getah asli dan produk berasaskan getah ke luar negara serta eksport dan import getah asli adalah seperti dalam perenggan berikut:

i. Eksport Getah Asli dan Produk Berasaskan Getah Ke Luar Negara

Analisis Audit terhadap data eksport getah negara mendapati, eksport getah asli dan produk berasaskan getah tidak menunjukkan peningkatan yang ketara sepanjang tahun 2015 hingga 2019. Bagaimanapun berlaku peningkatan yang ketara bagi eksport produk berasaskan getah pada tahun 2020 dan 2021 disebabkan permintaan yang tinggi ketika berlaku pandemik Covid-19. Eksport produk berasaskan getah meningkat 71.7% pada tahun 2020 dan 48.8% pada tahun 2021. Pada tahun 2022 **eksport produk berasaskan getah mulai menurun semula sebanyak 55.1% berbanding tahun sebelumnya**. Butiran sumbangan eksport getah kepada negara seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
SUMBANGAN EKSPORT GETAH



Sumber: Analisis Audit Terhadap Data Dari KPK


ii. Eksport dan Import Getah Asli

- Susulan daripada kekurangan pengeluaran getah negara, analisis Audit terhadap eksport dan import getah asli negara mendapati **getah asli yang diimport mulai melebihi getah asli yang dieksport pada tahun 2019 hingga 2022**. Kebanyakan getah diimport dari negara Thailand. Analisis Audit selanjutnya mendapati:
  - eksport getah asli menurun sebanyak 7.2% pada tahun 2019 berbanding tahun sebelum, manakala meningkat sebanyak 3.9% pada tahun 2020. Eksport getah asli terus menurun sebanyak 4.7% pada tahun 2021 dan 2.9% pada tahun 2022;

- import getah menunjukkan peningkatan sebanyak 6.9% pada tahun 2019 dan 13.9% pada tahun 2020. Import getah menurun sebanyak 1.6% pada tahun 2021 dan 3.3% pada tahun 2022; dan
- **import getah sintetik menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 hingga 2021**. Bagaimanapun pada **tahun 2022 menunjukkan penurunan sebanyak 43% disebabkan oleh kurang permintaan terhadap produk berasaskan getah**.


- Butiran terperinci mengenai eksport dan import getah asli serta getah sintetik adalah seperti dalam **Carta 4** dan **Carta 5**.

CARTA 4
EKSPORT DAN IMPORT GETAH ASLI BAGI TEMPOH 2015 HINGGA 2022



Sumber: Analisis Audit Terhadap Data Dari KPK

CARTA 5
IMPORT DAN EKSPORT GETAH SINTETIK
BAGI TEMPOH 2015 HINGGA 2022



Sumber: Analisis Audit Terhadap Data Dari KPK

- Selain itu, hasil temu bual pihak Audit bersama syarikat yang telah melesenkan teknologi bersama LGM, pihak syarikat memaklumkan mereka mendapatkan bekalan getah dari bekalan tempatan serta secara import. Ini menunjukkan kebergantungan sektor hiliran terhadap getah yang diimport bagi menghasilkan produk berasaskan getah disebabkan bekalan getah tempatan yang tidak mencukupi untuk menampung keperluan syarikat.

Maklum balas LGM yang diterima pada 15 September 2023

R&D sektor huluan telah dilaksanakan oleh LGM. Pelbagai teknologi seperti klon getah dan bahan perangsangan lateks telah dihasilkan. Bagaimanapun wujud kekangan dalam adaptasi dan amalan oleh pihak penerima teknologi seperti pekebun kecil, penoreh, dan pengilang produk. Harga getah yang rendah juga menyebabkan pekebun kecil kurang berminat dan pengeluaran getah menjadi rendah serta merupakan faktor di luar kawalan LGM.

5.1.2.4. Sumbangan Industri Getah kepada Keluaran Dalam Negara Kasar

a. KDNK adalah salah satu komponen yang digunakan secara meluas di seluruh dunia sebagai tanda aras pengukuran saiz dan kadar pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. KDNK boleh dikira menerusi tiga pendekatan utama iaitu

pengeluaran, perbelanjaan dan pendapatan. Sektor yang menyumbang kepada KDNK Negara terdiri daripada sektor perkhidmatan, sektor pembinaan, sektor pembuatan, sektor pertanian dan sektor perlombongan.


b. Analisis Audit terhadap sumbangan industri getah kepada KDNK negara bagi tahun 2015 hingga 2022 mendapati:

   i. **sumbangan KDNK industri getah bagi sektor huluan meningkat sebanyak 6.1% pada tahun 2019. Manakala pada tahun 2020 hingga 2022, berlaku penurunan antara 8.4% hingga 19.7%**; dan

   ii. **di sektor hiliran, sumbangan KDNK industri getah meningkat bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Pada tahun 2022 berlaku penurunan sebanyak 16.6%**.

c. Butiran terperinci mengenai KDNK tahunan getah adalah seperti dalam **Carta 6**.

CARTA 6
KDNK TAHUNAN GETAH (PADA HARGA MALAR 2015)
BAGI TEMPOH 2015 HINGGA 2022



Sumber: Analisis Audit Terhadap Data Dari KPK

Maklum balas LGM yang diterima pada 15 September 2023

Sumbangan industri getah kepada KDNK negara melibatkan sumbangan dan penglibatan dari beberapa agensi Kerajaan dan Kementerian secara inklusif merangkumi agensi pelaksana yang lain seperti RISDA, FELDA, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan, Majlis Getah Malaysia (MRC), MITI, Malaysian Investment Development Authority dan lain-lain yang berkaitan.

5.1.2.5. Pendapatan Hasil Getah

a. Keuntungan Hasil Getah Kepada Penggiat Industri

i. Bagi maklum balas penggiat industri terhadap teknologi yang dihasilkan oleh LGM, soal selidik Audit diedarkan kepada 12 syarikat yang menerima pemindahan teknologi melalui pelesenan teknologi serta pernah mengadakan kolaborasi semasa projek R&D bersama LGM.

ii. Sebanyak enam (50%) syarikat memberi respon terhadap soal selidik dan tiga (50%) daripada enam penggiat industri menyatakan kerjasama atau pelesenan teknologi telah memberikan peningkatan keuntungan syarikat. Keuntungan adalah sehingga 50% berbanding sebelum kerjasama atau pelesenan teknologi tersebut.

iii. Kesemua syarikat tersebut menyatakan mereka akan menggunakan teknologi yang diadaptasi dari LGM dalam tempoh yang panjang. Bagaimanapun, antara masalah yang dihadapi oleh syarikat adalah:

- pihak syarikat menghadapi permintaan ke atas produk yang kurang dan tidak konsisten seterusnya menyebabkan pengeluaran produk tidak kompetitif berbanding kos yang dikeluarkan.
- berlakunya masalah formulasi dalam produk.

iv. Berdasarkan maklum balas soal selidik tersebut juga, antara masalah dan teknologi yang diperlukan oleh pihak syarikat adalah seperti dalam **Rajah 10**.

RAJAH 10
MASALAH DAN TEKNOLOGI YANG DIPERLUKAN OLEH PIHAK SYARIKAT



Sumber: Analisis Audit berdasarkan soal selidik yang dijalankan

Maklum balas LGM yang diterima pada 24 Julai 2023

LGM sedang melaksanakan aktiviti berkaitan usaha penggalakkan gunapakai inovasi dan teknologi baharu seperti berikut:

a. Permohonan projek khas di bawah Inisiatif Bajet Kementerian Kewangan tahun 2022 hingga 2024;

b. Penubuhan Jawatankuasa di bawah Lembaga LGM (iaitu JK Penyelidikan dan Pengkomersilan) yang bertanggungjawab meneliti serta membuat penilaian dan perancangan aktiviti R&D LGM; dan

c. Perjanjian Kerjasama Pengkomersialan di antara LGM dan Malaysia Rubber Council (MRC) untuk bekerjasama dalam aktiviti berkaitan pengkomersialan.

b. Pendapatan Pengkomersialan Getah Kepada LGM

Seterusnya semakan Audit mendapati sehingga bulan Jun 2023, terdapat **11 perjanjian pengkomersialan yang masih berkuat kuasa**. Perjanjian ini telah memberi pendapatan dalam bentuk royalti dan yuran pemindahan teknologi kepada LGM sejumlah RM388,190. Butiran mengenai pendapatan LGM melalui perjanjian pengkomersialan adalah seperti dalam **Jadual 10.**

JADUAL 10
PENDAPATAN LGM MELALUI PERJANJIAN PENGKOMERSIALAN

BIL.	NAMA TEKNOLOGI	NO. SYARIKAT	PENDAPATAN	
			YURAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI (RM)	ROYALTI TERKUMPUL (RM)
HULUAN				
1.	*Soil Filling Machines*	0414871W	30,000	30,000
2.	*A latex stimulant*	480985-U	21,000	-
HILIRAN				
1.	*Rubber Road Bump*	NS0034320-U	2,500	-
2.	*Cuplump Modified Bitumen*	730220-H	30,000	-
3.	*Cuplump Modified Bitumen*	25183-V	30,000	-
4.	*Bituminous Cuplump*	1210840-T	30,000	-
5.	*Bituminous Cuplump and Cuplump Modified Bitumen*	273794-M	85,000	23,079
6.	*Cuplump Modified Bitumen*	616503-V	40,000	45,611
7.	*Pureprena Latex Foam Pillow and Insoles*	002424372-M	5,000	-
8.	*Natural Rubber Paper Adhesive and Natural Rubber based colour*	NS0015573-U	10,000	-
9.	*Natural Rubber Latex for Exterior and Interior Paint*		6,000	-
JUMLAH			**289,500**	**98,690**
JUMLAH KESELURUHAN			**388,190**	

Sumber: Kontrak Perjanjian Pelesenan, Portal Pemindahan Teknologi LGM dan Analisis Audit

Pendapat Audit

Objektif utama LGM belum tercapai sepenuhnya bagi sektor huluan industri getah kerana berlaku penurunan bagi tempoh 2019 hingga 2022. Selain itu, sumbangan sektor huluan kepada KDNK Negara juga semakin menurun semenjak tahun 2020 hingga 2022. Bagaimanapun, pengeluaran produk berasaskan getah serta sektor hiliran memberi sumbangan kepada KDNK Negara.

5.2. Pengurusan Aktiviti R&D


5.2.1. Perancangan Projek R&D

5.2.1.1. Penentuan Projek R&D

a. Berdasarkan Manual Kualiti LGM, cadangan R&D perlu memenuhi keperluan *Malaysia Rubber Industry* (MRI) dan pemegang taruh sebagaimana yang telah digariskan dalam *Strategies For Malaysian Rubber Board and Malaysian Rubber Industry 2010-2020* dan hendaklah melibatkan sektor huluan, pemprosesan dan hiliran.

b. Manual Kualiti LGM menyatakan keperluan cadangan sesuatu projek R&D diusulkan oleh penyelidik sebelum diluluskan. Aliran proses cadangan penyelidikan adalah seperti dalam **Rajah 11**.


RAJAH 11
PROSES CADANGAN PENYELIDIKAN



Sumber: Manual Kualiti LGM

c. Berdasarkan terma rujukan Jawatankuasa Teknikal Bersama Industri-LGM (Sektor Huluan), Jawatankuasa Teknikal Bersama Industri-LGM (Pemprosesan) dan Mesyuarat MRB-MARGMA Research Group, perbincangan dan penglibatan bersama LGM dan pemegang taruh industri getah perlu dilaksanakan antaranya bagi mendapatkan isu dan keperluan yang dihadapi oleh industri getah. Terma rujukan dan peranan mesyuarat berkenaan adalah seperti dalam **Rajah 12**.

RAJAH 12
TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA



Sumber: Terma Rujukan Jawatankuasa

d. Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022, projek R&D yang dilaksanakan adalah merangkumi 41 projek (39.4%) daripada sektor huluan, lapan projek (7.7%) daripada sektor pemprosesan dan 55 projek (52.9%) dari sektor hiliran. Daripada jumlah tersebut sebanyak 26 projek telah dipilih sebagai sampel Audit. Semakan Audit mendapati:

i. kesemua 26 sampel projek R&D telah dilaksanakan selari dengan Strategi Lembaga Getah Malaysia dan Industri Getah Malaysia (2010-2020); dan

ii. perbincangan secara menyeluruh antara LGM bersama pemegang taruh berkaitan keperluan di sektor hiliran dan pemprosesan telah dilaksanakan melalui mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Industri-LGM (Pemprosesan) dan Mesyuarat MRB-MARGMA Research Group. Bagaimanapun **keperluan pemegang taruh di sektor huluan**

kurang dibincangkan melalui Jawatankuasa Teknikal Bersama Industri-LGM (Sektor Huluan).

e. **Keperluan pemegang taruh daripada sektor huluan industri getah yang kurang dibincangkan menyebabkan R&D yang dijalankan oleh LGM kurang memberi penekanan terhadap keperluan sebenar penggiat industri terutamanya kepada pekebun kecil**.

5.2.1.2. Penilaian Risiko

a. Manual Kualiti LGM tidak menyatakan keperluan penilaian risiko (risk assessment) dilaksanakan sebelum sesuatu projek R&D diluluskan. Manual Kualiti yang tidak memperincikan keperluan penilaian risiko (risk assessment) sebelum sesuatu R&D dilaksanakan menyebabkan projek R&D mengalami kegagalan.

Maklum balas LGM yang diterima pada 15 September 2023

Penambahbaikan Prosedur Pengurusan dan Pemantauan R&D LGM serta Dana Berkaitan akan dibuat dengan mengambil kira risiko baharu termasuk serangan haiwan liar, penyakit dan bencana alam.

b. Semakan Audit mendapati penilaian risiko yang tidak dilaksanakan menyebabkan terdapat projek tidak mencapai sasaran dan projek yang ditamatkan. Butiran projek terlibat adalah seperti berikut:


i. Kod Projek 658 - Projek Model Pembangunan Getah Untuk Pribumi Fasa Pokok Getah Dewasa Tidak Mencapai Sasaran

- Mesyuarat Lembaga Yang ke-71 bertarikh 20 Disember 2011 telah meluluskan Projek Model Pembangunan Getah Untuk Pribumi (GUP) Fasa Pokok Getah Dewasa di bawah kod projek 658 dengan kos projek berjumlah RM19.37 juta. Objektif utama projek ini adalah bagi mewujudkan satu model penanaman getah moden kepada orang asli dan pribumi.

- Sejumlah RM12.16 juta (62.8%) telah dibelanjakan berbanding kos projek. Projek ini melibatkan penanaman pokok getah di kalangan orang asli dan pribumi merangkumi 25 kampung dari lapan buah negeri di atas tanah yang telah digazetkan sebagai kawasan Orang Asli

dan Pribumi oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Butiran negeri dan pecahan kawasan serta keluasan tanaman adalah seperti dalam **Rajah 13**.

RAJAH 13
BUTIRAN BILANGAN PESERTA DAN KELUASAN TANAMAN MENGIKUT NEGERI PROGRAM GUP BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021



Sumber: Laporan Akhir GUP serta Ilustrasi Jabatan Audit Negara

- Berdasarkan kepada Pelan Kualiti Pelaksanaan Projek GUP Fasa Dewasa, tempoh projek GUP yang dirancang adalah antara lapan hingga 10 tahun. Sasaran program GUP pada asalnya adalah 70% pokok telah mencapai ukur lilit 45 sentimeter pada usia 54 bulan dan purata kutipan hasil per hektar per tahun adalah berjumlah 1,500 kg.

- Sasaran tersebut telah dibuat pindaan kepada 70% pokok telah mencapai ukur lilit 45 sentimeter pada usia 66 bulan dan purata kutipan hasil per hektar per tahun adalah berjumlah 1,300 kg.

- Semakan Audit mendapati pencapaian projek adalah seperti dalam **Rajah 14**.

RAJAH 14
PENCAPAIAN SASARAN GUP

Ukur Lilit Pokok Getah	Tujuh (28%) daripada 25 kampung mencapai 70% pokok dengan purata ukur lilit melebihi 45sm.
Purata Hasil Torehan 1,300kg per hektar per tahun	Satu (4%) daripada 25 kampung mencapai sasaran iaitu Kampung Tohor, Negeri Sembilan.
	24 Kampung mencapai purata hasil antara 13.2% hingga 88.9% berbanding sasaran 1,300kg per hektar per tahun.

Sumber: Analisis Audit, Laporan Akhir dan Rekod Pengeluaran Hasil Program GUP serta Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Agensi Bertarikh 31 Mac 2021 dan 12 November 2021

- Berdasarkan kepada laporan akhir GUP, antara faktor penyumbang ketidakcapaian sasaran adalah disebabkan oleh **ketidakseragaman pertumbuhan pokok akibat gangguan haiwan liar**. Selain itu, ketidakcapaian hasil torehan adalah disebabkan oleh **bilangan hari menoreh yang rendah**. Pihak Audit dimaklumkan oleh pihak LGM, perkara ini disebabkan prosedur penorehan tidak dipatuhi sepenuhnya oleh peserta.

- Pemeriksaan fizikal Audit terhadap 13 kebun peserta di enam kampung **mendapati lima kebun (38.5%) tidak disenggara dan aktiviti penorehan tidak lagi dijalankan selepas projek GUP tamat**. Bagaimanapun didapati masih ada peserta yang menyenggara kebun dengan baik serta melaksanakan aktiviti torehan. Penemuan Audit adalah seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 6**.

GAMBAR 1



Semasa Projek Dijalankan Pada Julai 2017
Sumber: Lembaga Getah Malaysia

GAMBAR 2



Selepas Projek Ditamatkan
Sumber: Jabatan Audit Negara


Kebun Peserta Dari Kg. Tohor, Negeri Sembilan
- Keadaan Kebun Semasa Projek Dijalankan dan Selepas Projek Ditamatkan
(Kebun Tidak Disenggara dan Tiada Aktiviti Penorehan Dijalankan Selepas Tamat Projek)
(14.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Semasa Projek Dijalankan Pada Ogos 2016
Sumber: Lembaga Getah Malaysia

GAMBAR 4



Selepas Projek Ditamatkan
Sumber: Jabatan Audit Negara


Kebun Peserta Dari Kg. Bertang, Lipis Pahang
- Keadaan Kebun Semasa Projek Dijalankan dan Selepas Projek Ditamatkan
(Kebun Tidak Disenggara dan Tiada Aktiviti Penorehan Dijalankan Selepas Tamat Projek)
(14.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5



Semasa Projek Dijalankan Pada Ogos 2018
Sumber: Lembaga Getah Malaysia

GAMBAR 6



Selepas Projek Ditamatkan
Sumber: Jabatan Audit Negara

Kebun Peserta Dari Kg. Segamat Kecil Segamat, Johor
- Keadaan Kebun Masih Menjalankan Aktiviti Penorehan Selepas Tamat Projek GUP (20.06.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Kebun yang tidak disenggara dan tiada lagi torehan selepas projek tamat **menunjukkan model tanaman yang cuba diwujudkan oleh pihak LGM hanya berjaya ketika dalam tempoh projek**.

- Selain itu, penglibatan projek yang terlalu banyak iaitu sebanyak 25 kampung di lapan buah negeri dengan keluasan 510.68 hektar yang dijalankan secara serentak tanpa penilaian risiko dilaksanakan. Hal ini **menyebabkan projek tidak dapat dipantau dengan baik. Ini dibuktikan melalui hasil torehan yang tidak mencapai sasaran** iaitu hanya satu kampung sahaja yang mencapai sasaran hasil torehan sebanyak 1,300kg per hektar per tahun.

ii. Kod Projek 703 - Projek *Establishment of Disease Screening Nurseries in Research Institute Malaysia Mini Station* (RRIMINIS) Gua Musang/Tok Dor, SP Sungai Sari, SP Bukit Kuantan, SP Kota Tinggi Tidak Mencapai Sasaran

- Projek 703 merupakan projek yang mengkaji tiga jenis penyakit daun iaitu *Colletotrichum Gloeosporioides and Oidium Heveae, Corynespora Leaf Fall* dan *Fusicoccum Leaf Blight* melibatkan kawasan seluas tiga hektar iaitu Ladang 5 SP Bukit Kuantan (1 hektar), SP Sungai Sari (1 hektar) dan Ladang 7 atau 10 SP Kota Tinggi (1 hektar) dengan kos projek berjumlah RM0.20 juta.

- Semakan Audit mendapati **kajian berkenaan penyakit daun di SP Bukit Kuantan dan SP Kota Tinggi tidak dapat dijalankan disebabkan oleh serangan haiwan liar seperti gajah dan khinzir di lokasi nurseri**.

- Oleh itu, kajian penyakit hanya boleh dinilai di satu lokasi iaitu SP Sungai Sari. Ini **menyebabkan laporan komprehensif berkenaan penyakit daun di pelbagai lokaliti tidak dapat dinilai**.

Maklum balas LGM yang diterima pada 15 September 2023

Kod projek 703 telah diteruskan di satu lokasi sahaja iaitu di SP Sungai Sari. Laporan komprehensif tidak dapat disediakan untuk dapatan melibatkan pelbagai lokasi.

iii. Kod Projek 535 - Projek *Evaluation And Selection Of The High Yielding Cirad-Michelin South American Leaf Blight* (CMS) *Resistant Clones Based On Economic Characters In The Large Scale Clone Trial* (LSCT) Ditamatkan

- Kod projek 535 merupakan projek penyelidikan untuk menghasilkan klon yang berpotensi menghasilkan lateks dan mempunyai kualiti yang baik untuk penanaman berskala besar di negara ini serta mempunyai kerintangan yang tinggi terhadap penyakit hawar daun. Projek 535 bermula pada bulan Januari 2015 dan dijangka tamat pada bulan Disember 2032 dengan kos asal projek RM1.79 juta.

- Berdasarkan Laporan Pembangunan Penanaman Berskala Besar Klon CMS di SP Bukit Kuantan, Pahang dan SP Kota Tinggi didapati penanaman 12 pokok klon CMS di SP Bukit Kuantan telah dilaksanakan mulai bulan Mac 2017 manakala penanaman 4,550 pokok klon CMS di SP Kota Tinggi mulai 28 November 2018.

- Bagaimanapun semakan Audit mendapati **projek ini telah ditamatkan melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa R&D bulan April 2019. Hal ini disebabkan oleh masalah serangan haiwan perosak yang sukar dikawal di kedua stesen penyelidikan tersebut**. Kos yang telah dibelanjakan bagi projek ini ketika ditamatkan adalah berjumlah RM0.30 juta (16.8%) daripada kos projek.

- Projek 535 yang ditamatkan ini **menyebabkan kelewatan pengesyoran klon baharu yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti getah negara**.

Maklum balas LGM yang diterima pada 24 Julai, 2 Ogos dan 15 September 2023

Kod projek 535 diteruskan melalui pendekatan yang lain dengan pelaksanaan kod projek 797 yang diteruskan semula di lokasi yang lain bagi mengelakkan serangan makhluk perosak dan sedang dilaksanakan oleh LGM pada masa ini.

Serangan haiwan ini adalah diluar jangka semasa projek dirancang kerana sebelum ini tidak pernah berlaku isu serangan gajah di SP Bukit Kuantan.


Secara keseluruhannya, projek ini tidak dapat dilaksanakan kerana serangan gajah dan perubahan lokasi ke kawasan lain dibuat untuk projek terlibat.

iv. Projek 665 - Projek Model Integrasi Dalam Ekosistem Getah Ditamatkan

- Projek 665 bertujuan untuk menyediakan model usahawan dalam ekosistem tanaman getah di samping mewujudkan model integrasi tanaman makanan dengan sasaran pendapatan bulanan pekebun kecil berjumlah RM4,000. Model tanaman terdiri daripada tanaman pokok getah, lada hitam, pokok cili, pokok moringga dan kambing boer. Projek ini bermula pada bulan Januari 2017 dan jangkaan tamat pada bulan Disember 2019. Kos keseluruhan pelaksanaan projek 665 sehingga sehingga 31 Disember 2019, adalah berjumlah RM0.11 juta (9.5%) daripada kos asal projek iaitu RM1.18 juta.

- Semakan Audit **mendapati projek ini tidak dapat diteruskan dan ditamatkan**. Kronologi penamatan projek adalah seperti dalam **Rajah 15**.

RAJAH 15
KRONOLOGI PENAMATAN PROJEK 665



Sumber: Minit Mesyuarat Pengurusan Bilangan 5 Tahun 2019 dan Ilustrasi Jabatan Audit Negara

- **Kelemahan perancangan telah menyebabkan projek terpaksa ditamatkan dan model integrasi yang baharu tidak dapat dihasilkan**.

Maklum balas LGM yang diterima pada 2 Ogos 2023

Kod projek 665 adalah merupakan satu usaha berterusan oleh LGM dalam penyelidikan berkaitan integrasi tanaman bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil. Tumpuan LGM pada masa sekarang adalah kepada bidang keterjaminan makanan melalui pengesyoran tanaman integrasi di bawah pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara yang bermula pada tahun 2023. Pada masa ini, kepakaran yang telah diperoleh semasa projek yang lepas telah membolehkan LGM memberi pengesyoran yang wajar kepada Program Keterjaminan Makanan Negara bagi Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara. Namun begitu aktiviti integrasi dan pemasaran di lapangan perlu dijalankan oleh pelaksana seperti RISDA, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

5.2.2. Pemindahan Teknologi

Pemindahan teknologi secara sumbangan sosial dan pelesenan teknologi telah dilaksanakan antaranya berkaitan penyakit terkini iaitu tatacara kawalan penyakit LDP, *Stimulant Technologies* dan Projek *The Evaluation of Cuplump Modified Bitumen* (CMB) *for Malaysian Road Construction*. Penemuan Audit berkaitan projek R&D tersebut adalah seperti berikut:

5.2.2.1. Kawalan Penyakit Luruhan Daun Pestalotiopsis Masih Belum Berkesan

a. Merujuk kepada buku Pengesyoran Klon Lembaga Getah Malaysia 2021, penyakit Luruhan Daun Pestalotiopsis (LDP) mula berlaku di negeri Johor pada tahun 2017. Kawasan yang terjejas dengan penyakit ini telah meningkat secara mendadak daripada 33 hektar kepada 15,992.31 hektar pada tahun 2020.


b. LGM telah memindahkan teknologi tatacara pengurusan penyakit LDP kepada pekebun kecil melalui RISDA mulai 2019 hingga 2022. Tatacara tersebut merupakan hasil daripada beberapa projek R&D terdahulu yang berkaitan penyakit LDP.

c. Lawatan Audit ke 22 kebun getah mendapati, **rawatan penyakit LDP ini masih tidak memberi kesan yang baik meskipun pekebun telah melaksanakan rawatan pokok pada tahun 2021 dan 2022**. Butiran adalah seperti dalam **Gambar 7** dan **Gambar 8**.

GAMBAR 7



GAMBAR 8



Klang, Selangor
- Keadaan Daun Pokok Getah Gugur dan Kering Kg. Bukit Kerayong (24.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

d. Rawatan penyakit LDP kurang memberi kesan kerana semburan hanya dapat dilaksanakan di 15,282 hektar kebun pada tahun 2021 dan 17,828 hektar kebun pada tahun 2022 daripada keseluruhan 1.02 juta hektar. Ini disebabkan semburan dibuat berdasarkan peruntukan kewangan yang diterima oleh

RISDA iaitu berjumlah RM15.70 juta pada tahun 2021 dan RM15 juta pada tahun 2022 daripada Kementerian Kewangan melalui KKDW. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
SEMBURAN LDP BERBANDING POPULASI KEBUN SELURUH MALAYSIA

TAHUN	PERUNTUKAN DITERIMA	*PEKEBUN KECIL SELURUH MALAYSIA		SEMBURAN LDP			
				ANGGARAN BIL. PEKEBUN		KELUASAN KEBUN	
	RM JUTA	BIL.	HEKTAR (Juta)	BIL.	%	HEKTAR	%
2021	15.7	552,543	1.02	8,303	1.5	15,282	1.5
2022	15.0			11,701	2.1	17,828	1.7

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara Terhadap Maklumat LDP Tahun 2021, 2022 dan Data Pekebun Kecil RISDA Sehingga 31 Disember 2022
Nota: (*) - Berdasarkan Data Pekebun Kecil RISDA Sehingga 31 Disember 2022

e. Masalah penyakit LDP ini menyebabkan hasil getah yang berkurangan seterusnya menjejaskan pendapatan pekebun kecil.

Maklum balas LGM yang diterima pada 24 Julai 2023 dan 2 Ogos 2023

Teknologi telah dipindahkan kepada RISDA. Keberkesanan rawatan di ladang adalah bergantung kepada amalan dan pemantauan oleh RISDA.

Maklum balas RISDA yang diterima pada 15 September 2023

RISDA telah melaksanakan rawatan LDP sejak tahun 2021 sehingga tahun 2023. Pelaksanaan rawatan LDP pada tahun 2021 dan 2023 yang telah dilakukan adalah dari pengesyoran oleh pihak LGM. Pengesyoran yang dicadangkan adalah racun kimia.

Manakala bagi tahun 2022, RISDA telah menggunakan pendekatan rawatan secara biologi dan telah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pengembangan dan Pemindahan Teknologi tahun 2022. Mesyuarat telah melibatkan beberapa agensi yang berkaitan. Kawalan LDP masih diperingkat R&D oleh LGM.

5.2.2.2. Kod Projek 688 - *Stimulant Technologies* Kurang Diyakini Oleh Pekebun Kecil

a. Projek ini merupakan projek menghasilkan teknologi bahan penggalak susu lateks getah yang bermula dari bulan Februari 2018 sehingga bulan Disember 2021 dengan kos projek berjumlah RM0.22 juta. Hasil teknologi ini dijangkakan dapat meningkatkan keyakinan pekebun kecil untuk menggunakan bahan penggalak susu lateks getah kerana di samping dapat meningkatkan jangka hayat pokok ianya juga dapat merendahkan risiko kekeringan kulit pokok.

b. Semakan Audit mendapati projek ini berjaya mencipta cap dagangan iaitu RRIM Hydrobest™ pada tahun 2019 dan dipatenkan pada 30 April 2021. Seterusnya pemindahan teknologi secara pelesenan teknologi telah dilaksanakan melalui perjanjian pelesenan antara LGM dan syarikat 480985-U bagi tempoh lima tahun iaitu mulai 4 Oktober 2022 hingga 3 Oktober 2027.

c. Syarikat 480985-U telah mengedarkan 20 botol *Hydrobest* sebagai sampel kegunaan pihak RISDA pada 16 Februari 2023. Taklimat dan latihan berkaitan penggunaan *Hydrobest* untuk pekebun kecil telah diberikan kepada pihak RISDA pada 17 Februari 2023.

d. Semakan Audit seterusnya mendapati teknologi ini turut diaplikasikan melalui kod projek 777 iaitu Projek Adaptasi Teknologi Getah (ADTEG) yang disertai oleh 12 orang peserta yang telah menerima *Hydrobest* mulai 20 Julai 2022 hingga 17 Mei 2023. Berdasarkan Laporan Akhir kod projek 777, sapuan *Hydrobest* adalah tidak konsisten disebabkan faktor serangan penyakit LDP. Antara faktor lain menjadi halangan menggalakkan penggunaan *Hydrobest* adalah sistem penorehan di kalangan pekebun kecil. Ini kerana kebiasaan pekebun kecil di Malaysia mengamalkan sistem torehan selang sehari manakala pokok yang disapu rangsangan lateks perlu praktikkan penorehan secara selang dua hari. Selain itu, persepsi pekebun kecil yang beranggapan sapuan rangsangan tidak bertahan lama dan boleh mendatangkan kejadian kering kulit. Ini menunjukkan **peserta kurang berkeyakinan untuk menggunakan *Hydrobest*** meskipun LGM telah memberikan latihan dan tunjuk ajar penggunaan *Hydrobest* kepada peserta ADTEG pada 20 Julai dan 23 Ogos 2022.

5.2.2.3. Tiada Peningkatan Prestasi Daripada Projek *The Evaluation of Cuplump Modified Bitumen* (CMB) *for Malaysian Road Construction* (Kod Projek: 577)

a. Objektif utama kod projek 577 adalah untuk membangun, melaksana, memantau dan menilai penggunaan *Bituminous Cuplump* (BC) sebagai bahan tambahan turapan jalan. Manfaat projek ini adalah meningkatkan kualiti jalan dan infrastruktur serta menjimatkan kos penyenggaraan dalam tempoh jangka panjang. Tempoh projek adalah mulai bulan Januari 2015 hingga bulan Disember 2021. Kerjasama bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilaksanakan bertujuan untuk melaksanakan ujian, rekabentuk, mengendali dan memantau penilaian prestasi *cuplump* selepas pembinaan.

b. Hasil kajian JKR terhadap keberkesanan penggunaan *Cuplump Modified Bitumen* (CMB) yang dijalankan antara bulan April hingga Mei 2019 di empat lokasi iaitu di Baling, Kedah; Kota Bharu, Kelantan; Tampin, Negeri Sembilan dan Temerloh, Pahang mendapati **tiada peningkatan prestasi berlaku apabila bahan CMB digunakan di dalam turapan jalan**.

c. Selain itu, berdasarkan kepada Laporan Akhir *Research Collaboration on Cuplump Modified Asphalt* (CMA) *in Road Pavement Construction* yang dikeluarkan pada bulan Oktober 2021 terdapat beberapa penemuan JKR berhubung kualiti jalan *cuplump modified bitumen*. Butiran penemuan JKR adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
BUTIRAN PENEMUAN JKR BERKAITAN PENGGUNAAN CUPLUMPS

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PENEMUAN JKR
1.	Kos Turapan	Kos turapan *Cuplump Modified Asphalt* (CMA) adalah lebih tinggi berbanding turapan konvensional. Asas pengiraan adalah RM100 juta boleh digunakan di 478 km bagi turapan konvensional dan turapan CMA hanya 266 km
2.	Bahan CMA	Penggunaan getah *cuplump* di dalam turapan CMA tidak banyak iaitu hanya 1.1 tan di dalam 820 tan *asphalt* bagi setiap penurapan 1km, 2 lorong

Sumber: Laporan Penilaian Penggunaan Teknologi *Cuplump Modified Bitumen*, JKR

d. Semakan Audit mendapati projek ini berjaya menghasilkan teknologi CMB yang dipatenkan pada 30 September 2015. Sehingga bulan Jun 2023, paten ini telah diperbaharui sebanyak tiga kali dan tamat pada 16 Julai 2024. Projek ini juga berjaya mencipta dua cap dagangan iaitu RRIM CMB™ dan RRIM BC™.

e. Seterusnya teknologi tersebut telah mempunyai lima perjanjian pelesenan teknologi bersama penggiat industri getah. Butiran terperinci bagi pelesenan teknologi tersebut seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PELESENAN TEKNOLOGI KOD PROJEK 577

BIL.	NO. SYARIKAT	TEMPOH PERJANJIAN	KOS PELESENAN
1.	273794-M	10.12.2019 - 09.12.2024 (5 tahun)	BC (RM42,5000) & CMB (RM42,500)
2.	616503-V	10.12.2019 - 09.12.2024 (5 tahun)	CMB (RM40,000)
3.	25183-V	17.08.2021 - 16.08.2026 (5 tahun)	CMB (RM30,000)
4.	1210840-T	17.08.2021 - 16.08.2026 (5 tahun)	BC (RM30,000)
5.	730220-H	17.08.2021 - 16.08.2026 (5 tahun)	CMB (RM30,000)

Sumber: Portal Pemindahan Teknologi LGM dan Kontrak Perjanjian Pelesenan

f. LGM perlu melaksanakan kajian semula berkaitan formulasi getah *cuplump* di dalam turapan CMA serta melaksanakan kajian keberkesanan teknologi ini selepas lapan tahun turapan dilaksanakan bagi menilai prestasi jangka panjang serta mengenal pasti kitar hayat penyenggaraan yang bersesuaian. Ini kerana teknologi ini telah pun dikomersialkan dan terdapat syarikat mengadaptasi teknologi ini. Selain itu, sekiranya teknologi ini berjaya dan digunakan secara meluas, secara tidak langsung ia dapat meningkatkan produktiviti di sektor huluan.

Maklum balas LGM yang diterima pada 2 Ogos 2023

Kertas cadangan penyelidikan *Study on Newly Developed CMB for Enhancing Road Performance* telah disediakan manakala pelaksanaan ujian prestasi dijangka dilaksanakan pada bulan Ogos 2023.

5.2.3. Pemantauan oleh KPK

a. Penglibatan pemantauan KPK adalah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Agensi yang membincangkan secara khusus berkaitan projek R&D di bawah Rancangan Malaysia. Projek R&D di bawah dana Rancangan Malaysia turut dipantau oleh KPK melalui Laporan Penilaian *Outcome* Projek Pembangunan. Terma rujukan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Agensi adalah seperti di **Rajah 16**.

RAJAH 16
TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN AGENSI



Sumber: Terma Rujukan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Agensi

b. Selain penglibatan dalam mesyuarat tersebut, **KPK memantau aktiviti R&D LGM melalui Laporan Maklumat Hasil Penyelidikan & Pembangunan dan Laporan Pemantauan Prestasi Kerangka Keberhasilan Aktiviti yang dihantar secara tahunan oleh LGM kepada KPK**. Bagaimanapun laporan tersebut hanya menyatakan bilangan projek R&D yang dilaksanakan. Namun **tiada pemantauan dilaksanakan untuk memastikan hasil teknologi R&D yang dihasilkan dipindahkan kepada pemegang taruh industri getah**.

Maklum balas KPK yang diterima pada 15 September 2023

KPK akan membuat langkah penambahbaikan terhadap pemantauan/naziran aktiviti penyelidikan dan pengkomersialan. Bagi pemantauan pemindahan teknologi kepada industri, KPK telah menjadi ahli tetap dalam Jawatankuasa Teknikal bersama Industri Lembaga Getah Malaysia bagi tiga tahun bermula 1 Jun 2023 hingga 31 Disember 2025. Peranan utama jawatankuasa ini adalah memantau projek R&D secara menyeluruh. Selain itu, KPK ada melaksanakan penilaian bagi projek R&D LGM yang telah siap melalui Laporan Penilaian *Outcome* Projek Pembangunan mengikut kepentingan projek.

Pendapat Audit | **Pemantauan yang kurang oleh KPK menyebabkan pemindahan teknologi oleh LGM kurang dilaksanakan kepada pemegang taruh.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, LGM telah melaksanakan aktiviti R&D merangkumi tiga sektor selaras dengan fungsi seperti yang ditetapkan. Bagaimanapun keberhasilan projek R&D oleh LGM masih belum tercapai sepenuhnya kerana aktiviti R&D yang dilaksanakan belum dapat menyumbang secara langsung kepada pembangunan industri getah Malaysia, selaras dengan objektif LGM iaitu bagi memaju dan memberi keutamaan kepada pembangunan industri getah negara.

Pelaksanaan projek R&D yang lebih menekankan kepada sektor hiliran berbanding sektor huluan tidak membantu industri getah semasa yang tidak stabil. Di samping itu faktor lain seperti saiz pegangan tanah, pandemik Covid-19, usia pekebun kecil, pokok getah tua, kekurangan tenaga buruh dan harga getah yang rendah turut mempengaruhi pengeluaran getah asli Negara. Bagi menampung keperluan industri, import melebihi eksport getah asli bermula pada tahun 2019 hingga 2022.

Pemindahan teknologi yang kebanyakannya adalah secara sumbangan sosial tidak dapat memberi impak yang signifikan terhadap pemegang taruh yang terlibat dalam industri getah. Selain itu, keperluan dari sektor huluan industri getah yang kurang diberi perhatian menyebabkan R&D yang dijalankan oleh LGM kurang memberi penekanan terhadap keperluan sebenar penggiat industri terutamanya kepada pekebun kecil.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

7.1. LGM perlu memperluaskan R&D terutama yang berkaitan sektor huluan, mengenal pasti keperluan industri dan pihak berkepentingan dalam menentukan projek R&D yang akan dilaksanakan bagi memastikan teknologi yang dibangunkan diadaptasikan oleh pemegang taruh dalam industri getah;

7.2. LGM perlu melaksanakan penilaian risiko/kajian awalan bagi mengurangkan risiko kegagalan sesuatu projek yang merugikan Kerajaan; dan

7.3. KPK perlu mempergiatkan pemantauan terhadap aktiviti pemindahan teknologi oleh LGM kepada pemegang taruh bagi memastikan objektif untuk memajukan industri getah Malaysia tercapai.

3

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

– Pengurusan Program Penanaman Padi

- **Jabatan Perikanan**
  - Pengurusan Program Pemuliharaan Kawasan Perlindungan Marin

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

- Pengurusan Program Penanaman Padi

PENGURUSAN PROGRAM PENANAMAN PADI

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



RUMUSAN AUDIT

"Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pencapaian program penanaman padi adalah **tidak memuaskan**. Sasaran output pengeluaran padi dan produktiviti padi per hektar tidak tercapai dan pencapaian objektif/keberhasilan bagi pengeluaran beras dan SSL beras serta pendapatan pesawah juga masih belum dicapai. Selain itu, pengurusan program juga tidak memuaskan dan perlu ditambah baik dari aspek pengurusan tanah, benih padi, baja dan jentera serta kawalan peruntukan".

Peruntukan 2019 - 2022

RM6.820 Bilion Peruntukan mengurus dan pembangunan yang disalurkan oleh KPKM

RM6.342 Bilion Jumlah perbelanjaan

647,936 hektar

Meliputi kawasan jelapang (416,415 ha) dan kawasan luar jelapang (231,521 ha)

12

Kawasan jelapang padi iaitu MADA, KADA dan 10 IADA

PENCAPAIAN OUTPUT

Pengeluaran Padi (Juta MT)

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN	PERATUS (%)
2019	2.86	2.49	87.1
2020	2.91	2.42	83.2
2021	2.98	2.43	81.5
2022	3.04	2.48	81.6

Purata Hasil Padi Per Hektar (MT/Ha)

KAWASAN	PURATA HASIL PADI PER HEKTAR (MT/Ha)			
	2019	2020	2021	2022
Sasaran	4.995	5.000	3.774	3.919
Pencapaian	3.455	3.480	3.553	3.625
Peratus (%)	69.2	69.6	94.1	92.5

PENCAPAIAN KEBERHASILAN

Pengeluaran Beras (Juta MT)

- Tiada sasaran tahun 2019 dan 2020
- Tahun 2021: 1.68 juta MT (87.5%) berbanding sasaran 1.92 juta MT
- Tahun 2022: 1.70 juta MT (86.7%) berbanding sasaran 1.96 juta MT

Tahap Kecukupan Sara Diri (SSL Beras)


Pencapaian SSL Beras (%)

- SSL Beras tidak capai sasaran

TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN (%)
2019	70.0	63.0
2020	70.0	59.4
2021	73.4	65.0
2022	73.8	62.6

Pendapatan Pesawah

Purata Pendapatan Bulanan Pesawah Pada Tahun 2021



PENGURUSAN PROGRAM

Tanah

Sehingga 31 Disember 2022, jelapang padi masih belum diwartakan sebagai kawasan penanaman padi kecuali MADA

Jentera dan Mekanisasi

Hanya 589 (66%) daripada 892 jentera pertanian boleh beroperasi

Benih Padi

- **P**engeluaran benih padi asas oleh MARDI tidak memenuhi keperluan di lapangan
- **H**arga jualan benih padi kepada pesawah melebihi harga kawalan

Baja

Kelewatan pembekalan baja kepada pesawah

KERUGIAN:

Pengecualian kenaan denda kelewatan pembekalan baja diberikan kepada Pembekal **(RM211.27 juta)**

Peruntukan dan Perbelanjaan

KERUGIAN:

- **B**aki peruntukan terkumpul di LPP (tahun 2019 – 2022) berjumlah RM448.87 juta
- **B**aki peruntukan Program EPP 11 berjumlah RM26.77 juta masih belum dipulangkan oleh tiga agensi walaupun program tamat tahun 2020

5 Syor Audit

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PENGURUSAN PROGRAM PENANAMAN PADI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Empat matlamat yang disasarkan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) adalah jumlah pengeluaran padi dan beras, purata hasil padi per hektar, SSL beras dan peningkatan tahap pendapatan pesawah.
- Tahap sara diri (SSL) bagi beras merujuk kepada peratus kecukupan beras untuk kegunaan penduduk Malaysia. Sasaran SSL beras telah ditetapkan pada kadar 70% untuk tahun 2019, 73.8% untuk tahun 2022 dan 80% untuk tahun 2030, iaitu peningkatan sasaran sebanyak 17% daripada tahun 2019 hingga tahun 2030.
- KPKM bertanggungjawab menggubal dan menetapkan dasar berkaitan dengan pembangunan industri padi dan beras negara. Jabatan/Agensi lain yang terlibat secara langsung dengan industri padi dan beras negara adalah Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).
- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap prestasi dan pengurusan program bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Prestasi program dinilai berdasarkan pencapaian output dan keberhasilan. Pengurusan program meliputi pengurusan tanah, benih padi, baja, jentera dan mekanisasi serta peruntukan dan perbelanjaan.
- Pengauditan telah dilaksanakan di KPKM, DOA, LPP, MADA, KADA, IADA dan MARDI. Lawatan Audit turut dijalankan secara persampelan di 30 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di kawasan MADA, KADA dan empat IADA di enam negeri untuk semakan fizikal dan temu bual bersama pesawah.
- Skop pengauditan bagi penilaian pengurusan program hanya meliputi kawasan jelapang seluas 416,415 hektar (64.3%) daripada 647,936 hektar kawasan penanaman padi di Malaysia. Pengauditan ini tidak meliputi kawasan penanaman padi luar jelapang yang

berada di bawah tanggungjawab Jabatan Pertanian Negeri. Namun bagi pelaporan pencapaian output dan keberhasilan secara keseluruhan, data berkaitan pencapaian produktiviti kawasan luar jelapang juga diperolehi daripada Ibu Pejabat DOA.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

Untuk menilai sama ada pengurusan program penanaman padi telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat bagi mencapai objektif iaitu meningkatkan jumlah pengeluaran padi dan beras; produktiviti penanaman padi; SSL beras mencapai 73.8% pada tahun 2022 dan 80% menjelang tahun 2030; dan peningkatan pendapatan bulanan pesawah kepada purata RM3,500 bagi kawasan jelapang dan RM2,500 bagi kawasan luar jelapang menjelang tahun 2030.

Rumusan

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pencapaian program penanaman padi adalah tidak memuaskan. Sasaran output pengeluaran padi dan produktiviti padi per hektar tidak tercapai dan pencapaian objektif/keberhasilan bagi pengeluaran beras dan SSL beras serta pendapatan pesawah juga masih belum dicapai. Selain itu, pengurusan program juga tidak memuaskan dan perlu ditambah baik dari aspek pengurusan tanah, benih padi, baja dan jentera serta kawalan peruntukan.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
1.	Sehingga 31 Disember 2022, jelapang padi belum diwartakan sebagai kawasan penanaman padi kecuali MADA.	Keluasan kawasan pasel padi bagi empat kawasan jelapang mengalami penyusutan sebanyak 11,123 hektar.	Libat urus dengan Kerajaan Negeri bagi membolehkan pewartaan kawasan penanaman padi dilaksanakan dengan segera.
2.	Pengeluaran benih padi asas bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 sebanyak 258.14 MT oleh MARDI masih tidak dapat memenuhi permintaan di lapangan sebanyak 507.52 MT.	Pengeluaran benih padi asas yang tidak mencukupi akan menyebabkan berlakunya penggunaan benih padi yang tidak diiktiraf oleh DOA.	• Menyalurkan peruntukan yang mencukupi kepada MARDI untuk memperluaskan kawasan penanaman benih padi; atau • Memberi kebenaran kepada pihak lain untuk mengeluarkan benih padi asas.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
3.	Harga jualan benih padi sah kepada pesawah melebihi harga kawalan RM35 yang dibenarkan iaitu antara RM35.50 hingga RM58.	Pesawah menanggung kos pengeluaran padi yang lebih tinggi.	Meningkatkan pemantauan terhadap peruncit bagi memastikan benih padi dijual pada harga kawalan.
4.	Berlaku kelewatan pengagihan baja kepada pesawah dan sebahagian pesawah menerima bekalan baja melepasi tempoh pembajaan sepatutnya.	Baja tidak dapat digunakan semasa musim penanaman padi yang sepatutnya.	• Mengambil tindakan tegas terhadap pembekal dengan mengenakan denda kelewatan pembekalan baja berdasarkan syarat kontrak. • Mewujudkan alternatif pembekal baja selain daripada Pembekal KEB 15/1.
5.	Pengecualian pengenaan denda kelewatan pembekalan baja bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019 berjumlah RM211.27 juta telah diberikan secara 100% kepada Pembekal KEB 15/1.	• Kelewatan pembekalan baja menjadi isu berulang setiap tahun kerana pembekal tidak dikenakan apa-apa tindakan. • Pesawah tidak mendapat manfaat sepenuhnya apabila baja lewat dibekalkan.	Mengkaji semula setiap kontrak yang terlibat di dalam industri padi dan beras supaya ianya bersifat melindungi serta tidak merugikan pihak Kerajaan.
6.	Hanya 589 (66%) daripada 892 jentera pertanian boleh beroperasi.	Ketidakcukupan jentera menyebabkan pesawah bergantung kepada penyedia perkhidmatan swasta.	• Menyalurkan peruntukan kepada LPP, MADA, KADA dan DOA Sarawak untuk membuat perolehan jentera; atau • Melaksanakan alternatif lain seperti membuat sewaan jentera bagi memenuhi keperluan pesawah.
7.	Peruntukan yang disalurkan berjumlah RM23.28 juta (30.4%) berbanding permohonan sebanyak RM76.67 juta adalah tidak mencukupi untuk melaksanakan projek penyelenggaraan saliran mengikut perancangan.	Berlaku masalah pengairan di kawasan penanaman padi berdasarkan aduan yang diterima daripada pesawah.	Meningkatkan jumlah peruntukan untuk penyelenggaraan saliran selaras dengan keperluan di lapangan.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
8.	Baki peruntukan terkumpul di LPP berjumlah RM448.87 juta tidak dibelanjakan secara optimum bagi membantu golongan sasar mengurangkan kos pengeluaran padi.	Baki peruntukan tidak dapat digunakan oleh KPKM untuk melaksanakan program lain bagi mengurangkan kos pengeluaran padi yang seterusnya dapat memberi manfaat kepada pesawah.	KPKM melalui agensi yang terlibat perlu memastikan semua skim bantuan yang diperuntukkan digunakan secara optimum bagi membantu golongan sasar untuk mengurangkan kos pengeluaran padi dan seterusnya golongan tersebut mendapat manfaat daripada bantuan yang disalurkan.
9.	Baki peruntukan Program EPP 11 berjumlah RM26.77 juta masih belum dipulangkan oleh 3 agensi walaupun program tamat tahun 2020 iaitu KADA (RM10.22 juta), Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI) (RM7.28 juta) dan Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD) (RM9.27 juta).		KPKM mengambil tindakan segera bagi memastikan baki peruntukan tersebut dipulangkan oleh KADA, MAFFI Sabah dan M-FICORD dan diserahkan kepada Kementerian Kewangan.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

1. PENGURUSAN PROGRAM PENANAMAN PADI

FAKTA UTAMA

Tahap Sara Diri (SSL)		Keluasan Penanaman Padi Malaysia		Peruntukan 2019 - 2022	
70% (2019) 73.8% (2022) 80% (2030)	**Penetapan Sasaran SSL Beras**	647,936 hektar	Meliputi kawasan jelapang (416,415 ha) dan kawasan luar jelapang (231,521 ha)	RM6.820 Bilion	Peruntukan mengurus dan pembangunan yang disalurkan oleh KPKM
		12	Kawasan jelapang padi iaitu MADA, KADA dan 10 IADA	RM6.342 Bilion	Jumlah perbelanjaan (93%)

Objektif Program	Meningkatkan produktiviti penanaman padi bagi mencapai 80% serta peningkatan pendapatan pesawah kepada purata RM3,500 sebulan (jelapang) dan RM2,500 sebulan (luar jelapang) menjelang tahun 2030
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)	Menggubal dan menetapkan dasar yang berkaitan dengan pembangunan industri padi dan beras negara
Agensi Pelaksana	Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA)

1. LATAR BELAKANG

1.1. Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) digubal secara holistik untuk meneruskan Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 (DAN 1.0) dengan memfokuskan kepada pemodenan dan perkembangan sektor agromakanan serta meningkatkan sekuriti makanan negara. Penekanan khusus terhadap sekuriti makanan akan terus diberikan melalui pengukuhan empat subsektor utama sektor agromakanan iaitu padi dan beras; buah-buahan dan sayur-sayuran; ternakan; serta perikanan dan akuakultur.

1.2. Empat matlamat disasarkan dalam DAN 2.0 melibatkan jumlah pengeluaran padi dan beras, purata hasil padi per hektar, SSL beras dan peningkatan tahap pendapatan pesawah. Ringkasan matlamat yang ingin dicapai menjelang tahun 2030 di bawah DAN 2.0 adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
SASARAN DAN 2.0 BERKAITAN INDUSTRI PADI DAN BERAS



Sumber: DAN 2.0 (2021-2030)

1.3. Tahap sara diri (SSL) merupakan suatu komponen utama sekuriti makanan yang berfungsi sebagai petunjuk untuk mengukur kemampuan sebuah negara memenuhi keperluan makanan daripada pengeluaran domestiknya sendiri. SSL bagi beras merujuk kepada peratus kecukupan beras untuk kegunaan penduduk Malaysia. Sasaran SSL beras telah ditetapkan pada kadar 70% bagi tahun 2019, 73.8% bagi tahun 2022 dan 80% bagi tahun 2030, iaitu peningkatan sasaran sebanyak 17% daripada tahun 2019 hingga tahun 2030.

1.4. Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bertanggungjawab menggubal dan menetapkan dasar yang berkaitan dengan pembangunan industri padi dan beras negara. Bahagian/Jabatan/Agensi lain yang terlibat secara langsung dengan industri padi dan beras negara adalah Bahagian Pengairan dan Saliran (BPSP) KPKM, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).


1.5. Selain itu, terdapat satu syarikat dan satu pembekal terlibat secara langsung dengan industri padi dan beras negara iaitu Syarikat 295514-U (Syarikat) dan Pembekal KEB 15/1 (Pembekal). Syarikat telah diberikan hak oleh Kerajaan untuk mengimport beras bagi menampung keperluan beras negara melalui perjanjian konsesi yang telah ditandatangani. Syarikat juga bertanggungjawab dalam membuat pembayaran Skim Subsidi Harga Padi kepada pesawah yang menghantar padi kepada kilang yang berdaftar dengannya. Pembekal pula berperanan untuk menyediakan perkhidmatan membekal dan menghantar input pertanian (baja, racun dan kapur) di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP).

1.6. Kawasan penanaman padi di Malaysia terbahagi kepada kawasan jelapang dan luar jelapang. Kawasan jelapang merujuk kepada skim pengairan yang besar dengan keluasan melebihi 4,000 hektar dan diiktiraf oleh Kerajaan dalam Dasar Pertanian Negara sebagai kawasan utama pengeluaran padi. Luar jelapang pula merujuk kepada kawasan yang bertanam padi di skim pengairan kecil atau kawasan yang tidak mendapat bekalan air dari sistem pengairan/luar skim pengairan dan bergantung kepada hujan. Kawasan jelapang dikawal selia oleh agensi di bawah KPKM iaitu MADA, KADA dan IADA manakala kawasan luar jelapang dikawal selia sepenuhnya oleh Jabatan Pertanian Negeri.

1.7. Berdasarkan Statistik Padi Tahun 2021 yang dikeluarkan oleh DOA, penanaman padi di Malaysia melibatkan kawasan seluas 647,936 hektar meliputi kawasan jelapang seluas 416,415 hektar dan luar jelapang seluas 231,521 hektar. Sehingga Disember 2022, terdapat 12 kawasan jelapang padi yang diiktiraf oleh Kerajaan iaitu kawasan MADA,

KADA dan 10 IADA melibatkan IADA Kerian, IADA Barat Laut Selangor, IADA Pulau Pinang, IADA Seberang Perak, Projek Pembangunan Pertanian Terengganu Utara (IADA KETARA), IADA Kemasin Semerak, IADA Pekan, IADA Rompin, IADA Kota Belud dan IADA Batang Lupar, seperti dalam **Rajah 2**. Berdasarkan maklumat daripada MADA, KADA dan 10 IADA, seramai 196,138 pesawah berdaftar di 12 kawasan jelapang padi tersebut bagi tahun 2021.

RAJAH 2
KAWASAN JELAPANG PADI DI MALAYSIA



Sumber: MAKGEO Padi

1.8. Umumnya, penanaman padi di dalam negara dilakukan dua kali setahun iaitu pada Musim Utama dan Luar Musim. Berdasarkan *Rice Check* Padi, Musim Utama adalah tempoh penanaman padi yang paling sesuai berdasarkan iklim tempatan (musim hujan) dan tidak bergantung sepenuhnya kepada sistem pengairan. Luar Musim pula adalah tempoh kering yang mana penanaman padi biasanya bergantung kepada sistem pengairan. Untuk tujuan pentadbiran, penanaman padi Luar Musim bermula antara bulan Mac hingga Julai dalam tahun semasa disebut sebagai Musim 1 (M1). Musim Utama yang melibatkan penanaman padi antara bulan Ogos hingga Februari tahun berikutnya disebut sebagai Musim 2 (M2).

1.9. Sejumlah RM6.820 bilion telah disalurkan oleh KPKM di bawah peruntukan mengurus dan pembangunan berkaitan industri padi bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 dan sejumlah RM6.342 bilion telah dibelanjakan.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program Pengurusan Penanaman Padi telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu:

a. meningkatkan jumlah pengeluaran padi dan beras;

b. produktiviti penanaman padi;

c. SSL beras mencapai 73.8% pada tahun 2022 dan 80% menjelang tahun 2030; dan

d. peningkatan pendapatan pesawah kepada purata RM3,500 sebulan bagi pesawah kawasan jelapang dan RM2,500 sebulan bagi pesawah kawasan luar jelapang menjelang tahun 2030.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program penanaman padi bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Prestasi program dinilai berdasarkan pencapaian output dan pencapaian keberhasilan.

a. Pencapaian output dinilai berdasarkan pencapaian sasaran pengeluaran padi dan produktiviti pengeluaran padi per hektar.

b. Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan pencapaian tahap kecukupan sara diri (SSL) beras dan pendapatan pesawah.

3.2. Pengurusan program meliputi pengurusan tanah, benih padi, baja, jentera dan mekanisasi serta peruntukan dan perbelanjaan.

3.3. Pengauditan telah dilaksanakan di KPKM, DOA, Ibu Pejabat LPP, MADA, KADA, IADA dan MARDI. Lawatan Audit turut dijalankan secara persampelan di 30 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di kawasan MADA, KADA dan empat IADA di enam negeri bagi tujuan semakan fizikal dan temu bual bersama pesawah. Butiran sampel yang dilawati adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SAMPEL PPK YANG DILAWATI

AGENSI	BIL. PPK	
	KESELURUHAN	BIL. SAMPEL
MADA	27	15
KADA	13	6
IADA Barat Laut Selangor	3	3
IADA Pulau Pinang	7	3

AGENSI	BIL. PPK	
	KESELURUHAN	BIL. SAMPEL
IADA Seberang Perak	2	2
IADA Batang Lupar, Sarawak	1	1
JUMLAH	**53**	**30 (56.6%)**

Sumber: Lawatan Fizikal Audit

3.4. Skop pengauditan bagi penilaian pengurusan program hanya melibatkan kawasan jelapang yang meliputi seluas 416,415 hektar (64.3%) daripada keseluruhan kawasan penanaman padi di Malaysia. Pengauditan ini tidak meliputi kawasan penanaman padi luar jelapang yang berada di bawah tanggungjawab Jabatan Pertanian Negeri. Namun bagi pelaporan pencapaian output dan keberhasilan secara keseluruhan, data berkaitan pencapaian produktiviti kawasan luar jelapang juga diperolehi daripada Ibu Pejabat DOA.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan termasuk data dan laporan hasil padi, minit mesyuarat, surat-menyurat dan dokumen kewangan. Semakan dijalankan di Bahagian PIP, Bahagian Pembangunan, Bahagian Kewangan dan BPSP di KPKM serta DOA, LPP, MARDI, MADA, KADA dan IADA. Data dan maklumat daripada pihak Syarikat dan Pembekal turut diperolehi melalui Bahagian PIP, KPKM.

4.2. Analisis turut dibuat terhadap data daripada Sistem ePadi (milik Pembekal), Sistem Pengurusan Input MADA (SPIM) dan Sistem i-Padi (milik KADA). Lawatan Audit telah dijalankan terhadap 30 (56.6%) daripada 53 PPK bagi mendapatkan maklumat terperinci, mengesahkan ketepatan maklumat yang diterima serta pengesahan fizikal terhadap peralatan, input pertanian dan kawasan penanaman padi. Di samping itu, temu bual dan perbincangan bersama pegawai LPP, DOA Negeri dan Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras Negeri turut dijalankan bagi mendapatkan penjelasan dan pengesahan berkaitan isu berbangkit. Soal selidik dan temu bual juga turut dijalankan bersama 535 pesawah yang mengusahakan sawah di MADA, KADA dan empat IADA yang dilawati.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Oktober 2022 hingga bulan Mac 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibentangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 19 September 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Program

5.1.1. Pencapaian Output

Pencapaian output dinilai terhadap dua perkara iaitu pengeluaran padi dan purata hasil padi per hektar (produktiviti).

5.1.1.1. Pengeluaran Padi

a. Berdasarkan DAN 1.0 dan DAN 2.0, penetapan sasaran pengeluaran padi adalah sebanyak 2.86 juta MT (2019), 2.91 juta MT (2020), 2.98 juta MT (2021) dan 3.04 juta MT (2022).

b. Data pencapaian hasil padi diperolehi melalui kaedah persampelan mengikut musim yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) berpandukan kepada Manual Penyiasatan Pengeluaran Padi. Seterusnya Laporan Penyiasatan Pengeluaran Padi Malaysia dikeluarkan dua kali bagi setiap tahun penanaman meliputi Musim Utama dan Luar Musim.

c. Semakan Audit mendapati **pengeluaran padi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022**. Peratus pencapaian pengeluaran padi berbanding sasaran adalah antara 81.5% hingga 87.1%. Pencapaian pengeluaran padi bagi tahun 2021 adalah yang terendah iaitu sebanyak 2.43 juta MT (81.5%) berbanding sasaran 2.98 juta MT. Butiran lanjut berkaitan sasaran dan pencapaian pengeluaran padi adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PENCAPAIAN PENGELUARAN PADI BERBANDING SASARAN SECARA KESELURUHAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	SASARAN (Juta MT)	PENCAPAIAN PENGELUARAN PADI	
		(Juta MT)	%
2019	2.86	2.49	87.1
2020	2.91	2.42	83.2
2021	2.98	2.43	81.5
2022*	3.04	2.48	81.6

Sumber: Statistik Padi DOA dan Bahagian PIP, KPKM
Nota: (*) - Jumlah Bagi Tahun 2022 Masih Anggaran. Laporan Muktamad Belum Dikeluarkan

d. Ketidakcapaian sasaran pengeluaran padi antaranya disebabkan oleh serangan penyakit dan perosak serta kesan fenomena alam seperti banjir dan tanah jerlus. Mengikut rekod KPKM, tanah jerlus telah menjejaskan penanaman padi di MADA dan kejadian banjir pada tahun 2020 dan 2021 menyebabkan kemasukan air berlebihan ke kawasan penanaman dan merosakkan tanaman padi bagi kawasan MADA, KADA dan IADA. Selain itu,

pandemik Covid-19 telah menjejaskan prestasi banyak sektor termasuk sektor pertanian juga memberi kesan kepada pengeluaran padi pada tahun 2020 dan 2021. Semakan Audit juga mendapati empat program yang dilaksanakan oleh KPKM bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran padi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

e. Ketidakcapaian sasaran pengeluaran padi menunjukkan trend penurunan telah menjejaskan pencapaian SSL yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Maklum balas KPKM yang diterima pada 4 Ogos 2023

Pencapaian sasaran bergantung kepada dua faktor iaitu dalam kawalan (bantuan subsidi, disiplin pesawah) dan di luar kawalan (perubahan iklim, bencana alam dan lain-lain).

5.1.1.2. Purata Hasil Padi Per Hektar (Produktiviti)

a. DAN 1.0 mensasarkan peningkatan dari segi purata hasil padi per hektar daripada 4 MT per hektar (MT/Ha) pada tahun 2010 kepada 5 MT/Ha pada tahun 2020. DAN 2.0 pula menyatakan menjelang tahun 2030, purata hasil padi bagi setiap unit kawasan sawah padi akan dipertingkatkan kepada 5.3 MT/Ha berbanding purata hasil 3.5 MT/Ha pada tahun 2019.

b. Semakan Audit mendapati sasaran yang ditetapkan dalam DAN 2.0 bagi tahun 2021 adalah 3.774 MT/Ha dan 2022 sebanyak 3.919 MT/Ha. Sasaran ini lebih rendah berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2020 iaitu 5 MT/Ha. KPKM telah menjalankan kajian dan penyelarasan semula sasaran purata hasil padi per hektar dan menetapkan sasaran yang lebih rendah pada tahun 2021 dan 2022 disebabkan sasaran DAN 1.0 iaitu 5 MT/Ha pada tahun 2020 gagal dicapai. Penetapan sasaran purata hasil padi per hektar adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
SASARAN PURATA HASIL PADI PER HEKTAR
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	SASARAN PURATA HASIL PADI PER HEKTAR (MT/Ha)	DASAR AGROMAKANAN NEGARA (DAN)
2019	4.995	DAN 1.0
2020	5.000	
2021	3.774	DAN 2.0
2022	3.919	

Sumber: DAN 1.0 dan DAN 2.0

c. Analisis Audit terhadap data Statistik Padi DOA mendapati walaupun purata hasil padi per hektar masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan namun menunjukkan trend peningkatan. Pencapaian purata hasil padi per hektar menunjukkan peningkatan setiap tahun iaitu daripada 3.455 MT/Ha pada tahun 2019 kepada 3.480 MT/Ha pada tahun 2020. Purata hasil padi per hektar terus meningkat kepada 3.553 MT/Ha pada tahun 2021 dan seterusnya dijangka meningkat kepada 3.625 MT/Ha pada tahun 2022. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENCAPAIAN PURATA HASIL PADI PER HEKTAR BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

BUTIRAN	PURATA HASIL PADI PER HEKTAR (MT/Ha)			
	2019	2020	2021	2022*
Sasaran	4.995	5.000	3.774	3.919
Pencapaian	3.455	3.480	3.553	3.625
PERATUS (%)	**69.2**	**69.6**	**94.1**	**92.5**

Sumber: Statistik Padi DOA
Nota: (*) - Jumlah Bagi Tahun 2022 Masih Anggaran. Laporan Muktamad Belum Dikeluarkan.

Maklum balas KPKM yang diterima pada 4 Ogos 2023

KPKM dan agensi telah melaksanakan beberapa tindakan penambahbaikan antaranya program kawalan penyakit dan perosak secara bersepadu, program pengembangan peningkatan hasil padi, mencadangkan penggunaan benih yang seragam dan bebas penyakit serta membekalkan pam bergerak kepada pesawah. Selain itu, KPKM juga akan memperkenalkan Program Lestari 5 iaitu sasaran produktiviti 5 MT/Ha berbanding purata nasional 3.5 MT/Ha.

5.1.1.3. Program Peningkatan Hasil Padi

a. KPKM telah memperkenalkan beberapa program penanaman padi yang diuruskan secara berpusat oleh syarikat peneraju/koperasi melalui penyatuan tanah peserta bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi. Program yang dijalankan adalah Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB); Pengukuhan Produktiviti Penanaman Padi di Lain-lain Kawasan Pengairan (EPP 11); Projek Penanaman Padi Skala Besar (PPSB) yang diterajui oleh MADA dan Ladang Merdeka yang diterajui oleh KADA.

b. Semakan Audit mendapati sasaran pengeluaran padi yang ditetapkan di bawah empat program tersebut masih belum dapat dicapai dan perkara ini telah menjejaskan pencapaian sasaran pengeluaran padi negara. Pencapaian program yang dijalankan setakat 31 Disember 2022 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENCAPAIAN PROGRAM PENYATUAN TANAH

BIL.	BUTIRAN PROGRAM	SASARAN	PENCAPAIAN	%	CAPAI (√) / TIDAK CAPAI (X)
1.	**SMART SBB**				
	Keluasan (Ha)	150,000	1,611.82 (M2/2021)	1.1	X
			3,762.38 (M1/2022)	2.5	
			3,681.35 (M2/2022)	2.5	
	Produktiviti (MT/Ha)	7.0	1.30 hingga 6.05 (M2/2021)	18.6 hingga 86.4	X
			0.42 hingga 5.66 (M1/2022)	6.0 hingga 80.9	
			0.36 hingga 4.27 (M2/2022)	5.1 hingga 61.0	
	Bilangan Syarikat Peneraju	27	11	40.7	X
2.	**EPP 11**				
	Produktiviti (MT/Ha)	6.5	6.88 hingga 14.70 (19 PPK/koperasi)	105.8 hingga 226.2	√
			0.88 hingga 5.99 (30 PPK/koperasi)	13.5 hingga 92.2	X
3.	**PPSB MADA**				
	Produktiviti (MT/Ha)	6.1 (2021)	4.9 (2021)	80.3	X
		6.2 (2022)	4.7 (2022)	75.8	
4.	**Ladang Merdeka KADA**				
	Produktiviti (MT/Ha)	6.0	4.02 (2019)	67.0	X
			4.36 (2020)	72.7	
			2.75 (2021)	45.8	
			4.75 (2022)	79.2	

Sumber: Bahagian PIP, KPKM, MADA dan KADA

i. Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB)

- Program SMART SBB yang dilaksanakan pada tahun 2021 adalah untuk meningkatkan purata hasil padi sebanyak 7 MT/Ha. Keluasan tanah yang disasarkan bagi pelaksanaan SMART SBB adalah sebanyak 150,000 hektar.

- Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

  - Kawasan SMART SBB hanya dimajukan oleh 11 (40.7%) daripada 27 syarikat peneraju **bagi M2/2021 dan mencapai 1,611.82 hektar (1.1%)** berbanding sasaran 150,000 hektar. Pada tahun 2022, kawasan yang dimajukan meningkat kepada 3,762.38 hektar (2.5%) berbanding sasaran bagi M1/2022. Bagaimanapun, berlaku penurunan bagi M2/2022 iaitu berkurang kepada 3,681.35 hektar (2.5%).

- **Purata pengeluaran hasil padi masih tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pengeluaran padi adalah antara 1.30 hingga 6.05 MT/Ha bagi musim 2/2021 dan 0.42 hingga 5.66 MT/Ha bagi musim 1/2022**. Penilaian pengeluaran hasil bagi M2/2022 masih belum dapat dibuat kerana semasa pengauditan dijalankan, musim penanaman di sebahagian jelapang padi masih belum selesai.

ii. Pengukuhan Produktiviti Penanaman Padi di Lain-lain Kawasan Pengairan (EPP 11)

- Objektif EPP 11 adalah untuk meningkatkan purata hasil bersih kepada 6.5 MT/Ha menjelang tahun 2020. Sebanyak 49 PPK/Koperasi berperanan sebagai *Special Purpose Vehicle* (SPV) bagi pelaksanaan penanaman padi secara pengurusan berpusat.
- Analisis Audit terhadap pencapaian purata hasil padi bagi tahun 2020 (tahun akhir pelaksanaan EPP 11) mendapati hanya 19 daripada 49 SPV (38.8%) telah mencapai sasaran purata hasil 6.5 MT/Ha yang ditetapkan, iaitu antara 6.88 MT/Ha hingga 14.70 MT/Ha. Manakala **30 daripada 49 SPV (61.2%) tidak mencapai sasaran purata hasil 6.5 MT/Ha**, iaitu hanya mencapai antara 0.88 MT/Ha hingga 5.99 MT/Ha.

iii. Penanaman Padi Skala Besar (PPSB) MADA

- Pada tahun 2021, Projek PPSB telah diperkenalkan di Kawasan Muda, Kedah sebagai penambahbaikan kepada projek Estet Padi sedia ada.
- Semakan Audit terhadap pencapaian purata hasil padi bagi tahun 2021 dan 2022 mendapati **sasaran hasil yang ditetapkan tidak tercapai**. Purata hasil pengeluaran padi pada tahun 2021 adalah 4.9 MT/Ha (80.3%) berbanding sasaran 6.1 MT/Ha dan 4.7 MT/Ha (75.8%) berbanding sasaran 6.2 MT/Ha pada tahun 2022.

iv. Projek Ladang Merdeka KADA

- Projek Ladang Merdeka KADA mula dilaksanakan pada tahun 1981 sebagai projek Perintis KADA II dan ditukar kepada Projek Ladang Merdeka pada tahun 1991. Sehingga tahun 2022, sebanyak 16 buah Ladang Merdeka telah beroperasi melibatkan keluasan keseluruhan 737.52 hektar dengan keluasan bertanam 631.88 hektar. Bilangan peserta adalah seramai 2,110 peserta.

- KADA telah menetapkan sasaran purata hasil Ladang Merdeka bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 iaitu 6.00 MT/Ha. Analisis Audit terhadap pencapaian purata hasil bagi 16 Ladang Merdeka bagi tempoh tersebut mendapati **sasaran hasil yang ditetapkan tidak tercapai. Pencapaian hasil pengeluaran adalah 4.02 MT/Ha (2019), 4.36 MT/Ha (2020), 2.75 MT/Ha (2021) dan 4.75 MT/Ha (2022)**.

Maklum balas KPKM yang diterima pada 4 Ogos 2023

a. Pelaksanaan SMART SBB mengambil masa kerana memerlukan persetujuan semua rakan kongsi iaitu syarikat dan pesawah.

b. EPP 11 telah ditamatkan dan tidak diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas.

c. MADA mengambil inisiatif melaksanakan program *soil profiling* dan pemulihan tanah melalui aktiviti pengapuran bagi meningkatkan produktiviti padi.

d. Ladang Merdeka KADA telah dilaksanakan sejak 32 tahun lalu dan kebanyakan kawasan memerlukan penyelenggaraan infra.

Pendapat Audit

Sasaran pengeluaran hasil padi yang ditetapkan oleh DAN 1.0 gagal dicapai menyebabkan sasaran DAN 2.0 diturunkan. Bagaimanapun, sasaran tersebut masih tidak dapat dicapai malah pengeluaran padi menunjukkan trend penurunan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan tahap kecukupan sara diri (SSL) beras dan pendapatan pesawah.

5.1.2.1. Tahap Kecukupan Sara Diri (SSL Beras)

a. Pengeluaran Beras (Juta MT)

i. Berdasarkan DAN 1.0, penggunaan beras dijangka meningkat daripada 2.30 juta MT pada tahun 2010 kepada 2.69 juta MT pada tahun 2020 iaitu pertumbuhan sebanyak 1.6% setahun. Bagaimanapun, DAN 1.0 tidak menyatakan sasaran pengeluaran beras bagi tempoh tersebut. DAN 2.0 pula menyatakan bahawa pengeluaran beras disasarkan mengalami

peningkatan daripada 1.92 juta MT pada tahun 2021, sebanyak 1.96 juta MT pada tahun 2022 dan seterusnya 2.33 juta MT menjelang tahun 2030.

ii. Semakan Audit mendapati bagi **tahun 2021 dan 2022, pengeluaran beras tidak mencapai sasaran yang ditetapkan**. Pencapaian pengeluaran beras adalah 1.68 juta MT (87.5%) berbanding sasaran 1.92 juta MT pada tahun 2021 dan 1.70 juta MT (86.7%) berbanding sasaran 1.96 juta MT pada tahun 2022.

iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati walaupun pengeluaran beras negara tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, namun pengeluaran beras menunjukkan trend peningkatan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Pada tahun 2019, pengeluaran beras adalah sebanyak 1.60 juta MT, meningkat kepada 1.66 juta MT pada tahun 2020 dan 1.68 juta MT pada tahun 2021. Pada tahun 2022, pengeluaran beras dianggarkan meningkat kepada 1.70 MT iaitu peningkatan sebanyak 0.02 juta MT (1.2%). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENCAPAIAN PENGELUARAN BERAS BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	SASARAN (Juta MT)	PENCAPAIAN PENGELUARAN BERAS	
		JUMLAH (Juta MT)	PERATUS PENCAPAIAN (%)
2019	Tiada	1.60	TB
2020	Tiada	1.66	TB
2021	1.92	1.68	87.5
2022	1.96	1.70	86.7

Sumber: Statistik Padi DOA dan Bahagian PIP, KPKM

iv. Semakan Audit mendapati **perubahan peratus penukaran padi kepada beras bagi kawasan jelapang di Semenanjung daripada 65% pada tahun 2019 kepada 70% pada tahun 2020 telah menyebabkan berlaku peningkatan pengeluaran beras walaupun pengeluaran padi menunjukkan trend penurunan**. Pada tahun 2019, pengeluaran padi kawasan jelapang di Semenanjung adalah sebanyak 1.84 juta MT dan berkurang kepada 1.81 juta MT pada tahun 2020. Dengan perubahan peratus ini, pengeluaran beras telah meningkat daripada 1.19 juta MT kepada 1.27 juta MT walaupun berlaku penurunan pengeluaran padi dalam tempoh tersebut.

v. Berdasarkan rekod KPKM, penggunaan sebenar beras negara (termasuk untuk tujuan stok penimbal) pada tahun 2021 adalah 2.74 juta MT. Pengeluaran beras pada tahun 2021 sebanyak 1.68 juta MT adalah tidak mencukupi untuk menampung keperluan tersebut dan Kerajaan telah mengimport beras sebanyak 1.06 juta MT.

Maklum balas KPKM yang diterima pada 4 Ogos 2023

Penyelarasan semula kadar penukaran padi kepada beras telah dipersetujui secara konsensus dalam Mesyuarat Pemurnian SSL Beras Tahun 2020 bertarikh 10 Disember 2021. Penyelarasan ini adalah berdasarkan input daripada industri melalui pihak Syarikat bahawa kadar 70% adalah munasabah mengambil kira kebolehupayaan mesin kisar padi yang lebih moden dan terkini.

b. Pencapaian SSL Beras

i. Berdasarkan DAN 1.0, SSL beras tempatan dikekalkan pada kadar 70% sehingga tahun 2020 dan SSL yang disasarkan di bawah DAN 2.0 pula adalah 80% menjelang tahun 2030. Untuk mencapai matlamat itu, KPKM telah menyediakan unjuran sasaran SSL yang perlu dicapai setiap tahun sehingga 2030. Sasaran SSL bagi tahun 2021 adalah sebanyak 73.4% dan 2022 sebanyak 73.8%.

ii. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2019 hingga 2022, **SSL beras negara tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan**. Pencapaian SSL bagi tahun 2019 hanya 63% berbanding sasaran 70% dan menurun kepada 59.4% pada tahun 2020. Pencapaian SSL meningkat kepada 65% pada tahun 2021 tetapi masih tidak mencapai sasaran 73.4%. Seterusnya SSL pada tahun 2022 dijangkakan menurun kepada 62.6% berbanding sasaran 73.8%. Ketidakcapaian sasaran ini adalah rentetan daripada pengeluaran padi yang tidak mencapai sasaran yang seterusnya memberi kesan kepada pengeluaran beras negara. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
SASARAN DAN PENCAPAIAN SSL BERAS NEGARA
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	SASARAN (%)	PENCAPAIAN (%)
2019	70.0	63.0
2020	70.0	59.4
2021	73.4	65.0
2022	73.8	62.6

Sumber: DAN 1.0 & 2.0 (Rajah 5-31), Buku Asas Perangkaan BPIP 2021, Statistik Padi dan Beras 2000 - 2020 BPIP

Maklum balas KPKM yang diterima pada 4 Ogos 2023

SSL beras adalah berkadar langsung dengan hasil pengeluaran padi yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti serangan penyakit, kecekapan sistem pengairan dan cuaca.

5.1.2.2. Pendapatan Pesawah


a. Salah satu matlamat utama subsektor padi dan beras yang ditetapkan DAN 2.0 menjelang tahun 2030 ialah sasaran purata pendapatan bagi pesawah kawasan jelapang sejumlah RM3,500. DAN 2.0 bagaimanapun tidak menyatakan secara spesifik pendapatan RM3,500 tersebut mengikut musim penanaman atau secara bulanan. Berdasarkan maklumat daripada Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik KPKM, penetapan sasaran RM3,500 adalah anggaran pendapatan bulanan. KPKM berhasrat untuk meningkatkan pendapatan pesawah kepada RM3,500 sebulan menjelang akhir tempoh pelaksanaan DAN 2.0 bagi mengeluarkan pesawah daripada kemiskinan.

b. Semakan Audit telah dijalankan di KPKM, DOA, MADA, KADA, IADA dan PPK yang terlibat sebagai sampel bagi mengenal pasti dan mengesahkan purata pendapatan pesawah. Semakan Audit mendapati **KPKM dan agensi berkenaan tidak menyelenggara data berkaitan pendapatan pesawah**. Dengan ini, **purata pendapatan pesawah secara keseluruhannya tidak dapat disahkan**.

c. Analisis Audit telah dijalankan terhadap data ePadi, SPIM, i-Padi dan data pembayaran Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) daripada Syarikat bagi tahun 2021 untuk mendapatkan purata pendapatan kasar bulanan pesawah. Data yang dianalisis melibatkan 77,275 (33.7%) daripada keseluruhan 229,322 pesawah yang mempunyai maklumat/data yang lengkap di dalam sistem ePadi, i-Padi dan SPIM serta boleh dibuat padanan dengan data pembayaran SSHP.

d. Analisis Audit mendapati **seramai 17,525 pesawah (22.7%) daripada 77,275 mempunyai purata pendapatan di bawah RM600.00 sebulan**. Sebahagian besar pesawah iaitu seramai 26,003 (33.6%) memperoleh pendapatan antara RM600 hingga RM1,499.99 manakala 15,116 (19.6%) memperoleh pendapatan dalam lingkungan RM1,500 hingga RM2,499.99. Pendapatan bagi seramai 7,582 pesawah (9.8%) pula adalah dalam lingkungan RM2,500 hingga RM3,499.99 dan hanya seramai 11,049 pesawah (14.3%) memperoleh purata pendapatan melebihi RM3,500. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
PURATA PENDAPATAN BULANAN PESAWAH PADA TAHUN 2021



Sumber: Analisis Audit Terhadap Data ePadi, SPIM, i-Padi dan SSHP

e. Berdasarkan Maklumat Asas Perangkaan Industri Padi dan Beras Tahun 2021, anggaran pendapatan bersih pesawah bagi setiap hektar pengeluaran padi adalah RM629.76 sebulan. Bagi memperolehi purata pendapatan bulanan melebihi pendapatan garis kemiskinan (PGK) negara yang berjumlah RM2,208, pesawah perlu mengusahakan sekurang-kurangnya 3.6 hektar tanah sawah.

Maklum balas KPKM yang diterima pada 25 Ogos 2023

KPKM akan selaraskan dalam satu sistem pangkalan data berpusat iaitu Sistem SMART PADI supaya boleh memantau purata pendapatan pesawah. KPKM kini sedang dalam proses *pilot project* di Selangor untuk bayaran pendapatan secara dalam talian. Jika projek ini mendapat sambutan yang positif, ianya akan diperluaskan ke seluruh negara.

Pendapat Audit

SSL beras yang ditetapkan gagal dicapai disebabkan pencapaian output yang rendah. Sasaran pendapatan bulanan pesawah juga adalah rendah berbanding dengan Pendapatan Garis Kemiskinan negara dan ini boleh menjadi antara faktor golongan muda kurang berminat bergiat dalam sektor pertanian khususnya penanaman padi.

5.2. Pengurusan Program

5.2.1. Tanah


5.2.1.1. Pewartaan Kawasan Penanaman Padi

a. Berdasarkan Rancangan Fizikal Negara Ke-2 Tahun 2010, kawasan jelapang padi perlu diwartakan sebagai kawasan tanaman padi.

b. Semakan Audit mendapati **sehingga akhir tahun 2022, proses pewartaan kawasan penanaman padi bagi kawasan jelapang selain daripada kawasan MADA tidak dapat dijalankan** kerana Kerajaan Negeri menghadapi kekangan yang mana tanah kawasan penanaman padi merupakan tanah milik persendirian. Kawasan MADA yang telah diwartakan pada 25 Mac 2009 melibatkan keluasan sebanyak 96,558 hektar.

c. Analisis Audit selanjutnya terhadap data keluasan pasel padi bagi kawasan jelapang bagi tempoh 10 tahun (2011 hingga 2021) mendapati secara keseluruhannya terdapat peningkatan 9,568 hektar seperti dalam **Carta 2**. Bagaimanapun, **keluasan kawasan pasel padi bagi empat kawasan jelapang telah mengalami penyusutan sebanyak 11,123 hektar**. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh pembangunan kawasan seperti pembangunan perumahan dan projek komersial **yang secara tidak langsung telah mengurangkan jumlah tanah yang diperuntukkan untuk penanaman padi**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

CARTA 2
TREND KAWASAN PASEL PADI DI JELAPANG
BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA 2021



Sumber: Data Statistik Padi dan Beras, Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)

JADUAL 8
PENYUSUTAN KAWASAN PASEL PADI DI EMPAT KAWASAN JELAPANG

BIL.	KAWASAN JELAPANG	KELUASAN (Ha)			PENYUSUTAN (Ha)	ANTARA SEBAB PENYUSUTAN
		2011	2015	2021		
1.	IADA Kerian	26,719	21,108	18,497	8,222	Bertukar kepada kawasan perumahan baharu dan penanaman kelapa sawit.
2.	KADA	29,450	29,450	26,833	2,617	Terlibat dengan pembangunan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), rumah kediaman dan pembangunan projek komersial.
3.	IADA Barat Laut Selangor	19,021	19,057	18,784	237	Bertukar kepada industri inap desa (homestay), rumah kediaman dan aktiviti ekonomi yang lain.
4.	IADA KETARA	4,923	4,876	4,876	47	Bertukar kepada rumah kediaman dan tanaman lain selain padi.
JUMLAH		**80,113**	**74,491**	**68,990**	**11,123**	

Sumber: Data Statistik Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) dan Maklumat daripada Agensi

d. Contoh kawasan pasel yang sebahagiannya digunakan untuk aktiviti ekonomi yang lain adalah seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4.**

GAMBAR 1



Sg. Burong, Sekinchan
(IADA Barat Laut Selangor)
- Lot Padi Yang Telah Diusahakan Dengan Tanaman Jagung
(21.09.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Sg. Burong, Sekinchan
(IADA Barat Laut Selangor)
- Lot Padi Yang Telah Dibina Rumah Burung Walet
(21.09.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



- Kawasan Pasel Padi Yang Telah Bertukar Kepada Pembangunan Projek Komersial
(Sumber: KADA)

GAMBAR 4



Ladang Merdeka Ismail Mulong, Kelantan (KADA)
- Lot Padi Yang Telah Digunakan Untuk Laluan ECRL
(19.10.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

e. Penyusutan kawasan pasel antara faktor yang menjejaskan pengeluaran padi di IADA Kerian, IADA Barat Laut Selangor dan IADA KETARA dalam tempoh 10 tahun dari 2011 hingga 2021. **Pengeluaran padi kawasan jelapang IADA Barat Laut Selangor telah menurun sebanyak 65,664 MT, IADA Kerian sebanyak 54,364 MT dan IADA KETARA sebanyak 6,277 MT**. Hanya KADA sahaja yang menunjukkan peningkatan hasil padi sebanyak 39,111 MT walaupun mengalami penyusutan pasel padi seluas 2,617 hektar. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENINGKATAN/PENURUNAN HASIL KESAN DARIPADA PENYUSUTAN PASEL PADI DI KAWASAN JELAPANG

BIL.	JELAPANG	PENYUSUTAN KAWASAN PASEL DALAM TEMPOH 10 TAHUN (Ha)	PENGELUARAN HASIL (MT)			PENINGKATAN/ (PENURUNAN) HASIL DALAM TEMPOH 10 TAHUN (MT)
			2011	2015	2021	
1.	KADA	**2,617**	217,210	229,515	256,321	39,111
2.	IADA Barat Laut Selangor	**237**	221,295	240,290	155,631	**(65,664)**
3.	IADA Kerian	**8,222**	196,051	189,063	141,687	**(54,364)**
4.	IADA KETARA	**47**	57,163	53,021	50,886	**(6,277)**

Sumber: Data Statistik Padi dan Beras, DOA

Maklum balas KPKM yang diterima pada 4 dan 25 Ogos serta 22 September 2023

IADA Kerian

IADA Kerian telah memantau dan menolak sebarang permohonan untuk pertukaran syarat status tanah yang diterima dari Pejabat Daerah dan Tanah. Sebarang permohonan yang berada di dalam kawasan pengurusan jelapang IADA Kerian adalah tidak disokong bagi mengurangkan berlakunya penyusutan keluasan penanaman padi di Kerian.

KADA

Status pewartaan tanah bagi kawasan KADA dalam Akta KADA 1972 bahagian II perkara 9 tidak menyatakan secara jelas kawasan padi yang diwartakan. Mesyuarat Lembaga Pengarah KADA Bil. 3/2023 pada 12 Julai 2023 telah bersetuju dengan cadangan pewartaan baharu di kawasan padi KADA daripada 26,833 hektar kepada 26,664 hektar setelah semakan menggunakan Sistem GIS yang bermula pada tahun 2021. Perkara ini masih lagi dalam proses permohonan bertulis kepada Kerajaan Negeri.

IADA Barat Laut Selangor

IADA Barat Laut Selangor mencadangkan dalam RTD Kuala Selangor dan Sabak Bernam 2023-2025 untuk pewartaan tanah sawah. Pihak Kerajaan Negeri juga telah mengambil maklum.

IADA KETARA

Beberapa langkah telah diambil bersama Kerajaan Negeri untuk mengekalkan kawasan padi, antaranya seperti pengezonan Kawasan Padi di bawah Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Besut 2035 dan mengekalkan kawasan jelapang padi di bawah Rancangan Struktur Negeri (RSN) Terengganu 2050.

Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Kali ke 2/2020 (Kumpulan A – Pertanian, Industri Makanan) pada 3 Disember 2022 bersetuju bahawa sebarang permohonan untuk penukaran syarat nyata pertanian untuk padi kepada syarat lain pembangunan adalah tidak disokong bagi mengelakkan kawasan penanaman padi sedia ada berkurangan.


Pendapat Audit

Kawasan jelapang yang tidak diwartakan akan membuka ruang kepada penggunaan tanah bagi aktiviti pembangunan yang lain. Perkara ini akan menyebabkan berlakunya penyusutan kawasan penanaman padi dan boleh menjadi antara faktor kepada pengurangan hasil pengeluaran padi.

5.2.2. Benih Padi

a. Benih padi baka yang dihasilkan oleh agensi pembiak baka (MARDI, UPM, UKM dan Agensi Nuklear Malaysia) akan digunakan untuk pengeluaran benih padi asas. Benih padi asas yang telah mematuhi piawaian kualiti ladang dan makmal akan diedarkan kepada syarikat pengeluar benih padi daftar dan sah. Di peringkat akhir rantaian, benih padi sah (BPS) yang dihasilkan daripada benih padi daftar yang telah diluluskan kualitinya oleh DOA akan diedarkan kepada pesawah. Rantaian pengeluaran benih padi adalah seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3
RANTAIAN PENGELUARAN BENIH PADI



Sumber: DOA

b. Sehingga tahun 2022, sejumlah 63 varieti telah dihasilkan. MARDI merupakan institut penyelidikan utama yang menghasilkan majoriti varieti padi di Malaysia iaitu sebanyak 53 jenis varieti (84.1%). Institusi lain yang turut menyumbang kepada pembangunan varieti padi adalah Agensi Nuklear Malaysia, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu sebanyak 10 jenis varieti (15.9%).

5.2.2.1. Pengeluaran Benih Padi Asas

a. Analisis Audit terhadap sasaran dan pencapaian pengeluaran benih padi asas oleh MARDI bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 mendapati pengeluaran benih padi asas pada tahun 2019 tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu hanya mencapai 5.8 MT (7.3%). Bagaimanapun, bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022, MARDI telah berjaya menghasilkan benih padi asas melebihi sasaran yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
SASARAN DAN PENGELUARAN BENIH PADI ASAS MARDI
DARI TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	SASARAN (MT)	PENGELUARAN (MT)	PERATUS (%)
2019	80	5.80	**7.3**
2020	40	44.70	**111.8**
2021	60	81.40	**135.7**
2022	60	126.24	**210.4**

Sumber: Laporan Pengeluaran Benih Padi Asas Oleh MARDI

b. Semakan Audit mendapati walaupun MARDI telah mencapai sasaran pengeluaran benih padi asas, namun **jumlah benih yang dikeluarkan tersebut tidak dapat memenuhi keperluan benih padi asas di lapangan**.

c. Semakan Audit selanjutnya terhadap Laporan Tempahan Benih Padi Asas setiap musim penanaman oleh 12 syarikat pengeluar bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 mendapati **MARDI hanya mengeluarkan 258.14 MT (50.9%) benih padi asas** berbanding jumlah keperluan/tempahan oleh syarikat pengeluar iaitu 507.52 MT. Tahap pengeluaran ini adalah disebabkan kapasiti ladang benih MARDI yang terhad. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
JUMLAH TEMPAHAN DAN PENGELUARAN BENIH PADI ASAS MARDI BAGI TEMPOH 2019 HINGGA 2022

TAHUN	TEMPAHAN BENIH PADI ASAS OLEH SYARIKAT (MT) (a)	PENGELUARAN BENIH PADI ASAS OLEH MARDI (MT) (b)	PERBEZAAN (MT) (a) - (b)	PERATUS PENGELUARAN (%) [(a)/(b) X 100]
2019	130.46	5.80	**124.66**	**4.4**
2020	98.10	44.70	**53.40**	**45.6**
2021	97.26	81.40	**15.86**	**83.7**
2022	181.70	126.24	**55.46**	**69.5**
JUMLAH	**507.52**	**258.14**	**249.38**	**50.9**

Sumber: MARDI

d. Pengeluaran benih padi asas yang tidak mencukupi akan menyebabkan berlakunya penggunaan benih padi yang tidak diiktiraf oleh DOA. Semakan lanjut Audit terhadap Laporan Stok Benih Padi Sah PPK mendapati 70 kampit benih daripada varieti yang tidak diiktiraf oleh DOA iaitu Hibrid MH 12 (50 kampit) dan BP Viatnam (20 kampit) telah digunakan di kawasan KADA bagi tempoh tahun 2020 dan 2021.

Maklum balas KPKM yang diterima pada 25 Ogos dan 22 September 2023

KADA telah mengeluarkan surat teguran kepada semua PPK di bawah KADA mengenai larangan penjualan benih padi yang tidak diiktiraf oleh DOA.

MARDI sedang memohon tambahan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi meningkatkan pengeluaran benih padi asas melalui perluasan kawasan penanaman dan memastikan stok penimbal mencukupi. Permohonan ini dicadang menggunakan dana di bawah Obligasi 7: Syarikat Konsesi dan akan dibawa untuk pertimbangan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah di bawah PIP.

Pendapat Audit

Ketidakcukupan pengeluaran benih padi sah akan menyebabkan pesawah perlu mendapatkan bekalan benih daripada sumber lain dan seterusnya meningkatkan penggunaan benih padi yang tidak diiktiraf oleh DOA.

5.2.2.2. Harga Jualan Benih Padi Sah

a. Perenggan 3.4, Perintah Tetap Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras Bilangan 1/2021 berkuat kuasa 1 Disember 2021 telah menetapkan kawalan harga jualan benih padi di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit (ejen pengedar/pertubuhan peladang terpilih/pihak dilantik) bagi Insentif Benih Padi Sah (IBPS).

b. Ketua Pengarah dengan kuasa yang diberikan oleh Menteri di bawah Seksyen 5, Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) telah membuat pelarasan bahawa harga benih padi adalah dikawal dan ditetapkan seperti berikut:

   i. Peringkat pengeluar/pemborong - harga maksima jualan benih bagi setiap kampit 20 kilogram di pintu kilang RM31 manakala harga maksima jualan kepada peruncit termasuk pengangkutan ialah RM32; dan

   ii. Peringkat runcit sama ada melalui peruncit, ejen pengedar atau pertubuhan peladang terpilih - harga maksima jualan benih bagi setiap kampit 20 kilogram kepada pesawah termasuk pengangkutan ialah RM35.

c. Semakan Audit terhadap Data Senarai Pelesen Runcit Benih tahun 2022 mendapati sejumlah 1,540 ejen/peruncit BPS berlesen telah berdaftar dengan Bahagian Kawalselia Padi dan Beras. Daripada jumlah tersebut, 105 adalah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) manakala 1,435 (93.2%) adalah ejen/peruncit swasta.

d. Analisis Audit telah dijalankan terhadap Laporan Stok/Barangan berkaitan transaksi penjualan BPS pada tahun 2022 oleh PPK di MADA, KADA, IADA Barat Laut Selangor, IADA Pulau Pinang dan IADA Seberang Perak. Analisis Audit mendapati perkara berikut:

   i. Penjualan BPS oleh Syarikat Pengeluar Kepada PPK

   - **Harga jualan BPS oleh syarikat pengeluar melebihi daripada harga kawalan yang telah ditetapkan iaitu antara RM32.50 hingga RM57 melibatkan PPK di MADA, KADA dan IADA Pulau Pinang**. Jualan ini melibatkan 33,590

kampit BPS melalui 104 (0.7%) daripada 15,094 transaksi jualan BPS tahun 2022. **Nilai jualan melebihi harga maksimum RM32 sekampit adalah RM66,609**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
HARGA JUALAN DARIPADA SYARIKAT PENGELUAR KEPADA PPK MELEBIHI HARGA KAWALAN YANG DITETAPKAN BAGI TAHUN 2022

HARGA (RM) (a)	MADA		KADA		IADA PULAU PINANG		JUMLAH TRANSAKSI	JUMLAH KUANTITI (Kampit) (b)	JUMLAH NILAI JUALAN (RM)*
	BIL. TRANSAKSI	KUANTITI (Kampit)	BIL. TRANSAKSI	KUANTITI (Kampit)	BIL. TRANSAKSI	KUANTITI (Kampit)			
32.50			5	872			5	872	436.00
33.00	5	1,970	3	820	1	500	9	3,290	3,290.00
33.50	1	500	10	5,300	6	1,129	17	6,929	10,393.50
34.00	2	66	32	15,972	13	3,043	47	19,081	38,162.00
34.50			1	1,160			1	1,160	2,900.00
35.00	4	618	13	1,121			17	1,739	5,217.00
36.50					1	175	1	175	787.50
37.00			1	32	1	38	2	70	350.00
37.50			1	40			1	40	220.00
38.00					1	25	1	25	150.00
39.00					2	29	2	29	203.00
57.00			1	180			1	180	4,500.00
JUMLAH	**12**	**3,154**	**67**	**25,497**	**25**	**4,939**	**104**	**33,590**	**66,609.00**

Sumber: Laporan Stok/Barangan, PPK sampel audit di 6 agensi
Nota: (*) - Pengiraan = [(a)- RM35] x (b)

- Harga Jualan BPS oleh syarikat pengeluar kepada PPK di IADA Barat Laut Selangor adalah mengikut harga kawalan yang ditetapkan. Analisis Audit tidak dapat dijalankan terhadap transaksi penjualan BPS oleh syarikat pengeluar kepada PPK di IADA Seberang Perak kerana maklumat berkaitan tidak diselenggara.

ii. Penjualan BPS oleh PPK Kepada Pesawah

- Analisis Audit mendapati harga jualan BPS kepada pesawah **melebihi harga kawalan yang telah ditetapkan melibatkan kelima-lima agensi**. Harga jualan bagi 23,571 kampit BPS melalui 596 transaksi adalah antara RM35.50 hingga RM58 **dengan nilai keseluruhan jualan melebihi harga maksimum**

berjumlah RM33,988. Lebihan harga ini akan meningkatkan kos penanaman padi dan seterusnya menjejaskan pendapatan pesawah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
HARGA JUALAN KEPADA PESAWAH MELEBIHI
HARGA KAWALAN YANG DITETAPKAN BAGI TAHUN 2022

HARGA (RM) (a)	MADA		KADA		IADA BARAT LAUT SELANGOR		IADA PULAU PINANG		*IADA SEBERANG PERAK		JUMLAH		
	BIL. TRANSAKSI	KUANTITI (Kampit)	BIL. TRANSAKSI	KUANTITI (Kampit)	BIL. TRANSAKSI	KUANTITI (Kampit)	BIL. TRANSAKSI	KUANTITI (Kampit)	BIL. TRANSAKSI	KUANTITI (Kampit)	TRANSAKSI	KUANTITI (Kampit) (b)	NILAI JUALAN (RM)*
35.50	1	20									1	20	10
35.70	1	10									1	10	7
35.75	1	12									1	12	9
36.00	369	13,269	3	129			54	3,749	24	452	450	17,599	17,599
37.00	42	1,456	43	2,252	11	184	31	1,622			127	5,514	11,028
38.00							10	115			10	115	345
40.00							2	67			2	67	335
44.00							1	25			1	25	225
45.00							2	29			2	29	290
58.00			1	180							1	180	4,140
JUMLAH	**414**	**14,767**	**47**	**2,561**	**11**	**184**	**100**	**5,607**	**24**	**452**	**596**	**23,571**	**33,988**

Sumber: Laporan Stok/Barangan, PPK
Nota: (*) - Pengiraan = [(a)- RM35] x (b)
(**) - Analisis Audit Bagi PPK Sungai Manik (PPK Seberang Perak -Transaksi Jualan Tidak Direkodkan)

Maklum balas KPKM yang diterima pada 4 Ogos 2023

Harga melebihi daripada harga ditetapkan adalah disebabkan caj harga pengangkutan dan upah lain seperti harga buruh mengangkat masuk ke dalam lori. Ada PPK yang mengenakan caj pengangkutan dan caj upah pikul naik dan turun lori untuk benih padi sah dan dimasukkan dalam bil jualan padi benih sah. Pihak Kawal selia Padi Beras (KPB) telah memberi amaran supaya PPK mematuhi arahan yang dikeluarkan mengenai kawalan harga jualan BPS atau kebenaran menjual BPS tidak lagi diberikan.

Pendapat Audit

Harga kawalan BPS telah termasuk kos pengangkutan. Adalah tidak wajar kos tersebut ditanggung oleh pesawah yang menyebabkan kos penanaman padi meningkat.

5.2.3. Baja

5.2.3.1. Kelewatan Pembekalan Baja

a. Pembekal KEB 15/1 adalah pembekal yang dilantik untuk membekalkan baja kepada pesawah. PPK pula telah dilantik oleh Pembekal sebagai stokis bagi memesan, menerima, menyimpan, mengawal, mengedar dan menjaga keselamatan stor subsidi/insentif pesawah.

b. Perenggan 9.2 Perjanjian Membekal dan Menghantar Input Pertanian di bawah SBPKP dan SIPP menetapkan pembekal hendaklah menyediakan dan membuat penghantaran bekalan dalam tempoh 45 hari (termasuk cuti hujung minggu dan cuti umum) dari tarikh pembekal menerima borang pesanan yang dikeluarkan oleh PPK di Semenanjung Malaysia, Sabah dan sebahagian Sarawak.

c. Analisis Audit telah dibuat terhadap 74 baucar bayaran baja bagi musim 2/2021 dan 1/2022 di LPP berjumlah RM181.68 juta melibatkan 545 borang pesanan yang dihantar oleh sampel 30 PPK kepada Pembekal untuk pesanan baja. Analisis Audit juga telah dibuat terhadap tarikh terimaan baja di stor PPK berbanding tarikh pihak Pembekal menerima borang pesanan bagi menilai sama ada baja telah dibekalkan dalam tempoh 45 hari selepas borang pesanan diterima oleh Pembekal.

d. Hasil analisis Audit mendapati berlaku **kelewatan terimaan baja di stor PPK antara enam hingga 127 hari daripada tarikh pihak Pembekal menerima borang pesanan melibatkan 267 pesanan (48.9%)**. Sebanyak 238 pesanan (43.7%) tiada kelewatan dan 37 pesanan (6.8%) mengambil masa antara satu hingga lima hari. Tiga pesanan (0.6%) lagi tiada maklumat tarikh terima.

e. Kelewatan terimaan baja di stor PPK disebabkan perkara berikut:

   i. **Kelewatan terimaan borang pesanan oleh Pembekal**. Analisis Audit mendapati 329 (60.4%) daripada 545 borang pesanan yang dihantar oleh PPK mengambil masa antara enam hingga 75 hari untuk sampai kepada pihak Pembekal. Kelewatan ini disebabkan PPK menghantar borang pesanan melalui pos.

   ii. Pihak Pembekal telah membuat pindaan terhadap tarikh keperluan baja melibatkan 214 (39.3%) daripada 545 borang pesanan kesan daripada kelewatan menerima borang pesanan daripada PPK. Pindaan tarikh yang dibuat oleh pihak Pembekal adalah 30 hari selepas Pembekal cap tarikh

terima di borang pesanan. **Perbezaan hari antara tarikh keperluan baja yang asal daripada PPK dengan tarikh keperluan baja pindaan Pembekal adalah antara enam hingga 75 hari** melibatkan sebanyak 179 borang pesanan. Sebanyak 35 pesanan melibatkan pindaan tarikh antara satu hingga lima hari.

f. Semakan Audit selanjutnya mendapati berlaku kelewatan pengagihan baja kepada pesawah susulan kelewatan penerimaan baja oleh PPK daripada Pembekal. Analisis Audit mendapati **sebahagian pesawah menerima bekalan baja melepasi tempoh pembajaan sepatutnya** seperti yang ditetapkan dalam jadual kitaran penanaman padi (Rice Check).

g. Untuk tujuan analisis kesan kelewatan pembekalan baja oleh Pembekal terhadap aktiviti pembajaan, perbandingan dibuat antara tarikh baja diterima oleh pesawah bagi Musim 2/2021 dan Musim 1/2022 dengan tarikh pembajaan mengikut jadual *Rice Check* bagi varieti padi jenis MR297 seperti berikut:

- Baja sebatian (pembajaan pertama) - selepas 15 hari daripada tarikh akhir tabur benih.
- Baja urea (pembajaan kedua) - selepas 35 hari daripada tarikh akhir tabur benih.
- Baja NPK (pembajaan ketiga) - selepas 55 hari daripada tarikh akhir tabur benih.

h. Analisis Audit mendapati berlaku kelewatan terimaan baja oleh pesawah melebihi tempoh pembajaan seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
KELEWATAN TERIMAAN BAJA BAGI MUSIM 2/2021 DAN MUSIM 1/2022

BIL.	AGENSI/JELAPANG	PEMBAJAAN PERTAMA (BAJA SEBATIAN)		PEMBAJAAN KEDUA (BAJA UREA)		PEMBAJAAN KETIGA (BAJA NPK)	
		BIL. PESAWAH TERLIBAT (Orang)	TEMPOH LEWAT (Hari)	BIL. PESAWAH TERLIBAT (Orang)	TEMPOH LEWAT (Hari)	BIL. PESAWAH TERLIBAT (Orang)	TEMPOH LEWAT (Hari)
MUSIM 2/2021							
1.	MADA	202	6 - 64	106	6 - 44	40	6 - 24
2.	KADA	2	8	-	-	-	-
3.	IADA Barat Laut Selangor	46	8 - 36	2	16 - 21	-	-
4.	IADA Pulau Pinang	9	8 - 14	-	-	-	-
5.	IADA Seberang Perak	9	16 - 46	4	22 - 26	1	6

BIL.	AGENSI/JELAPANG	PEMBAJAAN PERTAMA (BAJA SEBATIAN)		PEMBAJAAN KEDUA (BAJA UREA)		PEMBAJAAN KETIGA (BAJA NPK)	
		BIL. PESAWAH TERLIBAT (Orang)	TEMPOH LEWAT (Hari)	BIL. PESAWAH TERLIBAT (Orang)	TEMPOH LEWAT (Hari)	BIL. PESAWAH TERLIBAT (Orang)	TEMPOH LEWAT (Hari)
MUSIM 1/2022							
1.	MADA	222	6 - 155	132	6 - 135	47	6 - 115
2.	KADA	52	7 - 58	25	6 - 37	8	6 - 18
3.	IADA Barat Laut Selangor	89	8 - 66	39	16 - 46	27	8 - 26
4.	IADA Pulau Pinang	42	7 - 36	4	9 - 16	-	-
5.	IADA Seberang Perak	35	6 – 60	11	15 - 40	4	8 - 20

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

i. MADA

- Analisis Audit terhadap data sampel 450 pesawah di 15 PPK MADA mendapati bagi musim 2/2021, baja lewat diterima oleh pesawah antara enam hingga 64 hari bagi pembajaan pertama, enam hingga 44 hari bagi pembajaan kedua dan enam hingga 24 hari bagi pembajaan ketiga.
- Bagi musim 1/2022 pula, terdapat kelewatan terimaan baja oleh pesawah antara enam hingga 155 hari bagi pembajaan pertama, enam hingga 135 hari bagi pembajaan kedua dan enam hingga 115 hari bagi pembajaan ketiga.

ii. KADA

- Analisis Audit terhadap data 150 pesawah di lima PPK di bawah seliaan KADA (30 pesawah/PPK) bagi musim 2/2021 dan musim 1/2022 mendapati hanya tiga PPK iaitu PPK Nilam Puri, Tanjung Puri dan Kubang Sepat yang ada merekodkan tarikh terimaan baja. Manakala dua lagi PPK iaitu PPK Kubang Bunut dan Sungai Ketereh tidak mencatatkan tarikh terimaan baja. Oleh itu, analisis Audit hanya dijalankan terhadap tiga PPK sahaja bagi mengira tempoh kelewatan terimaan baja oleh pesawah berdasarkan jadual *Rice Check* DOA.
- Bagi musim 2/2021, kelewatan terimaan baja oleh pesawah hanya berlaku di satu PPK iaitu PPK Nilam Puri yang mengambil masa selama lapan hari bagi pembajaan pertama. Bagi musim 1/2022 pula, ketiga-tiga PPK mengambil masa antara tujuh hingga 58 hari untuk mengedarkan baja kepada pesawah bagi pembajaan pertama.

iii. IADA Barat Laut Selangor

- Analisis Audit terhadap data sampel 90 orang pesawah melibatkan tiga PPK di IADA Barat Laut Selangor mendapati bagi musim 2/2021, baja lewat dibekalkan kepada pesawah antara lapan hingga 36 hari bagi pembajaan pertama dan 16 hingga 21 hari bagi pembajaan kedua.
- Bagi musim 1/2022 pula, kelewatan penghantaran baja adalah antara lapan hingga 66 hari bagi pembajaan pertama, 16 hingga 46 hari bagi pembajaan kedua dan lapan hingga 26 hari bagi pembajaan ketiga.

iv. IADA Pulau Pinang

- Analisis Audit terhadap data sampel 90 orang pesawah di IADA Pulau Pinang mendapati bagi musim 2/2021, kelewatan penghantaran baja adalah antara lapan hingga 14 hari melibatkan sembilan orang pesawah bagi pembajaan pertama.
- Bagi musim 1/2022 pula, baja telah lewat dibekalkan kepada pesawah antara tujuh hingga 36 hari daripada tarikh pembajaan pertama dan sembilan hingga 16 hari daripada tarikh pembajaan kedua. Kelewatan ini melibatkan 42 orang pesawah di tiga PPK bagi pembajaan pertama dan empat orang pesawah bagi pembajaan kedua.

v. IADA Seberang Perak

- Analisis Audit terhadap data sampel 120 orang pesawah di IADA Seberang Perak mendapati bagi musim 2/2021 baja lewat dibekalkan kepada pesawah antara 16 hingga 46 hari bagi pembajaan pertama.
- Bagi musim 1/2022 pula, baja lewat dibekalkan kepada pesawah antara enam hingga 60 hari daripada tarikh pembajaan pertama.

Maklum balas KPKM yang diterima pada 4 dan 25 Ogos 2023

Kelewatan bekalan baja disebabkan beberapa *shutdown* di kilang Pembekal di Gurun pada hujung tahun 2021. Selain itu, bahan mentah baja dari negara China dan Belarus tidak diterima pada tahun 2022.

Manual pelaksanaan SBPKP dan SIPP telah ditambah baik oleh LPP dan telah diangkat ke KPKM pada 29 Ogos 2023. Pindaan dibuat kepada perkara 8.2: Pesanan Baja yang mana borang pesanan boleh dihantar melalui emel, faks, pos atau serahan secara fizikal kepada pihak Pembekal dan akan dikira sebagai penerimaan pesanan oleh Pembekal.

Pendapat Audit

Kelewatan terimaan baja menyebabkan pembajaan tidak dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dan boleh menjejaskan pertumbuhan padi serta memberi kesan kepada hasil pengeluaran.

5.2.3.2. Denda Lewat Bekal Baja

a. Perenggan 10.1(b) Perjanjian Membekal dan Menghantar Input Pertanian di bawah SBPKP dan SIPP menetapkan sekiranya pembekal gagal untuk membekal dan menghantar baja dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka Kerajaan berhak mengenakan denda terhadap pembekal sebanyak satu peratus (1%) untuk setiap hari kelewatan daripada nilai penghantaran mengikut formulasi: (bilangan hari lewat x 0.01 x harga satu beg baja x jumlah beg baja yang lewat dibekalkan.

b. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Penyelarasan Denda Kelewatan Pembekalan dan Penghantaran serta Spesifikasi Baja di bawah SBPKP dan SIPP yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPKM telah diadakan pada 21 Januari 2020. Mesyuarat ini bertujuan mencari jalan penyelesaian berhubung kenaan denda terhadap Pembekal di bawah kontrak SBPKP dan SIPP. Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:

   i. Jumlah denda kelewatan pembekalan dan penghantaran baja yang dikenakan terhadap Pembekal bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 adalah RM195.44 juta. Manakala jumlah denda ketidakpatuhan spesifikasi bagi tempoh yang sama adalah sebanyak RM5.33 juta.

   ii. Denda kelewatan tersebut dipertimbangkan untuk pelepasan tertakluk kepada persetujuan Kementerian Kewangan, manakala pengenaan denda ketidakpatuhan spesifikasi diteruskan/tidak diberi pengecualian.

   iii. Pengiraan denda kelewatan adalah mengikut Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388) iaitu denda hanya dikira berdasarkan hari bekerja sahaja selaras dengan saranan Penasihat Undang-undang Kementerian.

   iv. Pengecualian ini dibuat berdasarkan kontrak yang berkuat kuasa. Tindakan undang-undang dan denda tidak boleh dikenakan sekiranya kontrak tersebut telah tamat dan melebihi daripada tempoh kontrak.

c. KPKM melalui YB Menteri pada 1 September 2020 telah memohon pertimbangan YB Menteri Kewangan supaya denda yang dikenakan terhadap Pembekal bagi kelewatan pembekalan baja berjumlah RM195.44 juta dapat dikecualikan berdasarkan asas pertimbangan berikut:

i. Kenaan denda bagi kelewatan penghantaran dan pembekalan baja dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Kebanyakan faktor tersebut merupakan masalah luar jangka seperti masalah pengangkutan oleh pihak ketiga dan stokis serta perekodan tempoh (timing) penerimaan pesanan dan tarikh pembekalan yang menimbulkan keraguan.

ii. Penelitian semula mendapati kelemahan dalam kontrak pembekalan sedia ada iaitu tidak dinyatakan nilai had maksimum denda yang boleh dikenakan menyebabkan Pembekal telah dikenakan jumlah denda yang sangat tinggi yang memungkinkan Pembekal terkeluar daripada perniagaan atau berhadapan risiko menutup perniagaan.

iii. Perkiraan denda juga dikenakan bagi sesetengah pembekalan yang dibuat di luar kontrak walaupun pembekalan tersebut dibuat oleh Pembekal secara suci hati bagi menyegerakan pembekalan input kepada pesawah ketika musim penanaman telah bermula.

d. Maklum balas MoF terhadap permohonan KPKM bertarikh 28 Oktober 2020 adalah seperti berikut:

i. MoF telah meneliti dan mendapati Pembekal telah dikenakan denda selaras dengan klausa kontrak bagi kelewatan pembekalan dan penghantaran baja di bawah SBPKP dan SIPP.

ii. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan (PP)/PK4.4 Perenggan 3.1.1, sebarang pertikaian kontrak hendaklah diselesaikan terlebih dahulu mengikut prosedur sebagaimana yang ditetapkan dalam syarat kontrak. Sekiranya syarikat tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat, pertikaian tersebut hendaklah dirujuk ke Jawatankuasa *Contract Coordination Panel* (CCP) sebelum dirujuk ke Timbang Tara (Arbitration).

iii. Sehubungan itu, MoF memutuskan permohonan YB Menteri Pertanian bagi Pengecualian Denda Kelewatan Penghantaran Input Pertanian di bawah SBPKP dan SIPP bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 oleh Pembekal tidak diluluskan. Sebaliknya, sebarang permohonan pengecualian denda hendaklah diuruskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan selaku pentadbir kontrak selaras PP/PK4.4.

e. Susulan surat MoF tersebut, Bahagian PIP telah mengemukakan permohonan kepada Ketua Setiausaha (KSU) KPKM pada 10 Disember 2020 supaya denda kelewatan penghantaran berjumlah RM195.44 juta dipertimbangkan untuk pelepasan. Permohonan ini telah disokong oleh Setiausaha Bahagian Kewangan KPKM pada 16 Disember 2020 dengan ulasan "Tiada halangan

dengan syarat pentadbir kontrak telah mengambil tindakan mengikut tatacara kewangan dan perolehan yang berkuat kuasa." Permohonan ini seterusnya **diluluskan pada 23 Disember 2020 oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) yang menanggung tugas KSU ketika itu**.

f. KPKM seterusnya **memaklumkan persetujuan/kelulusan pengecualian pengenaan denda kelewatan berjumlah RM195.43 juta ini kepada pihak Pembekal** melalui surat bertarikh 7 Januari 2021.

g. Selain itu, KPKM juga memberikan **kelulusan pengecualian denda kelewatan penghantaran baja berjumlah RM15.84 juta bagi tahun 2019 yang diluluskan oleh KSU pada 25 November 2021**. **Jumlah keseluruhan pengecualian pengenaan denda bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019 adalah RM211.27 juta**.

h. Semakan Audit setakat bulan April 2023 mendapati LPP telah membuat pengiraan denda kelewatan penghantaran baja oleh Pembekal bagi tahun 2020 dan 2021. Surat tuntutan denda kelewatan penghantaran baja Musim 2/2020 dan tahun 2021 berjumlah RM57.43 juta telah dikeluarkan kepada Pembekal pada 13 Mac 2023. Bagaimanapun sehingga bulan Ogos 2023, tiada bayaran diterima daripada Pembekal. Semakan selanjutnya mendapati tuntutan denda bagi Musim 1/2020 masih belum dihantar kepada Pembekal manakala pengiraan bagi tahun 2022 masih dalam proses. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
DENDA KELEWATAN PENGHANTARAN BAJA TERHADAP PEMBEKAL
BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022

BIL.	KENAAN DENDA LEWAT PENGHANTARAN BAJA	NILAI DENDA* (RM Juta)	TARIKH LAPORAN DENDA DARI LPP KEPADA KPKM	TARIKH TUNTUTAN DENDA OLEH KPKM KEPADA PEMBEKAL
1.	SBPKP 2020 - Musim 1/2020	9.64	19 Disember 2022	Belum dikeluarkan
2.	SIPP 2020 - Musim 1/2020	10.72		
JUMLAH		**20.36**		
3.	SBPKP 2020 - Musim 2/2020	3.34	20 Januari 2023	13 Mac 2023
4.	SIPP 2020 - Musim 2/2020	9.47		
5.	SBPKP Tahun 2021	14.67		
6.	SIPP Tahun 2021	29.95		
JUMLAH		**57.43**		
JUMLAH KESELURUHAN		**77.79**		
7.	SIPP Tahun 2022	32.75	Telah buat semakan sebanyak 50 fail	
8.	SBPKP Tahun 2022	41.42	Telah buat semakan sebanyak 39 fail	

Sumber: Bahagian Padi dan Beras, LPP
Nota: (*) - Nilai Denda Adalah Berdasarkan Laporan Kiraan Denda Yang Dikemukakan Oleh LPP Kepada KPKM

Maklum balas KPKM yang diterima pada 4 Ogos dan 22 September 2023

Pembekal masih belum mengemukakan bayaran denda bagi tahun 2020 dan 2021 kerana kekangan kewangan. Walau bagaimanapun, KPKM telah mengambil tindakan dengan mengemukakan surat peringatan bertarikh 2 Ogos 2023 kepada pihak Pembekal. Surat tuntutan denda bagi Musim 1/2020 pula dikeluarkan pada 6 September 2023. Pengiraan kenaan denda kelewatan terhadap Pembekal bagi tahun 2022 sedang dilaksanakan LPP dan masih di peringkat pengesahan. LPP akan mengemukakan laporan denda kelewatan kepada KPKM selewat-lewatnya 31 Disember 2023.

Pendapat Audit

Pengecualian denda kelewatan penghantaran baja berjumlah RM211.27 juta bagi tahun 2016 hingga 2019 secara keseluruhan adalah tidak wajar. Hal berkaitan isu kelewatan pembekalan baja ini adalah isu berulang yang menunjukkan perkara ini tidak diambil serius. Selain itu, pesawah juga tidak mendapat manfaat sepenuhnya apabila baja lewat dibekalkan.

5.2.3.3. Obligasi Sosial Pihak Pembekal

a. Dasar Kerajaan berkaitan pemberian Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) telah diperkenalkan bermula pada tahun 1979 dan Subsidi Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) bertujuan untuk memberi galakan dan menarik minat kaum petani supaya kekal di sektor penanaman padi. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk mengurangkan kos pengeluaran padi yang ditanggung oleh pesawah-pesawah akibat daripada kenaikan kos input pertanian dan buruh serta alatan/mesin.

b. Merujuk kepada Perenggan 15A.1 dokumen Perjanjian Tambahan Membekal dan Menghantar Baja Padi (SBPKP) antara Kerajaan Malaysia dan Pembekal bagi tempoh 1 Julai 2020 sehingga 30 Jun 2021, kedua-dua pihak bersetuju supaya Pembekal melaksanakan sepuluh obligasi sosial di bawah Fasal 15A.1 (a hingga j) sepanjang tempoh perjanjian tersebut.

c. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilaian Prestasi Pembekal bertarikh 29 Jun 2021 mendapati nilai keseluruhan prestasi Pembekal adalah pada tahap memuaskan iaitu 76.6%. Semakan Audit selanjutnya terhadap Lampiran III, minit mesyuarat berkaitan markah penilaian prestasi Pembekal, adalah didapati kesemua obligasi kecuali obligasi (h) tidak dilaksanakan sepenuhnya dengan pencapaian antara 62.5% hingga 97.5%. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
MARKAH PENILAIAN PRESTASI PEMBEKAL BAGI SETIAP OBLIGASI SOSIAL

BIL.	OBLIGASI SOSIAL	MARKAH (%)
1.	(a) Menanggung sepenuhnya baki kos pengurusan PPK dalam pengedaran dan penghantaran baja kepada pesawah.	97.5
2.	(b) Melaksanakan program pengembangan di lapangan kepada pesawah	77.5
3.	(c) Ketersediaan pembekal untuk dinilai peranan melalui sebuah badan bebas yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan.	75.0
4.	(d) Melaksanakan kajian pelanggan oleh pembekal kepada pesawah.	62.5
5.	(e) Melaksanakan sasaran kerja seperti mana yang ditetapkan oleh Kerajaan melalui petunjuk prestasi utama (KPI).	77.5
6.	(f) Melaksanakan kajian tempoh keberkesanan penggunaan formulasi baja padi/baja tambahan NPK/racun makhluk perosak/kapur bagi dua musim penanaman oleh pembekal.	65.0
7.	(g) Menyediakan laporan penanda aras pembekalan input pertanian antara Malaysia dengan negara-negara lain.	85.0
8.	(h) Menyumbang peruntukan tahunan sebanyak RM2 juta kepada Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP).	100.0
9.	(i) Menyumbang peruntukan tahunan sebanyak RM1 juta untuk penambahbaikan stor-stor PPK.	95.0
10.	(j) Menghantar input pertanian bersubsidi hingga ke golongan sasar iaitu pesawah tanpa sebarang kos tambahan kepada Kerajaan.	68.7

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilaian Prestasi Pembekal Bertarikh 29 Jun 2021

d. Semakan selanjutnya mendapati tiada bukti menunjukkan pemantauan berterusan dijalankan oleh KPKM bagi memastikan Pembekal melaksanakan sepenuhnya obligasi yang dipersetujui. Selain itu, tindakan susulan juga tidak dapat diambil terhadap Pembekal kerana kontrak tidak menyatakan tindakan yang boleh dikenakan sekiranya Pembekal tidak memenuhi obligasi yang ditetapkan.

e. Dalam perjanjian yang sama terdapat pindaan berkaitan peranan PPK seperti dinyatakan di Fasal 10 yang merujuk kepada pindaan kepada Fasal 7.1 (b) Perjanjian Prinsipal. Pindaan yang dibuat adalah menggantikan perkataan "melantik Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai Stokis bagi tujuan penyimpanan baja dan menyelia stokis" dengan perkataan "melantik PPK termasuklah untuk menyelaras, menjadi stokis dan **mengedar bekalan kepada pesawah yang layak"**. Lanjutan kepada pindaan Fasal 7 tersebut, pihak Pembekal telah melantik Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai stokis dan pengedar baja kepada pesawah.

f. Pihak Audit mendapati PPK telah mengenakan kos penghantaran kepada pesawah sekiranya pesawah tidak mengambil sendiri baja di stor PPK. Kos yang dikenakan adalah antara RM1.00 hingga RM3.00 bagi setiap beg baja bergantung kepada lokasi penghantaran baja, keahlian dengan PPK dan lori yang digunakan sama ada milik PPK atau disewa.

Maklum balas KPKM yang diterima pada 25 Ogos 2023

KPKM sedia maklum berhubung prestasi pelaksanaan 10 obligasi oleh Pembekal. YB Menteri dalam Mesyuarat Pasca Kabinet Bil. 10/2022 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Penilaian Prestasi Pembekal bagi menilai dan memantau prestasi Pembekal dalam melaksanakan tanggungjawab yang ditetapkan. KPKM selaku pentadbir kontrak akan sentiasa memastikan Pembekal mematuhi segala tanggungjawab, petunjuk prestasi utama dan obligasi sosial. Notis dan tindakan berkaitan akan dikenakan terhadap Pembekal selaras dengan ketetapan fasal kontrak.

Pendapat Audit

Tindakan susulan tidak dapat diambil terhadap Pembekal disebabkan kontrak yang longgar. Kesannya, hasrat Kerajaan untuk mengurangkan beban pesawah tidak tercapai apabila pesawah dikenakan tambahan kos bagi pengangkutan baja.

5.2.4. Jentera dan Mekanisasi

5.2.4.1. Penggunaan Jentera

a. Bagi memperkukuhkan industri padi dan beras negara, antara strategi yang diperkenalkan dalam Dasar Agromakanan 1.0 (DAN 1.0) adalah meningkatkan keberkesanan dan memperluas penggunaan mekanisasi dan automasi bagi meningkatkan kecekapan pengeluaran dan penuaian.

b. Analisis Audit mendapati keseluruhan jentera pertanian termasuk perolehan baharu bagi tempoh tahun 2019 sehingga 2022 yang dimiliki oleh LPP, MADA, KADA dan Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak) pada 31 Disember 2022 adalah sebanyak 892 buah jentera meliputi 558 traktor pembajak, 283 jentuai, 34 jentanam dan 17 dron pertanian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 589 jentera (66%) masih beroperasi, 133 jentera (14.9%) telah rosak dan 170 jentera (19.1%) dalam proses pelupusan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
JENTERA PERTANIAN YANG DIMILIKI OLEH LPP, KADA, MADA DAN JABATAN PERTANIAN SARAWAK PADA 31 DISEMBER 2022

JENIS JENTERA	MASIH OPERASI					ROSAK					PROSES PELUPUSAN					JUMLAH KESELURUHAN			
	LPP	MADA	KADA	DOA SARAWAK	JUMLAH	LPP	MADA	KADA	DOA SARAWAK	JUMLAH	LPP	MADA	KADA	DOA SARAWAK	JUMLAH	LPP	MADA	KADA	DOA SARAWAK
Traktor Pembajak	244	56	29	11	340	92	11	0	0	103	82	9	24	0	115	418	76	53	11
Jentuai	154	17	20	24	215	13	0	0	0	13	32	0	23	0	55	199	17	43	24
Jentanam	2	7	0	8	17	0	17	0	0	17	0	0	0	0	0	2	24	0	8
Dron Pertanian	5	12	0	0	17	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5	12	0	0
JUMLAH	**405**	**92**	**49**	**43**	**589**	**105**	**28**	**0**	**0**	**133**	**114**	**9**	**47**	**0**	**170**	**624**	**129**	**96**	**43**
JUMLAH BESAR	**589 (66.0%)**					**133 (14.9%)**					**170 (19.1%)**					**892**			

Sumber: Data dan KEW.PA2 LPP, KADA, MADA dan DOA Sarawak

c. Pihak Audit telah membuat perbandingan bilangan jentera yang beroperasi berbanding keluasan bertanam bagi sampel agensi yang dilawati. Nisbah penggunaan satu traktor pembajak adalah 1 jentera untuk kawasan seluas antara 102.8 hektar (IADA Batang Lupar) hingga 3,595.5 hektar (MADA). Manakala nisbah penggunaan satu jentuai adalah 1 jentera untuk kawasan seluas antara 47.1 hektar (IADA Batang Lupar) hingga 11,843.9 hektar (MADA). Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
NISBAH JENTERA BEROPERASI BERBANDING KELUASAN BERTANAM TAHUN 2021

AGENSI/ KAWASAN	KELUASAN BERTANAM 2021 (Ha)	BILANGAN JENTERA BEROPERASI		NISBAH JENTERA/LUAS KAWASAN	
		TRAKTOR PEMBAJAK	JENTUAI	TRAKTOR PEMBAJAK	JENTUAI
MADA	201,347	56	17	1 : 3,595.5 Ha	1 : 11,843.9 Ha
KADA	52,859	29	20	1 : 1,822.7 Ha	1 : 2,642.3 Ha
IADA Barat Laut Selangor	35,885	18	8	1 : 1,993.6 Ha	1 : 4,485.6 Ha
IADA Pulau Pinang	24,210	19	14	1 : 1,274.2 Ha	1 : 1,729.3 Ha
IADA Seberang Perak	26,296	33	0	1 : 796.8 Ha	Tiada
IADA Batang Lupar	1,131	11	24	1 : 102.8 Ha	1 : 47.1 Ha

Sumber: Maklumat daripada Pertubuhan Peladang Negeri Bahagian Jentera, MADA dan Statistik Padi DOA

d. Pemilikan jentera yang rendah berbanding keluasan kawasan adalah disebabkan kos perolehan untuk sesuatu jentera yang tinggi seperti anggaran kos untuk traktor adalah RM90,000 seunit dan jentuai adalah RM300,000 seunit.

e. Bilangan jentera milik LPP yang tidak dapat memenuhi keperluan pesawah menyebabkan pesawah bergantung kepada penyediaan perkhidmatan jentera swasta bagi kerja pembajakan tanah dan penuaian hasil padi.

Maklum balas KPKM yang diterima pada 25 Ogos 2023

LPP (PPN Jentera) - Pelan Korporat LPP Ke-7 (2021-2025), Teras Strategi Ke-4

Sasaran perkhidmatan PPN Jentera kepada pesawah adalah 40% daripada kawasan pengendalian PPN Jentera. Penawaran perkhidmatan jentera merentas sempadan antara negeri di mana negeri yang di luar musim penanaman membantu negeri yang memerlukan perkhidmatan kejenteraan.

MADA

Jentera milik MADA beroperasi di bawah seliaan PPK sebagai pembekal perkhidmatan mekanisasi di lokaliti. Kos operasi dan kos penyelenggaraan jentera tersebut diurus dan diselia oleh pihak PPK. Pihak MADA dari semasa ke semasa akan menilai jentera yang rosak sama ada masih ekonomik untuk dibaiki atau tidak ekonomik untuk dibaiki.

KADA

KADA akan membuat permohonan untuk menambah bilangan traktor dan jentuai untuk menampung kekurangan jentera.

DOA Sarawak

Kesemua jentera ditempatkan di skim penanaman padi sedia ada dan di kawasan Batang Lupar untuk menyediakan perkhidmatan kepada pesawah yang memerlukan khidmat kejenteraan ladang. Disebabkan faktor lokasi dan pengangkutan jentera, setiap PPK berkenaan mempunyai jentera dan sedia untuk digunakan oleh pesawah yang memerlukan pada bila-bila masa.

Pendapat Audit

Jentera yang tidak mencukupi merupakan beban kos yang perlu ditanggung oleh pesawah terutama bagi pesawah berskala kecil.

5.2.5. Peruntukan dan Perbelanjaan

5.2.5.1. Pengairan dan Saliran

a. Sumber air adalah komponen utama untuk penanaman padi. Sistem pengairan dan saliran yang baik dapat membekalkan sumber air dan menyalurkan air keluar dari petak sawah ketika tidak diperlukan. Oleh itu, tali air/parit hendaklah diselenggara secara tetap dan berkala bagi melancarkan arus saliran air ke kawasan tanaman sawah padi.

b. Semakan Audit di agensi yang dilawati mendapati permohonan peruntukan berjumlah RM76.67 juta telah dikemukakan kepada KPKM untuk pelaksanaan 1,250 projek penyelenggaraan saliran bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. **Bagaimanapun, peruntukan yang disalurkan hanya berjumlah RM23.28 juta (30.4%) berbanding permohonan**. Sehingga akhir tahun 2022, sebanyak 1,020 projek (81.6%) dengan kos berjumlah RM22.46 juta telah dilaksanakan. Berdasarkan Laporan Kemajuan Kewangan dan Fizikal Peruntukan Operasi dan Penyelenggaraan bagi tahun 2019 hingga 2022, skop projek tersebut telah dikecilkan untuk diselaraskan dengan peruntukan yang diterima. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
BILANGAN PROJEK PENYELENGGARAAN, PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	AGENSI	PROJEK		PERUNTUKAN		
		PERMOHONAN	LAKSANA	PERMOHONAN (RM Juta)	TERIMA (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
2019 hingga 2022	MADA	524	303	6.46	4.29	3.70
	KADA	261	249	6.49	3.35	3.21
	IADA Barat Laut Selangor	163	134	27.39	5.29	5.21
	IADA Pulau Pinang	43	76	4.15	2.99	3.00
	IADA Seberang Perak	222	224	26.82	5.10	5.10
	IADA Batang Lupar	37	34	5.35	2.25	2.24
JUMLAH		**1,250**	**1,020 (81.6%)**	**76.67**	**23.28 (30.4%)**	**22.46 (96.5%)**

Sumber: MADA, KADA, IADA Barat Laut Selangor, IADA Pulau Pinang, IADA Seberang Perak dan IADA Batang Lupar

c. Semakan Audit terhadap jumlah peruntukan yang diterima berbanding permohonan peruntukan mendapati IADA Seberang Perak menerima peruntukan yang terendah iaitu hanya 19% daripada jumlah peruntukan yang dimohon. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
PERUNTUKAN PENYELENGGARAAN BAGI AGENSI YANG DILAWATI
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

BIL.	AGENSI	PERUNTUKAN DIMOHON (RM Juta)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	PERATUS (%)
1.	MADA	6.46*	4.29	66.4
2.	KADA	6.49*	3.35	51.7
3.	IADA Barat Laut Selangor	27.39	5.29	19.3
4.	IADA Pulau Pinang	4.15*	2.99	72.3
5.	IADA Seberang Perak	26.82	5.10	19.0
6.	IADA Batang Lupar	5.35	2.25	42.0
JUMLAH (RM)		**76.67**	**23.28**	**30.4**

Sumber: MADA, KADA, IADA Barat Laut Selangor, IADA Pulau Pinang, IADA Seberang Perak dan IADA Batang Lupar
Nota: (*) - MADA Tiada Maklumat Peruntukan Dimohon Bagi Tahun 2019, KADA Tahun 2019 dan 2020 Serta IADA Pulau Pinang Tahun 2020

d. Jumlah peruntukan yang rendah ini telah menjejaskan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan yang dirancang. Analisis Audit telah dibuat terhadap aduan berkaitan pengairan dan saliran yang diterima daripada pesawah oleh enam agensi bagi melihat kesan penyelenggaraan yang tidak dapat dilaksanakan kerana peruntukan diterima tidak mencukupi. Analisis Audit mendapati sebanyak 315 aduan telah diterima daripada pesawah bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Aduan tertinggi adalah melibatkan IADA Seberang Perak sebanyak 251 aduan (79.7%) dan aduan terendah adalah melibatkan IADA Barat Laut Selangor dengan dua aduan (0.6%) yang diterima dalam tempoh empat tahun. Manakala tiada aduan berkaitan pengairan dan saliran yang berbangkit di kawasan IADA Batang Lupar.

e. **Masalah berkaitan pengairan dan saliran yang tinggi di IADA Seberang Perak menjadi salah satu faktor pencapaian produktiviti padi yang rendah**. Hasil padi per hektar yang dicatatkan pada tahun 2019 adalah sebanyak 2.606 MT/Ha berbanding sasaran IADA sebanyak 5.610 MT/Ha. Produktiviti padi menurun daripada 2.606 MT/Ha kepada 2.011 MT/Ha pada tahun 2020 berbanding sasaran 6.0 MT/Ha. Walaupun sasaran bagi tahun 2021 telah diturunkan kepada 3.470 MT/Ha dan tahun 2022 kepada 4.100 MT/Ha, produktiviti padi masih tidak mencapai sasaran iaitu 2.585 MT/Ha pada tahun 2021 dan 3.806 MT/Ha pada tahun 2022.

Maklum balas KPKM yang diterima pada 4 Ogos 2023

Jumlah peruntukan penyelenggaraan tahunan yang diterima oleh BPSP adalah jauh lebih rendah berbanding anggaran keperluan. Pada tahun 2019 dan 2020, sebanyak

RM30 juta telah diterima setiap tahun, manakala pada tahun 2021 dan 2022 sebanyak RM20 juta sahaja diterima setiap tahun. Dengan kekangan peruntukan ini, pelaksanaan kerja pembaikan atau penyelenggaraan dilakukan mengikut keutamaan mengambil kira faktor tahap kerosakan dan kebolehfungsian sesuatu infrastruktur.

Pendapat Audit

Pengairan dan saliran merupakan salah satu komponen penting dalam rantaian pengeluaran padi. Kekangan peruntukan telah menjejaskan kerja-kerja penyelenggaraan pengairan dan saliran. Penyelenggaraan yang tidak dilaksanakan mengikut perancangan memberi kesan kepada aktiviti penanaman padi berdasarkan kepada aduan yang diterima daripada pesawah.

5.2.5.2. Baki Peruntukan Subsidi dan Insentif di LPP

a. Arahan Perbendaharaan 54 menyatakan Pegawai Pengawal dikehendaki mengawal perbelanjaan berkenaan sesuatu Program, Aktiviti atau Projek yang diperuntukkan dalam Maksud Perbelanjaan Anggaran Belanjawan di bawah kawalannya.

b. Semakan Audit mendapati sejumlah RM3.673 bilion telah disalurkan oleh KPKM kepada LPP bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 untuk pelaksanaan pelbagai skim bantuan subsidi dan insentif penanaman padi seperti dalam **Jadual 21**. Berdasarkan Laporan Prestasi Tuntutan Pembekal Bagi Skim SBPKP, SIPP dan IBPS, jumlah perbelanjaan oleh LPP bagi tempoh tersebut adalah sebanyak RM3.224 bilion dengan **baki peruntukan terkumpul di LPP berjumlah RM448.87 juta**.

JADUAL 21
PERUNTUKAN, PERBELANJAAN DAN BAKI SUBSIDI DAN INSENTIF DI BAWAH LPP BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

BIL.	SUBSIDI/INSENTIF	NILAI KONTRAK (RM Juta)	PERUNTUKAN KEPADA LPP (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)
1.	Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)	1,582.37	1,490.12	1,349.99	140.13
2.	Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) - Baja NPK	891.51	874.01	791.74	82.27
3.	Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) - Racun	582.00	578.28	435.02	143.26
4.	Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) - Kapur	79.80	85.43	63.88	21.56
5.	Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) - Pembajakan	Tiada	211.45	161.72	49.73

BIL.	SUBSIDI/INSENTIF	NILAI KONTRAK (RM Juta)	PERUNTUKAN KEPADA LPP (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)
6.	Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) - Baja Bio	135.09	122.89	120.80	2.09
7.	Insentif Benih Padi Sah (IBPS)	311.52	311.52	301.69	9.83
JUMLAH		**3,582.29**	**3,673.70**	**3,224.83**	**448.87**

Sumber: Laporan Prestasi Tuntutan Pembekal Bagi Skim SBPKP, SIPP dan IBPS

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati **KPKM tidak membuat semakan baki peruntukan sebelum peruntukan tahunan disalurkan kepada pihak LPP** dan menyebabkan LPP masih mempunyai baki terkumpul yang tidak dibelanjakan secara optimum bagi membantu golongan sasar mengurangkan kos pengeluaran padi.

Maklum balas KPKM yang diterima pada 22 September 2023

Baki peruntukan subsidi dan insentif di LPP Tahun 2022 setakat 11 September 2023 adalah sebanyak RM427.78 juta. Baki ini adalah sebelum ditolak jumlah komitmen sebanyak RM234.44 juta. Baki bersih di LPP adalah sebanyak RM193.34 juta.

5.2.5.3. Baki Peruntukan Program EPP 11

a. Berdasarkan surat MoF berkaitan Program EPP 11 bertarikh 22 November 2021 kepada KPKM, pihak MoF berpendapat bahawa baki peruntukan perlu digunakan untuk menyelesaikan bayaran komitmen sedia ada dan jika masih terdapat baki peruntukan perlulah dipulangkan selaras dengan Artikel 97(a) di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) di dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) yang perlu dikembalikan kepada Akaun Hasil Disatukan.

b. Semakan Audit mendapati tiga agensi pelaksana masih mempunyai baki peruntukan dan belum dipulangkan kepada KPKM berjumlah RM26.77 juta. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
BAKI PERUNTUKAN PROGRAM EPP 11 DI AGENSI

BIL.	AGENSI	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)
1.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)	10.22
2.	Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI)	7.28
3.	Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD)	9.27

Sumber: Laporan EPP 11

c. Kelewatan KPKM mengambil tindakan terhadap surat MoF bertarikh 22 November 2021 berkaitan peruntukan EPP 11 menyebabkan baki peruntukan masih belum dikembalikan oleh agensi berkenaan untuk dimanfaatkan dalam projek lain.

Maklum balas KPKM yang diterima pada 25 Ogos dan 22 September 2023

KPKM bercadang untuk memulangkan baki peruntukan ini kepada Kementerian Kewangan. KPKM telah mengemukakan surat kepada ketiga-tiga agensi berkenaan pada 11 Ogos 2023 untuk mendapatkan jumlah baki terkini untuk diselaraskan bagi pemulangan baki tersebut kepada Kementerian Kewangan. Setakat 21 September 2023, baki peruntukan terkini EPP11 ialah sebanyak RM20.17 juta iaitu di KADA sebanyak RM10.03 juta, MAFFI Sabah sebanyak RM7.28 juta dan M-FICORD sebanyak RM2.86 juta. Bahagian PIP akan memanjangkan perkara ini kepada Bahagian Kewangan untuk serahan peruntukan kepada pihak MoF.

Pendapat Audit

Pengurusan penyaluran peruntukan adalah kurang memuaskan. KPKM tidak menyemak baki peruntukan di LPP sebelum penyaluran peruntukan tahunan dibuat dan baki peruntukan bagi program EPP 11 yang telah ditamatkan tidak dikembalikan oleh agensi yang terlibat. Lebihan peruntukan yang tersimpan di agensi berkenaan tidak dapat dimanfaatkan oleh KPKM untuk program lain bagi membantu golongan pesawah.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pencapaian program penanaman padi adalah tidak memuaskan. Sasaran output pengeluaran padi dan produktiviti padi per hektar tidak tercapai dan pencapaian objektif/keberhasilan bagi pengeluaran beras dan SSL beras serta pendapatan pesawah juga tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

Pengurusan program juga tidak memuaskan kerana terdapat kawasan penanaman padi masih belum diwartakan menyebabkan penyusutan kawasan penanaman padi di empat kawasan jelapang. Selain itu, bekalan benih padi asas yang tidak mencukupi membuka ruang kepada penggunaan benih padi yang tidak diiktiraf oleh DOA, kelewatan penghantaran baja kepada pesawah serta pergantungan kepada perkhidmatan jentera pihak swasta. Penyelenggaraan pengairan dan saliran juga tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan disebabkan kekangan peruntukan dan memberi kesan kepada produktiviti padi. KPKM juga didapati tidak menjaga kepentingan Kerajaan apabila meluluskan secara keseluruhan pengecualian denda kelewatan penghantaran baja

berjumlah RM211.27 juta kepada pihak Pembekal serta terdapat kelemahan dalam pemantauan baki peruntukan yang berada di LPP dan agensi yang terlibat dengan Program EPP 11.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan KPKM mengambil tindakan seperti berikut:

7.1. Mewujudkan pangkalan data bersepadu dan menyeluruh meliputi maklumat berkaitan pesawah, pihak yang terlibat dalam rantaian pengeluaran padi seperti pengilang, pemborong dan peruncit, keluasan kawasan penanaman padi, hasil pengeluaran padi dan beras, pendapatan pesawah serta maklumat lain yang berkaitan. Maklumat yang komprehensif ini adalah bagi memastikan pemantauan dan pengurusan berkaitan industri padi dan beras dapat dijalankan secara sistematik, cekap dan berkesan;

7.2. Mengkaji semula setiap kontrak yang terlibat di dalam industri padi dan beras supaya ianya bersifat melindungi serta tidak merugikan pihak Kerajaan. KPKM hendaklah menyatakan dengan jelas dalam kontrak/dokumen perjanjian mengenai tindakan yang akan diambil sekiranya syarikat gagal melaksanakan obligasi kontrak yang ditetapkan dan seterusnya tindakan tegas perlu diambil terhadap syarikat yang melanggar syarat kontrak;

7.3. Mengadakan libat urus dengan Kerajaan Negeri bagi memastikan kawasan penanaman yang diwartakan mencukupi untuk menghasilkan pengeluaran padi dan beras yang dapat memenuhi keperluan negara dan seterusnya mencapai sasaran SSL yang ditetapkan;

7.4. KPKM melalui agensi yang terlibat perlu memastikan semua skim bantuan yang diperuntukkan digunakan secara optimum bagi membantu golongan sasar untuk mengurangkan kos pengeluaran padi dan seterusnya mendapat manfaat daripada bantuan yang disalurkan; dan

7.5. Memastikan keperluan benih asas di lapangan mencukupi, bantuan baja sampai kepada pesawah mengikut tempoh ditetapkan, menyediakan perkhidmatan jentera dan mekanisasi yang dapat memenuhi keperluan pesawah serta pengairan dan saliran diselenggara dengan baik bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran padi.

Jabatan Perikanan

– Pengurusan Program Pemulihan Kawasan Perlindungan Marin


PENGURUSAN PROGRAM PEMULIHARAAN KAWASAN PERLINDUNGAN MARIN

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERIKANAN


RUMUSAN AUDIT

"Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel pengauditan dapat dirumuskan bahawa pengurusan Kawasan Perlindungan Marin (MPA) adalah memuaskan dari aspek pelaksanaan program restorasi/rehabilitasi dan pencapaian litupan karang hidup kerana telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Namun aspek pewartaan MPA adalah **kurang memuaskan** kerana pencapaian pewartaan masih rendah dan memberi kesan kepada pencapaian keseluruhan MPA yang perlu dilindungi".

A. PERUNTUKAN & PERBELANJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019-2022



Peruntukan Mengurus RM4.89 Juta



Peruntukan Pembangunan RM73.64 Juta

Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut
Baki pada 31 Disember 2022
RM14.11 juta

B. PENCAPAIAN OUTPUT

1 STATUS PEWARTAAN MPA

Sasar: 31,261.246km²
Capai: 2,769.120km² **8.9%**

2 PENYAHWARTAAN MPA

Cadangan penyahwartaan berisiko menjejaskan komitmen dan pencapaian mewujudkan sekurang-kurangnya **10% MPA menjelang 2030**

3 PROGRAM RESTORASI/REHABILITASI

Pemuliharaan Ekosistem Akuatik
Sasar: 6
Capai: 15 **250%**

Kajian Biodiversiti
Sasar: 3
Capai: 5 **167%**

Baikpulih Biodiversiti
Sasar: 2% (80m²)
Capai: 26% (1,045.63m²)
1300%

Status Melabuhkan Tukun
Sasar: 26
Capai: 27 **104%**

Pemantauan Keberkesanan ✗
Sasar: 3
Capai: 1 **33%**

JUMLAH MPA 51

42 Taman Laut

8 Kawasan Larangan Perikanan


1 Kawasan Perlindungan Bagi Timun Laut

C. PENCAPAIAN KEBERHASILAN

1 SUMBANGAN PERATUSAN MPA NEGARA

DoF hanya menyumbang sebanyak 0.5% daripada keseluruhan MPA negara yang berjumlah 5.4%.

2 LITUPAN KARANG HIDUP



D. PENGURUSAN PROGRAM

1. **Fi aktiviti selam skuba** berjumlah **RM493,800** dan fi pelawat Taman Laut **tidak dikutip**.
2. **Pangkalan hadapan tidak digunakan sepenuhnya** kerana kedalaman kawasan lagun/jeti tidak sesuai untuk keluar masuk bot.
3. **Penyenggaraan berkala tidak dilaksanakan** menyebabkan **masalah tekanan air tinggi dan resapan air pada siling** bangunan masih **belum dapat diselesaikan.**

3 SYOR AUDIT

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERIKANAN
PENGURUSAN PROGRAM PEMULIHARAAN KAWASAN PERLINDUNGAN MARIN

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Kawasan Perlindungan Marin (MPA) di Malaysia terdiri daripada enam kategori iaitu taman laut, kawasan larangan perikanan, kawasan perlindungan bagi timun laut, taman negeri, taman negara dan kawasan pemuliharaan. Pengurusan MPA adalah di bawah dua peringkat pentadbiran iaitu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui Akta/Enakmen/Ordinan masing-masing. Berdasarkan Senarai Induk Kawasan Perlindungan, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim tahun 2016, terdapat 65 MPA di Malaysia. Jabatan Perikanan (DoF) menguruskan 51 MPA yang terdiri daripada taman laut, kawasan larangan perikanan dan kawasan terlindung bagi timun laut.
- Pengauditan tertumpu kepada Program Pemuliharaan MPA yang dibiayai melalui peruntukan pembangunan dan mengurus. Selain itu, program/aktiviti turut dibiayai melalui Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut.
- Prestasi program dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output program dan pencapaian keberhasilan program. Pengurusan program meliputi enam perkara iaitu peruntukan dan perbelanjaan, kutipan hasil taman laut, pengurusan melabuhkan tukun, pelaksanaan projek, penyenggaraan bangunan pejabat, serta program koordinasi dan kesedaran awam.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

Untuk menilai sejauh mana program pemuliharaan MPA diuruskan selaras dengan Pelan Strategik 2021-2030 iaitu untuk membangunkan dan mengukuhkan rangkaian kawasan perlindungan marin melalui pewartaan MPA serta memulihara ekosistem akuatik dengan pendekatan restorasi dan rehabilitasi.

Rumusan Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel pengauditan dapat dirumuskan bahawa pengurusan MPA adalah memuaskan dari aspek pelaksanaan program restorasi/rehabilitasi dan pencapaian litupan karang hidup kerana telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Namun aspek pewartaan MPA adalah kurang memuaskan kerana pencapaian pewartaan masih rendah berbanding sasaran ditetapkan.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
1.	Pewartaan MPA masih rendah iaitu 2,769.12km^2 (8.9%) berbanding sasaran yang ditetapkan 31,261.25km^2.	Memberi kesan kepada pencapaian keseluruhan MPA yang perlu dilindungi.	Mempergiatkan lagi usaha pengenalpastian lokasi MPA untuk diwartakan agar sasaran pewartaan MPA negara dapat dicapai sewajarnya, bagi memastikan ekosistem marin dapat dikawal dengan lebih berkesan.
2.	Pencapaian MPA masih rendah dan hanya menyumbang sebanyak 0.5% daripada keseluruhan MPA negara yang berjumlah 5.4%.		
3.	Fi aktiviti selam skuba berjumlah RM493,800 tidak dikutip di Taman Laut Johor, Pahang, Pulau Perhentian dan Pulau Redang bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022.	Kehilangan hasil kerajaan melibatkan kutipan fi selam skuba bernilai RM0.49 juta.	Mewujudkan mekanisme dan libat urus dengan pihak-pihak terlibat bagi memastikan kutipan hasil dikutip dengan teratur.
4.	Fi pelawat taman laut tidak dikenakan bagi pelawat masuk ke Taman Laut Pulau Tioman melalui Lapangan Terbang Tioman, ke Taman Laut Johor dan Terengganu melalui jeti persendirian serta pelawat di Taman Laut Pulau Kapas.		
5.	Pangkalan hadapan yang telah siap dibina pada tahun 2020 bernilai RM1.04 juta tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana kedalaman kawasan lagun/jeti tidak sesuai untuk pergerakan keluar masuk bot penguatkuasaan DoF.	Pangkalan hadapan yang dibina tidak dapat digunakan seperti mana objektif projek.	Memastikan program penyenggaraan bangunan dilaksanakan secara berkala agar dapat digunakan dengan selamat dan dimanfaatkan.
6.	Tiada penyenggaraan bangunan secara berkala bagi Pejabat Cawangan Taman Laut Tanjung Gemok (Pahang) menyebabkan masalah tekanan air tinggi pada sistem retikulasi air dan kesan resapan air pada siling bangunan.	Masalah tekanan air tinggi dan resapan air pada siling masih belum dapat diselesaikan.	

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

JABATAN PERIKANAN

1. PENGURUSAN PROGRAM PEMULIHARAAN KAWASAN PERLINDUNGAN MARIN

FAKTA UTAMA

51 Kawasan Perlindungan Marin (MPA)
- Diurus oleh Jabatan Perikanan (DoF)

3 Kategori MPA
- Taman Laut
- Kawasan Larangan Perikanan
- Kawasan Perlindungan Timun Laut

Kaedah Pengurusan MPA

Pewartaan, restorasi/rehabilitasi dan penguatkuasaan undang-undang

RM73.64 Juta
- Peruntukan Pembangunan RMKe-11 dan RMKe-12 (2019 hingga 2022)

RM4.89 Juta
- Peruntukan Mengurus (2019 hingga 2022)

RM14.11 juta
- Baki Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut (KWATLRL) pada Disember 2022

RM71.34 Juta
- Perbelanjaan (96.9%)


RM4.04 Juta
- Perbelanjaan (82.6%)

Sasaran **Pelan Strategik DoF** : **5.8%** daripada perairan negara dilindungi sebagai MPA pada **tahun 2022**

1. LATAR BELAKANG

1.1. Perubahan iklim dunia serta kesan aktiviti manusia memberi impak besar kepada alam sekitar termasuk kemerosotan ekosistem marin seperti berlaku kelunturan karang, peningkatan paras laut dan pengasidan air laut. Selain daripada ancaman semula jadi ekosistem, terumbu karang juga terdedah kepada pelbagai ancaman termasuk akibat kegiatan manusia, perubahan guna tanah di sepanjang pesisir pantai bersebelahan terumbu karang, pembangunan pantai, aktiviti perikanan dan pelancongan. Kehilangan habitat marin dilaporkan dalam Laporan *World of Summit* 2012 dan *Global Biodiversity Outlook* seperti dalam **Rajah 1.**

RAJAH 1
KEHILANGAN HABITAT MARIN



Sumber: *Laporan World of Summit* 2012 dan *Global Biodiversity Outlook*

1.2. Kaedah yang sesuai bagi memastikan sesuatu ekosistem marin dapat dikawal dan dipulihara dengan berkesan adalah dengan mewujudkan kawasan perlindungan marin (MPA). Definisi MPA menurut *International Union for Conservation of Nature* (IUCN) dan *Convention on Biological Diversity* (CBD) adalah seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2
DEFINISI MPA

International Union for Conservation of Nature

Kawasan **pengezonan sempadan** yang jelas, **diiktiraf**, didedikasikan serta **diuruskan melalui kaedah perundangan** yang sah atau berkesan untuk mencapai pemuliharaan alam semula jadi jangka panjang dengan perkhidmatan ekosistem yang berkaitan dan nilai-nilai budaya.

Convention on Biological Diversity

Kawasan yang **ditentukan secara geografi** yang ditetapkan atau dikawal selia dan diuruskan untuk mencapai objektif pemuliharaan tertentu.


Sumber: IUCN dan CBD

1.3. Ekosistem marin utama di Malaysia adalah termasuk terumbu karang, rumpai laut, paya bakau, dataran lumpur dan muara. Antara program yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan (DoF) bagi memulihara ekosistem marin adalah restorasi dan rehabilitasi karang, melabuhkan tukun tiruan dan pemantauan kualiti air marin bagi memastikan tahap keberhasilan litupan karang pada tahap sederhana.

1.4. MPA di Malaysia terdiri daripada enam kategori iaitu taman laut, kawasan larangan perikanan, kawasan perlindungan bagi timun laut, taman negeri, taman negara dan kawasan pemuliharaan. Pengurusan MPA di Malaysia adalah di bawah dua peringkat pentadbiran iaitu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui Akta/Enakmen/Ordinan masing-masing. Berdasarkan Senarai Induk Kawasan Perlindungan, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim tahun 2016, terdapat 65 MPA di Malaysia.

1.5. DoF menguruskan MPA taman laut, kawasan larangan perikanan dan kawasan terlindung bagi timun laut. Keluasan MPA ditentukan melalui tikas air pasang surut dan koordinat yang ditetapkan dalam Akta Perikanan 1985 dan Peraturan-peraturan Perikanan. Sehingga bulan Disember 2022, DoF mentadbir urus 51 MPA yang meliputi 42 taman laut, lapan kawasan larangan perikanan dan satu kawasan perlindungan bagi timun laut. Butiran lanjut seperti dalam **Rajah 3.**

RAJAH 3
PENGURUSAN DAN KATEGORI MPA



Sumber: DoF dan JAN
Nota : - Skop Audit

1.6. MPA di bawah Pentadbiran DoF telah diwujudkan pada tahun 1983, dan asalnya diuruskan oleh Bahagian Taman Laut dan Perikanan Rekreasi di bawah Kementerian Pertanian. Terkini, ianya diuruskan oleh Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan (BKOPP), DoF di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

1.7. Pelan Strategik Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber 2021-2030 (BTLPS 2021-2030) menyediakan rangka dasar, hala tuju dan bidang fokus DoF dalam usaha untuk Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sumber Perikanan. Pelaksanaan Pelan Strategik BTLPS 2021-2030 penting untuk memastikan transformasi MPA dan pengurusan sumber yang menyeluruh bagi tempoh pelaksanaan 2021 hingga 2030. Dua teras Pelan Strategik BTLPS 2021-2030 yang berkaitan dengan pemuliharaan MPA adalah Teras 1 (Strategik 1) iaitu mengenai membangunkan dan mengukuhkan rangkaian MPA melalui pewartaan MPA dan Teras 2 (Strategi 1) iaitu memulihara ekosistem akuatik melalui pendekatan restorasi dan rehabilitasi.

1.8. Program Pemuliharaan MPA dibiayai melalui peruntukan pembangunan dan peruntukan mengurus masing-masing berjumlah RM73.64 juta dan RM4.89 juta bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Selain itu, program/aktiviti turut dibiayai melalui Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut (KWATLRL) yang berbaki RM14.11 juta pada 31 Disember 2022.


2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan untuk menilai sama ada program pemuliharaan MPA diuruskan dengan cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan Teras 1 dan Teras 2 Pelan Strategik BTLPS 2021-2030 iaitu membangun dan mengukuhkan rangkaian MPA melalui pewartaan MPA dan memulihara ekosistem akuatik melalui pendekatan restorasi dan rehabilitasi.

3. SKOP PENGAUDITAN


3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program seperti dalam **Rajah 4** serta dilaksanakan di pejabat Auditi seperti dalam **Rajah 5**.

RAJAH 4
PRESTASI DAN PENGURUSAN PROGRAM YANG DINILAI



Sumber: Jabatan Audit Negara

RAJAH 5
AUDITI YANG TERLIBAT



Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Sampel lawatan fizikal Audit melibatkan tiga kategori MPA di bawah pentadbiran DoF iaitu di dua Kawasan Larangan Perikanan di Tanjung Tuan (Negeri Sembilan dan Melaka) serta Pulau Besar (Melaka), empat Taman Laut di Pulau Payar (Kedah), Pulau Redang, Pulau Perhentian dan Pulau Kapas (Terengganu) serta Kawasan Perlindungan Timun Laut di Pulau Singa Besar (Kedah). Pemilihan sampel MPA berdasarkan kutipan fi tertinggi (tahun 2019 dan 2022), bilangan aktiviti rehabilitasi/restorasi dan pelaksanaan projek pembinaan Pejabat Cawangan Taman Laut yang bernilai antara RM5 juta hingga RM10 juta seperti dalam **Jadual 1.**

JADUAL 1
JUSTIFIKASI PEMILIHAN SAMPEL AUDIT

PEJABAT PERIKANAN NEGERI	MPA	KATEGORI MPA	HASIL KUTIPAN FI (RM Juta)	BILANGAN AKTIVITI REHABILITASI/ RESTORASI	PROJEK PEMBINAAN (RM Juta)
Negeri Sembilan	Tanjung Tuan	Kawasan Larangan Perikanan	Tidak Berkaitan	2 Program Tukun	Tidak Berkaitan
Melaka					
Melaka	Pulau Besar	Kawasan Larangan Perikanan	Tidak Berkaitan	2 Program Tukun	Tidak Berkaitan
Johor	*Pulau Tinggi	Taman Laut	2019 = RM0.92 2022 = RM0.74	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan
	*Pulau Sibu				
	*Pulau Besar				
Pahang	*Pulau Tioman	Taman Laut	2019 = RM0.69 2022 = RM0.23	Tidak Berkaitan	7.03
Terengganu	Pulau Perhentian	Taman Laut	2019 = RM3.75 2022 = RM1.58	1 Program Restorasi Karang	5.49
	Pulau Redang			1 Program Restorasi Karang	
	Pulau Kapas			2 Program Tukun	
Kedah	Pulau Payar	Taman Laut	2019 = RM1.68 2022 = RM0.03	1 Program Restorasi Karang	8.46
	Pulau Singa Besar	Kawasan Perlindungan Timun Laut		Tidak Berkaitan	

Sumber: DoF dan Jabatan Audit Negara
Nota: (*) - Lawatan Fizikal Tidak Dapat Dilaksanakan Kerana Faktor Cuaca Pada Tarikh Lawatan

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen dan analisis data berkaitan dengan program pemuliharaan MPA. Lawatan fizikal ke tapak projek, temu bual dengan pegawai yang terlibat turut dijalankan. Pengauditan melibatkan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) bagi tujuan mencerap imej lokasi MPA, kawasan jeti kutipan fi, jeti persendirian serta tapak pembinaan pangkalan taman laut.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan dilaksanakan pada bulan Januari hingga April 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 21 Ogos 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Program


5.1.1. Pencapaian Output

5.1.1.1. Status Pewartaan MPA

a. Berdasarkan Teras 1, Strategi 1: Pelan Strategik BTLPS 2021-2030, DoF perlu membangunkan dan mengukuhkan rangkaian MPA melalui pewartaan kawasan yang dikenal pasti supaya spesis dan ekosistem marin tidak terancam. Sehingga bulan Disember 2022, sasaran MPA yang diwartakan adalah pada kadar 5.8% (31,261.246km^2) daripada perairan negara 538,987km^2.

b. DoF bertanggungjawab untuk mengenal pasti lokasi MPA yang berpotensi untuk diwartakan serta konsultasi bersama komuniti setempat. Proses dan fasa mewartakan MPA juga melibatkan pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Kerajaan Negeri dan Pejabat Undang-undang seperti dalam **Rajah 6**.

RAJAH 6
PROSES KERJA PEWARTAAN MPA



Sumber: *My PortFolio* Cawangan Pengurusan Taman Laut dan Pengurusan Sumber (CPTLPS), DoF

c. Analisis Audit mendapati sehingga bulan Disember 2022, keluasan MPA yang telah **diwartakan adalah 2,769.12km^2 (8.9%) berbanding sasaran yang ditetapkan 31,261.25km^2**. Keluasan MPA yang diwartakan melibatkan 51 MPA di Johor, Pahang, Wilayah Persekutuan (WP) Labuan, Kedah, Terengganu, Melaka, Negeri Sembilan dan Sarawak seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KELUASAN DAN PENCAPAIAN PEWARTAAN MPA SETAKAT BULAN DISEMBER 2022

MPA DIWARTAKAN (km^2)		NEGERI	KATEGORI MPA DIWARTAKAN	BILANGAN MPA
SASARAN	PENCAPAIAN			
31,261.25	2,769.12	Johor	Taman Laut	13
		Pahang	Taman Laut	9
		WP Labuan	Taman Laut	3
		Kedah	Taman Laut	4
			Kawasan Perlindungan Bagi Timun Laut	1
		Terengganu	Taman Laut	13
			Kawasan Larangan Perikanan	1
		Melaka	Kawasan Larangan Perikanan	2
		Negeri Sembilan	Kawasan Larangan Perikanan	2
		Sarawak	Kawasan Larangan Perikanan	3
JUMLAH KESELURUHAN				**51**

Sumber: DoF dan JUPEM

d. Semakan Audit mendapati kali terakhir DoF mewartakan MPA adalah pada tahun 2008. Antara **tahun 2014 sehingga tahun 2018**, DoF mula **merancang dan mengenal pasti 24 lokasi kawasan perlindungan yang berpotensi untuk diwartakan** di lima negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah dan Perak melalui khidmat perunding yang dilantik. Keluasan kawasan yang dikenal pasti adalah 2,688.32km^2.

e. Semakan Audit selanjutnya mendapati, **sehingga bulan Disember 2022, kesemua 24 lokasi MPA tersebut masih dalam proses pewartaan**. Sebanyak 10 lokasi telah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri manakala 14 lokasi masih dalam perbincangan bersama dengan Kerajaan Negeri. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati tempoh masa pewartaan MPA yang diambil adalah antara enam hingga 11 tahun meliputi pelbagai peringkat iaitu cadangan, konsultasi, kajian dan kelulusan Kerajaan Negeri. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
STATUS PEWARTAAN 24 LOKASI BAHARU MPA SETAKAT BULAN DISEMBER 2022

BIL.	LOKASI	BIL	KELUASAN (km^2)	STATUS	TEMPOH MASA DIAMBIL (TAHUN)			
					a	b	c	JUMLAH
1.	Gugusan Pulau Lima, Johor	7	299.00	Diluluskan Kerajaan Negeri	1	2	3	6
2.	Gugusan Pulau Besar, Melaka	3	1,508.00		1	1	3	5
3.	Tanjung Tuan, Negeri Sembilan	1	-	Perbincangan bersama Kerajaan Negeri	1	1	3	5
4.	Gugusan Pulau Songsong, Kedah	4	59.40		3	1	7	11
5.	Gugusan Pulau Sembilan Perak, Perak	9	821.92		1	4	1	6
JUMLAH		**24**	**2,688.32**	-	-	-	-	-

Sumber: Fail dan Rekod CPTLPS, DoF
Nota: a – Kajian; b – Konsultasi; c – Kerajaan Negeri

f. Lokasi MPA yang belum diwarta menyebabkan penguatkuasaan undang-undang tidak dapat dilaksanakan dan berisiko menyebabkan kepupusan, kerosakan dan kemerosotan sumber biodiversiti dan ekosistem habitat/spesies hidupan marin.

Maklum balas DoF yang diterima pada 28 Ogos 2023

Sebanyak dua kawasan telah diwartakan dan enam kawasan baru telah dikenal pasti untuk diwartakan iaitu:

i. Pulau Lima, Johor (telah diwartakan pada 1 Januari 2023)

ii. Pulau Sembilan, Perak

iii. Pulau Undan, Pulau Dodol dan Pulau Nangka, Melaka (telah diwartakan pada 4 April 2023)

iv. Beting Tengah, Pulau Pinang

v. Pulau Songsong, Kedah

vi. Pulau Layang-Layang, Sabah

vii. Refugia Udang Karang, Tanjung Leman, Johor

viii. Refugia Udang Harimau, Miri, Sarawak

Bermula tahun 2023, Jabatan telah melaksanakan projek Blueprint MyMPA. Output projek ini adalah dokumen rasmi yang menyatakan komitmen Jabatan dalam membantu merealisasikan 10% perairan negara diurus dengan baik dan dilindungi.

Pendapat Audit | **Pengurusan pewartaan MPA adalah kurang memuaskan kerana kawasan MPA belum diwartakan sepenuhnya sebagaimana sasaran yang ditetapkan.**

5.1.1.2. Penyahwartaan MPA

a. Berdasarkan Akta Perikanan 1985 Seksyen 41 (2), batas mana-mana kawasan atau sebahagian daripada sesuatu kawasan yang ditubuhkan sebagai taman laut atau rizab laut di bawah subseksyen (1) boleh dipinda oleh Menteri melalui perintah dalam Warta. Perintah itu boleh juga memperuntukkan supaya kawasan atau sebahagian daripada kawasan itu terhenti daripada menjadi taman laut atau rizab laut.

b. Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri Pahang telah mengemukakan permohonan untuk menyahwarta Pulau Tioman melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 19 Januari dan 16 Mac 2021. Kerajaan Negeri Pahang berhasrat untuk membangunkan Pulau Tioman dengan melaksanakan projek pembinaan lapangan terbang baharu yang lebih besar bagi merancakkan lagi aktiviti pelancongan.

c. Berdasarkan syor dalam Kertas MMK tersebut bersetuju dengan Cadangan Persempadanan Semula Taman Laut iaitu cadangan untuk menyahwarta Pulau Tioman dan tiga pulau kecil yang termasuk dalam kawasan Taman Laut Pulau Tioman iaitu Pulau Soyak, Pulau Rengis dan Pulau Tumok. Dengan itu menjadikan jumlah keseluruhan pulau taman laut yang baharu setelah cadangan nyahwarta adalah 10 pulau daripada 14 pulau seperti dalam **Rajah 7**.

RAJAH 7
SENARAI KEPULAUAN TAMAN LAUT PULAU TIOMAN
SEDIA ADA DAN SELEPAS CADANGAN



Sumber: Fail Permohonan Penyahwartaan, DoF

d. Selain itu, syor kertas MMK tersebut juga menyatakan larangan penangkapan ikan di kawasan *no take zone* taman laut menjejaskan perkembangan aktiviti ekonomi penduduk Pulau Tioman kerana penguatkuasaan larangan menangkap ikan sekitar dua batu nautika bersamaan 3.7km dari kawasan pantai walaupun untuk tujuan sara diri.

e. DoF menerima surat bertarikh 16 Ogos 2022 supaya mengemukakan ulasan dan pandangan berhubung Cadangan Persempadanan Semula Taman Laut Pulau Tioman tersebut. DoF melalui Pejabat Perikanan Negeri (PPN) Pahang mengemukakan balasan ulasan dan pandangan tidak bersetuju dengan cadangan menyahwarta kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Ulasan yang diberikan telah mengambil kira faktor MPA (Taman Laut) adalah Kawasan Sensitif Alam Sekitar Tahap 1 iaitu kawasan penting yang telah diwarta. Tiada penyahwartaan atau tukar guna tanah dan aktiviti pembangunan dibenarkan selain syarat dan kegunaan yang tertakluk kepada Akta dan Enakmen yang berkaitan.

Maklum balas DoF yang diterima pada 21 Jun dan 28 Ogos 2023

Jabatan memandang serius berkenaan hasrat penyahwartaan ini dan langkah-langkah yang telah diambil adalah :

i. Pelaksanaan Laporan Tinjaun Kajian Persepsi Komuniti Pulau Tioman Terhadap Kepentingan Biodiversiti dan Ekosistem Terumbu Karang dan Sumber Perikanan yang telah dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia pada akhir tahun 2021;

ii. Kajian pengezonan semula perairan Pulau Tioman; dan

iii. Draf Kertas Memorandum Jemaah Menteri Dasar bagi cadangan pindaan Akta Perikanan 1985 yang lebih ketat berkenaan dengan nyahwarta taman laut termasuk melibatkan pindaan peruntukan berkenaan taman laut dan rizab laut.

Pendapat Audit

Cadangan penyahwartaan taman laut berisiko menjejaskan komitmen dan pencapaian ke arah usaha mewujudkan sekurang-kurangnya 10% MPA menjelang 2030. Ia juga dijangka memberi kesan kepada perlindungan dan pemuliharaan biodiversiti serta sumber perikanan, justeru mengancam sekuriti makanan.

5.1.1.3. Program Restorasi/Rehabilitasi

Mengikut Pelan Strategik BTLPS 2021-2030, sehingga tahun 2022 DoF perlu mencapai lima output di bawah program restorasi/rehabilitasi pemuliharaan MPA. Secara keseluruhannya, empat daripada lima program telah tercapai seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENCAPAIAN OUTPUT PROGRAM RESTORASI/REHABILITASI PEMULIHARAAN MPA SETAKAT TAHUN 2022

SASARAN PROGRAM	PENCAPAIAN PROGRAM	
	BILANGAN	%
a. Memulihara Ekosistem Akuatik Melalui Pendekatan Program Restorasi dan Rehabilitasi		
6 program	15 program	250
b. Kajian Biodiversiti Marin		
3 kajian	5 kajian	167
c. Membaikpulih Biodiversiti Marin Yang Telah Dikenalpasti Melalui Restorasi		
2% (80m²)	26% (1,045.63m²)	1,300
d. Status Melabuhkan Tukun		
26 lokasi tukun	27 lokasi tukun	104
e. Status Pemantauan Keberkesanan Restorasi dan Peranti Pemuliharaan Sumber		
3	1	33

Sumber: Pelan Strategik Bahagian Taman Laut 2021-2030 dan Laporan oleh BKOPP

a. Memulihara Ekosistem Akuatik Melalui Pendekatan Program Restorasi/Rehabilitasi

i. Teras 2 dan Objektif 1: Pelan Strategik BTLPS 2021-2030 mensasarkan bagi tahun 2020 sehingga 2022 untuk memulihara ekosistem akuatik melalui pendekatan program restorasi dan rehabilitasi dengan sasaran enam program.

ii. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2022, 15 (250%) program telah dilaksanakan di negeri Kedah, Terengganu, Pahang dan Johor. Aktiviti yang dilaksanakan adalah restorasi/rehabilitasi karang dengan kos keseluruhannya berjumlah RM210,160. Program aktiviti restorasi dengan kaedah mengikat nubbin (benih karang) pada struktur *frame* di lokasi aktiviti seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
LOKASI PROGRAM DAN AKTIVITI RESTORASI KARANG BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022

BIL.	TAHUN	NEGERI	LOKASI	BIL. (*FRAME*/NUBBIN)	KOS (RM)
1.	2020	Kedah	Pulau Payar	5 *frame*/300 nubbin	3,500
2.		Terengganu	Pulau Redang	12 *frame*	24,901
3.	2021	Kedah	Pulau Payar	4 *frame*/260 nubbin	9,752
4.		Pahang	Pulau Tioman	10 *frame*	19,500
5.		Terengganu	Pulau Perhentian	21 *frame*	96,000
6.			Pulau Lang Tengah	19 *frame*	
7.			Pulau Perhentian dan Redang	73 *frame*	
8.			Pulau Kapas	15 *frame*	

BIL.	TAHUN	NEGERI	LOKASI	BIL. (*FRAME*/NUBBIN)	KOS (RM)
9.			Pulau Tenggol	10 *frame*	
10.			Pulau Perhentian dan Redang	5 *frame*/69 nubbin	14,047
11.	2022	Kedah	Pulau Songsong	5 *frame*/300 nubbin	3,500
12.			Pulau Payar	10 *frame*/600 nubbin	7,000
13.		Johor	Pulau Tinggi	2 *frame*	5,000
14.			Pulau Pemanggil	5 *frame*	10,000
15.		Terengganu	Pulau Redang	250 nubbin	16,960
JUMLAH					**210,160**

Sumber: Laporan Restorasi dan Rehabilitasi Karang Tahun 2020 hingga 2022

b. Kajian Biodiversiti Marin

i. Teras 2, Strategik 1 dan Tindakan 1: Pelan Strategik BTLPS 2021-2030 mensasarkan pada tahun 2020 sehingga 2022 untuk memulihara ekosistem akuatik melalui pendekatan program restorasi dan rehabilitasi dengan sasaran tiga kajian.

ii. Semakan Audit mendapati **sehingga bulan Disember 2022, lima kajian (167%) telah dilaksanakan**. Semua kajian yang dijalankan melibatkan *Focus Group* antara DoF dengan pihak universiti. Semakan Audit selanjutnya mendapati **objektif pelaksanaan kajian tersebut telah tercapai** dan senarai kajian seperti dalam **Jadual 6.**

JADUAL 6
KAJIAN DILAKSANAKAN BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022

BIL.	NAMA KAJIAN DAN LOKASI	TAHUN KAJIAN	CADANGAN/PENEMUAN KAJIAN
1.	Terumbu Karang dan Ikan Karang; Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak	2022	i. Kawasan terumbu karang yang mempunyai daya tahan tinggi harus dikenalpasti. ii. Pemantauan terumbu karang jangka panjang terhadap aspek biologi dan fizikal perlu dibina dan dilaksanakan. iii. Mengenal pasti dan membina pusat untuk jenis spesies dan maklumat *Deoxyribonucleic Acid* mengenai terumbu karang dan ikan karang.
2.	Invertebrata Marin; (Desktop Study)	2021	i. Dicadangkan agar pada masa hadapan, DoF dan pihak berkepentingan lain boleh menganjurkan tinjauan holistik yang merangkumi semua jenis makrobentos dalam semua jenis habitat. ii. Lebih banyak kajian perlu dilakukan di lokasi yang sangat terdedah kepada kesan manusia.
3.	Tumbuhan Marin; Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak	2022	i. Kerja-kerja pemantauan perlu dilakukan terhadap kualiti air dan habitat tumbuhan marin untuk komposisi dan kelimpahan spesies. ii. Pembangunan guna tanah perlu dipantau dan diuruskan dengan melihat kesannya mungkin ada di pinggir rumpai laut dan padang rumput laut. Jika langkah pembangunan tanah yang betul tidak dilaksanakan, hakisan pantai boleh merosakkan flora marin dengan teruk.
4.	Habitat Marin; Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak	2022	i. Dapat mengenalpasti jurang data dan maklumat dalam penerangan dan taburan habitat marin dan proses ekologi di perairan Malaysia berdasarkan rekod yang diterbitkan. ii. Menghubungkan pelbagai habitat dan ketersambungan bagi menyokong kecekapan proses ekologi asas, dengan itu mengoptimumkan fungsi ekosistem marin.

BIL.	NAMA KAJIAN DAN LOKASI	TAHUN KAJIAN	CADANGAN/PENEMUAN KAJIAN
5.	Spesies Terancam (ETP); (Desktop Study)	2022	i. Dapat mengenalpasti jurang data mengenai taburan mamalia marin untuk keperluan penyelidikan akan datang.

Sumber: Laporan Akhir *Focus Group* 2021 dan 2022

Maklum balas DoF yang diterima pada 21 Jun 2023

Cadangan dalam lima kajian tersebut digunakan sebagai maklumat sokongan dalam penyediaan Blueprint MyMPA yang akan dibangunkan pada tahun 2023 hingga 2024. Cadangan Blueprint MyMPA telah dibentangkan kepada ahli Mesyuarat Pengurusan Jabatan Perikanan pada 30 Mac 2023.

Maklumat dan data spatial daripada kajian ini akan dimasukkan dalam pangkalan data Sistem Pengurusan Sumber Perikanan Bersepadu (MYFIRST) yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025. Sebahagian data spatial ini boleh dimasukkan semasa Spesifikasi Keperluan Sistem.

c. Membaikpulih Biodiversiti Marin yang Telah Dikenalpasti Melalui Restorasi

i. Teras 2, Strategik 1 dan Tindakan 2: Pelan Strategik BTLPS 2021-2030 mensasarkan pada tahun 2020 sehingga 2022 peratusan kawasan/habitat yang dipulihara melalui restorasi/rehabilitasi karang di Pulau Redang, Perhentian dan Payar sebanyak 2% bersamaan 80m² (asas: 4,000m^2).

ii. Semakan Audit mendapati bagi **tahun 2020 sehingga 2022, 26% (1,045.63m²) kawasan di Pulau Redang telah dipulihara** melalui restorasi/rehabilitasi karang. **Program membaik pulih biodiversiti marin melalui restorasi di Pulau Perhentian dan Pulau Payar pula sedang dalam proses penilaian DoF.**


iii. Kepulauan Pulau Redang dipilih sebagai kawasan utama untuk dibaik pulih melalui restorasi disebabkan peratusan litupan karang hidup telah merosot daripada 68% (Baik) kepada 26% (Kurang Baik). Kemerosotan tersebut akibat ribut Pabuk yang melanda Semenanjung Malaysia pada bulan Januari 2019. Aktiviti dan program restorasi/rehabilitasi seperti dalam **Gambar 1, Gambar 2** dan **Gambar 3.**

GAMBAR 1




Perairan Berhadapan Pusat Taman Laut Pulau Redang, Terengganu
- Proses Mengenal Pasti Litupan Karang yang Terjejas
(13.02.2019)
(Sumber: Jabatan Perikanan)

GAMBAR 2



Perairan Berhadapan Pusat Taman Laut Pulau Redang, Terengganu
- Penyelam Skuba Meletakkan *Frame* Karang di Dasar Laut Sebelum Benih Anak Karang Diikat Pada *Frame*
(20.03.2019)
(Sumber: Jabatan Perikanan)

GAMBAR 3



Perairan Berhadapan Pusat Taman Laut Pulau Redang, Terengganu
- Penyelam Skuba Mengikat Benih Anak Karang Pada *Frame* Karang Heksagon
(15.10.2019)
(Sumber: Jabatan Perikanan)

Maklum balas DoF yang diterima pada 21 Jun dan 3 Ogos 2023

Berdasarkan perancangan, penilaian dan pelaksanaan restorasi karang di Pulau Perhentian akan dijalankan pada tahun 2024.

Pemantauan terumbu karang telah diadakan di Pulau Payar pada 13 hingga 16 Julai 2023. Hasil daripada pemantauan mendapati berlakunya kelunturan karang di Taman Laut Pulau Payar yang meliputi kawasan terumbu yang luas. Justeru, program pemantauan restorasi ditunda kepada tahun hadapan bagi mengurangkan tekanan kepada karang semasa aktiviti restorasi dijalankan.

d. Status Melabuhkan Tukun

i. Tukun berperanan untuk dijadikan habitat bagi menggalakkan pertumbuhan dan peningkatan sumber lautan seperti ikan, terumbu karang dan lain-lain organisma yang terdapat di dalam habitat tersebut. Tujuan tukun tiruan adalah meningkatkan sumber perikanan serta

menjana ekonomi komuniti nelayan selain kelestarian pemuliharaan sumber marin serta sokongan terhadap inisiatif penjagaan biodiversiti marin. Aktiviti melabuhkan tukun dan pemeriksaan keadaan tukun oleh penyelam seperti dalam **Gambar 4** dan **Gambar 5.**

GAMBAR 4



Perairan Taman Laut Pulau Kapas
- Kerja Melabuhkan Tukun dari Barge ke Lokasi yang Ditentukan
(24.07.2021)
(Sumber: Jabatan Perikanan)

GAMBAR 5



Perairan Taman Laut Pulau Kapas
- Penyelam Membuat Pemeriksaan Keadaan Tukun di Dasar Laut
(24.07.2021)
(Sumber: Jabatan Perikanan)

ii. Teras 2, Strategik 1 dan Tindakan 3: Pelan Strategik BTLPS 2021-2030 mensasarkan pada tahun 2020 sehingga tahun 2022 untuk meningkatkan peranti pemuliharaan sumber dengan melabuhkan tukun di 26 lokasi. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan lokasi sebenar MPA yang sepatutnya untuk program tukun tersebut kerana tidak diperincikan dalam Pelan Strategik.

iii. Semakan Audit terhadap laporan dan baucar bayaran bagi Program Tukun Tiruan **sehingga bulan Disember 2022, tukun telah dilabuhkan di 27 lokasi berbanding 26 lokasi sepertimana yang ditetapkan** dalam Pelan Strategik melibatkan sembilan lokasi MPA dan 18 lokasi bukan MPA. Berdasarkan rekod dan dokumen pelaksanaan program tukun tiruan tahun 2020 hingga 2022, sejumlah 130 tukun tiruan bernilai RM3.21 juta telah dilabuhkan melibatkan enam negeri iaitu Johor, Melaka, Pahang, Terengganu, Kedah dan WP Labuan seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
BILANGAN TUKUN MENGIKUT LOKASI BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022

TAHUN	NEGERI	PELAKSANAAN			KOS (RM Juta)	JENIS TUKUN
		BILANGAN PROGRAM	LOKASI TUKUN	BILANGAN TUKUN		
2020	Kedah	1	Pulau Payar	34	0.50	Tukun Rekreasi
	Johor	1	Pulau Tinggi	17	0.44	
	Melaka	1	Pulau Besar	15	0.30	

TAHUN	NEGERI	PELAKSANAAN			KOS (RM Juta)	JENIS TUKUN
		BILANGAN PROGRAM	LOKASI TUKUN	BILANGAN TUKUN		
	Labuan	1	Pulau Kuraman	14	0.50	
JUMLAH		**4**	**-**	**80**	**1.74**	**-**
2021	Kedah	1	Pulau Segantang	17	0.33	Tukun Konservasi
	Terengganu	1	Perairan Taman Laut Pulau Kapas	12	0.30	
JUMLAH		**2**	**-**	**29**	**0.63**	-
2022	Johor	1	Pulau Besar	9	0.30	Tukun Konservasi
	Pahang	1	Perairan Pulau Tulai, Rompin Pahang	7	0.27	
	WP Labuan	1	Pulau Kuraman	5	0.27	
JUMLAH		**3**		**21**	**0.84**	
JUMLAH KESELURUHAN		**9**		**130**	**3.21**	

Sumber: Baucar Bayaran Program Tukun Tiruan Tahun 2020 hingga 2022.

Maklum balas DoF yang diterima pada 7 Julai dan 28 Ogos 2023

Penentuan lokasi melabuhkan tukun juga sama ada di lokasi MPA dan/atau luar MPA akan diputuskan dengan mengambil kira peruntukan kewangan, kesesuaian lokasi mengikut draf garis panduan yang sedia ada dan persetujuan mesyuarat di antara Bahagian dan PPN sebelum lokasi ditentukan.

Pembangunan dan pengurusan tukun tiruan akan ditambah baik dengan adanya 'Prosedur Operasi Standard: Dasar dan Garis Panduan Pembangunan dan Pengurusan Tukun Tiruan Jabatan Perikanan' yang akan dibentang di dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan Perikanan (MPJP) pada 28 Ogos 2023 dan akan diedarkan kepada negeri-negeri.

e. Status Pemantauan Keberkesanan Restorasi dan Peranti Pemuliharaan Sumber

i. Teras 2, Strategik 1 dan Tindakan 4: Pelan Strategik BTLPS 2021-2030 mensasarkan pada tahun 2020 sehingga tahun 2022 untuk menjalankan pemantauan keberkesanan restorasi dan peranti pemuliharaan sumber dengan sasaran tiga pemantauan.

ii. Semakan Audit mendapati **sehingga bulan Disember 2022, satu pemantauan (33%) dilaksanakan** iaitu Pemantauan Restorasi Karang Secara Tukun Cheese Blok (2022) seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PEMANTAUAN RESTORASI KARANG SECARA TUKUN CHEESE BLOK

LOKASI	OBJEKTIF	AKTIVITI	HASIL PEMANTAUAN
Pusat Taman Laut Pulau Redang, Terengganu	i. Untuk mengenal pasti spesies karang dan pengambilan di terumbu tiruan blok *Hydro-Cheese*. ii. Untuk menentukan spesies ikan di terumbu tiruan blok *Hydro-Cheese*. iii. Untuk mengenali invertebrata dan organisma epibentik di terumbu tiruan blok *Hydro-Cheese*.	Menghimpun data mengenai pengambilan karang, himpunan ikan dan spesies epibentik.	Terumbu tiruan berjaya menjadi substrat untuk pertumbuhan karang dan bentik yang tumbuh menjadi makanan ikan.

Sumber: Laporan Pemantauan Restorasi Karang Taman Laut Pulau Redang dan Pulau Layang Layang

iii. DoF tidak melaksanakan dua daripada tiga program pemantauan kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 hingga 2021 yang mana pihak Kerajaan membenarkan hanya aktiviti *essential* yang beroperasi.

iv. Program pemantauan yang tidak dilaksanakan berisiko menyebabkan:

- Kawasan yang telah rosak/merosot tidak dapat dibaik pulih.
- Keberkesanan restorasi tidak dapat diukur sama ada karang tumbuh membesar atau mati.
- Keberkesanan struktur/*frame* yang digunakan tidak dapat dinilai.

Maklum balas DoF yang diterima pada 3 Ogos 2023

Baki dua program pemantauan yang tidak dijalankan pada tahun 2020 dan 2021 akan dilaksanakan pada tahun 2024 bersekali dengan sasaran program tahun 2024.

Pendapat Audit

Secara keseluruhannya, program restorasi/rehabilitasi berdasarkan Pelan Strategik BTLPS 2021-2030 telah tercapai kecuali pemantauan keberkesanan restorasi dan peranti pemuliharaan sumber ekoran pelaksanaan PKP.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

5.1.2.1. Sumbangan Peratusan MPA Negara

a. Berdasarkan Teras 1, Strategi 1: Pelan Strategik BTLPS 2021-2030, sehingga bulan Disember 2022, DoF perlu membangunkan dan mengukuhkan rangkaian MPA pada kadar 5.8% daripada perairan negara berkeluasan 538,987km^2. Pada tahun 2030 pula, disasarkan 10% daripada keluasan perairan negara dilindungi sebagai MPA.

b. Mengikut laporan *The World Database on Protected Area* (WDPA) oleh *United Nation Environment Programme World Conservation Monitoring Centre* (UNEP-WCMC), sehingga tahun 2022 keluasan MPA di seluruh Malaysia (termasuk yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri) adalah 5.4% daripada keluasan perairan negara.

c. Semakan Audit mendapati setakat tahun 2022, pencapaian keluasan MPA yang diuruskan oleh DoF adalah 0.5% iaitu 2,769.12km^2 daripada keluasan perairan negara 538,987km^2. Perkara ini menunjukkan **pencapaian MPA di bawah DoF hanya menyumbang sebanyak 0.5% daripada keseluruhan MPA negara yang berjumlah 5.4%** seperti yang dilaporkan di WDPA.

Maklum balas DoF yang diterima pada 28 Ogos 2023

Cadangan pengezonan zon pantai sebagai lokasi MPA baharu melibatkan Zon 12 batu nautika dari garis pantai di kawasan Pantai Timur. Pewartaan kawasan ini dijangkakan akan menjadikan jumlah keseluruhan keluasan MPA negara sebanyak 49,441.62km^2 bersamaan 10.4%. Perkara ini akan dibincangkan di dalam bengkel pengemaskinian Pelan Strategik BTLPS yang akan diadakan pada bulan Oktober 2023.

Pendapat Audit


Sumbangan peratus pencapaian pewartaan MPA oleh DoF masih rendah dan memberi kesan kepada pencapaian ke arah usaha mewujudkan sekurang-kurangnya 10% MPA negara menjelang 2030.

5.1.2.2. Litupan Karang Hidup

a. Ekosistem litupan karang menyediakan habitat kepada kepelbagaian hidupan marin yang sangat tinggi dan menjadi kawasan perlindungan semula jadi bagi pelbagai spesis ikan berlindung. Pemulihan terumbu karang sekurang-kurangnya dapat mempertahankan kadar kemerosotan terumbu dan meningkatkan kadar litupan terumbu karang.

b. Litupan kesihatan terumbu karang ditentukan melalui kaedah pengukuran pada setiap saiz nubbin (benih karang) yang ditentukan dan direkodkan bagi mendapatkan litupan karang. Status kesihatan terumbu karang ditentukan melalui empat kategori litupan karang hidup seperti dalam **Rajah 8**.

RAJAH 8
KATEGORI STATUS KESIHATAN TERUMBU KARANG



Sumber: Jabatan Perikanan (DoF)

c. Berdasarkan Laporan Tahunan 2021 oleh *Reef Check* Malaysia dengan kerjasama bersama DoF, peningkatan terhadap litupan karang adalah digalakkan kerana ia adalah salah satu petunjuk kesihatan terumbu karang. Kadar penentuan litupan karang yang ideal adalah pada tahap baik ke atas kerana ia memberikan gambaran sebenar mengenai tahap kondisi kesihatan ekosistem biodiversiti marin yang perlu dikekalkan di perairan MPA berkaitan.

d. Mengikut Teras 2: Pelan Strategik BTLPS 2021-2030, DoF perlu memastikan litupan karang hidup di perairan MPA adalah pada kategori sederhana (26%-50%). Selain itu, DoF perlu membuat pemantauan dan penentuan tahap kesihatan ekosistem akuatik marin bertujuan:

   i. Pengkayaan dan pengekalan habitat/spesis marin melalui program survei, konservasi, restorasi dan rehabilitasi sumber serta program kesedaran awam dan penglibatan pemegang taruh.

   ii. Pengukuhan kawasan/perairan marin/akuatik yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim untuk menjaminkan keselamatan makanan dan kelestarian biodiversiti akuatik/marin dalam jangka panjang.

e. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya, **bagi tahun 2020 hingga 2022, litupan karang 14 MPA di lima negeri** adalah antara 26% hingga 50% iaitu pada **kategori sederhana yang ditetapkan.** Antara ancaman yang perlu diberi perhatian terhadap litupan karang adalah pukat hanyut, kesan kelunturan karang setempat, ancaman *Crown Of Thorns* (COTs), labuh sauh di beberapa lokasi dan kerosakan daripada ribut Pabuk. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
STATUS LITUPAN KARANG MPA BAGI TEMPOH TAHUN 2020 HINGGA 2022

BIL.	LOKASI	TAHUN			ANCAMAN/RISIKO TERHADAP LITUPAN KARANG
		2020	2021	2022	
a.	**Kedah**				
1.	Pulau Payar	Baik	Sederhana	Baik	Tiada kesan signifikan.
b.	**Johor**				
2.	Rawa	TB		Baik	Tiada kesan signifikan.
3.	Sibu	Baik	Sederhana	Baik	Pukat hanyut dan kesan kelunturan karang setempat.
4.	Pemanggil	Sederhana	Sederhana	Sederhana	Kesan kelunturan karang, pukat hanyut dan *teriops sponge* direkodkan.
5.	Aur	Sederhana	Sederhana	Sederhana	Ancaman COTs dan *teriops sponge* direkodkan. *Ghost net* dan kesan kelunturan karang setempat.
6.	Tinggi	Sederhana	Sederhana	Sederhana	Pukat hanyut dan kesan kelunturan karang setempat kesan sauh bot di beberapa lokasi dan *ghost net*.
c.	**Pahang**				
7.	Tioman	Baik	Baik	Baik	*Ghost net* dan COTs
d.	**Terengganu**				
8.	Perhentian	Sederhana	Sederhana	Sederhana	Kesan labuh sauh di beberapa lokasi. Kesan kerosakan daripada ribut Pabuk di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan kesan kelunturan karang, COTs dan *teriops sponge* dan *ghost net* direkodkan.
9.	Redang	Sederhana	Baik	Sederhana	
10.	Tenggol	Baik	Baik	Baik	
11.	Kapas	Sederhana	Sederhana	Sederhana	Kesan labuh sauh di beberapa lokasi.
e.	**WP Labuan**				
12.	Rusukan Besar	TB		Sederhana	Pemilihan lokasi transek (menyelam sepanjang jajaran 100 meter untuk pengiraan) yang baharu yang lebih bersesuaian bagi mewakili litupan terumbu karang.
13.	Rusukan Kecil			Baik	
14.	Kuraman			Baik	
Purata Litupan Karang		**Sederhana**	**Sederhana**	**Sederhana**	

Sumber: Dokumen dan Rekod Cawangan Konservasi, Ekosistem dan Biodiversiti (CKEB), DoF
Nota: Kurang Baik = 0%-25%, Sederhana = 26%-50%, Baik = 51%-75%, Sangat Baik = 76%-100%
TB - Tidak Berkaitan

f. Berdasarkan **Jadual 9**, analisis Audit mendapati MPA Pulau Tioman, Pahang dan Pulau Tenggol, Terengganu mencatatkan status litupan karang baik secara konsisten bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022. MPA Pulau Payar, Kedah dan Pulau Sibu, Johor juga menunjukkan trend status litupan karang yang konsisten kerana mencatatkan status litupan karang hidup sederhana bagi tahun 2021 manakala status litupan karang baik bagi tahun 2020 dan 2022.

g. Untuk memastikan litupan karang berada pada tahap sederhana, pemantauan kualiti air laut dilaksanakan sebagaimana yang dinyatakan dalam *Key Performance Index* (KPI) bagi program Kelestarian dan Kesihatan Sumber iaitu, DoF perlu mensasarkan pengekalan kualiti air laut pada tahap Indeks Kualiti Air Marin (IKAM) Kelas 1 di lokasi MPA. IKAM Kelas 1 sesuai untuk

kehidupan laut, terumbu karang, pemeliharaan, kawasan laut dilindungi dan taman laut. Pemantauan di lokasi MPA dilaksanakan oleh DoF melalui pengambilan sampel dan analisis air marin untuk pengesanan awal pencemaran. DoF dapat mengekalkan IKAM Kelas 1 dari tahun 2019 hingga 2022. Pengekalan pada tahap IKAM Kelas 1 dapat mengelakkan kemerosotan ekosistem marin terutamanya terumbu karang.

h. Walaupun sasaran yang ditetapkan DoF dalam Pelan Strategik pada tahap sederhana (26%-50%) telah tercapai sepenuhnya, namun sasaran tersebut adalah rendah jika dibandingkan dengan Laporan Tahunan 2021 oleh *Reef Check* Malaysia yang menyatakan kadar penentuan litupan karang yang ideal adalah pada tahap baik dan ke atas.

Maklum balas DoF yang diterima pada 28 Ogos 2023

DoF akan membuat semakan terhadap sasaran ini dalam Pelan Strategik dan KPI dengan cadangan seperti berikut:

i. 40% kawasan kategori 'Baik'.

ii. 60% kawasan kategori 'Sederhana'.

iii. Untuk sasaran kategori 'Baik', DoF akan melihat kepada kawasan pulau tidak berpenghuni dan kurang risiko ancaman ke atas karang manakala untuk sasaran kategori 'Sederhana' DoF akan melihat kepada pulau yang berpenghuni dan risiko ancaman yang lebih besar ke atas karang.

Pendapat Audit

Pengukuran tahap kesihatan litupan karang telah tercapai pada tahap sederhana sebagaimana yang ditetapkan dalam Pelan Strategik BTLPS 2021-2030.

5.2. Pengurusan Program

5.2.1. Peruntukan dan Perbelanjaan


5.2.1.1. Peruntukan Pembangunan

a. Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 54, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengawal perbelanjaan sesuatu program dan aktiviti atau projek yang diperuntukkan dalam Maksud Perbelanjaan Anggaran Belanjawan di bawah kawalannya supaya peruntukan tidak terlebih dibelanjakan.

b. Berdasarkan Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) dan Sistem MyProjek, DoF telah menerima peruntukan pembangunan di bawah RMKe-11 dan RMKe-12 berjumlah RM229.32 juta untuk projek/program berkaitan pengurusan MPA.

c. Semakan Audit mendapati, bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022, peruntukan yang diluluskan untuk projek/program berkaitan pengurusan MPA berjumlah RM73.64 juta dan sejumlah RM71.34 juta (96.9%) dibelanjakan seperti dalam **Rajah 9** dan butiran lanjut seperti dalam **Jadual 10**.

RAJAH 9
PERUNTUKAN PERBELANJAAN RMKE-11 DAN RMKE-12
BAGI TEMPOH 2019 HINGGA 2022 BERKAITAN MPA



Sumber: Sistem Pemantauan Projek II (SPPII), Sistem MyProjek dan Laporan Baki Peruntukan yang Diagihkan (ZRFM022)

JADUAL 10
KEDUDUKAN KEWANGAN PROJEK/PROGRAM PENGURUSAN TAMAN LAUT
DI BAWAH RMKe 11 DAN 12

RMKe	NAMA PROJEK/PROGRAM	TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
				(RM Juta)	(%)
11	Pentaksiran (Biodiversiti, Nilai Kesihatan) Sumber Marin	2019	0.61	0.61	99.9
		2020	1.61	1.61	99.9
	Perolehan Bot dan Pemerkasaan Konservasi Biodiversiti Marin	2019	7.05	7.05	99.9
		2020	12.42	10.74	86.5
	Peningkatan Kapasiti Infrastruktur dan Fasiliti Taman Laut	2019	7.20	7.12	98.9
		2020	3.16	3.02	95.7
	Transformasi Komprehensif dalam Melestarikan Biodiversiti Marin	2019	0.77	0.73	94.3
		2020	1.05	1.05	99.9
	Penubuhan dan Pewartaan Kawasan Taman Laut Baharu dan Mengukuhkan Sosio Ekonomi Komuniti	2019	0.50	0.50	99.9
		2020	0.70	0.70	99.9
	Restorasi dan Rehabilitasi Kawasan yang Mengalami Degradasi dan Spesies yang Berisiko Terancam	2019	0.22	0.22	99.7
		2020	0.35	0.35	99.7
	Projek Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Perikanan Mapan	2019	6.00	5.90	98.3
		2020	5.90	5.90	99.9
JUMLAH			**47.54**	**45.50**	**95.7**

RMKe	NAMA PROJEK/PROGRAM	TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
				(RM Juta)	(%)
12	Peningkatan Kapasiti Infrastruktur dan Fasiliti Taman Laut	2021	2.29	2.29	99.9
		2022	3.21	3.21	99.9
	Pengukuhan Sumber Perikanan Negara	2021	2.60	2.51	96.3
		2022	2.35	2.33	99.2
	Kelestarian dan Kesihatan Sumber	2021	4.00	3.99	99.7
		2022	6.50	6.40	98.4
	Pembangunan dan Naiktaraf Fasiliti Pengurusan Sumber, Pusat Taman Laut dan Stesen Konservasi	2021	0.91	0.88	96.9
		2022	4.24	4.23	99.7
JUMLAH			**26.10**	**25.84**	**99.0**
JUMLAH KESELURUHAN			**73.64**	**71.34**	**96.9**

Sumber: Sistem Pemantauan Projek II (SPPII), Sistem MyProjek dan Laporan Baki Peruntukan yang Diagihkan (ZRFM022)


Pendapat Audit

Kedudukan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2019 hingga 2022 adalah baik dengan peratusan perbelanjaan keseluruhan antara 86.5% hingga 99.9%.

5.2.1.2. Peruntukan Mengurus

a. Peruntukan mengurus untuk MPA adalah di bawah program/aktiviti taman laut. Berdasarkan Laporan Kedudukan Vot Bekalan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022, sejumlah RM4.89 juta diterima dan sejumlah RM4.04 juta (82.6%) telah dibelanjakan. Analisis Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 prestasi perbelanjaan adalah antara 64.7% hingga 97.9%. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS TAMAN LAUT IBU PEJABAT DoF BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022



Sumber: Laporan Kedudukan Vot Bekalan Akauntan Negara

b. Prestasi perbelanjaan yang rendah pada tahun 2020 dan 2021 adalah disebabkan oleh pelaksanaan PKP akibat daripada penularan wabak Covid-19. Banyak program/aktiviti tidak dapat dilaksanakan termasuk penutupan beberapa pusat taman laut.

Pendapat Audit

Kedudukan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2019 sehingga 2022 adalah baik kecuali bagi tahun 2020 dan 2021 disebabkan pelaksanaan PKP.

5.2.1.3. Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut

a. Pengurusan MPA kategori Taman Laut turut dibiayai melalui Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut (KWATLRL) di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Perakaunan terimaan dan perbelanjaan KWATLRL ditadbir melalui Surat Ikatan Amanah. KWATLRL ditubuhkan pada 15 Oktober 1987 dengan suntikan dana permulaan oleh Kerajaan berjumlah RM10 juta.

b. KWATLRL menerima dan mengakaunkan sebarang bentuk sumbangan dan tajaan, hasil jualan, perniagaan dan kutipan termasuk caj dan perkhidmatan berkaitan Taman Laut dan Rizab Laut. Pembayaran pula adalah berkaitan dengan segala aktiviti-aktiviti pengurusan, penyeliaan penyelidikan, penyenggaraan dan pembaikan, perolehan serta pembangunan dan pentadbiran Taman Laut dan Rizab Laut.

c. Berdasarkan Penyata Terimaan dan Bayaran KWATLRL sehingga 31 Disember 2022, baki KWATLRL adalah berjumlah RM14.11 juta. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022, jumlah terimaan dan perbelanjaan KWATLRL masing-masing adalah berjumlah RM13.19 juta dan RM15.42 juta.

d. Analisis Audit terhadap KWATLRL bagi tempoh tersebut, mendapati penurunan terimaan hasil bagi tahun 2020 dan 2021 masing-masing berjumlah RM4.94 juta (66.5%) dan RM2.05 juta (82.3%). Antara faktor penurunan dan kekurangan terimaan hasil pada kedua-dua tahun tersebut adalah kerana pelaksanaan PKP dan Kerajaan Negeri Kedah telah menghadkan seramai 100 orang pengunjung sahaja masuk ke Pulau Payar, Kedah dalam tempoh seminggu bermula 23 Jun 2021. Terimaan hasil telah meningkat pada tahun 2022 berjumlah RM2.39 juta (543.2%) kerana PKP tidak lagi dilaksanakan. Bagaimanapun, terimaan pada tahun 2022 masih lagi rendah

berbanding tahun 2019 kerana sektor pelancongan baru dibuka dan dalam fasa pemulihan pasca Covid-19.

e. Analisis Audit terhadap perbelanjaan KWATLRL mendapati perbelanjaan meningkat pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 sebanyak RM3.08 juta (143.9%). Peningkatan ini disebabkan perbelanjaan Pembangunan dan Pentadbiran Taman Laut dan Rizab Laut yang meningkat dari tahun sebelum iaitu berjumlah RM3.35 juta. Pada tahun 2021 dan 2022, perbelanjaan telah menurun masing-masing berjumlah RM0.23 juta (4%) dan RM1.92 juta (38.5%) kerana perbelanjaan bagi Pembangunan dan Pentadbiran Taman Laut dan Rizab Laut menurun dan tiada perbelanjaan penyenggaraan dan pembaikan pada tahun 2021.

f. Kedudukan KWATLRL serta trend terimaan dan perbelanjaan KWATLRL bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 11.**

JADUAL 11
TERIMAAN DAN PERBELANJAAN KWATLRL BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	BAKI AWAL TAHUN (RM Juta) (a)	TERIMAAN (RM Juta) (b)	(PENURUNAN)/ PENINGKATAN TERIMAAN		PERBELANJAAN (RM Juta) (c)	(PENURUNAN)/ PENINGKATAN PERBELANJAAN		BAKI AKHIR TAHUN (RM Juta) (d)=[(a)+(b)] -(c)
			RM JUTA	%		RM JUTA	%	
2019	16.34	7.43	-	-	2.14	-	-	21.63
2020	21.63	2.49	(4.94)	(66.5)	5.22	3.08	143.9	18.90
2021	18.90	0.44	(2.05)	(82.3)	4.99	(0.23)	(4)	14.35
2022	14.35	2.83	2.39	543.2	3.07	(1.92)	(38.5)	14.11
JUMLAH		**13.19**			**15.42**			

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran KWATLRL

Maklum balas DoF yang diterima pada 21 Jun dan 13 Julai 2023

Penurunan terimaan hasil bagi tahun 2020 dan 2021 adalah berpunca daripada PKP akibat penularan wabak Covid-19. Sekatan kemasukan pelancong asing juga memberi kesan ke atas kutipan tiket fi berdasarkan kadar fi yang lebih tinggi dikenakan ke atas kumpulan ini berbanding pelancong tempatan.

Pada tahun 2022, sektor pelancongan mula dibuka pada bulan April 2022. Bagaimanapun, sempadan antarabangsa masih belum dibuka sepenuhnya serta kesan pemulihan Covid-19 iaitu dari aspek keraguan keselamatan, kemampuan ekonomi dan lain-lain mempengaruhi kemasukan pelawat taman laut.

Pendapat Audit

Kedudukan perbelanjaan dan terimaan KWATLRL sehingga tahun 2022 adalah baik dan selaras dengan Surat Ikatan Amanah bagi KWATLRL.

5.2.2. Kutipan Hasil Taman Laut

a. Mengikut AP53, Pegawai Pengawal bertanggungjawab melaksanakan kewajipan kewangan Jabatan dengan sempurna antaranya bertanggungjawab memungut dengan sewajarnya segala Wang Awam yang patut diterima oleh atau di bawah arahan mereka.

b. Berdasarkan Surat Ikatan Amanah KWATLRL subperenggan 1.2, Kumpulan Wang Amanah bertujuan untuk menerima dan mengakaunkan sebarang bentuk hasil jualan, perniagaan dan kutipan termasuk caj dan perkhidmatan berkaitan Taman laut dan Rizab Laut.

5.2.2.1. Fi Aktiviti Selam Skuba Taman Laut Tidak Dikutip

a. Mengikut Subperenggan 3 (2) Akta Fi 1951 (Perintah Fi (Taman Laut Malaysia) 2017) berkuat kuasa pada 3 Januari 2017, fi dikenakan oleh Ketua Pengarah bagi aktiviti selam skuba mengikut kadar RM150 sebulan bagi setiap pengusaha seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dalam Akta. Perenggan 5 Akta yang sama menyatakan, Ketua Pengarah boleh menurut budi bicaranya dalam mana-mana hal tertentu, meremitkan (mengecualikan) keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana fi yang ditetapkan di bawah perintah ini.

b. Berdasarkan Perenggan 3.5, Garis Panduan Kutipan Fi Taman Laut Tahun 2020, Operator Selam Skuba yang beroperasi di perairan Taman Laut adalah dikehendaki untuk dikenakan caj sebanyak RM150/bulan mengikut bulan kalendar.

c. Semakan Audit mendapati **DoF tidak mengenakan fi aktiviti selam skuba di Taman Laut Johor, Pahang dan Terengganu (Pulau Perhentian) dari bulan Januari 2019 sehingga Disember 2022. Bagi Taman Laut Terengganu (Pulau Redang) pula, DoF tidak mengenakan fi aktiviti selam skuba dari bulan Januari 2019 hingga April 2022**.

d. Selain itu, **sebanyak 40 buku tiket fi aktiviti selam skuba taman laut yang diterima daripada Ibu Pejabat DoF masing-masing pada 30 Ogos 2018 dan 2 September 2018 didapati masih belum digunakan/dikeluarkan, menunjukkan tiada fi dikenakan untuk aktiviti tersebut**. Ringkasan maklumat seperti dalam **Rajah 10.**

RAJAH 10
FI AKTIVITI SELAM SKUBA TIDAK DIKUTIP BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022 DI JOHOR, PAHANG DAN TERENGGANU



Sumber: Daftar Borang Hasil (Kew.67)

e. Semakan Audit selanjutnya mendapati, **tiada bukti peremitan (pengecualian) sebahagian atau sepenuhnya fi aktiviti selam skuba oleh Ketua Pengarah kepada pengusaha selam skuba.** Berdasarkan temubual bersama Pegawai Perikanan Cawangan Mersing Johor, Rompin Pahang, Besut dan Kuala Terengganu, masing-masing pada 27 Februari 2023 dan 1, 13 dan 16 Mac 2023 dimaklumkan kutipan fi tersebut tidak dikutip semenjak Akta Fi 1951 berkuat kuasa pada 3 Januari 2017. Dimaklumkan juga, fi aktiviti selam skuba tidak dikutip kerana DoF masih menjalankan konsultasi bersama pengusaha pelancongan, nelayan dan pelawat taman laut.

f. Pihak Audit telah membuat pengiraan fi aktiviti selam skuba yang sepatutnya dikutip daripada pengusaha selam skuba yang aktif beroperasi pada tahun 2019 hingga 2022. Bilangan pengusaha selam skuba yang aktif beroperasi pada tahun 2019 di perairan taman laut di bawah kawalan Cawangan Mersing Johor, Rompin Pahang, Besut dan Kuala Terengganu diambil kira berdasarkan buku Kompendium BTLPS Tahun 2017-2019. Bagi tahun 2020 hingga 2022 bilangan pengusaha adalah berdasarkan data pengusaha Selam Skuba Cawangan Mersing Johor, Rompin Pahang, Besut dan Kuala Terengganu.

g. Mengikut pengiraan Audit, jumlah keseluruhan **fi aktiviti selam skuba yang tidak dikutip** di Taman Laut Johor, Pahang, Pulau Perhentian dan Pulau Redang bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 **berjumlah RM493,800.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 12.**

JADUAL 12
FI AKTIVITI SELAM SKUBA TIDAK DIKUTIP
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	BILANGAN PENGUSAHA (a)	BILANGAN BULAN TIDAK DIKUTIP (b)	KADAR FI/BULAN (RM) (c)	JUMLAH TIDAK DIKUTIP (RM) (a) x (b) x (c)
Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Johor				
2019	5	12	150	9,000
2020	7			12,600
2021	7			12,600
2022	7			12,600
JUMLAH (d)				**46,800**
Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Pahang				
2019	22	12	150	39,600
2020	33			59,400
2021	33			59,400
2022	33			59,400
JUMLAH (e)				**217,800**
Cawangan Taman Laut Dan Pengurusan Sumber,Besut				
2019	21	12	150	37,800
2020	24			43,200
2021	24			43,200
2022	24			43,200
JUMLAH (f)				**167,400**
Cawangan Taman Laut Dan Pengurusan Sumber, Kuala Terengganu				
2019	11	12	150	19,800
2020	10			18,000
2021	10			18,000
2022	10	4		6,000
JUMLAH (g)				**61,800**
JUMLAH KESELURUHAN (d + e + f + g)				**493,800**

Sumber: Pengiraan JAN, Kompendium Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber 2017-2019, Data Pengusaha Selam Skuba Tahun 2020-2022 Cawangan Johor, Pahang, Besut dan Kuala Terengganu, Penyata Terimaan Bayaran Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut

Maklum balas DoF yang diterima pada 21 Jun, 3 dan 28 Ogos 2023

Pada tahun 2019 DoF telah mengadakan sesi libat urus bersama pengusaha selam skuba untuk memaklumkan keperluan membayar fi selam skuba. Kutipan fi dirancang dilaksanakan pada tahun 2020. Bagaimanapun disebabkan oleh PKP pada bulan Mac 2020 sehingga tahun 2021 pelaksanaan kutipan fi selam skuba terpaksa ditangguhkan.

DoF memandang serius isu ini dan akan menambah baik kelemahan sistem kutipan sedia ada dengan menambah baik *Standard Operating Procedure* (SOP) dan mempergiatkan program libat urus dan pemerkasaan pemantauan kutipan fi ini.

PPN Terengganu

Lima program libat urus telah diadakan dari tahun 2019 hingga 2023.

PPN Pahang

Empat program libat urus telah diadakan pada 2022 hingga 2023.


PPN Johor

Satu program libat urus telah diadakan bersama pemain industri termasuk pengusaha selam skuba di sekitar Mersing pada 15 Jun 2023 dengan kerjasama Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Pahang.

5.2.2.2. Fi Pelawat Taman Laut Tidak Dikutip

Mengikut SubSeksyen 3 (1) Akta Fi 1951 (Perintah Fi (Taman Laut Malaysia) 2017), fi hendaklah dikenakan oleh Ketua Pengarah untuk kemasukan ke mana-mana taman laut Malaysia berkenaan mengikut kadar dan kategori pelawat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta seperti dalam **Rajah 11**.

RAJAH 11
KATEGORI PELAWAT DAN KADAR FI



Sumber: SubSeksyen 3 (1) Akta Fi 1951 (Perintah Fi (Taman Laut Malaysia) 2017) (Jadual Pertama)

a. Pelawat Masuk ke Taman Laut Pulau Tioman Melalui Lapangan Terbang Tioman

i. Kutipan fi pelawat Taman Laut Pulau Tioman melibatkan tiga lokasi iaitu melalui Lapangan Terbang Tioman, Kapal *Live On Board* (LOB) dan

Terminal Jeti Teluk Gading, Pahang. Lapangan Terbang Tioman mula beroperasi pada 1 Mei 2022.

ii. Pihak Audit telah membuat semakan terhadap fi yang sepatutnya dikenakan bagi tempoh bulan Mei 2022 hingga Februari 2023 berdasarkan data penumpang syarikat penerbangan 1255370-P. Semakan Audit mendapati seramai **1,265 pelawat Taman Laut Pulau Tioman yang masuk melalui Lapangan Terbang Pulau Tioman tidak dikenakan fi.** Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat membuat pengiraan fi yang dikenakan kerana tidak dapat menentukan sama ada penumpang yang menaiki kapal terbang adalah pekerja di pulau, penduduk setempat atau pelawat yang mengunjungi Pulau Tioman.

iii. Temu bual pihak Audit bersama Pegawai Perikanan Cawangan Rompin Pahang pada 1 Mac 2023 dimaklumkan kutipan tidak dibuat pada setiap hari Jumaat dan Sabtu kerana waktu ketibaan pelawat yang bertindih dengan waktu ketibaan pelawat yang melalui Kapal LOB. Pihak DoF yang terlibat dengan kutipan fi akan memberi keutamaan untuk mengenakan caj kutipan fi pelawat yang melalui Kapal LOB kerana bilangan pelawat yang lebih ramai. Perkara ini berlaku disebabkan cawangan kekurangan staf apabila terdapat lapan kekosongan jawatan yang tidak diisi pada tahun 2022 dan tiga Pembantu Laut Gred A19 telah dipinjamkan ke PPN Melaka mulai 9 Januari 2023.

Maklum balas DoF yang diterima pada 21 Jun 2023

Penggunaan iPayment - DoF telah menerima pelantikan sebagai agensi rintis bagi projek *iPayment* melalui surat bertarikh 6 Januari 2022. Jabatan ini telah dimaklumkan berkaitan kelewatan untuk *Go Live* Fasa 1 *iPayment* dijadualkan pada 15 Mei 2023 ke satu tarikh yang akan ditentukan oleh pihak pengurusan Jabatan Akauntan Negara Malaysia berdasarkan emel 14 Jun 2023.

b. Pelawat Masuk ke Taman Laut Johor dan Terengganu Melalui Jeti Persendirian


i. Lawatan fizikal Audit pada 28 Februari dan 14 Mac 2023 mendapati lapan jeti persendirian di Sungai Mersing Johor dan 16 jeti persendirian di Sungai Merang Terengganu yang terlibat dengan perkhidmatan bot membawa pelawat ke Taman Laut Johor dan Terengganu seperti dalam **Rajah 12** dan **Rajah 13**.

RAJAH 12
LOKASI LAPAN JETI PERSENDIRIAN DI SEPANJANG SUNGAI MERSING



Sumber: Cerapan Imej daripada Agensi Angkasa Malaysia

RAJAH 13
LOKASI 16 JETI PERSENDIRIAN DI SEPANJANG SUNGAI MERANG



Sumber: Cerapan Imej daripada Agensi Angkasa Malaysia

ii. Berdasarkan data daripada pengusaha perkhidmatan bot di Merang Terengganu, pada tahun 2022, seramai 94,718 pelawat masuk Ke Taman Laut Terengganu melalui jeti persendirian di Sungai Merang. Semakan Audit mendapati **pelawat yang masuk ke Taman Laut Terengganu melalui jeti persendirian tersebut tidak dikenakan fi pelawat taman laut.** Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat membuat pengiraan jumlah fi yang sepatutnya dikenakan kerana data tersebut tiada pecahan kategori pemegang MyKad dan bukan pemegang MyKad. Bagi maklumat pengusaha perkhidmatan bot di jeti persendirian di Mersing Johor, tiada data mengenai jumlah pelawat yang masuk ke Taman Laut Johor melalui jeti persendirian.

iii. Semakan Audit mendapati tiada kaunter kutipan fi di Taman Laut Johor dan Terengganu serta kekurangan kakitangan untuk menguruskan kutipan tersebut.

iv. Melalui Kertas Makluman/Pertimbangan Cadangan Penetapan Pintu Masuk Khusus Ke Taman Laut semasa Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Taman Laut Dan Rizab Laut Bilangan 1/2022 pada 6 Oktober 2022, pihak DoF mencadangkan penetapan pintu masuk khusus ke taman laut. Mesyuarat mengesyorkan cadangan penetapan pintu masuk khusus ke taman laut perlu diperhalusi dari segi kaedah pelaksanaan dan penguatkuasaan.

Maklum balas DoF yang diterima pada 7 Julai dan 28 Ogos 2023

DoF akan mengemaskini SOP Kutipan fi bagi membolehkan kutipan fi dilaksanakan dengan sebaiknya. DoF juga akan membuat hebahan kepentingan setiap pelawat atau pengusaha yang menjalankan akiviti di perairan taman laut perlu mendapatkan kebenaran dan membayar fi yang telah ditetapkan.

Cawangan Kuala Terengganu

Pejabat ini telah mengambil inisiatif untuk membuat kutipan fi di Pusat Taman Laut Pulau Redang bermula pada 6 Mac 2023.

Cawangan Mersing Johor


DoF Johor telah memaklumkan kepada pengusaha bot pelancong untuk membuat bayaran fi taman laut di kaunter Mersing Habour Centre. Bilangan pelancong tersebut turut direkod bersama di dalam hasil kutipan.

c. Fi Pelawat Taman Laut Pulau Kapas

i. Pulau Kapas ditubuhkan sebagai Taman Laut berkuatkuasa 15 Disember 1994 berdasarkan Jadual Kedua Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia 1994. Jeti Marang siap dibina pada tahun 2021 oleh Majlis Daerah Marang (MDM) merupakan pintu masuk utama ke Taman Laut Pulau Kapas.

ii. Semakan Audit terhadap data pelawat daripada MDM, seramai 96,146 pelawat pemegang MyKad masuk ke Taman Laut Pulau Kapas melalui jeti Marang pada tahun 2021 dan 2022. Bagaimanapun, pihak DoF didapati **tidak mengenakan kutipan fi kepada pelawat Taman Laut Pulau Kapas** sebagaimana yang ditetapkan. Perkara ini berlaku kerana DoF tidak mempunyai kaunter tiket di jeti Marang walaupun rundingan dengan pihak MDM telah dibuat sejak tahun 2021. Kronologi permohonan kaunter kutipan fi Taman Laut Pulau Kapas di jeti Marang adalah seperti dalam **Rajah 14**.

RAJAH 14
KRONOLOGI PERMOHONAN KAUNTER KUTIPAN FI TAMAN LAUT PULAU KAPAS DI JETI PELANCONGAN MARANG



Sumber: Kronologi Permohonan Kutipan Fi Pemuliharaan Taman Laut Pulau Kapas di Jeti Pelancongan Marang, DoF

iii. Pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah sebenar fi tidak dikutip bagi 96,146 pelawat Taman Laut Pulau Kapas tahun 2022 kerana tiada pecahan kategori pelawat iaitu dewasa, kanak-kanak, warga emas dan Orang Kelainan Upaya pada data tersebut.

iv. Kelemahan dalam pengurusan hasil KWATLRL menyebabkan hasil tidak dikutip sewajarnya dan menjejaskan objektif bagi menyokong serta menampung keperluan bajet pembangunan DoF sedia ada dan akan datang, sekiranya tidak mencukupi.

Maklum balas DoF yang diterima pada 21 Jun 2023

Bermula 1 Jun 2023, Cawangan Konservasi Dan Perlindungan Perikanan Terengganu telah melaksanakan kutipan fi di Jeti Marang setelah beberapa siri libat urus bersama pengusaha dan sesi perbincangan bersama pihak MDM dibuat.

Pendapat Audit | **Pengurusan kutipan fi kurang memuaskan kerana fi aktiviti selam skuba berjumlah RM493,800 dan fi pelawat taman laut tidak dikutip sewajarnya.**

5.2.3. Pengurusan Melabuhkan Tukun

a. Objektif program tukun tiruan adalah untuk dijadikan habitat bagi menggalakkan pertumbuhan dan peningkatan sumber lautan seperti ikan, terumbu karang dan lain-lain organisma yang terdapat di dalam habitat tersebut. Perairan Tanjung Tuan, Negeri Sembilan adalah antara lokasi yang ditetapkan untuk program melabuhkan tukun dalam RMKe-11.

b. Mengikut laporan yang disediakan oleh Universiti Malaysia Terengganu dan *Marine Fishery Resources Development And Management Department*, hasil kajian yang dilaksanakan pada 2019 mencadangkan lokasi mengikut latitude dan longitude untuk tukun dilabuhkan di Perairan Tanjung Tuan, Port Dickson.

c. Semakan Audit terhadap surat kontraktor kepada PPN Negeri Sembilan bertarikh 7 November 2019 mendapati semasa kerja melabuhkan tukun pada 22 Oktober 2019 di kawasan Blue Lagoon, **kontraktor tidak melabuhkan 11 daripada 25 tukun mengikut koordinat yang telah ditetapkan kerana faktor cuaca kurang baik.** Selanjutnya **tujuh daripada 11 tukun yang dilabuhkan tidak dijumpai di dasar laut** semasa proses verifikasi dilakukan pada 26 Oktober dan 6 November 2019.

d. Semakan lanjut Audit mendapati **tiada SOP yang disediakan sebagai rujukan pelaksanaan program melabuhkan tukun.** Tiada kaedah yang boleh dirujuk oleh pegawai bertugas sekiranya terdapat masalah cuaca semasa melabuh tukun dan kaedah mengukur keberhasilan terhadap tukun yang tersasar dari koordinat yang dicadangkan.

e. Setakat bulan Mac 2023, DoF sedang menyediakan kertas kerja SOP Program Tukun Tiruan untuk kelulusan pihak pengurusan tertinggi DoF. Wujud risiko manfaat program melabuhkan tukun tidak dapat dicapai sepenuhnya.

Maklum balas DoF yang diterima pada 7 Julai dan 28 Ogos 2023

Jabatan merujuk kepada *London Convention and protocol/United Nation Environment Program Guidelines for Placement of Artificial Reef* (2009).

Satu survei verifikasi tukun tiruan Port Dickson, Negeri Sembilan telah diadakan pada 21 Julai 2023. Hasil survei dengan menggunakan peralatan sonar Garmin telah menemui tujuh unit tukun tiruan tersebut yang telah berada di dasar laut pada kedalaman antara 18m hingga 30.5m.

Cadangan penambahbaikan kepada permasalahan ini adalah untuk menggunakan reka bentuk tukun tiruan yang bersaiz lebih besar dan sesuai untuk perairan dasar lembut, melabuhkan tukun semasa cuaca yang baik serta lokasi tukun perlu pada kedalaman antara 15m hingga 20m.

Pembangunan dan pengurusan tukun tiruan akan ditambah baik dengan adanya 'Prosedur Operasi Standard: Dasar dan Garis Panduan Pembangunan dan Pengurusan Tukun Tiruan Jabatan Perikanan' yang akan dibentang di dalam MPJP pada 28 Ogos 2023 ini dan akan diedarkan kepada negeri-negeri.

Pendapat Audit

Pengurusan program melabuhkan tukun tidak memuaskan. Tujuh tukun yang dilabuhkan pada 22 Oktober 2019 tidak dijumpai semasa proses verifikasi dan hanya dijumpai semula pada 21 Julai 2023 iaitu selepas tempoh pengauditan.

5.2.4. Pelaksanaan Projek

Bagi mempertingkatkan keupayaan dalam mengurus dan mentadbir keseluruhan perairan taman laut, DoF melalui peruntukan pembangunan RMKe-11 di bawah Projek Peningkatan Kapasiti Infrastruktur dan Fasiliti Taman Laut melaksanakan pembangunan dan menaik taraf fasiliti serta kemudahan taman laut.

5.2.4.1. Pangkalan Hadapan Siap Tidak Boleh Digunakan

a. Objektif projek pembangunan pejabat taman laut dalam Kertas Brief Projek RMKe-11 adalah:

   i. Keselamatan aset Jabatan dapat ditingkatkan.

   ii. Menyelesaikan isu perkongsian jeti bersama agensi.

   iii. Meningkatkan imej penguatkuasaan Jabatan dan Kementerian.

   iv. Mengelakkan kebocoran maklumat operasi.

b. Proses perancangan, tender dan pelaksanaan projek pembangunan pejabat taman laut pada awalnya telah diuruskan oleh Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) di bawah Kementerian Sumber Asli (NRE). Pada tahun 2018, JTLM dipindahkan ke Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Pada tahun 2019, pelaksanaan projek diuruskan oleh DoF kerana penstrukturan semula JTLM menjadi Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber.

c. Dua projek iaitu Projek Pembangunan Pejabat Taman Laut di Kampung Kelunchor, Kedah dan Projek Pembangunan Pejabat Taman Laut Tanjung Gemok, Pahang telah siap dan memperoleh Sijil Perakuan Siap Kerja masing-masing pada 25 Oktober 2020 dan 31 Oktober 2020. Pembangunan projek ini dilaksanakan oleh agensi teknikal iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

d. Salah satu skop pembangunan projek Pembangunan Pejabat Taman Laut ini adalah pangkalan hadapan yang melibatkan skop pembinaan jeti/lagun, *slipway* dan kemudahan bengkel pembaikan bot. Pangkalan hadapan dibina berdekatan dengan sungai/muara dan penting bagi tujuan pergerakan keluar masuk bot DoF untuk menjalankan tugas penguatkuasaan dan keselamatan aset.

e. Semakan Audit mendapati **pangkalan hadapan yang telah siap dibina pada tahun 2020 bernilai RM1.04 juta tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana kedalaman kawasan lagun/jeti tidak sesuai untuk pergerakan keluar masuk bot penguatkuasaan DoF.**

f. Lawatan fizikal Audit telah dijalankan pada 3 November 2022 di Projek Pembangunan Pejabat Negeri dan Pangkalan bagi Cawangan Taman Laut Kampung Kelunchor (Kedah) dan Tanjung Gemok (Pahang) pada 2 Mac 2023. Pihak Audit mendapati **pangkalan hadapan tidak dapat digunakan sepenuhnya antara 795 hari (26 bulan) hingga 878 hari (29 bulan) dari tarikh serahan projek kepada DoF.** Maklumat mengenai tempoh masa projek disiapkan dan kos pangkalan hadapan yang tidak dapat digunakan serta keadaan pangkalan hadapan seperti dalam **Jadual 13** dan **Gambar 6** hingga **Gambar 9**.

JADUAL 13
TEMPOH MASA DAN KOS SKOP PANGKALAN HADAPAN YANG TIDAK DAPAT DIGUNAKAN SEHINGGA BULAN MAC 2023

TARIKH SIAP ASAL (Kontrak)	TARIKH SIAP SEBENAR	TARIKH SERAHAN PROJEK KEPADA PEMILIK	TEMPOH MASA TIDAK DAPAT DIGUNAKAN (Hari/Bulan)	KOS (RM Juta)
Pejabat dan Pangkalan Hadapan Kampung Kelunchor, Kedah				
10.09.2019	25.10.2020	03.11.2020	878 (29 bulan)	0.22
Pejabat dan Pangkalan Hadapan Tanjung Gemok, Rompin Pahang				
02.01.2019	31.10.2020	25.01.2021 (melalui surat) Tanpa CCC	795 (26 Bulan)	0.82
JUMLAH				**1.04**

Sumber: JPS
Nota : CCC - *Certificate of Completion And Compliance*

GAMBAR 6



Pangkalan Hadapan Cawangan Taman Laut Kampung Kelunchor, Kedah
- Masalah Air Cetek di Jeti/Marina Menyebabkan Bot Tidak Dapat Berlabuh
(03.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7



Pangkalan Hadapan Cawangan Taman Laut Kampung Kelunchor, Kedah
- Masalah Air Cetek di Jeti/Marina Menyebabkan Bot Tidak Dapat Berlabuh
(03.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Pangkalan Hadapan Cawangan Taman Laut Tanjung Gemok, Pahang
- Kedalaman di Jeti/Marina Yang Cetek Tidak Sesuai untuk Pergerakan Keluar Masuk Bot
(01.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



Pangkalan Hadapan Cawangan Taman Laut Tanjung Gemok, Pahang
- Masalah Air Cetek di Jeti/Marina Menyebabkan Bot Sukar Masuk ke Kawasan Pangkalan
(01.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

g. Perkara ini berlaku kerana kelemahan perancangan sebelum projek dilaksanakan iaitu tidak mengambil kira keperluan kajian hidraulik. Kajian hidraulik digunakan untuk mengenalpasti dan menganalisis kadar pemendapan lumpur di kawasan jeti yang boleh mempengaruhi kedalaman air semasa keadaan pasang surut.

h. Semakan Audit selanjutnya mendapati JTLM telah memaklumkan kepada Setiausaha Bahagian Pembangunan NRE melalui surat bertarikh 4 Oktober 2016 mengenai cadangan reka bentuk yang dimuktamadkan untuk dua projek tersebut dalam Mesyuarat Penyelarasan Konsep Projek Pembangunan Pejabat Negeri dan Pangkalan JTLM Bilangan 3/2016. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JTLM pada 28 September 2016. JTLM juga menyatakan anggaran asal projek dibuat tanpa kajian teknikal seperti *Soil Investigation, Hydraulic Study,* serta Penentuan Sempadan yang hanya dilaksanakan selepas peruntukan RMKe-11 diluluskan.

i. Merujuk Minit Mesyuarat Teknikal Bilangan 1/2020 bertarikh 7 Januari 2020, cadangan untuk melaksanakan kajian hidraulik dengan kos sebanyak RM264,000 telah dibangkitkan dalam satu mesyuarat konsep reka bentuk pada tahun 2016 oleh perunding arkitek. Bagaimanapun, perkara ini tidak dipersetujui oleh pihak JTLM memandangkan kos kajian hidraulik ini besar dan kekangan peruntukan.

j. Merujuk kepada Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) projek Pembinaan Taman Laut Kampung Kelunchor dan Tanjung Gemok oleh Jawatankuasa Kelulusan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada tahun 2017, terdapat ulasan berkaitan pemendapan yang dibangkitkan oleh pihak JPS, Pejabat Laut Kedah dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
ULASAN JABATAN TERHADAP PERMOHONAN KM BAGI PROJEK PEMBANGUNAN PEJABAT TAMAN LAUT KAMPUNG KELUNCHOR DAN TANJUNG GEMOK


TARIKH KELULUSAN KM	JABATAN	ULASAN
Pembinaan Pejabat Taman Laut Kampung Kelunchor, Kedah		
17.01.2017 (Jawatankuasa Perundingan Teknikal JPN Kedah Bilangan 1/2017)	Jurutera Daerah Kota Setar (JPS)	Kedudukan tapak projek terletak di Liku Sungai Kedah dan bersebelahan muara Alor Kelonchor/Lencongan Sungai Baru di bawah Tebatan Banjir Sungai Kedah/Sungai Anak Bukit. Tapak projek berkemungkinan menghadapi masalah hakisan kaut (scouring) atau pemendapan yang tinggi.
	Pejabat Laut Kedah	Binaan di kawasan perlu diselaraskan mengikut aliran arus sungai. Ini adalah untuk mengelak daripada berlakunya pemendapan (deposition) di kawasan lain.
	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah	Perlu merujuk kepada JPS untuk mendapatkan ulasan berkaitan Pembangunan Berhadapan Sungai.
Pembinaan Pejabat Taman Laut Tanjung Gemok, Pahang		
01.08.2017 (Majlis Daerah Rompin)	JPS	Tiada halangan dengan syarat-syarat Jabatan.

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)

k. Berdasarkan cerapan imej, kedudukan pangkalan hadapan Tanjung Gemok (Pahang) yang dibina, tidak selari dengan penghujung jeti persendirian, jeti kastam, jeti penumpang Tanjung Gemok dan Jeti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang menjejaskan fungsi penggunaan jeti.

Kedudukan jeti Cawangan Taman Laut Tanjung Gemok (Pahang) adalah seperti dalam **Rajah 15**.

RAJAH 15
KEDUDUKAN JETI CAWANGAN TAMAN LAUT TANJUNG GEMOK PAHANG BERBANDING JETI BERHAMPIRAN



Sumber: Cerapan oleh MYSA


Nota : - - - Unjuran Garisan Penghujung Jeti di Kawasan Berdekatan

l. Berdasarkan maklumbalas JPS, kedudukan jeti tidak selari disebabkan isu pertindihan sempadan di antara JTLM dan Polis Marin seperti dalam surat JTLM kepada pentadbir tanah Rompin bertarikh 29 September 2017. Pertindihan ini merujuk kepada tanah Polis Marin yang merentangi pintu masuk bot-bot DoF.

m. Bahagian Kejuruteraan KPKM telah mencadangkan kepada pihak JPS melalui surat bertarikh 8 September 2021 untuk melaksanakan kajian hidraulik dengan peruntukan sebanyak RM1 juta kerana pangkalan masih tidak dapat digunakan. Namun pada 15 Disember 2021, Bahagian Kejuruteraan, KPKM telah menarik balik keputusan tersebut kerana peruntukan akan digunakan untuk perkara yang lebih mustahak.

n. Kesan pangkalan hadapan yang tidak dapat digunakan menyebabkan Cawangan Taman Laut Tanjung Gemok (Pahang) menggunakan Jeti APMM untuk melabuhkan empat bot bagi tujuan penguatkuasaan. DoF Cawangan Taman Laut Kampung Kelunchor (Kedah) pula masih menggunakan pangkalan lama di Ampang Jajar, Kedah. Lokasi penempatan bot DoF seperti dalam **Gambar 10** dan **Gambar 11**.

GAMBAR 10



Jeti APMM, Kuala Rompin Pahang
- Bot DoF Ditempatkan di Jeti APMM
(01.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11



Jeti Ampang Jajar, Alor Setar Kedah
- Bot DoF Ditempatkan di Pangkalan Lama
(17.4.2023)
(Sumber: DoF)

o. Perkongsian jeti oleh DoF Cawangan Taman Laut Tanjung Gemok menyebabkan pergerakan keluar masuk penguatkuasa DoF dapat diperhatikan oleh pihak luar/lain boleh menjejaskan keberkesanan operasi penguatkuasaan.

Maklum balas DoF yang diterima pada 21 Jun dan 28 Ogos 2023

PPN Pahang

i. APMM Pos Maritim Teluk Gading masih memberi kebenaran untuk meletakkan bot DoF di Marina Teluk Gading. APMM dan DoF sentiasa bekerjasama dalam operasi dan rondaan yang mana maklumat adalah rahsia di peringkat agensi.

ii. Permohonan pemberimilikan tanah untuk tapak tambahan jeti tambatan vesel seluas 0.282 hektar di Bandar Endau, Daerah Rompin, Pahang sedang di dalam tindakan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian untuk pertimbangan.

PPN Kedah

Cadangan penukaran fungsi jeti marina kepada *slipway* untuk pembaikan kecil bot peronda memerlukan kos penyenggaraan secara berkala yang sangat tinggi iaitu RM300,000 hingga RM400,000 setiap tahun untuk mengorek semula lumpur di jeti marina dan dilupuskan di kawasan yang dibenarkan di laut. Bahagian Kejuruteraan, Ibu Pejabat Perikanan Putrajaya sedang menyediakan spesifikasi dan keperluan anggaran peruntukan.

Maklum balas JPS yang diterima pada 15 Julai 2023

Merujuk kepada surat JPS bertarikh 7 Februari 2020, isu kajian hidraulik pernah dibincangkan semasa tempoh pelaksanaan projek. Subject Matter Expert Bahagian Pengurusan Zon Pantai memberi pandangan serta menyarankan dijalankan kajian hidraulik. Kajian hidraulik menjadi asas kepada pihak klien untuk mendapatkan peruntukan bagi penyelenggaraan seperti kerja *desilting* dan sebagainya.

Pendapat Audit

Kelemahan peringkat perancangan menyebabkan pangkalan hadapan yang dibina dengan kos sejumlah RM1.04 juta tidak dapat digunakan sepertimana objektif projek.

5.2.4.2. Pengurusan Perubahan Kerja Kurang Memuaskan

a. AP 202.1 (a) menyatakan Arahan Perubahan Kerja (APK) adalah sesuatu perubahan kepada kontrak kerja iaitu sebarang penyimpangan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi dan/atau senarai kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan. Kelulusan APK hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa/Jawatankuasa APK bagi sesuatu permohonan perubahan kerja (AP 202.2).

b. Berdasarkan *Bill of Quantities* (Kontrak) bagi Projek Pembangunan Pejabat Cawangan Taman Laut Tanjung Gemok, Pahang saiz *rainwater down pipe* (RWDP) adalah 100mm.


c. Semakan fizikal Audit pada 1 Mac 2023 mendapati **saiz RWDP** di hadapan blok utama, blok satu pangkalan dan laluan berbumbung yang **dipasang iaitu 80mm tidak mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan (100mm) dan tiada APK dikeluarkan terhadap perubahan saiz tersebut.** Lokasi dan saiz RWDP yang dipasang seperti dalam **Gambar 12** dan **Gambar 13.**

GAMBAR 12



Pejabat dan Pangkalan Cawangan Taman Laut, Tanjung Gemok, Pahang
- Saiz RWDP yang Dipasang di Laluan Hadapan Bangunan Utama Tidak Mengikut Spesifikasi
(01.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13



Pejabat Dan Pangkalan Cawangan Taman Laut, Tanjung Gemok, Pahang
- Saiz RWDP yang Dipasang di Laluan Berbumbung Tidak Mengikut Spesifikasi
(01.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

d. Merujuk kepada surat arkitek bertarikh 22 April 2019, pengiraan semula terhadap kos baru saiz paip dan kuantiti pemasangan di tapak menunjukkan terdapat penjimatan sebanyak RM1,816 dari kos asal kontrak. Bagaimanapun,

semakan Audit selanjutnya mendapati bayaran penuh telah dibuat dan tiada pelarasan harga kontrak terhadap perubahan tersebut sehingga akaun akhir dimuktamadkan.

e. Saiz RWDP yang dikurangkan dari skop asal berisiko menyebabkan kapasiti dan kemampuan RWDP mengalirkan air hujan berkurangan kerana tiada pengesahan oleh Jurutera/Pegawai Penguasa sebelum kerja-kerja dilaksanakan.

Maklum balas JPS yang diterima pada 26 Jun dan 27 Julai 2023

Merujuk kepada surat arkitek bertarikh 15 April 2019, satu lawatan tapak telah diadakan pada 10 April 2019. Rentetan daripada lawatan tersebut, pihak arkitek telah mencadangkan perubahan saiz bagi sesalur air hujan ditukar kepada 80mm dan perubahan ini juga tidak menjejaskan kefungsian *water catchment* di bahagian atap luar. JPS Pahang selaku Pegawai Penguasa telah mengeluarkan surat kepada DoF bertarikh 18 Julai 2023 memaklumkan pengesyoran dan tindakan penambahbaikan iaitu pemasangan semula RWDP mengikut saiz asal ditetapkan dalam kontrak.

Pendapat Audit

Perubahan kerja bagi pertukaran saiz RWDP kurang memuaskan kerana kelulusan APK tidak diperolehi terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa/Jawatankuasa dan pelarasan harga tidak dibuat terhadap perubahan tersebut sehingga akaun dimuktamadkan.

5.2.5. Penyenggaraan Bangunan Pejabat

a. Merujuk kepada Garis Panduan Pengurusan Operasi dan Penyenggaraan 2021 oleh Jabatan Kerja Raya, Fasa Operasi dan Penyenggaraan Aset (OPA) merupakan fasa yang melibatkan pelbagai aktiviti yang banyak dan rutin, tempoh masa yang panjang dan kos yang tinggi. Oleh itu, tumpuan utama perlu diberikan dalam menjayakan OPA terutama aktiviti yang melibatkan penyenggaraan aset supaya ianya dapat memanjangkan hayat aset serta memastikan aset sentiasa berkeadaan baik dan berprestasi tinggi dalam menyokong penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

b. Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Bilangan 2/2011 perenggan 4 menyatakan Lukisan Siap Bina adalah lukisan bagi pembinaan yang telah siap dilaksanakan secara keseluruhan merangkumi semua sistem perkhidmatan dan fasiliti yang berkaitan termasuk dokumen sokongan yang berkaitan seperti Manual Operasi dan Penyenggaraan serta Sijil Pengujian dan Pentauliahan. Dokumen ini

adalah rujukan lanjut berkaitan kerja penyenggaraan, pembaikan dan penggantian.

c. Berdasarkan Item *Preliminaries* dalam *Bill of Quantities* kontrak, kontraktor perlu menyediakan tiga set Lukisan Siap Bina dalam bentuk kulit keras dan disahkan oleh Jurutera Profesional. Dokumen ini perlu diserahkan kepada Pegawai Penguasa untuk semakan sebelum diterima oleh pemilik projek pada tarikh serahan bangunan dibuat.

d. Semakan Audit mendapati tiada penyenggaraan bangunan secara berkala dilaksanakan oleh DoF kerana **sehingga bulan Mac 2023 pihak DoF masih belum menerima Lukisan Siap Bina dan Manual Operasi** dari JPS bagi Projek Pembangunan Pejabat Cawangan Taman Laut Kampung Kelunchor (Kedah) dan Tanjung Gemok (Pahang). **Tempoh masa kelewatan adalah antara 795 hari (26 bulan) hingga 878 hari (29 bulan) daripada tarikh sepatutnya** serah dokumen Lukisan Siap Bina dan Manual Operasi.

e. Dokumen Lukisan Siap Bina yang tidak diterima menyebabkan pihak DoF tidak dapat mengenal pasti masalah tekanan air tinggi (perenggan 5.2.5.1.) dan kesan resapan pada siling bangunan berlaku (perenggan 5.2.5.2.).

Maklum balas JPS yang diterima pada 28 Ogos 2023

Lukisan Siap Bina dan Manual Operasi telah dikemukakan kepada PPN Kedah dan PPN Pahang masing-masing melalui surat bertarikh 29 Ogos 2023 dan 26 September 2023.

5.2.5.1. Tekanan Air Tinggi Dalam Sistem Retikulasi Air Dalaman


a. Merujuk kepada dokumen Lukisan Kontrak dan kelulusan APK No. 10, sistem retikulasi air di Projek Pembangunan Pejabat Cawangan Taman Laut Tanjung Gemok, Pahang berfungsi menggunakan pam yang ditempatkan di Rumah Pam. Bekalan air kemudian disalurkan ke tangki simpanan bangunan dan diagihkan ke sistem perpaipan dalaman menggunakan kaedah graviti.

b. Semakan fizikal Audit pada 2 Mac 2023 mendapati, sistem retikulasi air dalaman di pejabat pangkalan hadapan berfungsi terus dari pam dan bukan dari tangki simpanan air. Tangki simpanan bangunan didapati tidak menakung air kerana paip yang masuk ke tangki simpanan air disambungkan terus ke paip agihan dalam bangunan. Keadaan dalam tangki simpanan seperti dalam **Gambar 14** dan **Gambar 15**.

GAMBAR 14



GAMBAR 15



Pusat Kawalan Pangkalan Hadapan Cawangan Taman Laut, Tanjung Gemok, Pahang
- Paip Sistem Retikulasi Air yang Sepatutnya Memenuhkan Tangki Air di Sambung Terus ke Paip Agihan (02.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

c. Semakan Audit terhadap surat perunding mekanikal dan elektrikal (M&E) bertarikh 3 November 2022 mendapati perunding M&E telah memberi arahan kepada kontraktor untuk mengubah sistem perpaipan di dalam tangki bagi menyelesaikan aduan tekanan air rendah oleh JTLM pada 3 November 2020.

d. Pemasangan yang tidak mengikut spesifikasi ini menyebabkan air yang masuk ke dalam sistem perpaipan bangunan bertekanan tinggi kerana bekalan air dialirkan terus dari pam dan bukan dari sistem graviti tangki. DoF memaklumkan perkara ini telah menyebabkan kejadian paip pecah dan tercabut pada 2 Ogos 2022 dan 31 Mac 2023.

Maklum balas JPS yang diterima pada 28 Jun 2023

Pihak perunding M&E mengarahkan pihak kontraktor untuk memasang sistem bekalan secara terus bagi menyelesaikan masalah air perlahan di dalam bangunan selepas tempoh *Defect Libility Period* (DLP) tanpa pengetahuan JPS.

Maklum balas DoF yang diterima pada 7 Julai 2023

Sistem aliran terus tidak pernah dimaklumkan secara bertulis kepada DoF daripada JPS dan masalah perubahan sistem ini hanya dikenalpasti oleh DoF selepas tarikh *Certificate Making Goods Defect* (CMGD).

5.2.5.2. Kesan Resapan Air Pada Siling Bangunan

a. Pemeriksaan fizikal Audit di Pejabat dan Pangkalan Hadapan Cawangan Taman Laut Tanjung Gemok (Pahang) mendapati kesan resapan air yang ketara pada siling bangunan pejabat utama, pejabat pangkalan hadapan blok utama dan pusat kawalan pangkalan hadapan. Selain itu, pada 7 Mac 2023 terdapat serpihan siling yang telah jatuh disebabkan oleh resapan air. Kesan

resapan air pada siling dan siling jatuh di lobi utama Pejabat Cawangan Taman Laut, Tanjung Gemok, Pahang seperti dalam **Gambar 16** dan **Gambar 17.**

GAMBAR 16



Lobi Utama Pejabat Cawangan Taman Laut, Tanjung Gemok, Pahang
- Kesan Resapan Air pada Siling Bumbung
(02.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17



Lobi Utama Pejabat Cawangan Taman Laut, Tanjung Gemok, Pahang
- Siling Runtuh Akibat Kesan Resapan Air dari Bumbung
(07.03.2023)
(Sumber: Cawangan Taman Laut Tanjung Gemok, Pahang)

b. Masalah resapan air menyebabkan siling dalam dan luar pejabat berada dalam keadaan tidak selamat kerana tiada pemeriksaan secara menyeluruh dibuat untuk mengenal pasti punca resapan air berlaku. Sehingga bulan Mac 2023, DoF menanggung RM13,475 untuk kos pembaikan siling pejabat semenjak CMGD dikeluarkan pada 12 April 2022.

c. Selepas tarikh CMGD dikeluarkan pada 12 April 2022, berlaku resapan air yang ketara pada siling bangunan pejabat utama, pejabat pangkalan hadapan blok utama dan pusat kawalan pangkalan hadapan.

Maklum balas JPS yang diterima pada 28 Jun 2023

Perakuan Serahan Kerja Siap Membaiki Kecacatan telah ditandatangani oleh wakil DoF, dan wakil JPS Daerah Rompin pada 12 April 2022. Sewajarnya kerja-kerja penyenggaraan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Perikanan selepas tempoh DLP.

Pendapat Audit

Dokumen lukisan siap bina dan manual operasi yang tidak diterima daripada JPS menyebabkan DoF masih belum menyelesaikan masalah tekanan air tinggi dan resapan air pada siling serta merancang kerja-kerja penyenggaraan selanjutnya.

5.2.6. Program Koordinasi dan Kesedaran Awam

a. Teras 4 Strategi 1 dan 2: Pelan Strategik BTLPS 2021-2030 menyatakan DoF perlu memantapkan konservasi melalui *Community Based Management* dan pemerkasaan kumpulan sasar serta mengkoordinasi kerjasama strategik di peringkat nasional dan antarabangsa dengan melaksanakan program/aktiviti kesedaran awam.

b. Berdasarkan kepada carta alir yang ditetapkan di dalam MyPortfolio Pegawai Perikanan, Cawangan Kolabrasi dan Kesedaran Awam (CKKA) perlu memantau pelaksanaan program koordinasi atau kesedaran awam. PPN yang mendapat peruntukan dan menjalankan program perlu mengemukakan pelaporan pelaksanaan program kepada ibu pejabat untuk direkodkan. Carta alir proses kerja berkaitan peranan ini adalah seperti dalam **Rajah 16**.

RAJAH 16
PROSES KERJA PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM CAWANGAN KOLABORASI DAN KESEDARAN AWAM



Sumber: MyPortfolio Bahagian Taman Laut dan Pengurusan

c. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2020 hingga 2022, sebanyak 362 program/aktiviti di bawah Strategi 1 iaitu Memantapkan Konservasi Melalui *Community Based Management* dan Pemerkasaan Kumpulan Sasar telah dilaksanakan. Bagi tempoh yang sama, 19 program/aktiviti di bawah Strategi 2 iaitu mengkoordinasi kerjasama strategik di peringkat nasional dan antarabangsa telah dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, **160 (44.2%) dan sembilan (47.4%) adalah melibatkan program/aktiviti kesedaran untuk MPA** seperti dalam **Jadual 15.**

JADUAL 15
PELAKSANAAN PROGRAM/AKTIVITI KOORDINASI DAN KESEDARAN AWAM BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022

STRATEGI (S)/TINDAKAN (T)		PELAKSANAAN PROGRAM/AKTIVITI			
		KESELURUHAN		MELIBATKAN MPA	
		BILANGAN	%	BILANGAN	%
S1.	Memantapkan Konservasi Melalui *Community Based Management* dan Pemerkasaan Kumpulan Sasar	362	1,131.3	160	44.2
S2.	Mengkoordinasi Kerjasama Strategik di Peringkat Nasional dan Antarabangsa	19	237.5	9	47.4

Sumber: Pelan Strategik Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber 2021-2030 dan maklumat dari CKKA

d. Bermula tahun 2021, DoF telah mewujudkan serta menggunapakai Pelan Komunikasi 2021-2025 bagi menambah baik penganjuran program kesedaran awam. Pelan ini dijadikan panduan dalam penentuan objektif, halatuju, rangkakerja dan penilaian program kesedaran awam yang dianjurkan oleh DoF.

e. Semakan Audit selanjutnya mendapati **tiada bukti dokumen pemantauan dan penilaian program/aktiviti yang dikemukakan PPN kepada Ibu Pejabat DoF** setiap kali selesai program koordinasi atau kesedaran awam.

f. Pemantauan program yang tidak dilaksanakan dan dokumen penilaian program yang tidak dikemukakan menyebabkan pencapaian objektif program iaitu untuk memberi kesedaran berkaitan dasar, perkhidmatan, program, aktiviti serta isu yang berbangkit mengenai pengurusan MPA tidak dapat dinilai.

Maklum balas DoF yang diterima pada 21 Jun 2023

Pelaksanaan program kerjasama adalah bergantung kepada perancangan di peringkat negeri, arahan semasa di peringkat Ibu Pejabat, dan permohonan daripada pihak luar.

Koordinasi untuk program kerjasama dengan pihak lain dilaksanakan melalui perbincangan/mesyuarat yang akan diselaraskan oleh pihak Ibu Pejabat/PPN bergantung kepada di mana perancangan dibuat atau permohonan diterima. Tiada SOP yang diwujudkan berkenaan kaedah koordinasi ini. DoF akan menambah baik kaedah pelaksanaan ini sebagaimana teguran yang dibuat oleh pihak audit.

Laporan lengkap bertulis dan bergambar tidak dipohon oleh pihak Ibu Pejabat untuk tujuan kompilasi bagi tidak memberi bebanan kepada pihak PPN untuk tujuan penyediaan pelaporan program. DoF akan memperbaiki kelemahan ini untuk masa akan datang bagi melengkapkan proses kerja dalam MyPortfolio.

Pelaporan lengkap dan pemantauan untuk penilaian program sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Audit tidak dapat dikemukakan dan DoF akan memperbaiki kelemahan ini untuk masa akan datang. Penilaian program boleh dibuat melalui pelbagai cara tidak hanya melalui laporan program/aktiviti. Ia boleh dilaksanakan melalui kaedah survei keberkesanan program/aktiviti secara keseluruhan.

Pendapat Audit | **Program/aktiviti kesedaran awam bagi MPA kurang memuaskan kerana tiada pemantauan serta penilaian dibuat selepas program/aktiviti yang dilaksanakan.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel pengauditan dapat dirumuskan bahawa pengurusan MPA adalah memuaskan dari aspek pelaksanaan program restorasi/rehabilitasi dan pencapaian litupan karang hidup kerana telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Namun aspek pewartaan MPA adalah kurang memuaskan kerana pencapaian pewartaan masih rendah iaitu 2,769.12km^2 (8.9%) berbanding sasaran yang ditetapkan 31,261.25km^2. Ini memberi kesan kepada pencapaian keseluruhan MPA yang perlu dilindungi. Di samping itu, terdapat kelemahan dalam aspek pengurusan program iaitu kutipan hasil taman laut, pengurusan melabuhkan tukun, pelaksanaan projek, penyenggaraan bangunan pejabat, serta program koordinasi dan kesedaran awam.

7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang dan pengurusan MPA dapat dilaksanakan dengan baik, adalah disyorkan supaya DoF mengambil tindakan berikut:

7.1. Mempergiatkan lagi usaha pengenalpastian lokasi MPA untuk diwartakan agar sasaran pewartaan MPA negara dapat dicapai sewajarnya, bagi memastikan ekosistem marin dapat dikawal dengan lebih berkesan;

7.2. Mewujudkan mekanisme dan libat urus dengan pihak-pihak terlibat bagi memastikan kutipan hasil dikutip dengan teratur; dan

7.3. Memastikan program penyenggaraan bangunan dilaksanakan secara berkala agar dapat digunakan dengan selamat dan dimanfaatkan.

4

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

– Pengurusan Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat

- **Bahagian Kemajuan Tanah Dan Wilayah**
  – Pengurusan Projek Pemajuan Kawasan

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

– Pengurusan Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat

PENGURUSAN PROGRAM SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



RUMUSAN AUDIT

Pengurusan program adalah baik dan telah mencapai objektif dalam menyediakan kediaman yang selamat dan selesa, meningkatkan kemahiran dan peningkatan pendapatan.


PENCAPAIAN OUTPUT


Pencapaian bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022

- ❑ **12,864 (98.5 %) unit rumah telah dibina**
- ❑ **73,603 (97.9%) unit rumah telah dibaik pulih**
- ❑ **37 (28.7%) daripada 129 sampel rumah bina baharu lewat siap**
- ❑ **17,210 (113.1%) peserta menghadiri latihan**
- ❑ **6,820 (98.8%) peserta menyertai PPP**


PENCAPAIAN KEBERHASILAN

PENERIMA PPRT





PESERTA PPP



PENGURUSAN PROGRAM

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KEWANGAN

RM2.215 bilion: Peruntukan Program

RM1.916 bilion: Penyaluran kepada 7 Agensi Diaudit

RM219.06 juta: Baki Peruntukan Tidak Dibelanjakan 7 Agensi Diaudit

PELAKSANAAN PROGRAM

PPRT

- ❑ 35 unit rumah lewat serah
- ❑ 20 unit rumah bina baharu tidak dipasang meter elektrik
- ❑ Reka bentuk Peranti Arus Baki pada papan agihan elektrik memberi risiko keselamatan kepada penghuni
- ❑ 57 unit rumah bina baharu tidak mengikut lukisan piawaian elektrik
- ❑ Tempoh DLP tidak dapat ditentukan dan tiada mekanisme aduan kerosakan dalam tempoh DLP

PPP

- ❑ Pembayaran dividen kepada peserta tidak mengikut perjanjian
- ❑ Lebihan Bayaran Pendahuluan Kepada Pelaksana Projek Bekalan Peralatan dan Latihan Usahawan Pedaging bagi 34 peserta berbanding lapan peserta sebenar
- ❑ 38 peserta tidak menggunakan 106 peralatan yang telah dibekalkan bernilai RM211,722

3 SYOR AUDIT

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

PENGURUSAN PROGRAM SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) merupakan salah satu program pembasmian kemiskinan luar bandar dalam memastikan kumpulan sasar (miskin, miskin tegar dan B40) dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik. Program ini dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat sejak Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).
- Program SPKR mengandungi tiga komponen iaitu Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Ketiga-tiga komponen program ini dapat membentuk suatu pakej nilai tambah kepada kumpulan sasar untuk memiliki kediaman yang selamat dan selesa, memperkasa jati diri dan menjana pendapatan sendiri.
- Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan program SPKR bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 (RMKe-11) dan 2021 (RMKe-12). Prestasi program dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Data pencapaian output program telah dikemas kini sehingga 31 Disember 2022. Pengurusan program pula meliputi empat perkara iaitu prestasi kewangan, pengurusan program PPRT, pengurusan program PLKK dan pengurusan program PPP.
- Pengauditan ini dijalankan di Bahagian Kesejahteraan Rakyat (BKR), KKDW yang bertanggungjawab terhadap penyelarasan dasar SPKR, penyelarasan teknikal PPRT dan penyelarasan pelaksanaan program SPKR. Di samping itu, tujuh agensi pelaksana terpilih iaitu Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD), Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), GIATMARA Sdn. Bhd. (GIATMARA), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan FELCRA Berhad. Pengauditan turut

dijalankan di syarikat FELCRA Training and Consultancy Sdn. Bhd. dan FELCRA Bina Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab terhadap program yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

Untuk menilai sama ada pengurusan SPKR telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu memastikan kumpulan sasar (miskin tegar, miskin dan B40) dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik.

Rumusan

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan dapat dirumuskan bahawa objektif pelaksanaan Program SPKR untuk membantu golongan sasaran telah tercapai. Pencapaian output adalah baik mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian keberhasilan program tidak pernah dibuat oleh pihak KKDW, namun berdasarkan maklum balas soal selidik yang dijalankan, program yang dilaksanakan telah dapat membantu golongan sasaran berdasarkan objektif yang ditetapkan.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
1.	KKDW **tidak pernah melaksanakan kajian pencapaian keberhasilan** bagi PPRT, PLKK dan PPP sejak program SPKR yang telah dimulakan sejak RMKe-10.	KKDW tidak dapat menilai pencapaian keberhasilan program SPKR dan keberkesanan pelaksanaan bagi PPRT, PLKK dan PPP.	KKDW perlu melaksanakan kajian keberhasilan program SPKR bagi menilai pencapaian program SPKR.
2.	87 unit rumah bina baharu hanya menggunakan satu sahaja Peranti Arus Baki (PAB) berkepekaan 100 miliampere (mA) untuk litar soket, lampu dan kipas. Ini tidak selaras dengan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 (Semenanjung dan Sabah) dan The Electricity Rules 1999 (Sarawak).	Penggunaan satu PAB ini boleh menyebabkan penghuni terdedah kepada **risiko keselamatan** apabila berlaku kebocoran arus elektrik.	KKDW perlu menambah baik garis panduan SPKR sedia ada meliputi spesifikasi lukisan piawaian elektrik bagi rumah bina baharu dan lukisan piawaian bagi pembinaan PPRT secara IBS bagi memastikan aspek keselamatan diutamakan.
3.	57 unit rumah bina baharu tidak mematuhi Lukisan Piawai KKDW bagi skop komponen papan agihan elektrik, satu unit skop *earthing* dan 42 unit skop kelengkapan elektrik.	Penerima **tidak mendapat manfaat** kelengkapan elektrik yang sepatutnya.	

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
4.	Pembinaan rumah bina baharu jenis *Industrialised Building System* (IBS) tidak seragam kerana lukisan piawaian bagi rumah jenis IBS tidak disediakan oleh pihak KKDW dan hanya bergantung kepada *shop drawing* yang disediakan oleh pembekal.	**Spesifikasi pembinaan yang menggunakan kaedah IBS tidak seragam.** Selain itu, pemantauan kerja pembinaan oleh agensi pelaksana bagi mengesahkan pembinaan yang dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan sukar untuk dilaksanakan.	
5.	37 daripada 129 (28.7%) unit sampel rumah bina baharu lewat disiapkan dengan tempoh kelewatan hingga 635 hari berbanding tarikh siap kerja asal seperti dalam perjanjian. Permohonan dan kelulusan pelanjutan masa (EOT) tidak dibuat secara bertulis disebabkan perjanjian antara agensi pelaksana dan kontraktor tidak mempunyai klausa berkaitan dengan EOT dan Bayaran Ganti Rugi Ditetapkan (LAD).	**Sebab kelewatan tidak dapat disahkan dan kontraktor tidak dikenakan LAD terhadap kelewatan penyiapan**. Selain itu, ketiadaan kelulusan EOT secara bertulis juga menyebabkan kontraktor tidak dikenakan LAD terhadap kelewatan.	KKDW dan agensi pelaksana perlu memantau projek dengan lebih teliti dan terperinci. Aspek yang perlu diberi perhatian ialah pematuhan kontrak yang meliputi tempoh siap, pengenaan LAD dan skop kerja. Selain itu, pematuhan prosedur pembayaran hendaklah diberi perhatian dengan memastikan pembayaran hanya dibuat terhadap kerja yang telah dilaksanakan dan pemotongan bayaran dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan.
6.	35 daripada 129 (27.1%) unit rumah bina baharu lewat diserahkan kepada penerima dengan tempoh kelewatan hingga 508 hari dari tarikh perakuan tahap kemajuan kerja hingga tarikh perakuan serahan siap kerja oleh penerima.	Kelewatan penyerahan rumah bina baharu yang telah siap menyebabkan **penerima tidak dapat menikmati manfaat bantuan yang disalurkan mengikut tempoh yang dijanjikan.**	
7.	Borang Perakuan Serahan Siap Kerja yang digunakan oleh agensi pelaksana tidak lengkap kerana tiada *tarikh Certificate of Practical Completion* (CPC).	**Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) tidak dapat ditentukan** dan pembaikan dalam tempoh tersebut tidak dapat disahkan.	
8.	Penerima bantuan rumah bina baharu atau baik pulih tidak dapat membuat aduan kerosakan dalam tempoh DLP kerana tiada mekanisme yang jelas ditetapkan.	Ketiadaan mekanisme aduan kerosakan dalam tempoh DLP ini akan **merugikan penerima kerana penerima terpaksa menanggung sendiri** kos pembaikan kerosakan.	

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
9.	20 daripada 129 (15.5%) unit rumah bina baharu telah diserahkan kepada peserta PPRT tanpa pemasangan meter elektrik yang lengkap.	**Penerima PPRT tidak dapat menikmati kemudahan dan kelengkapan elektrik** yang disediakan oleh Kerajaan untuk keselesaan rakyat.	
10.	Pembayaran dividen kepada peserta Projek Hasil Ternakan Lembu PPP tidak dibuat mengikut perjanjian	Pembayaran dividen yang tidak mengikut jadual ini menyebabkan **kerugian kepada peserta** kerana tidak mendapat manfaat hasil peningkatan pendapatan yang sepatutnya dinikmati mengikut tempoh yang dijanjikan.	KKDW dan agensi pelaksana perlu memantau pelaksanaan program dengan lebih teliti dan terperinci terutamanya pematuhan terhadap proses kerja/kontrak serta pasca pelaksanaan program.
11.	Pelaksanaan Program PPP – Projek Bekalan Peralatan dan Latihan Usahawan Pedaging hanya memberi manfaat kepada lapan peserta sahaja berbanding 34 yang disasarkan.	Lebihan bayaran pendahuluan yang dibuat kepada syarikat mengakibatkan **kerugian kepada Kerajaan** kerana peruntukan tersebut boleh digunakan untuk manfaat golongan sasar yang layak.	
12.	38 peserta PPP tidak menggunakan 106 peralatan yang telah dibekalkan bernilai RM211,722 yang sepatutnya digunakan untuk menjana pendapatan peserta.	Peralatan yang tidak digunakan oleh peserta menyebabkan **objektif program tidak tercapai** dan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya.	

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

1. PENGURUSAN PROGRAM SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

FAKTA UTAMA

RM2.215 Bilion	111,494 Penerima Manfaat	Golongan Sasar
• Jumlah peruntukan program SPKR dalam tempoh RMKe-11 dan RMKe-12 (tahun 2022)	• Bilangan peserta program yang menerima bantuan dalam tempoh RMKe-11 dan RMKe-12 (tahun 2022)	• Miskin tegar, miskin dan Kumpulan B40 iaitu pendapatan isi rumah sekurang-kurangnya RM4,849 dan ke bawah

Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)	Bantuan yang diberi: • Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) • Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) • Program Peningkatan Pendapatan (PPP)
Objektif SPKR	Memastikan kumpulan sasar dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik
Bahagian Kesejahteraan Rakyat	Bertanggungjawab terhadap penyelarasan dasar SPKR, penyelarasan teknikal PPRT dan penyelarasan pelaksanaan program SPKR
Agensi Pelaksana SPKR	Agensi dan anak syarikat agensi di bawah KKDW

1. LATAR BELAKANG

1.1. Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) merupakan salah satu program pembasmian kemiskinan luar bandar dalam memastikan kumpulan sasar (miskin, miskin tegar dan B40) dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik. Program ini dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat sejak Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Program ini telah diteruskan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) sebagai salah satu *touch point* utama Kerajaan yang sentiasa prihatin menjaga kesejahteraan dan mendahulukan kebajikan rakyat.

1.2. Program SPKR mengandungi tiga komponen iaitu Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Ketiga-tiga komponen program ini dapat membentuk suatu pakej nilai tambah kepada kumpulan sasar untuk memiliki kediaman yang selamat dan selesa, memperkasa jati diri dan menjana pendapatan sendiri.


1.3. Pelaksanaan program SPKR adalah melalui agensi pelaksana yang dilantik oleh KKDW dari semasa ke semasa yang terdiri daripada agensi di bawah KKDW. Kumpulan sasar terdiri daripada rakyat luar bandar yang memperoleh pendapatan isi rumah RM2,208 dan ke bawah bagi miskin dan miskin tegar; serta kumpulan B40 yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM4,849 berasaskan Pendapatan Garis Kemiskinan tahun 2019.

1.4. Bagi tempoh RMKe-11 hingga tahun 2022, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2.215 bilion untuk pelaksanaan ketiga-tiga komponen program SPKR di seluruh negera dan seramai 111,494 peserta telah menerima manfaat program ini.

1.4.1. Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

Objektif program, kriteria kumpulan sasar, skop dan kadar bantuan PPRT adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
OBJEKTIF, KRITERIA KUMPULAN SASAR, SKOP DAN KADAR BANTUAN PPRT




Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW
Nota: TB - Tidak Berkenaan
SM - Semenanjung Malaysia
SS - Sabah dan Sarawak
IBS - Sistem Bangunan Berindustri (Industrialised Building System)

1.4.2. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

Objektif program, kriteria kumpulan sasar yang layak, skop dan syarat bantuan bagi PLKK adalah seperti dalam **Rajah 2**. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh PLKK adalah seperti dalam **Jadual 1**.

RAJAH 2
OBJEKTIF, KUMPULAN SASAR, STRATEGI, SKOP DAN SYARAT BANTUAN PLKK



Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

JADUAL 1
JENIS KURSUS YANG DITAWARKAN DI BAWAH PLKK

TEKNOLOGI TERKINI	PEMBANGUNAN SOSIAL DAN PROFESIONAL
Aviation – Ground Handling, Oil & Gas, Fiber Optic Installation & Maintenance dan Pemasangan Penebat Paip Gas (*High Pressure*).	*Call Cert, Java Mobile,* Pendidikan Awal Kanak-kanak, Perakaunan Berkomputer – UBS, Pembantu Tadbir Sistem Maklumat, *Animation – Special Effect,* Kerani Tempahan Tiket dan Jurugambar.
FESYEN & TEKSTIL	**PEMBUATAN DAN MEKANIKAL**
Jahitan Pakaian Wanita/Lelaki, Jahitan Cadar, Jahitan Baju Melayu, Jahitan Baju Korporat, Jahitan Langsir, Jahitan Telekung dan Jahitan Songkok.	*Polymer Engineering & Product Design,* Pembuatan Dan Mekanikal (Mesin CNC), Juruteknik Rendah Automasi, Mekanik Motosikal, Teknologi Permotoran dan Teknologi Automotif.
KESIHATAN DAN KECANTIKAN	**PEMBINAAN DAN KEJURUTERAAN**
Salon dan SPA, Dandanan Rambut, Solekan, *Nail Art* dan Perbadanan Melayu Terapi Moden.	Kejuruteraan Marin, Industri Pelabuhan, *Prime Mover Operation,* Pengendali Jentera Berat, Penyelamat Kelemasan, Pendawaian Elektrik, Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi serta Fabrikasi Logam, Juruelektrik/Juru Kimpalan dan Perkapalan.
PELANCONGAN DAN HOSPITALITI	**PENGANGKUTAN**
Penyediaan Makanan, Bakeri dan Pastri, Perhotelan dan Peruncitan.	Pemanduan Kenderaan Perdagangan.


Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

1.4.3. Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

a. Objektif program, kumpulan sasar, syarat penerima bantuan yang perlu diberi keutamaan dan skop bantuan bagi PPP adalah seperti dalam **Rajah 3**. Projek-projek ekonomi PPP memberi tumpuan kepada empat skop utama yang terdiri

daripada aktiviti perkhidmatan, perniagaan secara kecil-kecilan, perusahaan sumber asas tani/perikanan/penternakan dan aktiviti pertanian/perikanan/ penternakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

RAJAH 3
OBJEKTIF, KUMPULAN SASAR, KRITERIA KUMPULAN SASAR YANG LAYAK, YANG PERLU DIBERI KEUTAMAAN DAN SKOP BANTUAN BAGI PPP



Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

JADUAL 2
SKOP PROJEK EKONOMI PPP

SKOP PROJEK	PENERANGAN SKOP
Aktiviti perkhidmatan	Projek-projek ekonomi yang memberikan perkhidmatan yang memerlukan daya kemahiran sebagai aktiviti utama projek seperti jahitan, gunting rambut dan lain-lain.
Perniagaan secara kecil-kecilan	Projek-projek ekonomi yang menjalankan aktiviti penjualan produk seperti makanan/minuman dan barangan sebagai aktiviti utama projek.
Perusahaan sumber asas tani/ perikanan/penternakan	Projek-projek ekonomi yang menjalankan aktiviti penghasilan produk/memproses bahan-bahan mentah pertanian sebagai aktiviti utama projek.
Aktiviti pertanian/perikanan/ penternakan	Projek-projek yang meliputi aktiviti tanaman (seperti sayur-sayuran/buah-buahan dan lain-lain), ternakan (seperti lembu/ayam/kambing dan lain-lain) dan perikanan (seperti peralatan menangkap ikan/ternakan ikan dalam sangkar dan lain-lain).

Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

b. Penglibatan kumpulan sasar dalam projek-projek ekonomi berkaitan adalah dari segi:

i. Penglibatan secara langsung dalam pelaksanaan projek; atau

ii. Sebagai perancang dan pembuat keputusan terhadap hala tuju projek; atau

iii. Sebagai penerima upah/gaji/dividen pelaksanaan projek; atau

iv. Sebagai pemilik aset/premis/peralatan/mesin bantuan yang diberi.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan SPKR telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu memastikan kumpulan sasar (miskin tegar, miskin dan B40) dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan program SPKR bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 (RMKe-11) dan 2021 (RMKe-12). Prestasi program dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Data pencapaian output program telah dikemas kini sehingga 31 Disember 2022. Pengurusan program pula meliputi empat perkara iaitu prestasi kewangan, pengurusan program PPRT, pengurusan program PLKK dan pengurusan program PPP.

3.2. Pengauditan ini dijalankan di Bahagian Kesejahteraan Rakyat (BKR), KKDW yang bertanggungjawab terhadap penyelarasan dasar SPKR, penyelarasan teknikal PPRT dan penyelarasan pelaksanaan program SPKR. Di samping itu, tujuh agensi pelaksana terpilih iaitu Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD), Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), GIATMARA Sdn. Bhd. (GIATMARA), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan FELCRA Berhad. Pengauditan turut dijalankan di syarikat FELCRA Training and Consultancy Sdn. Bhd. (FTC) dan FELCRA Bina Sdn. Bhd. (FELCRA BINA) yang bertanggungjawab terhadap program yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad.

3.3. Pengauditan ini melibatkan enam negeri iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Kedah, Perak dan Selangor. Asas pemilihan agensi pelaksana berdasarkan agihan peruntukan program SPKR yang tinggi dengan mengambil kira penyertaan peserta program yang juga tinggi di peringkat negeri. Sampel Audit terhadap tiga komponen program SPKR adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
SAMPEL AUDIT TERHADAP TIGA KOMPONEN PROGRAM SPKR BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2021

NEGERI	AGIHAN PERUNTUKAN (RM Juta)	POPULASI		SAMPEL AUDIT UNTUK SEMAKAN DOKUMEN DAN PERATUS BERBANDING POPULASI		SAMPEL LAWATAN AUDIT KE LOKASI DAN PERATUS BERBANDING POPULASI	
PPRT		**BB (Unit)**	**BP (Unit)**	**BB (Unit)/ (%)**	**BP (Unit)/(%)**	**BB (Unit)/(%)**	**BP (Unit)/(%)**
Sabah	249.62	1,149	4,536	46 (4.0%)	132 (2.9%)	34 (3.0%)	25 (0.6%)
Sarawak	120.09	772	4,033	82 (10.6%)	123 (3.0%)	38 (4.9%)	33 (0.8%)
Kelantan	76.75	514	3,276	88 (17.1%)	143 (4.4%)	19 (3.7%)	19 (0.6%)
Kedah	60.23	209	1,933	36 (17.2%)	73 (3.8%)	21 (10.0%)	28 (1.4%)
Perak	64.71	413	1,790	41 (9.9%)	108 (6.0%)	6 (1.5%)	17 (0.9%)
Selangor	22.16	110	763	41 (37.3%)	41 (5.4%)	11 (10.0%)	19 (2.5%)
JUMLAH	**593.56**	**3,167**	**16,331**	**334 (10.5%)**	**620 (3.8%)**	**129 (4.1%)**	**141 (0.9%)**
PLKK		**BIL. KURSUS**	**BIL. PESERTA**	**BIL. KURSUS**	**BIL. PESERTA**	**BIL. KURSUS**	**BIL. PESERTA**
Sabah	6.89	37	481	17 (45.9%)	191 (39.7%)	4 (10.8%)	48 (10.0%)
Sarawak	0.74	41	368	18 (43.9%)	135 (36.7%)	4 (9.8%)	30 (8.2%)
Kelantan	3.84	80	1,413	37 (46.3%)	393 (27.8%)	3 (3.8%)	35 (2.5%)
Kedah	4.25	72	826	34 (47.2%)	383 (46.4%)	18 (25.0%)	208 (25.2%)
Perak	2.91	32	456	19 (59.4%)	245 (53.7%)	1 (3.1%)	15 (3.3%)
Selangor	8.38	102	2,010	20 (19.6%)	200 (10.0%)	8 (7.8%)	50 (2.5%)
JUMLAH	**27.01**	**364**	**5,554**	**145 (39.8%)**	**1,547 (27.9%)**	**38 (10.4%)**	**386 (6.9%)**
PPP		**BIL. PESERTA**		**BIL. PESERTA**		**BIL. PESERTA**	
Sabah	2.19	204		66 (32.4%)		40 (19.6%)	
Sarawak	9.01	206		34 (16.5%)		16 (7.8%)	
Kelantan	3.61	400		80 (20.0%)		39 (9.8%)	
Kedah	3.44	441		74 (16.8%)		35 (7.9%)	
Perak	2.56	301		63 (20.9%)		42 (14.0%)	
Selangor	1.05	61		12 (19.7%)		11 (18.0%)	
JUMLAH	**21.86**	**1,613**		**329 (20.4%)**		**183 (11.3%)**	

Sumber: Jabatan Audit Negara
Nota: BB - Bina Baharu; BP – Baik Pulih

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen serta menganalisis data yang berkaitan. Lawatan dan pemeriksaan fizikal serta temu bual dengan pegawai dan pihak ketiga yang terlibat serta peserta program juga dijalankan. Borang soal selidik turut diedarkan kepada peserta program yang terpilih bagi mendapatkan maklum balas berhubung keberkesanan program SPKR.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan dilaksanakan pada bulan April hingga Julai 2022. Perkara ditemui serta maklum balas dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 12 Disember 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Program

5.1.1. Pencapaian Output

5.1.1.1. Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

a. Bagi tahun 2016 hingga 2022, Pegawai Pengawal telah meluluskan sebanyak 14,032 unit rumah bina baharu dan 66,815 unit baik pulih. Daripada jumlah tersebut, **13,054 (93%) unit rumah bina baharu dan 75,203 (112.6%) unit baik pulih telah dikeluarkan Surat Arahan Pelaksanaan (SAP)** bagi tujuan pelaksanaan oleh agensi. Perbezaan ini disebabkan unjuran yang dibuat pada awal tahun berdasarkan prestasi rumah bina baharu dan baik pulih tahun sebelum manakala pengeluaran SAP dibuat berdasarkan prestasi pelaksanaan agensi, jumlah permohonan yang diterima dan arahan daripada semasa ke semasa. Selanjutnya, daripada jumlah rumah bina baharu dan baik pulih yang diluluskan dan dikeluarkan SAP, **12,864 (98.5%) unit rumah bina baharu dan 73,603 (97.9%) unit baik pulih telah dilaksanakan oleh agensi**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PRESTASI PELAKSANAAN RUMAH BINA BAHARU DAN BAIK PULIH BERBANDING UNJURAN AWAL DAN SAP YANG DIKELUARKAN

TAHUN	UNJURAN AWAL		BILANGAN RUMAH MENGIKUT SAP YANG DIKELUARKAN BERBANDING UNJURAN				PELAKSANAAN SEBENAR OLEH AGENSI BERBANDING SAP			
	BINA BAHARU	BAIK PULIH	BINA BAHARU		BAIK PULIH		BINA BAHARU		BAIK PULIH	
			BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%
2016	3,050	7,939	3,055	100.2	8,168	102.9	3,233	105.8	8,900	109.0
2017	2,100	12,996	1,945	92.6	15,556	119.7	1,848	95.0	14,917	95.9
2018	608	5,521	1,428	234.9	11,805	213.8	1,265	88.6	10,412	88.2

TAHUN	UNJURAN AWAL		BILANGAN RUMAH MENGIKUT SAP YANG DIKELUARKAN BERBANDING UNJURAN				PELAKSANAAN SEBENAR OLEH AGENSI BERBANDING SAP			
	BINA BAHARU	BAIK PULIH	BINA BAHARU		BAIK PULIH		BINA BAHARU		BAIK PULIH	
			BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%
2019	1,532	7,354	1,474	96.2	7,372	100.2	1,384	93.9	7,360	99.8
2020	2,064	7,575	1,495	72.4	8,198	108.2	1,477	98.8	7,910	96.5
2021	2,228	14,030	1,484	66.6	11,842	84.4	1,484	100.0	11,842	100.0
2022	2,450	11,400	2,173	88.7	12,262	107.6	2,173	100.0	12,262	100.0
JUMLAH	**14,032**	**66,815**	**13,054**	**93.0**	**75,203**	**112.6**	**12,864**	**98.5**	**73,603**	**97.9**

Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

b. Analisis Audit selanjutnya mendapati sehingga 31 Disember 2022, sebanyak **11,493 (89.3%) daripada 12,864 unit rumah bina baharu yang dilaksanakan oleh agensi sejak tahun 2016 telah siap**. Sejumlah 1,371 unit rumah bina baharu yang masih belum disiapkan terdiri daripada 10 unit yang telah mula dilaksanakan oleh agensi sejak tahun 2019, 49 unit sejak tahun 2020, 20 unit sejak tahun 2021 dan 1,292 unit bagi tahun 2022. **Bagi rumah untuk tindakan baik pulih, sebanyak 70,872 unit rumah atau 96.3% telah selesai sepenuhnya berbanding 73,603 unit yang dilaksanakan oleh agensi sejak tahun 2016**. Baki 2,731 unit masih belum disiapkan oleh agensi terdiri daripada 104 unit yang dilaksanakan agensi pada tahun 2020, 57 unit pada tahun 2021 dan 2,570 unit yang dilaksanakan pada tahun 2022. Antara punca projek belum disiapkan ialah berlaku pertukaran nama penerima disebabkan kematian penerima asal atau penerima telah menerima bantuan dari pihak lain, penerima gagal dihubungi, dan kontraktor menarik diri disebabkan kenaikan kos bahan binaan atau lokasi rumah penerima di kawasan pedalaman. Secara keseluruhan pelaksanaan PPRT adalah baik. Maklumat lanjut berkaitan pencapaian program PPRT bagi RMKe-11 dan RMKe-12 (tahun 2022) adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
STATUS PELAKSANAAN PROJEK PPRT HINGGA 31 DISEMBER 2022

TAHUN	BIL. PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH AGENSI		STATUS PELAKSANAAN PROJEK							
	BINA BAHARU	BAIK PULIH	BINA BAHARU				BAIK PULIH			
			SIAP	%	BELUM SIAP	%	SIAP	%	BELUM SIAP	%
2016	3,233	8,900	3,233	100	-	-	8,900	100	-	-
2017	1,848	14,917	1,848	100	-	-	14,917	100	-	-
2018	1,265	10,412	1,265	100	-	-	10,412	100	-	-
2019	1,384	7,360	1,374	99.3	10	0.7	7,360	100	-	-
2020	1,477	7,910	1,428	96.7	49	3.3	7,806	98.7	104	1.3

TAHUN	BIL. PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH AGENSI		STATUS PELAKSANAAN PROJEK							
	BINA BAHARU	BAIK PULIH	BINA BAHARU				BAIK PULIH			
			SIAP	%	BELUM SIAP	%	SIAP	%	BELUM SIAP	%
2021	1,484	11,842	1,464	98.7	20	1.3	11,785	99.5	57	0.5
2022	2,173	12,262	881	40.5	1,292	59.5	9,692	79.0	2,570	21.0
JUMLAH	**12,864**	**73,603**	**11,493**	**89.3**	**1,371**	**10.7**	**70,872**	**96.3**	**2,731**	**3.7**

Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober, 25 November, 21 Disember 2022 dan 12 April 2023

Kelulusan tahunan disediakan pada awal tahun pelaksanaan dan diunjurkan berdasarkan prestasi tahun sebelumnya. Pelaksanaan sebenar ditentukan berdasarkan prestasi pelaksanaan Agensi Pelaksana, jumlah permohonan yang diterima dan arahan dari semasa ke semasa. Pelarasan semula peruntukan/agihan rumah bina baharu dan baik pulih akan dibuat pada tahun semasa dengan mengambil kira prestasi agensi pelaksana, jumlah permohonan yang diterima mengikut kawasan/Parlimen/Negeri/peristiwa-peristiwa tertentu (bencana, kenaikan harga dan perubahan polisi), sekatan perbelanjaan serta *Notice of Change* (NOC) yang melibatkan perubahan agihan dan skop bantuan. Selain itu, pelarasan/pengurangan unjuran unit Bina Baharu dibuat susulan kelulusan kenaikan kadar bantuan. Ini kerana tiada tambahan peruntukan bagi menampung implikasi kewangan yang terlibat.

Kelewatan penyiapan projek tahun 2022 disebabkan peningkatan harga bahan binaan, kenaikan kos upah buruh binaan dan kadar penolakan/tarik diri kontraktor. Isu kelewatan telah dapat diatasi dengan kenaikan kadar bantuan dan pada masa ini projek-projek yang belum siap telah pun bermula/sedang dilaksanakan di tapak.


c. Pembinaan Rumah Bina Baharu Lewat Siap

- SAP yang dikeluarkan oleh pihak KKDW kepada agensi pelaksana menyatakan kerja pembinaan rumah baharu perlu disiapkan dalam tempoh tiga bulan bagi jenis konvensional dan dua bulan bagi jenis IBS. Perenggan 10.1(vi) Tatacara Pelaksanaan PPRT menetapkan bahawa bagi projek lewat jadual, kontraktor hendaklah mengemukakan permohonan pelanjutan masa (EOT) kepada agensi pelaksana untuk diluluskan oleh Pegawai Penguasa. Bayaran Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) akan dikenakan bagi projek yang melebihi tempoh siap projek.

- Semakan Audit terhadap Borang Akuan Siap Kerja mendapati **37 (28.7%) daripada 129 unit sampel rumah bina baharu**

lewat disiapkan dengan tempoh kelewatan hingga 635 hari (hampir dua tahun) berbanding tarikh siap kerja asal seperti dalam perjanjian. Sebanyak 92 (71.3%) unit lagi telah disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Berdasarkan temu bual dengan agensi pelaksana, pihak Audit dimaklumkan antara punca kelewatan adalah disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 dan 2021, faktor cuaca, kelewatan kemasukan utiliti (elektrik/air) terutama di kawalan luar bandar, isu pemilikan tanah dan kelewatan menerima bahan pembinaan IBS. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
ANALISIS PENYIAPAN RUMAH BINA BAHARU
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2021 BERDASARKAN SAMPEL AUDIT



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

- Semakan Audit selanjutnya mendapati **permohonan dan kelulusan EOT tidak dibuat secara bertulis disebabkan perjanjian antara agensi pelaksana dan kontraktor tidak mempunyai klausa berkaitan dengan EOT dan LAD.** Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan sebab kelewatan penyiapan seperti dimaklumkan oleh agensi pelaksana. Selain itu, ketiadaan kelulusan EOT secara bertulis juga menyebabkan kontraktor tidak dikenakan LAD terhadap kelewatan.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 13 Januari 2023

Penelitian semula bagi tempoh pelaksanaan PPRT dengan mengambil kira setiap aliran proses kerja bermula tapisan permohonan sehingga kelulusan melalui pengeluaran Surat Arahan Pelaksanaan (SAP) akan diteliti bersama Agensi-agensi Pelaksana. Perkara ini akan diselaraskan bagi pelaksanaan PPRT tahun 2023. Penambahbaikan tatacara pelaksanaan PPRT yang akan dilaksanakan adalah

bersifat menyeluruh bagi pelaksanaan PPRT. Ia merangkumi pengiraan tempoh penyiapan projek bermula pengeluaran Surat Setuju Terima kepada kontraktor sehingga projek siap; permohonan EOT bagi projek lewat jadual; bayaran LAD bagi projek yang melebihi tempoh siap projek; penyediaan senarai semak kepada penerima PPRT bagi tujuan Tempoh Tanggungan Kecacatan dan mekanisme pemantauan projek.

5.1.1.2. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

a. Perenggan 4.3, Tatacara PLKK (berkuatkuasa mulai tahun 2019) menyatakan agensi pelaksana hendaklah memastikan 70% peserta yang dilatih mendapat jaminan pekerjaan.

b. Analisis Audit mendapati seramai 17,210 (119.5%) peserta telah berjaya menghadiri latihan berbanding 15,221 peserta yang diluluskan. **Pencapaian pelaksanaan latihan PLKK mulai tahun 2016 hingga 2022 adalah baik iaitu antara 100% hingga 210.6%**.

c. Semakan lanjut terhadap data peserta mendapati pencapaian keseluruhan program PLKK bagi tahun 2016 hingga 2021 daripada 14,986 peserta yang menghadiri latihan seramai 10,591 (70.7%) peserta telah mendapat tawaran pekerjaan berbanding 4,395 (29.3%) yang masih belum mendapat tawaran pekerjaan. Prestasi pencapaian tahunan bagi tahun 2019 hingga 2021 juga didapati adalah baik kerana pencapaian melebihi sasaran dengan pencapaian antara 90.6% hingga 98.8%. Bagi tahun 2022, prestasi pencapaian peserta yang telah mendapat pekerjaan masih belum dapat diukur kerana 1,047 (47.1%) daripada 2,224 peserta masih belum menamatkan latihan. Butiran lanjut pencapaian dan prestasi pelaksanaan program PLKK adalah seperti dalam **Jadual 6.**

JADUAL 6
PELAKSANAAN PROGRAM PLKK BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022

TAHUN	BILANGAN PROGRAM			BILANGAN PESERTA					
	KELULUSAN	LAKSANA	PERATUS LAKSANA (%)	KELULUSAN	LAKSANA	PERATUS LAKSANA (%)	BEKERJA	TIDAK BEKERJA	PERATUS PESERTA BEKERJA (%)
2016	186	186	100	3,406	3,416	100.3	1,935	1,481	56.6
2017	218	218	100	1,789	3,768	210.6	1,597	2,171	42.4
2018	52	52	100	1,096	1,096	100	778	318	71.0
2019	197	197	100	2,348	2,348	100	2,319	29	98.8
2020	93	93	100	2,066	2,066	100	1,872	194	90.6

TAHUN	BILANGAN PROGRAM			BILANGAN PESERTA					
	KELULUSAN	LAKSANA	PERATUS LAKSANA (%)	KELULUSAN	LAKSANA	PERATUS LAKSANA (%)	BEKERJA	TIDAK BEKERJA	PERATUS PESERTA BEKERJA (%)
2021	161	161	100	2,292	2,292	100	2,090	202	91.2
2022	197	197	100	2,224	2,224	100	-	-	-
JUMLAH	**1,104**	**1,104**	**100**	**15,221**	**17,210**	**113.1**	**10,591**	**4,395**	**70.7***


Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW
Nota: (*) - Peratus Peserta Bekerja Keseluruhan Dikira Berdasarkan Bilangan Peserta Melibatkan Pelaksanaan Hingga Tahun 2021 Iaitu Seramai 14,986 Peserta

Maklum balas KKDW yang diterima pada 12 April 2023

Bagi tahun 2022, seramai 1,047 peserta daripada 1,060 peserta belum mendapat pekerjaan kerana masih belum menamatkan latihan (sehingga April 2023). Hanya 13 peserta yang telah menamatkan latihan dan belum mendapat pekerjaan.

d. Berdasarkan sampel Audit yang melibatkan 1,547 peserta PLKK, didapati jenis kursus yang paling tinggi disertai ialah pembinaan dan kejuruteraan iaitu seramai 319 (20.6%) peserta, diikuti oleh kesihatan dan kecantikan seramai 289 (18.7%) peserta serta fesyen dan tekstil 278 (18%) peserta. Jenis kursus yang disertai oleh peserta berdasarkan sampel Audit adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
PECAHAN BILANGAN PESERTA MENGIKUT KURSUS YANG DITAWARKAN BERDASARKAN SAMPEL AUDIT



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober dan 25 November 2022

Perubahan bilangan peserta sebenar PLKK adalah disebabkan terdapat program yang dirancang untuk dilaksanakan tetapi telah ditangguhkan/belum dilaksanakan. Penetapan KPI pada awal tahun adalah berdasarkan unjuran pelaksanaan program jangka pendek (kurang enam bulan) dan jangka sederhana (lebih enam bulan dan kurang 12 bulan) yang melibatkan kos berbeza. Namun, sebahagian besar program latihan yang diluluskan khususnya bagi tempoh 2019 hingga 2021 adalah berjangka masa pendek (tiga hingga empat bulan) dengan kos yang lebih rendah bagi memastikan adanya jaminan pekerjaan oleh majikan.

KKDW telah mengambil inisiatif untuk menambah baik pelaksanaan PLKK iaitu mulai tahun 2019, kaedah pelaksanaan diubah suai dengan penyaluran kepada agensi pelaksana dibuat berdasarkan kepada projek/program yang diluluskan oleh jawatankuasa di peringkat Kementerian. Selain itu, bermula April 2022, KKDW telah mewujudkan Pangkalan Data Pelaksanaan PLKK melalui *Google Site* PLKK KKDW di mana data PLKK dikunci masuk melalui aplikasi *Google Sheet* oleh pihak KKDW dan agensi.

5.1.1.3. Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

Pegawai Pengawal telah meluluskan sasaran awal seramai 6,900 peserta PPP bagi tahun 2016 hingga 2022. Analisis Audit mendapati seramai 6,820 peserta atau 98.8% telah berjaya dibantu melalui program PPP berbanding sasaran awal seramai 6,900 peserta. Pencapaian tahunan prestasi pelaksanaan PPP setiap tahun mulai tahun 2016 hingga 2022 adalah antara 80.5% hingga 137.3%. **Secara keseluruhan prestasi program PPP adalah baik.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PENCAPAIAN PROGRAM PPP BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022

TEMPOH	RMKe-11					RMKe-12		JUMLAH
TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	
Kelulusan Peserta di Peringkat Kementerian (Berdasarkan SAP)	1,067	526	819	816	1,897	825	950	6,900
Bilangan Peserta Sebenar Agensi Pelaksana	1,007	496	659	799	1,790	765	1,304	6,820
PRESTASI PROGRAM (%)	**94.4**	**94.3**	**80.5**	**97.9**	**94.4**	**92.7**	**137.3**	**98.8**

Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober dan 25 November 2022

Asas penetapan agihan peruntukan dengan bilangan peserta ditetapkan dalam Mesyuarat Penilaian dan Perakuan PPP yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) atau Setiausaha Bahagian (Kesejahteraan Rakyat). Cadangan peserta akan dikemukakan melalui agensi pelaksana untuk dipertimbangkan. Pengurusan KKDW pada tahun 2017 dan 2018 telah memutuskan supaya siling bantuan PPP kepada peserta ditetapkan pada RM5,000 setiap penerima. Ini bagi membolehkan lebih ramai penerima mendapat bantuan. Namun begitu, keputusan ini tidak diteruskan pada tahun 2019 setelah KKDW menambah baik kaedah pelaksanaan dengan inisiatif menetapkan sasaran peningkatan pendapatan sebanyak 30% daripada pendapatan asal peserta.

Pendapat Audit

Pencapaian output bagi program SPKR adalah baik kerana program PPRT, PLKK dan PPP telah mencapai sasaran ditetapkan.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

a. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan melalui Penilaian Keberhasilan menetapkan kementerian/jabatan/agensi membuat penilaian dan impak terhadap sesuatu program/projek pembangunan yang dilaksanakan.

b. Pihak Audit dimaklumkan bahawa **KKDW tidak pernah melaksanakan kajian pencapaian keberhasilan bagi PPRT, PLKK dan PPP.** Ini menyebabkan KKDW tidak dapat menilai pencapaian keberhasilan program SPKR yang telah dimulakan sejak RMKe-10. Pihak KKDW juga tidak dapat mengemukakan maklumat berkaitan untuk menilai pencapaian keberhasilan keberkesanan pelaksanaan PPRT, data peningkatan pendapatan peserta PLKK dan PPP selepas tamat program SPKR.

c. Bagi tujuan penilaian keberhasilan program, pihak Audit mengambil inisiatif membuat soal selidik dan diedarkan kepada peserta program SPKR yang terpilih mengikut komponen PPRT, PLKK dan PPP. Aspek penilaian merangkumi pencapaian objektif program iaitu untuk memastikan kumpulan sasar [miskin tegar, miskin dan berpendapatan rendah (B40)] di luar bandar dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik.


5.1.2.1. Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

a. Objektif program PPRT adalah untuk meningkatkan kualiti hidup kumpulan sasar dengan memberikan bantuan membaik pulih rumah atau membina baharu rumah bagi menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa sebagai asas pertumbuhan sesebuah keluarga.

b. Pihak Audit telah memilih sebanyak 270 peserta PPRT (0.4% daripada 72,032 penerima bantuan PPRT sehingga tahun 2021) untuk membuat lawatan fizikal pada bulan Mei dan Jun 2022. Bagaimanapun, pihak Audit hanya berjaya menemu bual 243 penerima untuk edaran borang soal selidik kerana 27 peserta tiada semasa lawatan atau telah meninggal dunia. Penerima yang berjaya ditemu bual terdiri daripada 117 penerima (1.1% daripada 10,691 penerima) rumah bina baharu dan 126 penerima (0.2% daripada 61,341 penerima) bantuan baik pulih rumah.

c. Berdasarkan borang soal selidik penerima bantuan, pihak Audit mendapati penerima PPRT telah berpuas hati dengan bantuan yang telah diberikan dari segi kualiti rumah, kerja baik pulih dan kediaman yang selamat serta selesa. Butiran tahap kepuasan penerima bantuan terhadap program PPRT adalah seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
KEPUASAN PENERIMA PPRT BERDASARKAN 243 RESPONDEN



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

5.1.2.2. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)


a. Objektif program PLKK dilaksanakan bertujuan meningkatkan kemahiran kumpulan sasar supaya mereka mampu mendapat pekerjaan atau mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih

tinggi dan seterusnya mengeluarkan mereka serta keluarga dari belenggu kemiskinan.

b. Bagi menentukan pencapaian keberhasilan program PLKK bagi kumpulan sasar PLKK di luar bandar dalam meneruskan kelangsungan hidup, soal selidik secara dalam talian telah dihantar secara rawak. Responden adalah peserta yang telah mengikuti Kursus PLKK dalam kursus yang berbeza-beza dalam tempoh RMKe-11 dan tahun 2021.

c. Berdasarkan analisis yang dibuat terhadap maklum balas soal selidik yang diterima daripada 160 peserta (1.1% daripada 14,986 peserta PLKK sehingga tahun 2021), didapati 121 (75.6%) peserta telah mendapat pekerjaan selepas kursus berbanding 103 (64.4%) peserta sebelum mengikuti kursus PLKK. Hasil analisis adalah seperti dalam **Carta 4.**


CARTA 4
KELANGSUNGAN HIDUP KUMPULAN SASAR DI LUAR BANDAR – PESERTA MEMPUNYAI PEKERJAAN



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

d. Status semasa peserta pada 15 Ogos 2022, seramai 129 (80.6%) peserta PLKK berkenaan masih bekerja dengan pendapatan antara RM300 hingga RM5,000. Seramai 29 peserta bekerja sendiri dan 100 peserta bekerja dengan majikan. Hasil analisis adalah seperti dalam **Carta 5.**

CARTA 5
KELANGSUNGAN HIDUP KUMPULAN SASAR DI LUAR BANDAR – PENDAPATAN PESERTA PLKK



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

5.1.2.3. Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

a. Objektif pelaksanaan PPP adalah untuk meningkatkan pendapatan kumpulan sasar luar bandar. Berdasarkan SAP yang dikeluarkan kepada agensi pelaksana, perenggan 4(iv) menyatakan agensi pelaksana perlu memastikan pendapatan para peserta meningkat sekurang-kurangnya 30% dalam masa setahun selepas menerima peralatan.

b. Pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik secara manual semasa lawatan Audit dan secara dalam talian. Seramai 180 responden (3.3% daripada 5,516 peserta PPP sehingga tahun 2021) telah memberi maklum balas terhadap kajian soal selidik mengenai PPP. Analisis Audit terhadap 180 responden mendapati 170 (94.4%) peserta telah dapat meningkatkan pendapatan manakala 10 peserta lagi tiada peningkatan pendapatan. Analisis selanjutnya terhadap 170 peserta mendapati peratus peningkatan pendapatan bagi 165 (97.1%) peserta adalah melebihi 30% seperti yang disasarkan dan daripada jumlah tersebut 105 (61.8%) peserta memperoleh peratus peningkatan pendapatan melebihi 100%. Maklumat lanjut peningkatan pendapatan peserta PPP adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PERATUS PENINGKATAN PENDAPATAN PESERTA PPP

PERATUS PENINGKATAN PENDAPATAN PESERTA (%)	BILANGAN (PESERTA)	PERATUS PESERTA (%)
1.0 – 29.9*	5	2.9
30.0 – 99.9	60	35.3
Melebihi 100	105	61.8
JUMLAH	**170**	**100**

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara
Nota: (*) - Peratus Minimum Peningkatan Pendapatan Peserta Berdasarkan Soal Selidik yang Dibuat ialah 14.3%

c. **Pihak Audit mendapati bahawa objektif pelaksanaan PPP untuk meningkatkan pendapatan kumpulan sasar luar bandar telah dapat dicapai.**

Maklum balas KKDW yang diterima pada 13 Januari dan 12 April 2023

Pihak BKR, KKDW mencadangkan kajian keberhasilan/impak akan dibuat pada *Rolling Plan* 4 Tahun 2024. Sehubungan itu, permohonan bajet bagi kajian keberhasilan ini dijangka akan dibentang/dikemukakan pada bulan Mac 2023.

Permohonan peruntukan untuk kajian keberhasilan SPKR dipohon melalui INFRA, KKDW yang menguruskan semua kajian-kajian di bawah KKDW. Proses permohonan *Rolling Plan* ke-4 masih sedang berlangsung.

Pendapat Audit | **Program SPKR berjaya memberikan impak dari segi keselesaan dan keselamatan tempat tinggal serta membantu meningkatkan kemahiran peserta untuk menambah/ mempunyai pendapatan.**

5.2. Pengurusan Program

5.2.1. Prestasi Kewangan

5.2.1.1. Prestasi Agihan Peruntukan Kementerian

a. Perbelanjaan bagi Program SPKR dibuat menggunakan Peruntukan Pembangunan. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, PB 1.2 (Anggaran Perbelanjaan Persekutuan), Pegawai Pengawal dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan. Semakan Audit mendapati KKDW telah menerima kelulusan peruntukan berjumlah RM2.215 bilion untuk pelaksanaan program SPKR bagi

tahun 2016 hingga 2022. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM2.033 bilion (91.8%) telah dibelanjakan. Perbelanjaan yang direkodkan oleh KKDW ini merupakan penyaluran kepada agensi pelaksana yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan program.

b. Analisis Audit selanjutnya mendapati perbelanjaan yang direkodkan bagi setiap program adalah baik di mana peratus penyaluran peruntukan setiap tahun bagi setiap program melebihi 95% kecuali bagi penyaluran program PPRT pada tahun 2019 hingga 2021 dan program PLKK pada tahun 2021 iaitu antara 71.8% hingga 94.9%. Prestasi penyaluran peruntukan yang rendah tersebut antaranya disebabkan kekangan yang berlaku semasa Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan pada tahun 2020 dan 2021. Akibatnya, manfaat daripada program SPKR ini tidak dapat dinikmati oleh lebih ramai golongan sasar. Maklumat prestasi mengikut pelaksanaan program adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PRESTASI PENYALURAN PERUNTUKAN PROGRAM SPKR
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2022

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PENYALURAN SAP KEPADA AGENSI PELAKSANA (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN TIDAK DISALURKAN (RM Juta)	PERATUS PENYALURAN (%)
PPRT				
2016	274.80	274.40	0.40	99.9
2017	333.10	332.98	0.12	100
2018	271.60	271.60	-	100
2019	200.00	189.82	10.18	94.9
2020	264.19	196.82	67.37	74.5
2021	355.00	254.75	100.25	71.8
2022	361.10	361.10	-	100.0
JUMLAH	**2,059.79**	**1,881.47**	**178.32**	**91.3**
PLKK				
2016	25.00	23.84	1.16	95.4
2017	20.00	19.86	0.14	99.3
2018	10.00	9.86	0.14	98.6
2019	10.00	9.62	0.38	96.2
2020	8.80	8.57	0.23	97.4
2021	10.00	8.82	1.18	88.2
2022	10.00	9.97	0.03	99.7
JUMLAH	**93.80**	**90.54**	**3.26**	**96.5**
PPP				
2016	10.00	10.00	-	100
2017	5.00	5.00	-	100
2018	5.00	5.00	-	100
2019	7.00	7.00	-	100

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PENYALURAN SAP KEPADA AGENSI PELAKSANA (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN TIDAK DISALURKAN (RM Juta)	PERATUS PENYALURAN (%)
2020	17.00	17.00	-	100
2021	7.00	7.00	-	100
2022	10.00	10.00	-	100
JUMLAH	**61.00**	**61.00**	**-**	**100**
JUMLAH KESELURUHAN	**2,214.59**	**2,033.01**	**181.58**	**91.8**

Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW

Maklum balas KKDW yang diterima pada 13 Januari 2023

Kelulusan tahunan disediakan pada awal tahun berdasarkan prestasi tahun sebelum dan belum mengambil kira situasi yang berlaku pada tahun pelaksanaan. Perancangan/kelulusan awal ini secara umumnya untuk menentukan hala tuju pelaksanaan pada tahun berkenaan. Selain itu, terdapat sekatan belanja/pemulangan peruntukan kepada Kementerian Kewangan disebabkan terdapat keperluan untuk projek/program lain atau halangan pelaksanaan seperti semasa tempoh kawalan pergerakan. Terdapat juga keperluan *Notice of Change* (NOC) peruntukan bagi perubahan agihan negeri dan skop bantuan.

5.2.1.2. Peruntukan dan Perbelanjaan Kewangan

a. Bagi peringkat seterusnya, agensi pelaksana menerima peruntukan yang diberikan oleh pihak KKDW bagi tujuan pelaksanaan projek/program PPRT, PLKK dan PPP. Peruntukan ini diterima berdasarkan kepada SAP yang dikeluarkan oleh KKDW. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022, sejumlah RM1,915.85 juta telah disalurkan kepada tujuh agensi pelaksana yang diaudit (GIATMARA, KEDA, KESEDAR, FELCRA, JAKOA, M-FICORD dan KPLBS) dan RM1,696.79 juta (88.6%) telah dibelanjakan. Baki peruntukan yang masih berada di peringkat agensi pelaksana sehingga bulan Disember 2022 berjumlah RM219.06 juta (11.4%). Berdasarkan temu bual yang dijalankan dengan pegawai, didapati peruntukan yang disimpan oleh agensi pelaksana ini terdiri daripada komitmen program yang dilaksanakan dan masih belum dibayar, peruntukan yang belum dibelanjakan disebabkan program belum dilaksanakan/dibatalkan dan penjimatan daripada program yang telah dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENYALURAN PERUNTUKAN OLEH KEMENTERIAN DAN PERBELANJAAN SEBENAR OLEH AGENSI PELAKSANA UNTUK PELAKSANAAN PPRT, PLKK DAN PPP BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2022

AGENSI	PENYALURAN PERUNTUKAN KEMENTERIAN YANG DITERIMA OLEH AGENSI PELAKSANA (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR OLEH AGENSI PELAKSANA (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN/ (LEBIH BELANJA) (RM Juta)	PERATUS TIDAK DIBELANJAKAN/ (LEBIH BELANJA) (%)
	(a)	(b)	(a) - (b)	
PPRT				
GIATMARA	1,020.97	955.44	65.53	6.4
KEDA	59.21	56.17	3.04	5.1
KESEDAR	54.65	41.81	12.84	23.5
FELCRA	96.24	81.83	14.41	15.0
JAKOA	17.02	16.64	0.38	2.2
M-FICORD – GIATMARA Pembayar	122.42	68.23	54.19	44.3
M-FICORD – FELCRA Pembayar	232.16	226.23	5.93	2.6
KPLBS – GIATMARA Pembayar	86.97	53.00	33.97	39.1
KPLBS – FELCRA Pembayar	101.45	96.85	4.60	4.5
JUMLAH	**1,791.09**	**1,596.20**	**194.89**	**10.9**
PLKK				
GIATMARA	27.93	24.24	3.69	13.2
KEDA	4.33	4.22	0.11	2.5
KESEDAR	3.82	3.32	0.50	13.2
FELCRA	36.09	29.99	6.10	16.9
JAKOA	2.96	2.00	0.96	32.4
JUMLAH	**75.13**	**63.77**	**11.36**	**15.1**
PPP				
GIATMARA	29.09	19.01	10.08	34.7
KEDA	4.06	4.04	0.02	0.5
KESEDAR	3.44	3.34	0.10	2.9
FELCRA/FTC	12.93	10.33	2.60	20.1
JAKOA	0.11	0.10	0.01	9.1
JUMLAH	**49.63**	**36.82**	**12.81**	**25.8**
JUMLAH KESELURUHAN	**1,915.85**	**1,696.79**	**219.06**	**11.4**

Sumber: Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KKDW dan Agensi Pelaksana

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati SAP yang dikeluarkan kepada agensi tidak memperincikan mengenai tindakan yang sepatutnya diambil oleh pihak agensi sekiranya terdapat lebihan peruntukan SPKR yang disalurkan disebabkan penjimatan atau pembatalan projek/program. Ini menyebabkan

lebihan peruntukan tersebut tidak digunakan bagi membantu lebih ramai golongan sasar.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober, 25 November, 21 Disember 2022, 13 Januari dan 12 April 2023

Baki belum belanja oleh agensi merujuk kepada penjimatan daripada pelaksanaan projek (penyaluran peruntukan dibuat berdasarkan kadar siling, namun pelaksanaan adalah berdasarkan kos sebenar); projek-projek yang disiapkan melangkaui tahun atau dibatalkan disebabkan faktor-faktor tertentu seperti status pemilikan tanah belum selesai, kelulusan SAP pada akhir tahun dan Perintah Kawalan Pergerakan; serta tuntutan belum diterima daripada kontraktor. Bagi peruntukan/baki yang tiada komitmen, KKDW akan membuat penambahan unit berdasarkan keperluan tertentu/khas. Selain itu, baki peruntukan dilaporkan dalam Jawatankuasa Pemantauan Peruntukan Agensi Pelaksana/Pembayar. Baki peruntukan yang belum dibelanja pada akhir tahun 2022 merupakan baki komited bagi projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan dan belum siap.

Pendapat Audit

Prestasi penyaluran peruntukan SPKR kepada agensi pelaksana adalah baik. Bagaimanapun, terdapat lebihan peruntukan di peringkat agensi pelaksana yang boleh dimanfaatkan oleh KKDW untuk penerima/peserta program SPKR lain.

5.2.2. Pengurusan Program PPRT

Pengurusan Program PPRT (rumah bina baharu dan baik pulih) dinilai berdasarkan permohonan, kelulusan, pelaksanaan, pemantauan dan penyerahan projek. Secara keseluruhannya, pengurusan program PPRT adalah baik kecuali bagi perkara-perkara seperti berikut:


5.2.2.1. Pelaksanaan Pembinaan/Baik Pulih PPRT

a. Reka Bentuk Peranti Arus Baki pada Papan Agihan Elektrik

i. Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 (Semenanjung dan Sabah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga dan The Electricity Rules 1999 (Sarawak) yang dikeluarkan oleh Kementerian Utiliti Sarawak menyatakan dua Peranti Arus Baki (PAB) yang berkepekaan 100miliampere (mA) dan 30mA perlu dipasang kerana terdapat litar lampu, kipas dan soket pada Papan Agihan Elektrik rumah PPRT. Semakan Audit terhadap lukisan elektrik yang direka bentuk oleh Bahagian Teknikal KKDW hanya


menggunakan satu sahaja PAB berkepekaan 100mA untuk litar lampu, kipas dan soket pada Papan Agihan Elektrik bagi rumah PPRT seperti dalam **Gambar 1**. Selain itu, lukisan Syarikat Pengeluar IBS pula hanya menggunakan PAB berkepekaan 30mA sahaja seperti dalam **Gambar 2**.

GAMBAR 1



Peranti Arus Baki (PAB) berkepekaan 100mA pada Papan Agihan Elektrik
Lukisan Piawai KKDW Batu Bata (No. Lukisan: KKLW.BKR/PBR/01/10, Jan 2017) dan
Lukisan Piawai KKDW Papan (No. Lukisan: KKLW.J.BKR/PBR/01/10, Ogos 2017)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Peranti Arus Baki (PAB) Berkepekaan 30mA pada Papan Agihan Elektrik
Lukisan Syarikat Pengeluar IBS (No. Lukisan: LP908, Nov 2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

ii. Berdasarkan pemeriksaan fizikal Audit terhadap **87 unit rumah bina baharu bagi menentukan pematuhannya terhadap peraturan-peraturan elektrik, didapati kesemua rumah hanya menggunakan satu sahaja Peranti Arus Baki (PAB) berkepekaan 100 miliampere (mA) untuk litar soket, lampu**


dan kipas seperti dalam **Jadual 11** dan **Gambar 3** hingga **Gambar 5**. Penggunaan satu PAB ini boleh menyebabkan penghuni terdedah kepada risiko renjatan elektrik apabila berlaku kebocoran arus elektrik.

JADUAL 11
PEMASANGAN PAB DI RUMAH PPRT TIDAK MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK DI MALAYSIA

BIL.	NEGERI	AGENSI PELAKSANA	BIL. SAMPEL RUMAH PPRT YANG DIAUDIT PAB	KEPEKAAN PAB YANG DI PASANG DI RUMAH PPRT YANG SIAP DIBINA [DIPASANG (✓) / TIDAK DIPASANG (x)]	
				30mA	100mA
1.	Sabah	GIATMARA	19	X	✓
		KPLBS	12	X	✓
2.	Sarawak	GIATMARA	8	X	✓
		M-FICORD	6	X	✓
3.	Kelantan	GIATMARA	11	X	✓
		KESEDAR	4	X	✓
4.	Kedah	GIATMARA	5	X	✓
		KEDA	7	X	✓
5.	Perak	GIATMARA	4	X	✓
6.	Selangor	GIATMARA	11	X	✓
JUMLAH			**87**		


Sumber: Lawatan Fizikal Audit

GAMBAR 3




Bandar Baharu, Kedah
- Tiada Peranti Arus Baki (PAB) Berkepekaan 30mA pada Papan Agihan Elektrik Seperti Kehendak Peraturan-Peraturan Elektrik di Malaysia
Agensi Pelaksana: KEDA
(19.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Langkawi, Kedah
- Tiada Peranti Arus Baki (PAB) Berkepekaan 30mA pada Papan Agihan Elektrik Seperti Kehendak Peraturan-Peraturan Elektrik di Malaysia
Agensi Pelaksana: GIATMARA
(25.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 5

Kota Belud, Sabah
- Tiada Peranti Arus Baki (PAB) Berkepekaan 30mA pada Papan Agihan Elektrik Seperti Kehendak Peraturan-Peraturan Elektrik di Malaysia
Agensi Pelaksana: KPLB Sabah
(14.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas KKDW yang diterima pada 25 November 2022 dan 12 April 2023

Bagi pelaksanaan PPRT yang menggunakan kaedah IBS, KKDW akan mengarahkan semua agensi pelaksana untuk mengguna pakai lukisan piawaian elektrik yang telah dipinda seperti di atas semasa edaran lukisan tersebut. Ini bagi menyelaraskan pematuhan terhadap Peraturan-peraturan Elektrik 1994 berkaitan PAB dalam pelaksanaan program PPRT oleh KKDW.

Pindaan terhadap lukisan piawaian elektrik telah dibuat pada Mac 2023. (Rujukan No. lukisan: KPLB.J.BKR/PPRT-BB3/01/PINDAAN 01, No. Helaian: E01, No. Fail: KPLB.J.600-2/1). Ini untuk mengadakan dua PAB iaitu yang berkadaran 100mA untuk litar lampu/kipas dan berkadaran 30mA untuk litar soket sebagai mematuhi kehendak Peraturan-peraturan Elektrik 1994. Lukisan berkenaan telah dibentang dan diedarkan kepada semua agensi pelaksana PPRT dalam Mesyuarat Penyelarasan PPRT Bil. 1/2023 yang telah diadakan pada 15 Mac 2023 di Kuantan, Pahang.


Pendapat Audit

Papan Agihan Elektrik bagi rumah PPRT perlu dilengkapi dengan PAB berkepekaan 30mA (litar soket) dan 100mA (litar lampu dan kipas) selaras dengan Peraturan-Peraturan Elektrik di Malaysia.

b. Kelengkapan Elektrik bagi Rumah Bina Baharu

i. Kelengkapan elektrik bagi rumah PPRT hendaklah dibuat oleh kontraktor mengikut spesifikasi dan Lukisan Piawai yang dikeluarkan oleh KKDW. Bagi skop elektrik, ia meliputi meter elektrik, papan agihan elektrik, *earthing* dan kelengkapan elektrik (mata kipas, kipas, lampu pendarfluor dan soket alir keluar) hendaklah dipatuhi seperti dalam **Rajah 4**.

RAJAH 4
LUKISAN PIAWAI SKOP ELEKTRIK



Sumber: Lukisan Piawai KKDW (susun atur dan pemasangan elektrik) No. Lukisan KKLW.BKR/PBR/01/10Jan2017


ii. Semakan Audit terhadap 87 unit rumah bina baharu mendapati sebanyak **57 unit rumah bina baharu tidak mematuhi lukisan piawai bagi skop komponen papan agihan elektrik, satu unit skop *earthing* dan 42 unit skop kelengkapan elektrik.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 12** dan contoh penemuan Audit seperti dalam **Gambar 6** hingga **Gambar 16**.

JADUAL 12
KETIDAKPATUHAN KEPADA LUKISAN PIAWAI/IBS BAGI SKOP ELEKTRIK

BIL.	NEGERI	REKABENTUK KELENGKAPAN ELEKTRIK YANG TIDAK MEMATUHI LUKISAN (PIAWAI/IBS) BAGI PEMASANGAN SKOP ELEKTRIK				
		KOMPONEN PAPAN AGIHAN ELEKTRIK (MCCB, RCCB, MCB)	*EARTHING*	BIL. MATA KIPAS (5 POINT)	BIL. LAMPU PENDARFLUOR 1X36W (8 UNIT)	BIL. SOKET ALIR KELUAR 13A (8 UNIT)
1.	Sarawak	9	-	1	-	-
2.	Sabah	25	1	11	10	10
3.	Selangor	2	-	1	-	-
4.	Perak	1	-	-	-	-
5.	Kedah	12	-	3	1	1
6.	Kelantan	8	-	4	-	-
		57	**1**	**20**	**11**	**11**


Sumber: Jabatan Audit Negara
Nota: MCCB - *Moulded Case Circuit Breaker*; RCCB - *Residual Current Circuit Breaker*; MCB – *Miniature Circuit Breaker*.

GAMBAR 6




Kuala Krai, Kelantan
- Komponen MCCB, MCB dan RCCB Pada Papan Agihan Elektrik Tidak Mematuhi Lukisan Elektrik
Agensi Pelaksana: KESEDAR
(18.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 7



Serian, Sarawak
- Komponen MCCB, MCB dan RCCB Pada Papan Agihan Elektrik Tidak Mematuhi Lukisan Elektrik
Agensi Pelaksana: M-FICORD
(22.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8




Tumpat, Kelantan
- Mata Kipas Tidak Dipasang di Ruang Makan
Agensi Pelaksana: GIATMARA
(23.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9




Tumpat, Kelantan
- Mata Kipas Telah Dipasang di Ruang Makan Selepas Teguran Audit
Agensi Pelaksana: GIATMARA
(31.05.2023)
(Sumber: GIATMARA)

GAMBAR 10




Tumpat, Kelantan
- Mata Kipas Tidak Dipasang di Dalam Bilik Tidur
Agensi Pelaksana: GIATMARA
(23.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11



Tumpat, Kelantan
- Mata Kipas Telah Dipasang di Dalam Bilik Tidur Setelah Teguran Audit
Agensi Pelaksana: GIATMARA
(31.05.2023)
(Sumber: GIATMARA)


GAMBAR 12



Nabawan, Sabah
- Soket Aliran Keluar 13A Sepatutnya Dipasang 2 Unit Seperti Dalam Lukisan Piawai

Agensi Pelaksana: GIATMARA
(21.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)


GAMBAR 13



Nabawan, Sabah
- Soket Aliran Keluar 13A Telah Dipasang 2 Unit Seperti Dalam Lukisan Piawai Setelah Teguran Audit

(13.12.2022)
(Sumber: GIATMARA)

GAMBAR 14



Kota Kinabalu, Sabah
- Soket Aliran Keluar 13A Sepatutnya Dipasang 1 Unit Seperti Dalam Lukisan Piawai

Agensi Pelaksana: KPLB Sabah
(13.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 15



Kota Kinabalu, Sabah
- Soket Aliran Keluar 13A Telah Dipasang 1 Unit Seperti Dalam Lukisan Piawai

Agensi Pelaksana: KPLB Sabah
(13.12.2022)
(Sumber: KPLB Sabah)

GAMBAR 16



Nabawan, Sabah
- *Earthing* Tidak Ditanam ke Dalam Tanah

(21.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

iii. Ketidakpatuhan ini disebabkan tiada pegawai teknikal bertauliah bagi memantau kerja-kerja teknikal elektrik. Kesannya, penerima tidak mendapat manfaat kelengkapan elektrik yang mencukupi dan terpaksa menghadkan penggunaan elektrik.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober, 25 November 2022 dan 30 Mei 2023

KKDW akan membuat penambahbaikan proses kerja/senarai semak pembinaan PPRT secara menyeluruh. Pengemaskinian/Penambahbaikan Pelan Rumah PPRT termasuk kelengkapan elektrik telah dibuat pada bulan Mac 2023. (Rujukan No. lukisan: KPLB.J.BKR/PPRT-BB3/01 No. Fail: KKDW.TEK(S).700-3/6/3). Pelan berkenaan telah dibentang dan diedarkan kepada semua agensi pelaksana PPRT pada 15 Mac 2023.

Pihak Agensi telah diminta untuk memastikan pihak kontraktor mematuhi sepenuhnya lukisan piawaian yang baharu dalam pembinaan rumah PPRT. BKR, KKDW juga akan menyediakan Senarai Semak bagi tujuan pemantauan dan kepatuhan ke atas Pelan/ Lukisan Piawaian berkenaan bagi pembinaan rumah PPRT.

Maklum balas KPLBS yang diterima pada 21 Oktober dan 25 November 2022

Kerja elektrik dibuat oleh sub-kontraktor elektrik yang dilantik oleh kontraktor. Peralatan elektrik yang digunakan adalah bertanda/label SIRIM dan penyambungan bekalan elektrik ke rumah-rumah akan dipantau oleh pihak Sabah Electricity Sdn. Bhd. sebelum penyambungan dibuat.

Maklum balas KEDA yang diterima pada 31 Mei 2023

Tindakan telah diambil terhadap satu skop *earthing* yang tidak mematuhi skop dan pemasangan telah dibuat terhadap lima *point* kipas.

Pendapat Audit

Kelengkapan elektrik yang dibuat oleh kontraktor tidak mengikut lukisan piawai elektrik menyebabkan penerima tidak dapat menikmati manfaat kelengkapan elektrik yang mencukupi dan terpaksa menghadkan penggunaan peralatan elektrik di dalam rumah. Pembayaran penuh terhadap kerja yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor juga merugikan Kerajaan.

c. *Shop Drawing* Pembinaan PPRT Jenis IBS

Perenggan 8.1 Tatacara Pelaksanaan PPRT menetapkan pelan lantai dan spesifikasi rumah bina baharu rumah untuk kegunaan agensi pelaksana. Semakan Audit mendapati KKDW telah meluluskan empat lukisan piawaian jenis rumah batu bata konvensional. Bagaimanapun, **lukisan piawaian**

bagi IBS tidak disediakan dan pembinaan menggunakan jenis IBS hanya bergantung kepada *shop drawing* oleh pembekal. Semakan Audit selanjutnya mendapati perincian spesifikasi skop pembinaan [saiz apron, binaan bumbung pisang sesikat (lean to roof), sistem aliran air hujan, tingkap dan kelengkapan dapur] *shop drawing* IBS yang dikeluarkan oleh pembekal tidak dinyatakan. Ini menyebabkan spesifikasi pembinaan yang menggunakan kaedah IBS tidak seragam. Selain itu, ia juga menyebabkan pemantauan kerja pembinaan oleh agensi pelaksana bagi mengesahkan pembinaan yang dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan sukar untuk dilaksanakan. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
SENARAI LUKISAN PIAWAI KKDW DAN LUKISAN PIAWAI IBS

BIL.	JENIS PELAN	*BATCH*/ TAHUN	SAIZ APRON	BINAAN BUMBUNG PISANG SESIKAT/ *LEAN TO ROOF*	SISTEM ALIRAN AIR HUJAN	TINGKAP	KELENGKAPAN DAPUR
PELAN JENIS IBS							
1.	IBS – UAC	September 2019	610	Tiada Perincian	*Gutter*	H-917+300 Fixed	Ada Perincian
2.	IBS- VISTA	April 2019	Tiada Perincian	Tiada Perincian	Tiada Perincian	Tiada Perincian	Tiada Perincian
3.	IBS- AAC BLOCK	Disember 2020	610	Tiada Perincian	*Gutter*	H-1200	Tiada Perincian
4.	IBS- AAC BLOCK	November 2020	Tiada Perincian	Tiada Perincian	Tiada Perincian	H-1200	Tiada Perincian
5.	IBS - BRISTEEL	Mei 2020	Tiada Perincian	*Metal Roof With Steel Truss System*	Tiada Perincian	Tiada Perincian	Tiada Perincian
6.	IBS - BRISTEEL	Disember 2019	Tiada Perincian	*Metal Roof With Steel Truss System*	Tiada Perincian	Tiada Perincian	Tiada Perincian
7.	IBS – AMCAN	Ogos 2021	610	Tiada Perincian	*Gutter*	H-1200	Perincian IBS Hanya *Stainless Steel* Tanpa *Concrete Top*

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum balas KKDW yang diterima pada 13 Januari, 12 April dan 30 Mei 2023

Sesi perbincangan dengan Bahagian Teknikal, KKDW telah diadakan pada 5 Januari 2023 bagi menyemak semula lukisan-lukisan piawaian/pelan rumah PPRT sebagai sebahagian daripada tindakan penambahbaikan tatacara pelaksanaan PPRT, SPKR. Hasil perbincangan telah memutuskan agar Bahagian Teknikal, KKDW mengambil tindakan dengan menambah baik lukisan pelan bagi tiga jenis pelan PPRT dengan mengambil kira dapatan pengauditan SPKR bagi Rumah Batu Bata, Rumah Papan dan Rumah Papan – Pembinaan Atas Air.

Pengemaskinian/Penambahbaikan Pelan Rumah PPRT telah dibuat pada Mac 2023. (Rujukan No. lukisan: KPLB.J.BKR/PPRT-BB3/01 No. Fail: KKDW.TEK(S).700-3/6/3). Pelan berkenaan telah dibentang dan diedarkan kepada semua agensi pelaksana PPRT dalam Mesyuarat Penyelarasan PPRT Bil. 1/2023 yang telah diadakan pada 15 Mac 2023 di Kuantan, Pahang.

BKR, KKDW telah mengadakan sesi taklimat teknikal Pelan/lukisan Piawaian Pembinaan Rumah PPRT yang baharu kepada syarikat-syarikat pembekal IBS pada 13 April 2023 melibatkan 15 pembekal. Lukisan teknikal secara konvensional dan nota perbincangan taklimat bersama pembekal IBS telah diedarkan pada 3 Mei 2023. Pembekal-pembekal IBS dikehendaki untuk mengemaskini lukisan teknikal berkenaan selaras dengan cara pembinaan IBS dan mengemukakan sebut harga kepada pihak KKDW sebelum atau pada 19 Mei 2023.

Pendapat Audit

Lukisan piawai binaan IBS yang tidak terperinci telah menyebabkan ketidakseragaman skop binaan rumah dan menyukarkan pemantauan bagi menentukan sama ada skop binaan telah dipatuhi.

5.2.2.2. Pemantauan PPRT

a. Penyerahan Rumah Bina Baharu yang Telah Siap Dibina

i. Tempoh pelaksanaan rumah bina baharu adalah bergantung kepada tempoh yang ditetapkan di dalam surat tawaran pelaksanaan yang dikeluarkan oleh agensi pelaksana kepada kontraktor. Perenggan 11.3 Tatacara Pelaksanaan PPRT menetapkan projek PPRT yang telah siap hendaklah diserahkan segera kepada penerima bantuan. Semakan Audit mendapati **35 daripada 129 (27.1%) unit rumah bina baharu telah lewat diserahkan kepada penerima dengan tempoh kelewatan hingga 508 hari dari tarikh perakuan tahap kemajuan kerja hingga tarikh perakuan serahan siap kerja oleh penerima.**

ii. Kelewatan penyerahan rumah bina baharu antaranya disebabkan isu urusan penyambungan elektrik dan air, kelewatan serahan dokumen oleh kontraktor, penyerahan dokumen yang tidak lengkap oleh penerima serta agensi teknikal lewat mengesahkan kerja. Kelewatan penyerahan rumah bina baharu yang telah siap menyebabkan penerima tidak dapat menikmati manfaat bantuan yang disalurkan mengikut tempoh yang dijanjikan.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober 2022, 25 November 2022 dan 13 Januari 2023

KKDW akan memastikan agensi mematuhi pelaksanaan PPRT dan melaksanakan bengkel bersama Pegawai Projek Khas bagi menambah baik pelaksanaan PPRT di peringkat negeri/daerah. Pihak BKR, KKDW akan membuat tindakan penambahbaikan Tatacara Pelaksanaan PPRT berkaitan urusan pengesahan perakuan tahap kerja. Antara cadangan yang akan dilaksanakan adalah menyediakan Senarai Semak yang akan diedarkan/diguna pakai oleh Agensi Pelaksana.
Penambahbaikan Tatacara Pelaksanaan PPRT telah dibincang dan disediakan untuk dibentangkan dalam Jawatankuasa Dasar Kementerian dalam tempoh yang terdekat.

Pendapat Audit | **Kelewatan penyerahan rumah yang telah siap perlu ditangani bagi memastikan penerima manfaat bantuan pada tempoh yang dijanjikan.**

b. Rekod Pembaikan Kecacatan Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) dan Mekanisme Aduan oleh Penerima Dalam Tempoh DLP

i. Perenggan 10.1 Tatacara Pelaksanaan PPRT menyatakan Perakuan Siap Kerja/Penerimaan DLP untuk rumah bina baharu adalah selama enam bulan dan kerja-kerja baik pulih adalah selama satu bulan. Bagi tujuan pemantauan dan pelaporan pula, Perenggan 11.2 tatacara tersebut menyatakan bahawa agensi pelaksana hendaklah mengemukakan borang penyerahan rumah kepada penerima (Perakuan Serahan Siap Kerja) yang dilengkapkan dengan tarikh Certificate of Practical Completion (CPC).

ii. Semakan Audit terhadap **Borang Perakuan Serahan Siap Kerja** yang digunakan oleh agensi pelaksana mendapati ia **tidak lengkap kerana tiada tarikh CPC**. Hal ini menyebabkan pihak Audit **tidak dapat menentukan tempoh DLP dan tidak dapat mengesahkan kerja pembaikan kecacatan dalam tempoh tersebut** untuk setiap projek PPRT yang telah dibina atau dibaik pulih.

iii. Selain itu, pihak Audit turut mendapati **penerima bantuan rumah bina baharu atau baik pulih tidak dapat membuat aduan kerosakan dalam tempoh DLP kerana tiada mekanisme yang jelas ditetapkan.** Ini disebabkan Tatacara Pelaksanaan PPRT, Surat Tawaran/Arahan Pelaksanaan Kerja kepada kontraktor dan Perakuan Serahan Siap Kerja tidak menyatakan sebarang prosedur bagi melaporkan

kerosakan dalam tempoh DLP. Ketiadaan mekanisme aduan kerosakan dalam tempoh DLP ini akan merugikan penerima kerana penerima terpaksa menanggung sendiri kos pembaikan kerosakan.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober 2022 dan 13 Januari 2023

KPLBS akan meneliti dan menambahbaik proses ini seperti menyediakan senarai semak selepas rumah siap dan menambah maklumat dalam borang Perakuan Serahan Siap kerja. Sejak tahun 2019, rekod pemantauan projek PPRT secara *online* telah dilaksanakan. Bagaimanapun, pada tahun 2020 dan 2021 ia tidak dapat diteruskan kerana PKP. Pihak BKR, KKDW memberi perhatian ke atas proses penyerahan rumah PPRT kepada penerima yang kurang jelas khususnya berkaitan aduan kerosakan/kecacatan dalam tempoh DLP. Sehubungan itu, BKR KKDW akan meneliti penambahbaikan proses ini dalam tatacara pelaksanaan PPRT. Antara cadangan yang akan dilaksanakan adalah menyediakan senarai semak selepas rumah siap dan tambah baik maklumat dalam Borang Perakuan Serahan Siap Kerja.

Maklum balas KEDA yang diterima pada 31 Mei 2023

KEDA telah mewujudkan mekanisme bagi aduan berkenaan kerosakan.


Pendapat Audit | **Ketiadaan mekanisme aduan oleh agensi pelaksana menyukarkan penerima untuk membuat aduan kerosakan dalam tempoh DLP.**

5.2.2.3. Pemasangan Meter Elektrik bagi Rumah Bina Baharu

a. Lukisan piawaian bagi skop elektrik meliputi meter elektrik, papan agihan elektrik, *earthing* dan kelengkapan elektrik. Semakan Audit mendapati **20 daripada 129 (15.5%) unit rumah bina baharu yang telah siap dibina dan telah diserahkan kepada peserta PPRT tanpa pemasangan meter elektrik yang lengkap dari tarikh siap kerja antara 56 hingga 1,073 hari sehingga tarikh lawatan Audit.**

b. Keadaan ini menyebabkan ketidakselesaan kepada penerima, rumah yang diterima tidak dapat diduduki atau penerima menggunakan elektrik daripada rumah lama atau rumah jiran. Oleh itu penerima PPRT tidak dapat menikmati kemudahan dan kelengkapan elektrik yang disediakan oleh Kerajaan untuk keselesaan rakyat. Contoh penemuan seperti dalam **Gambar 17** hingga **Gambar 21**.

GAMBAR 17




Langkawi, Kedah
- Tiada Meter Elektrik Dipasang dan Tidak Diduduki oleh Peserta
Agensi Pelaksana: GIATMARA
(25.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 18




Langkawi, Kedah
- Meter Elektrik Telah Dipasang Pada 15 Jun 2022 dan Rumah Telah Diduduki oleh Peserta Selepas Teguran Audit
Agensi Pelaksana: GIATMARA
(31.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 19



Sri Aman, Sarawak
- Tiada Meter Elektrik Dipasang
Agensi Pelaksana: GIATMARA
(20.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 20



Sri Aman, Sarawak
- Pemasangan Meter Elektrik oleh Pihak Sarawak Energy (SESCO Berhad) Telah Dilaksanakan Pada 15 November 2022 Selepas Teguran Audit
Agensi Pelaksana: GIATMARA
(31.05.2023)
(Sumber: GIATMARA)



GAMBAR 21

Nabawan, Sabah
- Tiada Meter Elektrik Dipasang dan Tidak Diduduki oleh Peserta Daerah
Agensi Pelaksana: KPLB Sabah
(21.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas KPLBS yang diterima pada 21 Oktober 2022

Bayaran deposit telah dibayar kepada pihak utiliti dan dalam proses penyambungan elektrik oleh pihak terlibat.

Maklum balas GIATMARA yang diterima pada 21 Oktober 2022 dan 31 Mei 2023

Bayaran deposit telah dibayar kepada pihak utiliti. Sebahagian rumah masih dalam proses penyambungan elektrik. Sebahagian rumah juga telah siap dipasang meter elektrik dan telah diduduki oleh peserta. Pemasangan meter elektrik oleh pihak Sarawak Energy (SESCO Berhad) telah dilaksanakan pada 15 November 2022.

Pendapat Audit

Meter elektrik yang tidak dipasang menyebabkan penerima tidak dapat menikmati kemudahan dan keselesaan daripada bantuan yang diberikan.

5.2.3. Pengurusan Program PPP

Pengurusan Program PPP dinilai berdasarkan permohonan, kelulusan, pelaksanaan dan pemantauan projek. Secara keseluruhannya, pengurusan program PPP adalah baik kecuali bagi perkara-perkara seperti berikut:

5.2.3.1. Bayaran Dividen Kepada Peserta Program PPP - Projek Hasil Ternakan Lembu

a. Skop Program Peningkatan Hasil Pendapatan – Hasil Ternakan Lembu adalah untuk membantu menjana pendapatan bagi peserta melalui agihan dividen hasil penjualan ternakan oleh *technology provider.* Klausa 2.1 Memorandum Perjanjian FTC (5-501)2019(005) bertarikh 2 Disember 2019 menyatakan tanggungjawab Syarikat 637030-V adalah membantu peserta mendapatkan kenaikan pendapatan sekurang-kurangnya 30% dari asal dan membayar dividen minimum RM1,000 setahun selama tiga tahun (36 bulan) secara ansuran tiga kali setahun.

b. Seramai 40 peserta PPP telah menyertai Projek Hasil Ternakan Lembu. Peserta dibahagikan kepada dua kumpulan (19 peserta dan 21 peserta) disebabkan berlaku penggantian peserta. Peserta-peserta ini layak menerima dividen sebagaimana ditetapkan di dalam perjanjian.

c. Semakan Audit mendapati sehingga 9 Ogos 2022, **bagi tempoh tiga tahun, peserta hanya menerima dividen sebanyak satu hingga empat kali sahaja iaitu antara RM400 hingga RM1,600 berbanding minimum RM3,000 mengikut perjanjian.** Syarikat 637030-V juga didapati telah memohon penangguhan dividen kepada FTC

melalui surat bertarikh 3 April 2022. Pihak Pengurusan FTC pada 15 November 2022 telah bersetuju memberikan pelanjutan masa sehingga tahun 2025 dan meminta Syarikat 637030-V membuat penjadualan baharu agihan dividen kepada peserta dan akan disusuli dengan perjanjian tambahan. Pembayaran dividen yang tidak mengikut jadual ini menyebabkan kerugian kepada peserta kerana tidak mendapat manfaat hasil peningkatan pendapatan yang sepatutnya dinikmati mengikut tempoh yang dijanjikan.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 13 Januari dan 30 Mei 2023

Pihak Syarikat 637030-V telah membuat aliran tunai dividen dan jadual penstrukturan semula bayaran dividen bermula pada bulan Februari 2023 hingga Februari 2025.

Pihak FTC telah menerima surat pemakluman daripada pihak Syarikat 637030-V, no. rujukan: TMD/SRT0006/23, bertarikh 24 Mei 2023 bagi penangguhan pembayaran dividen kepada peserta Projek Hasil Ternakan Lembu disebabkan oleh masalah kewangan syarikat.

Pihak FTC melalui perbincangan bersama pihak Penasihat Undang-undang FELCRA Berhad pada 25 Mei 2023 telah bersetuju untuk:

i. Tidak meluluskan permohonan penangguhan pembayaran dividen kepada peserta Projek Hasil Ternakan Lembu walaupun telah kemukakan jadual penstrukturan semula pembayaran dividen bermula Februari 2023 sehingga Februari 2025.

ii. Memulakan tindakan perundangan pada Jun 2023 ke atas Syarikat 637030-V kerana gagal membayar dividen mengikut jadual penstrukturan semula bayaran dividen yang dijanjikan serta menfailkan tuntutan atas baki dividen yang masih belum di bayar bagi Projek Hasil Ternakan Lembu.

iii. Bahagian Undang-Undang FELCRA Berhad menyarankan pihak FTC untuk menyediakan kronologi dan mengumpul dokumen-dokumen berkaitan.

Pendapat Audit

Pembayaran dividen yang tidak mengikut jadual menyebabkan objektif program untuk meningkatkan pendapatan peserta tidak tercapai.

5.2.3.2. Bayaran Pendahuluan Kepada Pelaksana Program PPP - Projek Bekalan Peralatan dan Latihan Usahawan Pedaging

a. Projek bekalan peralatan dan latihan usahawan pedaging telah dilaksanakan untuk membantu peserta menerima bantuan gerai, peralatan sembelihan, jualan daging dan modal pusingan untuk stok daging mentah. Setiap satu gerai akan dikongsi oleh dua orang peserta dengan nilai sejumlah RM18,000. Projek ini melibatkan 34 peserta dengan kos keseluruhan berjumlah RM306,000. Syarikat 637030-V telah dilantik sebagai pelaksana projek bekalan peralatan dan latihan usahawan pedaging dengan tempoh kontrak mulai 16 Disember 2019 hingga 17 Mei 2020. Berdasarkan perjanjian, bayaran kepada Syarikat 637030-V sebanyak tiga peringkat adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
JADUAL PEMBAYARAN KEPADA PELAKSANA PROJEK MENGIKUT PERINGKAT

INVOIS	PERKARA	PERATUS (%)	BAYARAN (RM)
1	Bayaran pendahuluan	50	153,000
2	Tuntutan selepas penyerahan peralatan	30	91,800
3	Tuntutan selepas 6 bulan penyerahan	20	61,200
JUMLAH			**306,000**

Sumber: Perjanjian FTC dan Syarikat 637030-V

b. Klausa 4.1 Bahagian Terma Bayaran dalam Syarat Kontrak Memorandum Perjanjian bersama Syarikat 637030-V bertarikh 24 Disember 2019 menyatakan 50% bayaran akan dibuat selepas tuntutan invois dikemukakan berserta senarai nama peserta, muka depan salinan kontrak dan invois asal.

c. Semakan Audit mendapati, bayaran pendahuluan berjumlah RM153,000 telah dibuat kepada Syarikat 637030-V pada 26 Februari 2020. Tuntutan pembayaran tersebut dibuat bagi 17 unit gerai (34 peserta) dengan bayaran RM9,000 bagi setiap unit gerai (50% daripada RM18,000). Semakan Audit selanjutnya terhadap surat FTC kepada Syarikat 637030-V bertarikh 7 Julai 2022 mendapati **syarikat hanya melaksanakan program tersebut untuk lapan peserta sahaja** dan diminta untuk mencari peserta ganti yang berminat selewat-lewatnya pada 1 September 2022.

d. Lebihan bayaran pendahuluan yang dibuat kepada syarikat mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan kerana peruntukan tersebut boleh digunakan untuk manfaat golongan sasar yang layak. Selain itu, program ini juga didapati tidak mampu mencapai objektif kerana bilangan peserta yang disasarkan tidak mendapat manfaat yang sepatutnya.

Maklum balas FTC yang diterima pada 21 Oktober 2022, 25 November 2022, 13 Januari, 12 April dan 30 Mei 2023

Pihak Syarikat 637030-V hanya melaksanakan projek tersebut seramai 8 orang sahaja daripada 34 orang dan tidak dapat menggantikan peserta-peserta lain yang telah menarik diri daripada projek ini. Pihak FTC akan mencadangkan penyambungan baki projek ini kepada syarikat penyedia yang lain untuk 26 orang.

Mesyuarat Pengurusan FTC pada 15 November 2022 telah memutuskan bagi projek usahawan pedaging jumlah peserta adalah 8 peserta dan baki 26 peserta akan dibatalkan. Pihak Syarikat 637030-V perlu membuat pemulangan semula berjumlah RM81,000 kepada FTC. Pihak FTC telah mengeluarkan surat arahan tuntutan bayaran balik pada 12 Disember 2022.

Pihak syarikat tidak dapat membuat bayaran semula sejumlah RM81,000 kepada FTC mengikut tempoh yang telah ditetapkan. FTC akan memulakan tindakan undang-undang terhadap pihak syarikat tersebut.

Pihak FTC telah menerima surat pemakluman daripada pihak Syarikat 637030-V, no. rujukan: TMD/SRT0006/23, bertarikh 24 Mei 2023 bagi pemulangan bagi peruntukan pelaksanaan program sebanyak RM81,000.00 disebabkan oleh masalah kewangan syarikat. Pihak FTC melalui perbincangan bersama pihak Penasihat Undang-undang FELCRA Berhad pada 25 Mei 2023 telah bersetuju untuk:

i. Tidak meluluskan permohonan penangguhan pemulangan baki peruntukan sebanyak RM81,000 bagi Projek Bekalan Peralatan dan Latihan Usahawan Pedaging.

ii. Baki RM81,000 tersebut akan dituntut semula melalui tindakan perundangan pada Jun 2023 kerana pihak Syarikat 637030-V gagal menyerahkan semula baki peruntukan mengikut tempoh masa yang telah diberikan oleh pihak FTC.

iii. Selain itu, baki peruntukan projek sebanyak RM153,000 akan dibawa kepada mesyuarat JPPK PPP bagi kelulusan untuk pelaksanaan program baharu.

Pendapat Audit

Objektif program untuk meningkatkan pendapatan peserta tidak tercapai bagi 26 peserta kerana FTC hanya berjaya memberi bantuan kepada lapan peserta sahaja.

5.2.3.3. Penyerahan Peralatan Kepada Peserta PPP

a. Perenggan 4.7 Tatacara Pelaksanaan PPP menyatakan peralatan yang diberikan adalah menjadi tanggungjawab peserta. Bagaimanapun, Kementerian/agensi boleh menarik balik peralatan yang tidak digunakan dan boleh dipertimbangkan untuk peserta baru yang layak. Tempoh pemantauan peserta program adalah selama 12 bulan daripada penerimaan peralatan.

b. Hasil lawatan pihak Audit pada bulan April hingga Jun 2022 ke 183 premis peserta PPP mendapati **38 peserta tidak menggunakan 106 peralatan yang telah dibekalkan bernilai RM211,722 yang sepatutnya digunakan untuk menjana pendapatan peserta.** Sejumlah 32 peralatan tersebut yang bernilai RM104,079 telah diserahkan antara lapan hingga 12 bulan manakala 74 peralatan lagi yang bernilai RM107,643 telah diserahkan kepada peserta lebih daripada 12 bulan. Kesemua peralatan masih dalam keadaan yang baik seperti dalam **Gambar 21** hingga **Gambar 32**. Maklumat tempoh penerimaan peralatan adalah seperti dalam **Jadual 15.**

JADUAL 15
TEMPOH PENERIMAAN PERALATAN PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN

PERKARA	BIL. PESERTA	BIL. PERALATAN	AMAUN (RM)
Dalam Tempoh 12 bulan	18	32	104,079
Selepas 12 bulan	20	74	107,643

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

GAMBAR 21




Lokasi: Yan, Kedah
- Mesin Muruku LC-33 1HP 92Kg Masih Tidak Digunakan
(Agensi Pelaksana: GIATMARA)
Tarikh Penerimaan Peralatan: 08.10.2020
(24.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 22



Lokasi: Yan, Kedah
- Mesin Muruku yang Diberikan Telah Digunakan oleh Penerima untuk Menjalankan Perniagaan Muruku Selepas Teguran Audit
(Agensi Pelaksana: GIATMARA)
(31.05.2023)
(Sumber: GIATMARA)

GAMBAR 23



Lokasi: Alor Setar, Kedah
- *High Pressure Car Washing Pump*
Masih Tidak Digunakan
(Agensi Pelaksana: GIATMARA)
Tarikh Penerimaan Peralatan: 24.01.2019
(23.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 24



Lokasi: Alor Setar, Kedah
- *High Pressure Car Washing Pump* Telah Digunakan oleh Peserta untuk Menjalankan Perniagaan Mencuci dan Membaiki Kenderaan Selepas Teguran Audit
(Agensi Pelaksana: GIATMARA)
(31.05.2023)
(Sumber: GIATMARA)

GAMBAR 25



Lokasi: Batang Sadong, Sarawak
- *Stand Mixer The Baker* Masih Tidak Digunakan
(Agensi Pelaksana: GIATMARA)
Tarikh Penerimaan Peralatan: 10.03.2020
(18.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 26



Lokasi: Batang Sadong, Sarawak
- *Stand Mixer The Baker* Telah Digunakan oleh Peserta bagi Menghasilkan Produk Kek dan Pastri Selepas Teguran Audit
(Agensi Pelaksana: GIATMARA)
(31.05.2023)
(Sumber: GIATMARA)

GAMBAR 27



Lokasi: Alor Setar, Kedah
- *Spira Mixer Oven, 15 Try Single Bakery Pan Trolley* dan *Oven Tray* Masih Tidak Digunakan
(Agensi Pelaksana: FTC)
Tarikh Penerimaan Peralatan: 17.08.2021
(21.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 28



Lokasi: Kuala Ketil, Kedah
- Mesin Parut Kelapa Masih Tidak Digunakan
(Agensi Pelaksana: GIATMARA)
Tarikh Penerimaan Peralatan: 07.11.2020
(24.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 29



Lokasi: Tanjung Karang, Selangor
- *Chiller Cool Plus 2DB* Masih Tidak Digunakan
(Agensi Pelaksana: GIATMARA)
Tarikh Penerimaan Peralatan: 26.11.2020
(03.03.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 30



Lokasi: Tanjung Karang, Selangor
- *Chiller Cool Plus 2DB* Telah Digunakan oleh Peserta untuk Menjalankan Perniagaan Kecil-Kecilan Selepas Teguran Audit
(Agensi Pelaksana: GIATMARA)
(31.05.2023)
(Sumber: GIATMARA)

GAMBAR 31



Lokasi: Sabak Bernam, Selangor
- *Freezer Snow LY750CDD 710L* Tidak Digunakan
(Agensi Pelaksana: GIATMARA)
Tarikh Penerimaan Peralatan: 07.02.2022
(03.03.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 32



Lokasi: Sabak Bernam, Selangor
- *Freezer* Telah Digunakan oleh Peserta untuk Menyimpan Daging Kambing yang Telah Siap Dipaket Selepas Teguran Audit
(Agensi Pelaksana: GIATMARA)
(31.05.2023)
(Sumber: GIATMARA)

c. Hasil temu bual mendapati peralatan tidak digunakan disebabkan peralatan tidak sesuai, peserta tidak berniaga lagi, tempahan pelanggan berkurangan, bekalan elektrik tidak dapat menampung voltan yang diperlukan oleh peralatan, tiada ruang untuk menempatkan peralatan atau peralatan telah diterima daripada pihak lain.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 21 Oktober 2022, 25 November 2022 dan 13 Januari 2023

Tempoh pemantauan adalah selama enam bulan hingga satu tahun. Selepas tempoh tersebut KKDW tidak lagi terikat dengan keboleh laksanaan projek berkenaan. KKDW juga sedang menambah baik dan meneliti kaedah *exit policy* peserta program dalam Tatacara Pelaksanaan PPP.

Maklum balas GIATMARA yang diterima pada 31 Mei 2023

Hasil lawatan dan pemantauan pada 26 dan 28 Mei 2023 mendapati lima peserta telah menggunakan peralatan yang dibekalkan untuk menjana pendapatan. Bagi peralatan mesin pemarut kelapa (Gambar 28), hasil pemantauan pada 28 Mei 2023 mendapati peserta tidak menjalankan perniagaan atas faktor kesihatan. Peserta memaklumkan penarikan diri dari Program PPP dan menyerahkan peralatan kepada GIATMARA. Cadangan penyerahan alatan kepada peserta sedia ada atau baharu yang menjalankan perniagaan yang sama akan diangkat untuk kelulusan Jawatankuasa Penilaian, Perakuan dan Kelulusan Program Peningkatan Pendapatan (JPPK-PPP) di peringkat KKDW.

Pendapat Audit | **Peralatan yang tidak digunakan oleh peserta menyebabkan objektif program tidak tercapai. Selain itu, bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan dapat dirumuskan bahawa objektif pelaksanaan Program SPKR untuk membantu golongan sasaran telah tercapai. Pencapaian output adalah baik mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian keberhasilan program tidak pernah dibuat oleh pihak KKDW, namun berdasarkan maklum balas soal selidik yang dijalankan, program yang dilaksanakan telah dapat membantu golongan sasaran berdasarkan objektif yang ditetapkan. Selain itu, terdapat kelemahan dalam aspek pengurusan dan pemantauan program seperti pengurusan lebihan peruntukan yang telah disalurkan kepada agensi pelaksana, pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi/peraturan yang ditetapkan, kelewatan dalam penyerahan rumah bina baharu, pengurusan rekod aduan dalam tempoh DLP dan pelaksanaan program yang tidak mengikut perjanjian.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut:

7.1. KKDW perlu melaksanakan kajian keberhasilan program SPKR bagi menilai pencapaian program SPKR;

7.2. KKDW perlu menambah baik garis panduan program SPKR sedia ada dengan mengambil kira kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dalam aspek pengurusan dan

pemantauan program. Selain itu, spesifikasi lukisan piawaian elektrik bagi rumah bina baharu hendaklah disemak semula bagi memastikan aspek keselamatan diutamakan; dan

7.3. KKDW dan agensi pelaksana perlu memantau projek/program dengan lebih teliti dan terperinci. Aspek yang perlu diberi perhatian ialah pematuhan kontrak yang meliputi tempoh siap, pengenaan LAD dan skop kerja. Selain itu, pematuhan prosedur pembayaran hendaklah diberi perhatian dengan memastikan pembayaran hanya dibuat terhadap kerja yang telah dilaksanakan dan pemotongan bayaran dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan. Perkara ini bagi memastikan pelaksanaan projek/program yang lebih berkesan.

Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah

– Pengurusan Projek Pemajuan Kawasan

PENGURUSAN PROJEK PEMAJUAN KAWASAN

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
BAHAGIAN KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH

RUMUSAN AUDIT

"Secara keseluruhannya pelaksanaan Projek Pemajuan Kawasan (PPK) masih belum mencapai objektif yang ditetapkan. Pengurusan PPK **kurang cekap** di peringkat penyediaan garis panduan dan pelaksanaan projek yang menyebabkan projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan peserta tidak menerima manfaat projek mengikut jadual asal".

Inisiatif Projek Pemajuan Kawasan

A Penempatan yang teratur dan selesa kepada penduduk luar bandar yang **terdedah kepada ancaman bencana alam, ancaman keselamatan, ancaman kesihatan**

B Penempatan baharu yang lebih terancang khususnya bagi penduduk luar bandar yang tergolong dalam **golongan miskin tegar e-Kasih, miskin** dan **golongan berpendapatan rendah (B40)**

C Menaik taraf dan penyusunan semula **kampung sedia ada** dengan **penyusunan semula struktur kampung**

KKDW

PPK

15 PPK
8 negeri
1,114 unit rumah
612 lot tapak

Kos Projek RM316 juta
Penyaluran RM195.39 juta (61.8%)
Perbelanjaan RM136.48 juta (69.8%)

PENCAPAIAN 15 PROJEK PPK

OUTPUT
4 siap
6 dalam pembinaan
1 ditamatkan
4 belum mula

- **27** EOT: **90 – 546** hari
- **9 projek** tidak dapat disiapkan dalam tempoh kontrak asal

KEBERHASILAN

- **Kelewatan tawaran menduduki** rumah PPK **571 hari** hingga **757 hari**
- **Tahap keselesaan** menduduki rumah di **PPK Kg. Kubang Kenyeng & PPK Kg. Hujung Ketun meningkat**

PENGURUSAN PROJEK

- Pindah peruntukan **tanpa kelulusan** Kementerian Ekonomi
- **Pembayaran** kerja-kerja tanah **di luar peruntukan**
- Lokasi tapak PPK Kg. Parit Makuasang **tidak dilaksanakan Kajian Kemungkinan Banjir** & terletak dalam Zon Penimbal Sungai Benut
- **Tiada Garis Panduan lengkap proses pemilihan** peserta PPK
- **Peserta berjaya dipilih dalam PPK tidak dikemaskini dalam sistem e-Kasih** & tiada penetapan pemilihan peserta dalam garis panduan
- **Kelewatan pelantikan kontraktor penyiap** & kelewatan **mengeluarkan Perakuan Muktamad PPK** AMBS **selama 10 bulan**
- **Reka bentuk & pemasangan papan agihan elektrik** bagi rumah PPK **tidak mengikut Peraturan Elektrik 1994**
- Spesifikasi kelengkapan elektrik & kualiti kemasan dinding rumah **tidak mematuhi kehendak dokumen kontrak**

3 Syor Audit

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
BAHAGIAN KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH
PENGURUSAN PROJEK PEMAJUAN KAWASAN

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Projek Pemajuan Kawasan (PPK) di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah merupakan satu projek membangunkan penempatan baharu atau penyusunan semula kampung sedia ada secara terancang di kawasan luar bandar yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan ameniti sosial. Projek ini telah bermula dari Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) yang dahulunya dikenali sebagai Projek Bersepadu Desa Terpencil (PROSDET) atau Penempatan Semula Kampung (PSK) atau Pusat Pertumbuhan Desa (PPD).
- Skop pembangunan yang dilaksanakan di bawah PPK meliputi rumah, infrastruktur serta kemudahan dan ameniti sosial.
- Bagi melaksanakan PPK, agensi pemohon ditawarkan di bawah tiga pakej pelaksanaan mengikut sumber yang ada pada agensi.
- Projek Pemajuan Kawasan melibatkan 15 PPK yang diluluskan dalam RMKe-11 melibatkan kos projek bernilai RM316 juta.
- Agensi pelaksana yang terlibat dalam PPK ialah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) Berhad, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), SUK Negeri Sembilan, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) dan Bintulu Development Authority (BDA).
- Pengauditan meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi projek dan pengurusan projek.
- Prestasi projek dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output/fizikal dan pencapaian keberhasilan.
- Pengurusan projek pula meliputi enam perkara iaitu prestasi kewangan, pemilihan lokasi, pemilihan peserta, pematuhan kontrak, pentadbiran kontrak serta spesifikasi dan kualiti pembinaan.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

Untuk menilai sama ada prestasi projek telah dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan iaitu bertujuan menyediakan penempatan yang teratur dan selesa bagi penduduk luar bandar yang terdedah kepada ancaman bencana alam, keselamatan dan kesihatan, menyediakan penempatan baru dengan kemudahan asas kepada golongan miskin tegar (Sistem e-Kasih), miskin dan golongan berpendapatan rendah (B40) serta menaik taraf dan penyusunan semula kampung sedia ada bagi meningkatkan taraf dan kualiti hidup peserta.

Rumusan

Secara keseluruhannya, pelaksanaan PPK masih belum dapat mencapai objektif yang ditetapkan. Pengurusan PPK adalah kurang cekap kerana berlaku kelemahan di peringkat penyediaan garis panduan dan pelaksanaan projek yang menyebabkan projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan mengakibatkan peserta tidak dapat menerima manfaat projek mengikut jadual asal.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
1.	Sehingga 31 Disember 2022, hanya empat daripada 15 projek PPK telah disiapkan. Dua projek PPK siap dalam tempoh RMKe-11 dan dua projek PPK siap dalam tempoh RMKe-12. Sebanyak 11 projek PPK masih di peringkat pelaksanaan dalam tempoh RMKe-12. Pembinaan PPK Al-Muktafi Billah Shah (AMBS) dengan perbelanjaan berjumlah RM8.96 juta tidak dapat disiapkan dalam tempoh kontrak dan kerja kontraktor ditamatkan.	Kelewatan pelaksanaan dan penyiapan projek tidak mengikut perancangan menyebabkan penyerahan penempatan PPK kepada peserta tertangguh serta manfaat kepada golongan sasar lewat diterima.	Melaksanakan pemantauan rapi terhadap pelaksanaan dan penyiapan projek PPK mengikut perancangan yang ditetapkan agar manfaat yang disasarkan dapat disampaikan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
2.	Tempoh tawaran menduduki PPK oleh KEDA kepada peserta di PPK Kg. Hujung Ketun dan PPK Kg. Kubang Kenyeng telah lewat antara 571 hari hingga 757 hari bermula dari tarikh siap kerja sehingga tarikh tawaran menduduki. Peserta di PPK Kg. Parit Makuasang masih belum menduduki rumah projek sehingga tarikh pengauditan walaupun projek telah siap pada 15 Ogos 2022 dan CCC telah dikeluarkan pada 16 Ogos 2022.	Kelewatan tawaran menduduki rumah PPK dan isu penangguhan serahan projek siap kepada agensi penerima menyebabkan peserta tidak dapat menerima manfaat projek mengikut jadual asal.	

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
3.	Jarak pembangunan perumahan PPK Kg. Parit Makuasang dari Sungai Benut hanya 60 meter berbanding 500 meter yang ditetapkan oleh Garis Panduan JPS di bawah Zon Penimbal.	Boleh menyebabkan isu pencemaran terhadap Sungai Benut melalui sisa kumbahan dan sampah domestik sekiranya tiada langkah pencegahan pencemaran berjadual dibuat.	Mengemaskini garis panduan yang meliputi kriteria pemilihan golongan sasar serta spesifikasi rumah PPK dan membuat kajian kemungkinan berdasarkan penilaian risiko tapak bagi memastikan keselamatan nyawa dan harta benda.
4.	Pemilihan peserta yang terlibat dengan bencana banjir adalah tidak jelas kerana Garis Panduan PPK sedia ada tiada perincian yang jelas berkaitan proses pemilihan peserta.	Menyebabkan proses pemilihan peserta di agensi pemilih tidak seragam dan tidak mencapai golongan sasar.	
5.	Prestasi perbelanjaan bagi 3 PPK yang telah siap secara fizikal iaitu PPK Kg. Hujung Ketun, Pendang Kedah sebanyak RM10.90 juta (99.1%), PPK Kg. Tatau, Bintulu Sarawak sebanyak RM15.16 juta (81.9%) dan PPK Kg. Parit Makuasang, Pontian Johor sebanyak RM37.84 juta (92.7%) masih mempunyai baki peruntukan kerana perakuan muktamad masih belum dikeluarkan.	Berlaku lebihan peruntukan yang tidak dibelanjakan sebanyak RM58.91 juta (30.2%).	Meningkatkan pemantauan prestasi perbelanjaan dan kemajuan kerja di peringkat agensi pelaksana bagi memastikan peruntukan yang telah disalurkan kepada agensi pelaksana dibelanjakan mengikut objektif yang ditetapkan.
6.	Baki peruntukan bagi PPK Kg. Parit Makuasang dan PPK Desa Seri Gemencheh yang tidak digunakan pada tahun 2020 iaitu sebanyak RM338,000 dan RM38,150.66 telah disalurkan kepada FELCRA Berhad pada 24 Disember 2022. Tiada kelulusan Notis Perubahan (NOC) daripada Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan bagi pindah peruntukan tersebut.	Sejumlah RM376,150.66 telah digunakan bagi pelaksanaan projek PPK Kg. Ulu Slim.	
7.	KETENGAH telah membuat bayaran sejumlah RM228,147 kepada Pejabat Tanah Daerah Dungun bagi bayaran Borang 5A (premium) tapak PPK Al-Muktafi Billah Shah yang berkeluasan 7,357 hektar dan RM88,365.98 kepada Pentadbir Tanah Kemaman bagi bayaran 212 keping Notis Bayaran Hasil Tanah (Borang 5A Seksyen 81 & 82 Kanun Tanah Negara) untuk tapak perumahan PPK Air Putih.	Perbelanjaan di luar skop pelaksanaan menyebabkan berlaku kekurangan peruntukan bagi membiayai projek seperti yang telah diluluskan.	

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
BAHAGIAN KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH
1. PENGURUSAN PROJEK PEMAJUAN KAWASAN

FAKTA UTAMA

3 Pakej Pembangunan PPK


Pakej 1	Pakej 2	Pakej 3
13 Projek • Penempatan lengkap dengan penyediaan rumah, lot tapak rumah, infrastruktur dan ameniti sosial di kawasan penempatan baharu • 1,114 Rumah; 228 Lot tapak	**1 Projek** • Kerja penyediaan tapak, kerja tanah dan infrastruktur asas di kawasan penempatan sedia ada • 127 Lot tapak	**1 Projek** • Kerja penyediaan tapak, kerja tanah dan infrastruktur di kawasan penempatan baharu, tertakluk kepada peruntukan bina rumah oleh Kerajaan negeri/agensi • 257 Lot tapak
Kos Projek RM316.00 Juta • Peruntukan Disalurkan: RM195.39 juta RMKe-11: RM146.99 juta RMKe-12: RM48.40 juta • Perbelanjaan: RM136.48 juta (69.8%) *sehingga 31 Disember 2022	**15 PPK** • Pelaksanaan di bawah RMKe-11 dan RMKe-12 • Melibatkan 8 negeri dan 9 agensi pelaksana	**1,114 Unit Rumah** **612 Lot Tapak**
Bahagian Kemajuan Tanah dan Wilayah, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) **Agensi Pelaksana Projek:** **KKDW** **KEDA** **KETENGAH** **KEJORA** **KESEDAR** **FELCRA Berhad** **Bahagian Perumahan, SUK Negeri Sembilan** **Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang** **Bintulu Development Authority**	Bertindak sebagai Pengurus Projek Pemajuan Kawasan **Projek Terlibat:** PPK Kg. Parit Makuasang, PPK Desa Gemencheh, PPK Kg. Mak Kemas dan PPK Kg. Kawah PPK Kg. Hujung Ketun dan PPK Kg. Kubang Kenyeng PPK Al-Muktafi Billah Shah dan PPK Kg. Air Putih PPK Kg. Punggai PPK RKT Paloh 2 PPK Kg. Ulu Slim dan PPK Lundu (Fasa 1) PPK (Fasa 2) Kg. Simpang Durian PPK Kg. Paya Laman PPK Kg.Tatau	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Projek Pemajuan Kawasan (PPK) di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah merupakan satu projek membangunkan penempatan baharu atau penyusunan semula kampung sedia ada secara terancang di kawasan luar bandar yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan ameniti sosial. Projek ini telah bermula dari Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) yang dahulunya dikenali sebagai Projek Bersepadu Desa Terpencil (PROSDET) atau Penempatan Semula Kampung (PSK) atau Pusat Pertumbuhan Desa (PPD).

1.2. Projek Pemajuan Kawasan mempunyai objektif yang menjadi tanggungjawab agensi pemohon dan pelaksana seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
OBJEKTIF DAN SASARAN PROJEK PEMAJUAN KAWASAN



Sumber: Ilustrasi Jabatan Audit Negara

1.3. Skop pembangunan yang dilaksanakan di bawah PPK meliputi penyediaan dan mengikut kesesuaian seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2
SKOP PEMBANGUNAN PROJEK PEMAJUAN KAWASAN



Sumber: Ilustrasi Jabatan Audit Negara

1.4. Bagi melaksanakan PPK, agensi pemohon ditawarkan tiga pakej pembangunan seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3
PAKEJ PEMBANGUNAN PROJEK PEMAJUAN KAWASAN



Sumber: KKDW


1.5. Projek Pemajuan Kawasan melibatkan 15 PPK yang diluluskan dalam RMKe-11 dengan kos projek bernilai RM316.00 juta seperti dalam **Jadual 1** dan **Rajah 4**.

JADUAL 1
SENARAI PROJEK PEMAJUAN KAWASAN DILULUSKAN DALAM RMKe-11

BIL.	PAKEJ PELAKSANAAN	NAMA PROJEK PPK	KOS PROJEK (RM Juta)	OBJEKTIF PROJEK
1.	Pakej 1	Kg. Hujung Ketun, Mukim Padang Kerbau, Daerah Pendang, Kedah	11.00	Penempatan Baru dan Tersusun
2.		Kg. Kubang Kenyeng, Mukim Tekai Kiri, Daerah Padang Terap	9.50	Penempatan Baru dan Tersusun
3.		Kg. Parit Makuasang, Mukim Benut, Daerah Pontian, Johor	41.50	Penempatan Mangsa Banjir
4.		Kg. Ulu Slim, Mukim Slim, Daerah Muallim, Perak	15.00	Penempatan Mangsa Banjir
5.		Kg. Air Putih, Mukim Tebak, Daerah Kemaman	27.50	Penempatan Mangsa Banjir
6.		Al-Muktafi Billah Shah, Daerah Dungun, Terengganu	20.00	Penempatan Baru dan Tersusun
7.		Desa Seri Gemencheh, Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan	30.00	Penempatan Baru dan Tersusun
8.		(Fasa 2) Kg. Simpang Durian, Daerah Jelebu, Negeri Sembilan	8.50	Penempatan Baru dan Tersusun
9.		RKT Paloh 2 Gua Musang, Kelantan	25.00	Penempatan Baru dan Tersusun
10.		Masyarakat Nelayan Kg. Punggai, Mukim Pantai Timur Daerah Kota Tinggi, Johor	21.00	Penempatan Baru dan Tersusun
11.		Kg. Mak Kemas, Daerah Marang, Terengganu	16.50	Penempatan Baru dan Tersusun
12.		Kg. Kawah, Mukim Ulu Kuantan, Daerah Kuantan, Pahang	16.00	Penempatan Baru dan Tersusun
13.		Daerah Lundu, Sarawak	30.00	Penempatan Baru dan Tersusun
14.	Pakej 2	Kg. Paya Laman, Lanchang, Mukim Semantan 1, Temerloh, Pahang	18.00	Penyusunan Penempatan Sedia Ada
15.	Pakej 3	Kg. Tatau, Bintulu, Sarawak	26.50	Penempatan Mangsa Banjir
JUMLAH			**316.00**	

Sumber: KKDW

RAJAH 4
LOKASI PEMBANGUNAN PROJEK PEMAJUAN KAWASAN RMKe-11



Sumber: KKDW

1.6. Agensi pelaksana yang terlibat dalam PPK ialah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) Berhad, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), SUK Negeri Sembilan, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) dan Bintulu Development Authority (BDA).

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada Projek Pemajuan Kawasan dirancang, dilaksanakan dan dipantau secara cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu menyediakan penempatan yang teratur dan selesa bagi yang terdedah kepada ancaman bencana alam, keselamatan dan kesihatan; menyediakan penempatan baru dengan kemudahan asas kepada golongan miskin tegar (e-Kasih), miskin dan golongan berpendapatan rendah (B40) serta menaik taraf dan penyusunan semula kampung sedia ada bagi meningkatkan taraf dan kualiti hidup peserta.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang Audit utama iaitu prestasi projek dan pengurusan projek. Prestasi projek dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output/fizikal dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan projek pula meliputi enam perkara iaitu prestasi kewangan, pemilihan lokasi, pemilihan peserta, pematuhan kontrak,

pentadbiran kontrak serta spesifikasi dan kualiti pembinaan. Pengauditan ini meliputi tempoh pelaksanaan projek bermula tahun 2016 sehingga Disember 2022.

3.2. Sebanyak tujuh daripada 15 PPK dalam RMKe-11 telah dipilih sebagai sampel Audit. Pemilihan sampel berdasarkan status pelaksanaan projek meliputi projek siap, dalam pembinaan dan belum mula. Lawatan Audit terhadap sampel PPK berkenaan turut meliputi ke agensi pelaksana KKDW, FELCRA Berhad, KEDA, KEJORA dan KETENGAH seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SENARAI PROJEK SAMPEL AUDIT

BIL.	NAMA PROJEK PPK	AGENSI PEMOHON/ PELAKSANA	STATUS PELAKSANAAN PROJEK
1.	Kg. Hujung Ketun, Mukim Padang Kerbau, Daerah Pendang, Kedah	KEDA	Siap
2.	Kg. Kubang Kenyeng, Mukim Tekai Kiri, Daerah Padang Terap, Kedah	KEDA	Siap
3.	Kg. Parit Makuasang, Mukim Benut, Daerah Pontian, Johor	• Pejabat Daerah Pontian • Bahagian Teknikal, KKDW	Siap
4.	Kg. Ulu Slim, Mukim Slim, Daerah Muallim, Perak	• Pejabat Daerah Muallim • FELCRA	Dalam Pembinaan
5.	Kg. Air Putih, Mukim Tebak, Daerah Kemaman, Terengganu	KETENGAH	Dalam Pembinaan
6.	Al-Muktafi Billah Shah, Daerah Dungun, Terengganu	KETENGAH	Dalam Pembinaan
7.	Masyarakat Nelayan Kg. Punggai, Mukim Pantai Timur Daerah Kota Tinggi, Johor	KEJORA	Belum Mula

Sumber: KKDW

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen, menganalisis data dan pemeriksaan fizikal Audit antara bulan Oktober 2022 hingga Februari 2023 untuk menilai prestasi dan pengurusan projek. Perbincangan dan temu bual turut diadakan bersama pegawai yang terlibat termasuk perunding dan kontraktor untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan projek. Selain itu, soal selidik kepada peserta turut diedarkan bagi tujuan mendapatkan maklum balas mengenai projek.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Oktober 2022 hingga 23 Februari 2023 dan telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 8 Jun 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Projek

5.1.1. Pencapaian Output

Pencapaian output yang dinilai adalah berdasarkan kepada tempoh penyiapan PPK yang dilaksanakan.

5.1.1.1. Pencapaian Tempoh Penyiapan Projek

a. Sebanyak 15 projek PPK telah diluluskan pelaksanaannya dalam tempoh RMKe-11. Berdasarkan kepada dokumen kontrak, setiap projek PPK perlu disiapkan dalam tempoh 12 hingga 36 bulan dari tarikh mula pembinaan.

b. Semakan Audit terhadap pelaksanaan PPK RMKe-11 sehingga 31 Disember 2022 mendapati, hanya empat daripada 15 projek PPK telah disiapkan (dua projek PPK siap dalam tempoh RMKe-11 dan dua projek PPK siap dalam tempoh RMKe-12). Sebanyak 11 projek PPK masih diperingkat pelaksanaan dalam tempoh RMKe-12. Prestasi pelaksanaan projek PPK bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Disember 2022 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
BILANGAN PROJEK PPK YANG SIAP DAN DALAM PELAKSANAAN
BAGI TEMPOH 2016 SEHINGGA BULAN DISEMBER 2022

TEMPOH KELULUSAN PROJEK		BIL. PROJEK LULUS	STATUS PROJEK	
			SIAP	DALAM PELAKSANAAN
RMKe-11	2016	8	-	8
	2017	-	-	8
	2018	3	-	11
	2019	3	2	12
	2020	1	-	13
RMKe-12	2021	-	1	12
	2022	-	1	11
JUMLAH		**15**	**4**	

Sumber: KKDW

c. Semakan Audit setakat bulan Disember 2022 terhadap Laporan Kemajuan Kerja PPK mendapati sebanyak empat projek (26.6%) telah disiapkan dengan pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC). Enam projek (40.0%) masih dalam peringkat pembinaan dan kemajuan kerja fizikal adalah antara 3% hingga 98%. Satu projek PPK Al-Muktafi Billah Shah (6.8%) telah ditamatkan kontrak dan terbengkalai. Selain itu, empat projek (26.6%) iaitu PPK Lundu, Kg. Kawah, Kg. Mak Kemas dan Kg. Punggai masih belum dimulakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
STATUS PELAKSANAAN PROJEK PEMAJUAN KAWASAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	PROJEK PPK	TEMPOH KONTRAK ASAL	TARIKH SIAP KERJA	KEMAJUAN FIZIKAL		STATUS PELAKSANAAN
				JADUAL (%)	SEBENAR (%)	
1.	Kg. Hujung Ketun, Kedah	01.01.2017 hingga 02.09.2018 (20 bulan)	26.07.2019	100	100	Siap CPC
2.	Kg. Kubang Kenyeng, Kedah	09.04.2017 hingga 09.12.2018 (20 bulan)	09.03.2019	100	100	Siap CPC
3.	Kg. Tatau, Sarawak	01.11.2018 hingga 31.10.2020 (24 bulan)	15.10.2021	100	100	Siap CPC
4.	Kg. Parit Makuasang, Johor	16.05.2017 hingga 16.01.2020 (32 bulan)	16.08.2022	100	100	Siap CPC
5.	Kg. Ulu Slim, Perak	02.01.2020 hingga 01.01.2021 (12 bulan)	-	100	98	Dalam Pembinaan, Perakuan Kerja Tidak Siap 01.07.2022
6.	Kg. Simpang Durian, Negeri Sembilan	17.11.2020 hingga 17.11.2021 (12 bulan)	-	98	80	Dalam Pembinaan
7.	Kg. Air Putih, Terengganu	16.10.2019 hingga 15.10.2021 (24 bulan)	-	100	74	Dalam Pembinaan Perakuan Kerja Tidak Siap 01.01.2023
8.	Kg. Paya Laman, Pahang	21.01.2021 hingga 20.04.2022 (15 bulan)	-	93	86	Dalam Pembinaan
9.	Desa Seri Gemencheh, Negeri Sembilan	06.10.2021 hingga 05.10.2024 (36 bulan)	-	12	12	Dalam Pembinaan
10.	RKT KESEDAR Paloh 2, Kelantan	15.09.2022 hingga 11.09.2024 (24 bulan)	-	6	3	Dalam Pembinaan, Kebenaran Merancang lulus pada 23.11.2022
11.	Al-Muktafi Billah Shah, Terengganu (AMBS)	03.09.2019 hingga 25.01.2021 (16 bulan)	-	100	64	Terbengkalai, Kontrak Ditamatkan dan Dalam Proses Pelantikan Kontraktor Penyiap
12.	Lundu, Sarawak	-	-	-	-	Belum Mula, Proses Kelulusan Pelan Kejuruteraan

BIL.	PROJEK PPK	TEMPOH KONTRAK ASAL	TARIKH SIAP KERJA	KEMAJUAN FIZIKAL		STATUS PELAKSANAAN
				JADUAL (%)	SEBENAR (%)	
13.	Kg. Kawah, Pahang	-	-	-	-	Belum Mula, Proses Penilaian Tender
14.	Kg. Mak Kemas, Terengganu	-	-	-	-	Belum Mula, Proses Penilaian Tender
15.	Kg. Punggai, Johor	-	-	-	-	Belum Mula, Permohonan Kebenaran Merancang

Sumber: KKDW

d. Analisis Audit terhadap status pelaksanaan PPK sehingga 31 Disember 2022 mendapati:

i. Pembinaan PPK Al-Muktafi Billah Shah (AMBS) dengan kos perbelanjaan berjumlah RM8.96 juta seperti di **Rajah 5** tidak dapat disiapkan dalam tempoh kontrak dan kerja kontraktor ditamatkan. Status projek, sehingga tarikh lawatan Audit pada 20 Februari 2023, pelantikan kontraktor penyiap belum dibuat. KETENGAH masih dalam proses menyediakan anggaran kos penyiapan projek sebelum tender semula dilaksanakan.

RAJAH 5
STATUS PEMBINAAN PPK AL-MUKTAFI BILLAH SHAH



Projek PPK Al-Muktafi Billah Shah, Terengganu
- Pembinaan Petempatan PPK Terbengkalai
(20.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

6 Jan 2022
- Perakuan Kerja Tidak Siap

25 April 2022
- Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor
- Kemajuan kerja fizikal sebenar 64% berbanding jadual 100%

31 Dis 2022
- Jumlah perbelanjaan RM8.96 juta

ii. Pembinaan PPK Lundu, PPK Kg. Kawah, PPK Kg. Mak Kemas dan PPK Kg. Punggai belum dimulakan. Berdasarkan jadual perancangan projek, tempoh perancangan mengambil masa antara 39 hingga 91 bulan dari tarikh mula pelaksanaan berbanding tarikh rancang pembinaan. Punca kelewatan dan status pelaksanaan projek adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
STATUS EMPAT PROJEK PPK BELUM MULA SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	PROJEK PPK/ TARIKH MULA PELAKSANAAN	TARIKH RANCANG PEMBINAAN	TEMPOH PERANCANGAN (Bulan)	PUNCA KELEWATAN	STATUS
	(a)	(b)	(c) = (b) – (a)		
1.	Lundu, Sarawak / 01.01.2016	15.08.2023	91	Kelewatan disebabkan oleh perubahan tapak dan kelulusan cadangan projek oleh State Planning Authority	FELCRA masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Pelan Kejuruteraan sebelum kelulusan Kebenaran Merancang penuh diperoleh bagi memulakan kerja pembinaan
2.	Kg. Punggai, Johor / 01.01.2016 (**Gambar 1**)	01.05.2023	88	Kelewatan pelaksanaan disebabkan oleh masalah pertindihan hak milik tanah di atas sebahagian tapak cadangan projek. Perubahan sempadan tanah menyebabkan cadangan pemajuan asal terbatal. Kelulusan semula tapak bagi cadangan pembangunan projek PPK telah diperoleh pada 14.06.2022	KEJORA masih dalam proses memuktamadkan pembayaran premium tanah sebelum memohon semula kelulusan Kebenaran Merancang kepada Pihak Berkuasa Tempatan
3.	Kg. Kawah, Pahang / 01.01.2019	01.04.2023	51	TB	Perolehan kontraktor bagi pelaksanaan projek secara reka dan bina sedang dilaksanakan oleh Bahagian Teknikal, KKDW
4.	Kg. Mak Kemas, Terengganu /01.01.2020	01.04.2023	39		

Sumber: KKDW



GAMBAR 1

Projek PPK Kg. Punggai, Johor
- Tapak Projek PPK Kg. Punggai, Pembinaan Penempatan Belum Dimulakan
(19.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

e. Semakan Audit selanjutnya sehingga Disember 2022 mendapati sebanyak 27 pelanjutan masa (EOT) diluluskan melibatkan 9 projek dengan tempoh EOT antara 90 hingga 546 hari. Kelulusan EOT adalah disebabkan oleh masalah perubahan reka bentuk, PKP, cuaca, kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan,

kelewatan bekalan elektrik dan masalah tapak. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
MAKLUMAT LANJUTAN MASA 9 PROJEK PPK SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	PROJEK PPK	TEMPOH KONTRAK ASAL	TARIKH SIAP KERJA	BUTIRAN EOT		
				BIL.	TEMPOH	JUMLAH HARI
1.	Kg. Hujung Ketun, Kedah	01.01.2017 hingga 02.09.2018 (20 bulan)	26.07.2019	3	03.09.2018 hingga 26.07.2019	324
2.	Kg. Kubang Kenyeng, Kedah	09.04.2017 hingga 09.12.2018 (20 bulan)	09.03.2019	1	10.12.2018 hingga 10.03.2019	90
3.	Kg. Tatau, Sarawak	01.11.2018 hingga 31.10.2020 (24 bulan)	15.10.2021	4	01.11.2020 hingga 15.10.2021	349
4.	Kg. Parit Makuasang, Johor	16.05.2017 hingga 16.01.2020 (32 bulan)	16.08.2022	3	17.01.2020 hingga 03.08.2020	200
5.	Kg. Ulu Slim, Perak	02.01.2020 hingga 01.01.2021 (12 bulan)	-	3	02.01.2021 hingga 30.06.2022	546
6.	Kg. Simpang Durian, Negeri Sembilan	17.11.2020 hingga 17.11.2021 (12 bulan)	-	4	18.11.2021 hingga 09.02.2023	426
7.	Kg. Air Putih, Terengganu	16.10.2019 hingga 15.10.2021 (24 bulan)	-	3	16.10.2021 hingga 31.12.2022	403
8.	Kg. Paya Laman, Pahang	21.01.2021 hingga 20.04.2022 (15 bulan)	-	2	21.04.2022 hingga 14.02.2023	300
9.	Al-Muktafi Billah Shah, Terengganu (AMBS)	03.09.2019 hingga 25.01.2021 (16 bulan)	-	4	26.01.2021 hingga 01.01.2022	341
JUMLAH				**27**		

Sumber: KKDW

f. Analisis Audit terhadap tempoh Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) bagi projek PPK mendapati kontrak pembinaan di PPK Kg Parit Makuasang telah lewat disiapkan dan melebihi tempoh EOT yang diberikan. LAD sebanyak RM7,426.19 sehari dikenakan bermula 4 Ogos 2020 hingga 10 Januari 2022 dan denda terkumpul berjumlah RM1.77 juta bagi tempoh lewat sebanyak 239 hari.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 22 Jun 2023

a. Projek PPK Al-Muktafi Billah Shah dalam proses lantikan kontraktor penyiap. Kelulusan Notis Perubahan (NOC) Peningkatan Kos Projek daripada Kementerian Ekonomi diperolehi pada 2 Mei 2023 dan iklan tender semula pelantikan kontraktor penyiap pada 15 Jun 2023.

b. Perancangan untuk empat Projek Belum Mula:

- **PPK Lundu**: Peringkat kelulusan penuh Kebenaran Merancang (KM). Pembinaan akan dibuat selepas kerja tanah disiapkan dan kerja tanah boleh dimulakan selepas kelulusan penuh KM diperoleh.

- **PPK Punggai**: Rayuan pengurangan bayaran premium tanah telah diluluskan oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Johor pada 30 Mei 2023. Pembayaran Notis 5A akan dibuat oleh pihak KEJORA kepada pihak Pejabat Tanah dan Daerah Kota Tinggi setelah Notis 5A dikemukakan. Salinan resit bayaran Notis 5A tersebut akan menjadi dokumen WAJIB untuk permohonan kelulusan Kebenaran Merancang (KM), kelulusan Pelan Bangunan, kelulusan Pelan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan kepada pihak Majlis Perbandaran Pengerang (MPP) untuk diproses. Pembinaan akan bermula selepas kelulusan KM, kelulusan Pelan Bangunan, kelulusan Pelan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan diperolehi.

- **PPK Kg. Kawah dan PPK Kg. Mak Kemas**: Pembinaan akan dibuat selepas pertimbangan dan pemilihan kontraktor oleh Lembaga Perolehan Kementerian yang dijadualkan pada bulan Jun 2023. Jangkaan SST pada akhir bulan Jun 2023, tertakluk kepada keputusan Lembaga Perolehan.

Pendapat Audit

Kelewatan pelaksanaan dan penyiapan projek tidak mengikut perancangan menyebabkan penyerahan penempatan PPK kepada peserta tertangguh serta manfaat kepada golongan sasar lewat diterima.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

a. Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012 mengenai Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan menetapkan supaya kementerian/jabatan/agensi membuat penilaian keberhasilan dan impak terhadap sesuatu program yang dilaksanakan. Berdasarkan Arahan No.1 2010 (Majlis Tindakan Negara), penilaian keberhasilan adalah sebagai *early warning system* untuk membantu kementerian menyelaras semula strategi pelaksanaan program atau projek agar mencapai sasaran keberhasilan yang dihasratkan.

b. Selaras dengan kehendak pekeliling berkenaan, KKDW telah menjalankan penilaian keberhasilan terhadap Program Pemajuan Kawasan yang telah siap dan diduduki selepas tempoh satu tahun. Bagi tujuan penilaian tahap keberhasilan PPK di dalam RMKe-11, pihak Audit memilih tujuh sampel projek dan penilaian adalah berdasarkan kepada pencapaian objektif utama PPK dan objektif permohonan

projek oleh agensi pemohon. Berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pemajuan Kawasan, objektif projek adalah untuk:

i. Menyediakan penempatan yang teratur dan selesa kepada penduduk luar bandar yang terdedah kepada ancaman (bencana alam, keselamatan, kesihatan) dan penempatan di kawasan yang tidak sesuai serta aksesibiliti yang sukar.

ii. Menyediakan penempatan baharu yang lebih terancang kepada golongan miskin tegar (e-Kasih), miskin dan golongan berpendapatan rendah (B40).

iii. Menaik taraf kampung sedia ada dengan penyusunan semula struktur kampung melalui penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur yang lebih baik bagi tujuan peningkatan taraf dan kualiti hidup penduduk.

c. Berdasarkan dokumen permohonan PPK, objektif permohonan projek oleh agensi pemohon adalah seperti dalam **Rajah 6**.

RAJAH 6
OBJEKTIF PERMOHONAN PROJEK OLEH AGENSI





Penempatan Baru dan Tersusun

- KEDA: PPK Kg. Hujung Ketun & PPK Kg. Kubang Kenyeng, Kedah
- KEJORA: PPK Kg. Punggai, Johor
- KETENGAH: PPK Al-Muktafi Billah Shah, Terengganu

Penempatan Mangsa Bencana Banjir

- KETENGAH: PPK Kg. Air Putih, Terengganu
- Pejabat Daerah Mualim: PPK Kg. Ulu Slim, Perak
- Pejabat Daerah Pontian: PPK Kg. Parit Makuasang, Johor

Sumber: Dokumen Permohonan PPK

d. Semakan Audit terhadap tahap pencapaian keberhasilan bagi tujuh sampel projek mendapati hanya dua projek yang boleh dinilai iaitu PPK Kg. Hujung Ketun dan PPK Kg. Kubang Kenyeng. Lima projek PPK selebihnya belum boleh dinilai kerana PPK Kg. Parit Makuasang belum diduduki dan empat PPK lain masih belum siap sepenuhnya. Semakan Audit selanjutnya mendapati tahap keberhasilan PPK melibatkan pendudukan rumah PPK, golongan sasar dan peningkatan taraf serta kualiti hidup peserta PPK adalah seperti berikut:

5.1.2.1. Pendudukan Rumah PPK

a. Pendudukan rumah PPK adalah berdasarkan kepada surat tawaran menduduki yang dikeluarkan oleh agensi penerima kepada peserta PPK yang terpilih. Surat tawaran menduduki hanya boleh dikeluarkan kepada peserta PPK apabila projek telah siap dan CCC telah dikeluarkan serta diserahkan kepada agensi penerima/pemohon oleh agensi pelaksana.

b. Semakan Audit terhadap penduduk rumah PPK mendapati hanya dua PPK yang telah diduduki sepenuhnya iaitu PPK Kg. Kubang Kenyeng dan PPK Kg. Hujung Ketun serta status lima PPK adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
STATUS PENDUDUKAN RUMAH BAGI TUJUH PPK DALAM RMKe-11

BIL.	PPK DAN OBJEKTIF PERMOHONAN	UNIT RUMAH (Unit)	TARIKH			PESERTA		
			JADUAL ASAL SIAP	SIAP KERJA	TAWARAN MENDUDUKI	SENARAI AWAL	SENARAI MUKTAMAD	TERIMA TAWARAN DAN DIDUDUKI
1.	Kg. Hujung Ketun - Penempatan baru	57	02.09.2018	26.07.2019	16.02.2021 (571 hari)	57 KIR	57 KIR	57 KIR
2.	Kg. Kubang Kenyeng - Penempatan baru	60	09.12.2018	09.03.2019	04.04.2021 (757 hari)	60 KIR	60 KIR	60 KIR
3.	Kg. Parit Makuasang - Penempatan banjir	170	16.01.2020	15.08.2022	Belum serah	170 KIR	162 KIR	0
4.	Kg. Ulu Slim - Bencana banjir	35	01.01.2021	Belum siap	-	35 KIR	33 KIR	0
5.	Kg. Air Putih, - Penempatan banjir	185	15.10.2021	Belum siap	-	200 KIR	Belum dipilih	0
6.	Al-Muktafi Billah Shah - Penempatan baru	130	25.01.2021	Belum siap	-	130 KIR	Belum dipilih	0
7.	Kg. Punggai - Penempatan baru	Kebenaran Merancang	-	Belum siap	-	125 KIR	Belum dipilih	0

Sumber: KKDW dan Agensi Pemohon
Nota: KIR - Ketua Isi Rumah

c. **Analisis Audit terhadap penduduk peserta di PPK Kg. Hujung Ketun dan PPK Kg. Kubang Kenyeng mendapati tempoh tawaran menduduki PPK oleh KEDA kepada peserta telah lewat antara 571 hari hingga 757 hari bermula dari tarikh siap kerja sehingga tarikh tawaran menduduki**. Keadaan ini disebabkan CCC lewat dikeluarkan di PPK Kg. Hujung Ketun dan PPK Kg. Kubang Kenyeng masing-masing pada 9 Februari 2021 dan 9 Disember 2021. Selain itu, penularan wabak Covid-19 pada awal tahun 2020 turut menyumbang kepada kelewatan penduduk peserta di projek PPK berkenaan.

d. **Semakan Audit terhadap penduduk peserta di PPK Kg. Parit Makuasang pula mendapati peserta masih belum menduduki rumah projek sehingga tarikh pengauditan walaupun projek telah siap pada 15 Ogos 2022 dan CCC telah dikeluarkan pada 16 Ogos 2022**. Ini kerana KKDW sebagai agensi pelaksana masih belum membuat serahan projek kepada Pejabat Daerah Pontian sebagai agensi penerima. Semakan Audit juga mendapati, **peserta masih menduduki**

kawasan yang terlibat dengan bencana banjir dan penempatan yang tidak tersusun seperti dalam **Gambar 2** dan **Gambar 3**.

GAMBAR 2



PPK Kg.Parit Makuasang
- Peserta Masih Menduduki di Kg. Nelayan
(10.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



PPK Kg.Parit Makuasang
- Peserta Masih Menduduki di Kg. Sri Tanjung
(10.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas KKDW, PDT Pontian dan PDT Muallim yang diterima pada 22 Jun 2023

KKDW

Penyerahan rasmi dokumen kepada agensi penerima (Pejabat Daerah Pontian) telah diadakan pada 21 Februari 2023.

PDT Pontian

Pihak Kerajaan Negeri telah mengadakan Majlis Penyerahan Rumah dan Notis 5A kepada penerima pada 18 Jun 2023. Penempatan masuk penduduk telah dicadangkan untuk dilaksanakan secara serentak dalam tempoh yang ditetapkan. Operasi pembersihan tapak tinggalan dirancang untuk dilaksanakan secara bersepadu setelah proses perpindahan penduduk selesai agar tiada pendudukan semula.

PDT Muallim

Pentadbiran Tanah Daerah akan mengemaskini semula semua status kedudukan rumah asal peserta yang terlibat dengan PPK. Bancian akan dijalankan bagi mengenalpasti rumah yang telah roboh/musnah, ditinggalkan atau masih diduduki kerana belum berpindah ke dalam kawasan PPK yang ditetapkan. Tindakan seterusnya akan berpandukan kepada hasil bancian serta perbincangan lanjut Pentadbir Tanah Daerah dengan Kerajaan Negeri.

Pendapat Audit

Kelewatan tawaran menduduki rumah PPK antara 571 hari hingga 757 hari dan isu penangguhan serahan projek siap kepada agensi penerima menyebabkan peserta tidak dapat menerima manfaat projek mengikut jadual asal.

5.1.2.2. Peningkatan Taraf dan Kualiti Hidup

a. Berdasarkan Garis Panduan Projek Pemajuan Kawasan, antara tujuan menaiktaraf kampung sedia ada dan penyusunan semula kampung melalui penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur adalah bagi meningkatkan taraf dan kualiti hidup penduduk.

b. Bagi tujuan penilaian tersebut, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik melalui KEDA kepada 57 KIR di PPK Kg. Hujung Ketun dan 60 KIR di PPK Kg. Kubang Kenyeng dan menemubual 12 KIR pada 10 November 2022. Temubual bersama peserta adalah seperti dalam **Gambar 4** dan **Gambar 5**. Analisis Audit terhadap soal selidik tersebut adalah seperti berikut:

GAMBAR 4



PPK Kg. Hujung Ketun, Kedah
- Sesi Temubual Audit Bersama Peserta
(10.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5




PPK Kg. Kubang Kenyeng, Kedah
- Sesi Temubual Audit Bersama Peserta
(10.11.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

i. Kualiti Hidup dan Tahap Keselesaan Peserta

- Analisis soal selidik terhadap kualiti hidup dan tahap keselesaan sebelum dan selepas menduduki rumah PPK secara keseluruhannya mendapati tahap keselesaan di PPK Kg. Kubang Kenyeng meningkat daripada 44 kepada 56 responden manakala di PPK Kg. Hujung Ketun telah meningkat daripada 27 kepada 51 responden selepas menduduki penempatan PPK. Jumlah responden tidak selesa di PPK Kg. Kubang Kenyeng menurun daripada 13 kepada satu responden manakala PPK Kg. Hujung Ketun menurun daripada 23 kepada satu responden. Jumlah peserta yang tidak menjawab soalan berkenaan di PPK Kg. Kubang Kenyeng dan PPK Kg. Hujung Ketun adalah masing-masing tiga dan tujuh responden seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
TAHAP KESELESAAN SEBELUM DAN SELEPAS PENEMPATAN DI PPK




Sumber: Analisis Soal Selidik

- Analisis Audit juga dilaksanakan terhadap tahap keselesaan peserta kepada unit rumah dan kemudahan sedia ada di PPK mengikut kategori kualiti rumah, penempatan berkelompok, kemudahan kedai, kemudahan dewan serbaguna, kemudahan padang, kemudahan taman permainan, kemudahan sistem jalan berturap, kemudahan sistem perparitan, kemudahan bekalan air paip dan kemudahan sistem bekalan air elektrik.

- Analisis Audit mendapati 48.3% hingga 73.3% responden selesa dan 18.3% hingga 50% responden sangat selesa selepas menduduki PPK Kubang Kenyeng manakala 38.2% hingga 75% responden selesa dan 1.8% hingga 41.1% responden sangat selesa di PPK Hujung Ketun seperti dalam **Carta 2** dan **Carta 3.**

- Faktor peratusan yang rendah responden memilih sangat selesa di PPK Hujung Ketun adalah disebabkan masalah bekalan air paip di mana 34.6% responden memilih tidak selesa dan 12.7% responden memilih sangat tidak selesa seperti dalam **Carta 4.**

CARTA 2
TAHAP KESELESAAN RESPONDEN KEPADA KEMUDAHAN SEDIA ADA DI PPK KUBANG KENYENG




Sumber: Analisis Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Petunjuk :

A - Kualiti Pembinaan Rumah
B - Penempatan Berkelompok
C - Kemudahan Perkedaian
D - Kemudahan Dewan Serbaguna
E - Kemudahan Padang
F - Kemudahan Taman Permainan
G - Kemudahan Sistem Jalan Berturap
H - Kemudahan Sistem Perparitan
I - Kemudahan Sistem Bekalan Air Paip
J - Kemudahan Sistem Bekalan Elektrik

CARTA 3
TAHAP KESELESAAN RESPONDEN KEPADA KEMUDAHAN SEDIA ADA DI PPK HUJUNG KETUN




Sumber: Analisis Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Petunjuk:

A - Kualiti Pembinaan Rumah
B - Penempatan Berkelompok
C - Kemudahan Perkedaian
D - Kemudahan Dewan Serbaguna
E - Kemudahan Padang
F - Kemudahan Taman Permainan
G - Kemudahan Sistem Jalan Berturap
H - Kemudahan Sistem Perparitan
I - Kemudahan Sistem Bekalan Air Paip
J - Kemudahan Sistem Bekalan Elektrik

CARTA 4
TAHAP KESELESAAN KEMUDAHAN BEKALAN AIR PAIP DI PPK HUJUNG KETUN



Sumber: Analisis Soal Selidik Jabatan Audit Negara

Maklum balas KKDW yang diterima pada 22 Jun 2023

KKDW

Pembinaan Tangki Air dan Rumah Pam ini mendapat kelulusan daripada pihak Syarikat Air Darul Aman (SADA) semasa permohonan Kebenaran Merancang (KM). Pemilihan pembinaan tangki air aras tanah dibuat kerana ketidaksesuaian aras tangki air yang terlalu tinggi dan mengambil kira penjimatan kos projek. Walaupun tangki air dibina di aras tanah, ianya turut dilengkapkan dengan pam penggalak (booster pump) untuk mendorong air ke aras yang lebih tinggi. KEDA dalam proses untuk membuat penyerahan kepada pihak SADA setelah penggantian alatan berkaitan selesai, dijangka pada Julai 2023.

KEDA

Masalah bekalan air di PPK Hujung Ketun dan kawasan sekitar adalah berpunca daripada tekanan air luaran yang rendah yang mana ianya adalah di bawah bidang kuasa Syarikat Air Darul Aman (SADA). Keperluan fasiliti/infra dalaman berkenaan bekalan air di PPK telah dipatuhi dan disediakan oleh KEDA semasa pembinaan PPK ini dan bekalan air terawat kepada penduduk dan kawasan sekitar adalah di bawah tanggungjawab operator bekalan air di Negeri Kedah iaitu pihak SADA. Pihak SADA juga melalui surat telah memaklumkan berkenaan pelaksanaan Loji Air Jenun Baru untuk mengatasi masalah bekalan air di kawasan ini yang dijangka siap pada 2025.

Pendapat Audit | **Masalah tekanan air yang rendah menjejaskan bekalan air ke rumah peserta PPK menyebabkan tahap keselesaan peserta adalah rendah.**

5.2. Pengurusan Projek

5.2.1. Peruntukan dan Perbelanjaan Kewangan PPK

a. Sebanyak 15 projek PPK telah diluluskan oleh Kementerian Ekonomi, yang melibatkan peruntukan sebanyak RM316.00 juta. Berdasarkan Laporan Prestasi Peruntukan dan Perbelanjaan tahun 2016 hingga 31 Disember 2022 mendapati peruntukan berjumlah RM199.08 juta telah diperuntukkan kepada KKDW bagi pelaksanaan PPK.

b. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2022, sejumlah RM195.39 juta telah disalurkan oleh KKDW kepada setiap agensi pelaksana yang dilantik dan sejumlah RM136.48 juta (69.8%) telah dibelanjakan dalam melaksanakan PPK di bawah seliaan agensi pelaksana masing-masing. Ringkasan prestasi perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KEWANGAN PPK
BAGI TAHUN 2016 SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

TAHUN	PERUNTUKAN DITERIMA KKDW (RM Juta)	PERUNTUKAN DISALURKAN KEPADA AGENSI PELAKSANA (RM Juta)			PERBELANJAAN OLEH AGENSI PELAKSANA		BAKI PERUNTUKAN
		SEMASA	TERKUMPUL	JUMLAH	RM JUTA	%	RM JUTA
		(a)	(b)	(c) = (a) + (b)	(d)	(d)/(a)* 100	(c) – (d)
2016	13.50	9.00	0.00	9.00	4.32	48.0	4.68
2017	32.10	28.00	4.68	32.68	22.37	79.9	10.31
2018	20.50	19.50	10.31	29.81	22.38	114.7	7.43
2019	46.30	44.81	7.43	52.24	29.31	65.4	22.93
2020	45.20	45.68	22.93	68.61	33.90	74.2	34.71
2021	30.02	30.90	34.71	65.61	16.11	52.1	49.50
2022	11.46	17.50	49.50	67.00	8.09	46.2	58.91
JUMLAH	**199.08**	**195.39**			**136.48**	**69.8**	

Sumber: Laporan Prestasi Peruntukan dan Perbelanjaan Tahun 2016, 2017, 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022

c. Analisis Audit untuk **Jadual 8** di atas mendapati prestasi perbelanjaan tertinggi adalah pada tahun 2018 iaitu sebanyak RM22.38 juta (114.7%) melebihi jumlah peruntukan semasa iaitu RM19.50 juta, telah dibelanjakan oleh agensi pelaksana. Prestasi perbelanjaan terendah adalah pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM8.09 juta (46.2%) daripada RM17.50 juta jumlah peruntukan semasa yang diterima.

d. Semakan lanjut mendapati KKDW menyalurkan peruntukan secara berperingkat kepada lapan agensi pelaksana yang dilantik bagi melaksanakan 11 PPK di bawah seliaan agensi masing-masing. Selain itu, bagi empat PPK yang dilaksanakan oleh KKDW iaitu PPK Kg. Parit Makuasang, PPK Desa Seri Gemencheh, PPK Kg. Kawah

dan PPK Kg. Mak Kemas, pembayaran dibuat oleh Bahagian Penyelarasan dan Pemantauan (PP), KKDW kepada kontraktor berdasarkan penilaian interim. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KEWANGAN
PROJEK PEMAJUAN KAWASAN MENGIKUT AGENSI PELAKSANA

BIL.	AGENSI PELAKSANA	NAMA PROJEK PPK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN		BAKI PERUNTUKAN	
				RM JUTA	%	RM JUTA	%
			(a)	(b)	(b)/(a) x 100	(c) = (a)-(b)	(c)/(a) x 100
1.	KEDA	Kg. Hujung Ketun	11.00	10.90	99.1	0.10	0.9
2.		Kg. Kubang, Kenyeng	9.50	9.78	102.9	(0.28)	2.9
3.	FELCRA Berhad	Kg. Ulu Slim, Muallim	15.38	12.41	80.7	2.97	19.3
4.		Lundu, Sarawak	7.90	1.33	16.8	6.57	83.2
5.	KEJORA	Masyarakat Nelayan Kg. Punggai	8.50	1.70	20.0	6.80	80.0
6.	KETENGAH	Kg. Air Putih	24.50	17.62	71.9	6.88	28.1
7.		Al-Muktafi Billah Shah	19.00	8.96	47.2	10.04	52.8
8.	BDA	Kg. Tatau	18.50	15.16	81.9	3.34	18.1
9.	PKPP	Paya Laman	11.00	8.28	75.3	2.72	24.7
10.	Bahagian Perumahan, SUK Negeri Sembilan	Kg. Simpang Durian	8.50	5.38	63.3	3.12	36.7
11.	KESEDAR	RKT KESEDAR, Paloh 2	13.50	5.64	41.8	7.86	58.2
12.	Bahagian Teknikal, KKDW	Kg. Parit Makuasang	40.81	37.84	92.7	2.97	7.3
13.		Desa Seri Gemencheh	3.20	1.38	43.1	1.82	56.9
14.		Kg. Kawah	2.90	0.05	1.7	2.85	98.3
15.		Kg. Mak Kemas	1.20	0.05	4.2	1.15	95.8
JUMLAH			**195.39**	**136.48**	**69.8**	**58.91**	**30.2**

Sumber: Peruntukan dan Perbelanjaan KEDA, FELCRA Berhad, KEJORA, KETENGAH, BDA, PKPP, SUK Negeri Sembilan, KESEDAR dan Laporan Prestasi Peruntukan dan Perbelanjaan KKDW Tahun 2016, 2017, 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022

e. Analisis Audit bagi **Jadual 9** mendapati Prestasi Perbelanjaan bagi PPK yang telah siap secara fizikal iaitu PPK Kg. Kubang Kenyeng Padang Terap, Kedah adalah sebanyak RM9.78 juta (102.9%) melebihi peruntukan sebanyak RM0.28 juta daripada RM9.50 juta yang diterima. Perakuan Muktamad bagi PPK ini telah dikeluarkan dan pihak Audit dimaklumkan lebihan belanja tersebut telah dibiayai menggunakan peruntukan dalaman KEDA. Prestasi perbelanjaan bagi 3 lagi PPK yang telah siap secara fizikal iaitu PPK Kg. Hujung Ketun, Pendang Kedah sebanyak RM10.90 juta (99.1%), PPK Kg. Tatau, Bintulu Sarawak sebanyak RM15.16 juta (81.9%) dan PPK Kg. Parit Makuasang, Pontian Johor sebanyak

RM37.84 juta (92.7%) masih mempunyai baki peruntukan kerana perakuan muktamad masih belum dikeluarkan. Jumlah baki peruntukan keseluruhan adalah sebanyak RM58.91 juta (30.2%).

Pendapat Audit

Prestasi kewangan secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana berlaku lebihan peruntukan yang tidak dibelanjakan sebanyak RM58.91 juta (30.2%).

5.2.2. Pindah Peruntukan Tanpa Kelulusan Kementerian Ekonomi

a. Merujuk kepada Arahan Perbendaharaan 44, jika Badan Perundangan telah membuat peruntukan bagi menubuhkan sesuatu Kumpulan Wang Khas yang darinya perbelanjaan bagi projek pembangunan akan dibayar, maka suatu ringkasan rancangan mengenai perbelanjaan yang dicadangkan di bawah tiap-tiap satu butiran yang dimasukkan dalam Anggaran bagi kumpulan wang itu mestilah dikemukakan oleh Pegawai Pengawal kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi atau Pegawai Kewangan Negeri dan Pengarah Unit Perancang Pembangunan/Ekonomi Negeri, mengikut mana yang berkenaan. Kecuali setakat mana yang dipersetujui pada masa itu, Pegawai Pengawal tidak boleh kemudiannya menyimpang daripada butir projek itu tanpa merujuk kepada Perbendaharaan dan Unit Perancang Ekonomi atau Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dan Unit Perancang Pembangunan/ Ekonomi Negeri.

b. Semakan Audit mendapati KKDW telah menyalurkan baki peruntukan bagi PPK Kg. Parit Makuasang dan PPK Desa Seri Gemencheh yang tidak digunakan pada tahun 2020 iaitu sebanyak RM338,000 dan RM38,150.66 kepada FELCRA Berhad pada 22 Disember 2022 bagi pelaksanaan projek PPK Kg. Ulu Slim. Didapati juga tiada kelulusan Notis Perubahan (NOC) daripada Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan bagi pindah peruntukan tersebut.

c. Selain itu, berdasarkan baucar bayaran bertarikh 31 Disember 2020 mendapati **FELCRA Berhad telah menggunakan peruntukan tersebut untuk bayaran deposit dan cas sambungan bekalan air meter individu sebanyak RM7,820.00 kepada Lembaga Air Perak bagi PPK Gelung Pepuyu, Mukim Bota, Perak Tengah.**

Maklum balas KKDW dan FELCRA BERHAD yang diterima pada 29 Mei 2023 dan 21 Jun 2023

KKDW

Kementerian mengambil maklum keperluan untuk dibuat NOC sekiranya terdapat pindah peruntukan antara butiran projek. Bagaimanapun peruntukan yang disalurkan kepada FELCRA hanya akan digunakan untuk projek asal butiran dan tidak akan digunakan untuk projek lain. Kementerian akan memastikan supaya perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan.

FELCRA BERHAD

FELCRA Berhad mengesahkan telah menerima penyaluran bernilai RM376,150.66 dari KKDW pada 22 Disember 2020. Agihan semula akan dibuat bagi perbelanjaan menggunakan peruntukan ini.

Pendapat Audit	**Pindah peruntukan tanpa kelulusan serta perbelanjaan diluar PPK adalah tidak teratur dari segi peraturan kewangan.**

5.2.3. Pembayaran Kerja-Kerja Tanah di Luar Peruntukan – PPK Air Putih, Kemaman dan PPK Al-Muktafi Billah Shah, Dungun

a. Merujuk garis panduan Pelaksanaan Projek Pemajuan Kawasan, Perkara 5.3.1. (ii) menyatakan sebarang kos pampasan tanah, pengambilan balik tanah, kerja menanda dan mengukur tanda sempadan lot dan bayaran premium tanah adalah tidak termasuk dalam peruntukan pelaksanaan.

b. Semakan Audit terhadap baucar bayaran bertarikh 5 Disember 2016, KETENGAH telah membuat bayaran sejumlah RM228,147 kepada Pejabat Tanah Daerah Dungun bagi bayaran Borang 5A (premium) tapak PPK Al-Muktafi Billah Shah yang berkeluasan 7,357 hektar.

c. Semakan selanjutnya terhadap baucar bayaran bertarikh 9 Oktober 2017 juga mendapati, KETENGAH telah membuat pembayaran berjumlah RM88,365.98 kepada Pentadbir Tanah Kemaman bagi bayaran 212 keping Notis Bayaran Hasil Tanah (Borang 5A Seksyen 81 & 82 Kanun Tanah Negara) untuk tapak perumahan PPK Air Putih.

d. Perbelanjaan di luar skop pelaksanaan menyebabkan berlaku kekurangan peruntukan bagi membiayai projek seperti yang telah diluluskan.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 19 April 2023

KETENGAH telah mendahulukan bayaran premium tanah bagi kedua-dua PPK berkenaan menggunakan Peruntukan Wang Amanah Projek Pemajuan Kawasan (PPK) kerana bayaran premium perlu dibayar dalam tempoh 3 bulan bagi mengelakkan kelulusan tanah tersebut terbatal dan kembali menjadi tanah Kerajaan dan bayaran tersebut juga merupakan salah satu keperluan bagi pengeluaran surat hak milik tanah berkenaan.

Mesyuarat Penyelarasan Maklum Balas Pemerhatian Audit bagi Pengauditan Terhadap Pengurusan Projek Pemajuan Kawasan pada 5 April 2023 yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar bersetuju untuk membayar balik perbelanjaan bayaran premium tanah berkenaan mengguna pakai sumber dalaman dalam masa terdekat. KETENGAH mengambil maklum berkaitan perkara ini dan akan memastikan perkara tersebut tidak berulang pada masa hadapan.

Pendapat Audit

Perbelanjaan di luar skop peruntukan tidak mengikut Garis Panduan PPK yang ditetapkan oleh KKDW boleh menjejaskan peruntukan pelaksanaan projek.

5.2.4. Pemilihan Lokasi Tapak PPK

a. Berdasarkan Garis Panduan Projek Pemajuan Kawasan, kriteria pemilihan lokasi projek adalah berdasarkan keutamaan seperti berikut:

   i. Lokasi tapak cadangan bebas daripada sebarang tuntutan/ancaman/bencana;

   ii. Kesesuaian tanah untuk dibangunkan penempatan dan berhampiran sumber ekonomi atau tempat asal peserta. Peserta boleh dipadankan dengan program-program sedia ada KKDW seperti Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dan Program Latihan dan Kemahiran Kerjaya (PLKK);


   iii. Keutamaan tapak di lokasi strategik dan mempunyai kadar aksesibiliti yang tinggi dari jalan utama dan terletak dalam kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan

   iv. Kriteria pemilihan lokasi projek juga perlu dirujuk dan diselaraskan dengan Garis Panduan dan Peraturan Pemilihan Tapak dan Keperluan Peralatan Projek, Pekeliling UPE, JPM Bil.2/2009.

b. Semakan Audit terhadap pemilihan lokasi projek bagi PPK Makuasang, PPK Punggai, PPK Kubang Kenyeng, PPK Hujung Ketun, PPK Kg. Ulu Slim, PPK Air Putih dan PPK Al-Muktafi Billah Shah mendapati lokasi dipilih melalui Borang Penilaian Tapak. Borang ini mengandungi kriteria keperluan jalan masuk ke tapak, banjir di

tapak, kesesuaian pembangunan di tapak berbanding pembangunan atau guna tanah di sekeliling tapak, tapak berada dalam Rancangan Fizikal Negara atau Negeri, tapak bebas daripada halangan fizikal, geologi tapak, topografi tapak, kemudahan bekalan utiliti ke tapak, nilai tambah dan saiz tapak. Selain itu, lawatan tapak oleh pihak KKDW juga telah dijalankan. Keseluruhan penilaian tapak projek berkenaan mendapati pemilihan lokasi tapak adalah sesuai untuk pembangunan iaitu antara 75% hingga 91%, seperti dalam **Carta 5**.

CARTA 5
KESELURUHAN PENILAIAN TAPAK



Sumber: Borang Penilaian Tapak, KKDW

c. Analisis Audit terhadap penilaian tujuh tapak PPK berkenaan mendapati PPK Makuasang memperoleh penilaian keseluruhan terendah iaitu 75%. Antara lain, penilaian kriteria tapak banjir memperolehi 5/12 atau 41.7% iaitu paras banjir melebihi 1.0 meter hingga 2.0 meter dari aras tanah sedia ada. Lawatan Audit ke PPK Makuasang pada 27 September 2022, PPK Hujung Ketun dan PPK Kubang Kenyeng pada 10 November 2022, PPK Punggai pada 12 Januari 2023, PPK Kg. Ulu Slim pada 8 Februari 2023, PPK Al Mukhtafi Billah Shah pada 20 Februari 2023 dan PPK Air Putih pada 21 Februari 2023 mendapati lokasi tapak tidak terdedah kepada risiko banjir kecuali PPK Makuasang seperti dalam **Gambar 6**.



GAMBAR 6

Projek PPK Kg. Parit Makuasang, Johor
- Lokasi Tapak PPK Berisiko Banjir
(27.09.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

d. Semakan Audit terhadap pemilihan lokasi tapak PPK Makuasang mendapati cadangan awal tapak melibatkan dua tempat iaitu Lot 2531 dan PTD 5899. Pejabat Daerah Pontian sebagai Agensi Pemohon/Penerima adalah bertanggungjawab untuk menyediakan tapak yang sesuai dan PTD 5899 telah dipilih sebagai tapak projek melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor (MMK) pada 22 Mac 2017. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati terdapat isu pemilihan tapak melibatkan Zon Penimbal dan Kajian Kemungkinan bagi paras banjir tapak PPK Makuasang seperti berikut:

i. Zon Penimbal

- Keperluan Zon penimbal amat penting bagi pembiakan flora dan fauna serta lain-lain hidupan akuatik. Zon ini boleh dijadikan sebagai zon hijau dimana proses semula jadi sungai dapat dibenarkan berlaku seperti pembentukan liku-liku sungai, kawalan hakisan dan pencemaran serta kestabilan tebing. Di awal perancangan, keadaan tapak PPK Parit Makuasang dipenuhi belukar, pokok bakau dan semak samun. Kawasan tapak PPK ini pada asalnya merupakan Tanah Rezab Melayu yang telah dikurniakan kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) pada 2 Julai 2014. Lokasi tapak PPK Parit Makuasang adalah bersebelahan dengan Sungai Benut di mana Kerajaan Negeri Johor telah menetapkan Rizab Sungai Benut adalah 48.35 meter yang diputuskan melalui Warta Kerajaan Negeri Johor pada 27 Oktober 2011.

- Berdasarkan Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai Dan Rizab Sungai yang telah dikeluarkan oleh JPS berkaitan Zon Penimbal, kawasan tepi sungai yang mempunyai rizab hutan bakau (*mangroves*) anjakan tambahan rizab perlu diadakan bagi tujuan mengawal pencemaran. Secara amnya, rizab yang disyorkan adalah 100 meter untuk pembangunan bagi pelancongan, 500 meter untuk pembangunan perumahan dan 1000 meter untuk pembangunan industri.

- Semakan Audit mendapati jarak pembangunan perumahan PPK Kg. Parit Makuasang dari Sungai Benut hanya 60 meter berbanding 500 meter yang telah ditetapkan oleh Garis Panduan JPS di bawah Zon Penimbal. Pada 18 November 2013, JPS melalui maklum balas surat Pejabat Tanah Pontian menyatakan pada dasarnya tiada halangan terhadap cadangan tapak PPK yang dipohon. Selain itu, ulasan JPS pada 24 Oktober 2013 menyatakan segala pertumbuhan pokok sedia ada di sepanjang rizab 60 meter hendaklah dikekalkan sebagai zon penampan bagi mengurangkan masalah hakisan dan kestabilan tebing serta memberi perhatian terhadap sistem perparitan, langkah-langkah keselamatan dan pencemaran.

- Lawatan Audit pada 27 September 2022 mendapati pertumbuhan pokok sedia ada di sepanjang rizab 60 meter telah dikekalkan. Bagaimanapun, kedudukan penempatan yang berhampiran sungai dan pemasangan sistem kumbahan secara *Individual Septic Tanks* (IST) boleh menyebabkan isu pencemaran terhadap Sungai Benut melalui sisa kumbahan dan sampah domestik, sekiranya tiada langkah pencegahan pencemaran berjadual dibuat.

Pendapat Audit

Pemilihan tapak berhampiran rizab sungai boleh menyebabkan isu pencemaran berlaku di sungai melalui sisa kumbahan dan sampah domestik, sekiranya tiada langkah pencegahan pencemaran berjadual dibuat.

ii. Kajian Kemungkinan Paras Banjir

- Pembangunan PPK Parit Makuasang adalah bertujuan untuk menangani masalah penduduk Kg. Nelayan, Kg. Sri Tanjung dan Kg. Sg. Sanglang yang sering menghadapi ancaman bencana banjir, hakisan tanah dan ditenggelami air Sungai Benut dan Sungai Pinggan setiap kali air pasang. Lokasi Kg. Parit Makuasang terletak berhampiran dengan penempatan asal penduduk tiga kampung berkenaan. Pada asalnya, kedudukan rumah penduduk terletak di muara Sungai Pinggan dan Sungai Benut yang berkelebaran 60 meter. Paras kedua-dua sungai ini adalah lebih tinggi daripada paras jalan raya dan paras rumah penduduk kampung. Setiap kali musim tengkujuh dan air pasang besar, ketiga-tiga kampung ini akan dilanda banjir pada setiap tahun.


- Berdasarkan Laporan Lawatan Tapak PPK Parit Makuasang pada 6 Januari 2015 dan Borang Penilaian Tapak yang dibuat oleh KKDW mengesyorkan cadangan tapak adalah sesuai dan boleh dipilih untuk tujuan pembangunan. Bagaimanapun, berdasarkan kriteria penilaian tapak banjir pada borang tersebut menunjukkan paras banjir melebihi 1.0 meter hingga 2.0 meter dari aras tanah sedia ada.

- Semakan Audit mendapati tiada kajian kemungkinan banjir dibuat pada peringkat awal walaupun penilaian tapak menunjukkan paras banjir melebihi 1.0 meter hingga 2.0 meter dari aras tanah sedia ada. Kajian kemungkinan banjir juga diperlukan kerana siasatan dan laporan JPS Pontian pada 19 Ogos 2013 di kawasan tapak ini menyatakan keseluruhan kawasan merupakan kawasan lembangan banjir bagi tujuan menampung

limpahan air banjir dan pasang surut laut. JPS juga berpandangan status kawasan ini perlu dikekalkan sebagai kawasan dataran banjir Sungai Benut dan tidak menyokong permohonan individu melalui Pejabat Tanah Pontian untuk tujuan pertanian. Di samping itu, pada 8 Julai 2014 JPS turut tidak menyokong permohonan untuk tujuan komersial di tanah PTD 6677 bersebelahan kawasan tapak PPK disebabkan kawasan berkenaan merupakan dataran banjir Sungai Benut dan statusnya perlu dipelihara dan dikekalkan.

- Semakan Audit selanjutnya mendapati tapak asal kawasan paya bakau PPK Parit Makuasang telah ditambak antara 1.89 meter hingga 2.32 meter. Data bacaan Pintu Kawalan Pasang Surut Kuala ID1 yang paling hampir dengan tapak projek mendapati paras bacaan air telah melebihi paras tapak projek yang telah ditambak antara 2.0 meter hingga 2.74 meter, seperti dalam **Gambar 7** dan **Gambar 8** serta **Carta 6.**

GAMBAR 7




PPK Kg. Parit Makuasang
- No. Pelan: KS/79/2022-MS-R&D-S2
Disahkan Juru Perunding Tanah
(Sumber: Pelan Ukuran As Built, KKDW)

GAMBAR 8



Pintu Kawalan Air Pasang Surut, Kuala ID 1
- Paras Air Pasang Biasa 1.70 meter
(10.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

CARTA 6
AIR PASANG BESAR DI TAPAK PPK KG. PARIT MAKUASANG



Sumber: Ilustrasi Jabatan Audit Negara

e. Berdasarkan data bacaan di atas, paras air pasang telah melebihi paras tapak PPK sebanyak 640 kali bagi tempoh 2018 hingga 2022. Keadaan ini menunjukkan lokasi tapak PPK Kg. Parit Makuasang merupakan kawasan risiko banjir terutamanya apabila fenomena air pasang besar yang mencapai paras sehingga 2.74 meter berbanding paras terendah PPK 1.89 meter.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 22 Jun 2023

Tapak cadangan projek adalah daripada Kerajaan Negeri dan semasa permohonan kawasan tersebut telah dibuat tambakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran. KKDW menerima permohonan termasuk keadaan tapak yang telah tersedia untuk pembangunan. Mengambil kira kerja-kerja penyediaan tapak dilaksanakan oleh pihak JPS, risiko banjir di kawasan tapak tersebut telah diteliti dan dipertimbangkan sebelum permohonan dibuat. Berdasarkan ulasan JPS bertarikh 19 Jun 2023, urusan bagi persetujuan dan pematuhan sebarang pembangunan di peringkat daerah/negeri adalah tertakluk kepada kelulusan dan pertimbangan oleh Jawatankuasa OSC di peringkat daerah. Pada peringkat awal, KKDW telah membuat penilaian awal tapak berdasarkan keperluan Garis Panduan EPU Bilangan 2 Tahun 2009: Pemilihan Tapak dan Peralatan Projek.

Berdasarkan syor dan pandangan JAN, KKDW akan membuat kajian/laporan kemungkinan diperingkat awal bagi projek-projek baharu bawah RMKe-12 sebagai langkah penambahbaikan dalam pengurusan projek Kerajaan.

Maklum balas JPS yang diterima pada 19 Jun 2023

Tapak PPK Parit Makuasang terletak dalam lembangan banjir / kawasan berisiko banjir jika berlaku fenomena alam luar biasa seperti berlaku pertembungan hujan yang sangat lebat dan fenomena air pasang besar. Bagaimanapun, kawasan ini bukan merupakan *hotspot* banjir daerah.

Pendapat Audit

Ketiadaan kajian kemungkinan banjir pada peringkat awal pemilihan lokasi tapak sedia ada menyebabkan tapak projek PPK Kg. Parit Makuasang di kawasan lembangan banjir terdedah kepada risiko banjir air pasang besar.

5.2.5. Pemilihan Peserta PPK

a. Berdasarkan Garis Panduan Pemajuan Kawasan, pemilihan peserta adalah di bawah tanggungjawab Agensi Pemohon/Penerima. Peserta PPK merupakan golongan sasar yang telah terpilih untuk menerima manfaat projek secara langsung yang terdiri daripada fakir miskin, miskin dan golongan yang berpendapatan rendah B40. Pemilihan peserta dari golongan miskin tegar dan miskin adalah berdasarkan kepada senarai dari Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih), manakala peserta mangsa bencana dan Kumpulan B40 diperakukan oleh pihak berkuasa negeri. Pemilihan peserta juga boleh dipertimbangkan melalui Jawatankuasa *Focus Group* peringkat daerah atau apa-apa jawatankuasa yang bersamaan dengannya. Selain itu, peserta yang layak dipertimbang untuk mendapat rumah PPK terdiri daripada miskin tegar dan mangsa bencana yang kehilangan harta benda sepenuhnya, manakala peserta yang layak menerima lot tapak rumah adalah terdiri daripada golongan miskin dan Kumpulan B40.

b. Semakan Audit terhadap pemilihan peserta di tujuh sampel PPK mendapati tiga PPK iaitu PPK Parit Makuasang, PPK Kg. Ulu Slim dan PPK Kg. Air Putih adalah terdiri daripada peserta mangsa bencana banjir manakala empat PPK lagi adalah terdiri daripada peserta penempatan kawasan baru yang terancang dan tersusun. Sehingga kini, hanya empat PPK yang telah memuktamadkan pemilihan peserta iaitu PPK Kg. Hujung Ketun, PPK Kg. Kubang Kenyeng, PPK Kg. Parit Makuasang dan PPK Kg. Ulu Slim manakala tiga PPK lagi peserta belum dipilih seperti dalam **Jadual 10.**

JADUAL 10
PEMILIHAN PESERTA BAGI 7 PPK DALAM RMKe-11

BIL.	NAMA PPK DAN OBJEKTIF PERMOHONAN	RUMAH (Unit)	AGENSI PEMILIH	KATEGORI PESERTA		KAEDAH PEMILIHAN PESERTA		STATUS NAMA PESERTA
				e-KASIH	FOCUS GROUP	BANCIAN	TEMUDUGA	
1.	Kg. Hujung Ketun - Penempatan baru	57	KEDA	16	41	57	57	Telah muktamad
2.	Kg. Kubang Kenyeng - Penempatan baru	60	KEDA	18	42	60	60	Telah muktamad
3.	Kg. Ulu Slim - Bencana banjir	35	Pejabat Daerah Muallim	9	24	0	0	Telah muktamad
4.	Kg. Parit Makuasang - Penempatan banjir	170	Pejabat Daerah Pontian	27	143	162	0	Telah muktamad
5.	Kg. Punggai - Penempatan baru	Kebenaran Merancang	KEJORA	Senarai nama belum ditetapkan		0	0	Belum dipilih
6.	Kg. Air Putih - Penempatan banjir	185	KETENGAH	Senarai nama belum ditetapkan		0	0	Belum dipilih
7.	Al-Muktafi Billah Shah - Penempatan baru	130	KETENGAH	Senarai nama belum ditetapkan		0	0	Belum dipilih

Sumber: KKDW dan Agensi Pemohon

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati pemilihan peserta yang terlibat dengan bencana banjir adalah tidak jelas kerana Garis Panduan PPK sedia ada menunjukkan golongan sasar M40 dan T20 juga layak menerima rumah PPK bagi yang kehilangan harta benda sepenuhnya manakala golongan sasar miskin dan kumpulan B40 bagi kategori penempatan baru PPK tidak layak menerima unit rumah PPK dan hanya layak menerima tapak rumah sahaja. Semakan Audit juga mendapati KEDA telah membuat hebahan permohonan rumah PPK kepada orang awam bagi kategori miskin melalui Pejabat Daerah Pendang dan Pejabat Daerah Padang Terap pada 22 Disember 2019 walaupun Garis Panduan PPK hanya membenarkan pemilikan rumah bagi kategori miskin tegar sahaja.

d. Keadaan ini berlaku disebabkan tiada perincian yang jelas berkaitan proses pemilihan peserta di dalam Garis Panduan PPK kerana pemilihan peserta hanya merujuk kepada tanggungjawab agensi pemilih dan pangkalan data golongan sasar sahaja. Semakan Audit selanjut mendapati KEDA dan KETENGAH sebagai agensi pemohon/penerima dan pelaksana telah mewujudkan Garis Panduan Pemilihan Peserta tetapi sehingga kini masih belum diluluskan manakala KEJORA dan Pejabat Daerah dan Tanah negeri masih belum mempunyai garis panduan.

Maklum balas KEDA yang diterima pada 19 April 2023

KEDA telah menyemak maklumat dan permohonan penerima PPK Kg. Kubang Kenyeng seperti yang dibangkitkan pihak Audit. Peserta merupakan seorang penoreh getah yang mempunyai tanggungan seramai 5 orang (isteri dan 4 orang anak) dan menumpang di rumah mertua yang turut didiami bersama adik-beradik ipar yang lain.

Pendapatan yang beliau nyatakan dalam borang permohonan yang dihantar pada 18 Oktober 2018 adalah sebanyak RM800 sebulan sebelum dipinda kepada RM1,200 sebulan berdasarkan kepada pendapatan bulanan tertinggi yang pernah diperolehi. Maklumat yang diberikan adalah berdasarkan anggaran sahaja kerana pendapatan penoreh getah adalah tidak tetap.

Pendapat Audit

Ketiadaan Garis Panduan PPK yang lengkap dan jelas terhadap pemilihan peserta PPK menyebabkan proses pemilihan peserta di agensi pemilih tidak seragam dan tidak mencapai golongan sasar.

5.2.6. Penilaian Golongan Sasar

a. Berdasarkan Garis Panduan Pemajuan Kawasan, pemilihan peserta adalah dibawah tanggungjawab Agensi Pemohon/Penerima. Peserta yang layak dipertimbang untuk mendapat rumah PPK terdiri daripada miskin tegar dan mangsa bencana yang kehilangan harta benda sepenuhnya, manakala peserta yang layak menerima lot tapak rumah adalah terdiri daripada golongan miskin dan Kumpulan B40. Pemilihan peserta untuk golongan miskin tegar dan miskin adalah berdasarkan kepada senarai dari Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih), manakala peserta mangsa bencana dan Kumpulan B40 diperakukan oleh pihak berkuasa negeri. Pemilihan peserta juga boleh dipertimbangkan melalui Jawatankuasa *Focus Group* peringkat daerah atau apa-apa jawatankuasa yang bersamaan dengannya.

b. Mengikut kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) e-Kasih tahun 2016 (berkuatkuasa mulai 2 Januari 2019) dan kadar PGK semasa e-Kasih tahun 2019 (kemaskini sehingga 15 Februari 2021), kadar PGK bagi kategori miskin tegar/ miskin adalah masing-masing RM571/ RM850 dan RM1,201/ RM2,218.

c. **Semakan Audit terhadap penilaian golongan sasar PPK mendapati Garis Panduan PPK tidak menetapkan had kelayakan golongan sasar kepada peserta bagi kategori penempatan mangsa banjir manakala kategori peserta penempatan baru tersusun perlu mengikut had kelayakan PGK**. PPK yang boleh dinilai hanya melibatkan pemilihan peserta yang telah dimuktamadkan dan terdiri daripada kategori peserta penempatan baru tersusun iaitu PPK Kg. Hujung Ketun dan PPK Kg. Kubang Kenyeng.

d. Semakan Audit selanjutnya terhadap golongan sasar di PPK Kg. Hujung Ketun dan PPK Kg. Kubang Kenyeng mendapati peserta PPK telah mengikut had kelayakan PGK e-Kasih tahun 2019 seperti yang ditetapkan oleh Garis Panduan PPK. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati golongan sasar di Sistem e-Kasih bagi PPK Kg. Hujung Ketun dan PPK Kg. Kubang Kenyeng masing-masing 41 daripada 57 KIR (71.9%) dan 42 daripada 60 KIR (70.0%) tidak wujud di dalam pangkalan data semasa Sistem e-Kasih.

Maklum balas KEDA yang diterima pada 22 Jun 2023

KEDA mengambil maklum bahawa terdapat peserta yang menerima rumah dan merupakan golongan e-Kasih tetapi tidak didaftarkan dalam sistem. KEDA dalam proses semakan akhir penama berdasarkan data e-Kasih dan akan mengemukakan maklumat penerima yang tidak tersenarai dalam sistem kepada Pejabat Daerah untuk

dibuat pengesahan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Focus Group Daerah dijangka pada Julai 2023.

Pendapat Audit

Peserta yang berjaya dipilih dalam PPK tetapi tidak dikemaskini dalam Sistem e-Kasih akan menyukarkan penyaluran bantuan kepada golongan sasar yang menggunakan data Sistem e-Kasih sebagai sumber rujukan untuk pemilihan.

5.2.7. Pentadbiran Kontrak

a. Para 1 PK4.1 - Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan Secara Am menyatakan Kementerian/Jabatan/Agensi perlu memastikan pengurusan dan pentadbiran kontrak diberi perhatian yang serius bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan.


b. Semakan Audit meliputi semua tatacara seperti pengurusan Bon Pelaksanaan(BP)/Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP)/Wang Tahanan, Perakuan Kelambatan dan Pelanjutan Masa (EOT), Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD), Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor, Arahan Perubahan Kerja (APK) dan Pelarasan Harga Kontrak (PHK). Secara keseluruhannya Audit mendapati pihak Kementerian dan agensi yang terlibat dengan Projek Pemajuan Kawasan (PPK) telah melaksanakan pengurusan pentadbiran kontrak selaras dengan peraturan dan tatacara semasa kecuali proses penamatan pengambilan kerja kontraktor seperti yang dinyatakan berikut:

5.2.7.1. Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor

a. Berdasarkan klausa 5.1 PK 4.5 berkenaan Tatacara Pengurusan Projek Sakit dan Pelantikan Kontraktor Penyiap bagi Projek Sakit yang berkuat kuasa 29 Jun 2018 menyatakan Agensi hendaklah memastikan bahawa tempoh proses pelantikan Kontraktor Penyiap bagi projek sakit selepas Notis Penamatan dikeluarkan kepada kontraktor asal hendaklah tidak melebihi tiga bulan.

b. Setakat 31 Disember 2022, semakan Audit terhadap projek PPK yang dilawat mendapati projek PPK Al Muktafi Billah Shah telah ditamatkan kontraknya. Maklumat berkenaan penamatan kontrak tersebut adalah seperti yang dinyatakan di kronologi dalam **Rajah 7.**

RAJAH 7
KRONOLOGI PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR
PPK AL-MUKTAFI BILLAH SHAH




Sumber: Ilustrasi Jabatan Audit Negara

c. Sehingga tarikh lawatan Audit pada 23 Februari 2023, KETENGAH masih belum mengeluarkan Perakuan Muktamad bagi kontrak PPK AMBS yang telah diberi Notis Penamatan Kerja Kontraktor kerana masih di peringkat perancangan untuk ditender semula. Pihak Audit mendapati, proses perancangan pelantikan kontraktor penyiap telah berlanjutan selama 10 bulan mulai tarikh penamatan pada 25 April 2022 berbanding tiga bulan seperti yang dinyatakan dalam PK4.5. Hal ini menyebabkan risiko kerosakan bahan binaan, pengaratan besi dan hakisan tanah di tapak pembinaan yang memerlukan kos membaikpulih yang lebih tinggi seperti dalam **Gambar 9** hingga **Gambar 11**. Berdasarkan maklum balas KKDW dan KETENGAH, melalui surat bertarikh 2 Mei 2023, Kementerian Ekonomi telah meluluskan peruntukan tambahan

yang diperlukan bagi menyiapkan baki kerja projek ini berjumlah RM6.02 juta (30.1%) daripada kos projek asal iaitu RM20.00 juta.

GAMBAR 9



Projek PPK Al-Muktafi Billah Shah, Terengganu
- Pengaratan Pada Bahan Binaan Sistem IBS
(20.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 10



Projek PPK Al-Muktafi Billah Shah, Terengganu
- Pengaratan Pada Besi Yang Telah Dipasang
(20.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 11

Projek PPK Al-Muktafi Billah Shah, Terengganu
- Hakisan Tanah di Tapak Pembinaan
(20.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas KKDW yang diterima pada 22 Jun 2023

KETENGAH

Projek ini dalam proses tender semula. Kelulusan NOC peruntukan tambahan telah diterima daripada Kementerian Ekonomi melalui surat bertarikh 2 Mei 2023 dan iklan tender semula pada 15 Jun 2023 dan jangkaan pelantikan kontraktor penyiap pada Julai 2023. Berikut adalah isu kelewatan:

a. Perubahan kontrak daripada 203 kepada 203A;

b. Pengiraan dan pelarasan semula rumah siap dan belum mula;

c. Pengiraan kos IBS.

Pendapat Audit

Kegagalan pihak KETENGAH melantik kontraktor penyiap dalam tempoh tiga bulan selepas notis penamatan dikeluarkan telah menyebabkan berlaku peningkatan kos projek sebanyak RM6.02 juta.

5.2.8. Spesifikasi dan Kualiti Pembinaan

5.2.8.1. Perlindungan Pengguna Elektrik Rumah

a. Peraturan-peraturan Elektrik 1994, Peraturan 36, Perkara (3) dan (4); menyatakan perlindungan terhadap arus kebocoran bumi hendaklah dipasang seperti berikut:-

(3) Bagi sesuatu pepasangan jika kelengkapan, radas atau perkakas yang dipegang dengan tangan digunakan atau berkemungkinan digunakan, perlindungan terhadap arus kebocoran bumi hendaklah dibuat pada mana-mana litar akhir, sama ada secara berasingan atau dalam kumpulan, dengan peranti arus baki yang mempunyai arus kendalian baki terkadar tidak melebihi 30 miliampere.

(4) Bagi sesuatu pepasangan, selain daripada pepasangan yang disebut dalam subperaturan (1) (2) dan (3), perlindungan terhadap arus kebocoran bumi hendaklah dibuat bagi mana-mana litar akhir, sama ada secara individu atau dalam kumpulan, dengan peranti arus baki yang mempunyai arus kendalian baki terkadar tidak melebihi 100 miliampere melainkan;


(a) atas sebab-sebab fungsi, adalah tidak praktik untuk mengadakan perlindungan itu; atau

(b) adalah tidak selamat atau berbahaya untuk mengadakan perlindungan itu.

b. Berdasarkan Peraturan-peraturan Elektrik 1994, Peranti Arus Baki (PAB) berkepekaan 100 *miliampere* (mA) dan 30mA adalah perlu kerana terdapat litar lampu, kipas dan soket pada Papan Agihan Elektrik rumah PPK.


c. Semakan pada Papan Agihan Elektrik di rumah PPK semasa lawatan tapak mendapati **hanya satu sahaja PAB dipasang sama ada berkepekaan 100mA atau 30mA di rumah PPK Kg. Parit Makuasang, PPK Kg. Ulu Slim dan PPK Kg. Hujung Ketun untuk litar lampu, kipas dan soket** seperti dalam **Gambar 12** dan **Gambar 13.**

GAMBAR 12



Rumah PPK Kg. Ulu Slim, Perak
- Tiada Peranti Arus Baki Berkepekaan 30mA Pada Papan Agihan Elektrik Seperti Kehendak Peraturan-Peraturan Elektrik di Malaysia
(08.02.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13



PPK Kg. Parit Makuasang, Johor.
- Tiada Peranti Arus Baki Berkepekaan 100 mA Pada Papan Agihan Elektrik Seperti Kehendak Peraturan-Peraturan Elektrik di Malaysia
(27.09.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

d. Papan Agihan Elektrik bagi rumah PPK perlu dilengkapi dengan PAB berkepekaan 30mA (litar soket) dan 100mA (litar lampu dan kipas) bertujuan melindungi nyawa penghuni daripada risiko renjatan elektrik apabila berlakunya kebocoran arus.

Maklum balas KKDW yang diterima pada 19 April 2023

Pemasangan satu PAB di semua litar akhir masih mempunyai perlindungan arus baki. Bagaimanapun, Bahagian Teknikal KKDW mengambil maklum berkenaan perkara ini dan akan menambahbaik di projek akan datang. Lukisan pembinaan - menyediakan dua PAB bagi unit rumah. Jadi, pihak kontraktor perlu menyediakan penambahan PAB bagi unit rumah yang tidak mencukupi seperti lukisan skematik.

Pendapat Audit


Papan agihan elektrik dipasang tidak mengikut piawaian ditetapkan bagi setiap unit rumah adalah bercanggah dengan akta dan peraturan yang berkuatkuasa serta boleh mengakibatkan risiko renjatan elektrik.

5.2.8.2. Kualiti dan Utiliti Rumah

a. Kemasan Dinding

Lawatan Audit ke tapak projek PPK mendapati keseluruhan kerja dan skop seperti dinyatakan dalam brif dan dokumen kontrak telah dilaksanakan dengan baik di tapak. Walau bagaimanapun, berdasarkan **lawatan Audit ke tapak projek PPK Kg. Ulu Slim mendapati kemasan akhir dinding dapur unit rumah tidak mematuhi kehendak dokumen kontrak**. Ketiadaan jubin di permukaan dinding dapur akan menjejaskan kebersihan akibat dari serapan minyak dari bahan masakan. Butiran lanjut seperti dalam **Gambar 14** dan **Gambar 15**.

GAMBAR 14


BILL NO. 3 - SINGLE STOREY HOUSE (BUNGALOW)
ELEMENT NO 9 : INTERNAL WALL FINISHES

ITEM | DESCRIPTION | U

Cement and sand (1:6) mixed with and approved plasticiser with wooden float as described

A | 20mm Thick plainface walls, beams, columns and the likes

Selected and approved glazed ceramic tiles as described, bedded, jointed and pointed in match coloured cement lining on 20mm Thick cement and sand (1:6) backing screed and laid in approved pattern as described all as per S.O's satisfaction

Projek PPK Kg. Ulu Slim
- Diskripsi Kemasan Elemen Dinding Dalam Dokumen kontrak
(10.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 15




Projek PPK Kg. Ulu Slim
- Lokasi Dapur Tiada Jubin di Permukaan Dinding dan Lantai
(10.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)


b. Kestabilan Agihan Elektrik Di Rumah

Berdasarkan lawatan ke enam projek PPK, **pihak Audit mendapati kelengkapan elektrik rumah PPK tidak dipasang sepertimana lukisan elektrik**. Bilangan *Miniature Circuit Breaker* (MCB) pada Papan Agihan Elektrik tidak sebagaimana dalam lukisan kontrak seperti dalam **Gambar 16** dan **Gambar 17**. MCB bertindak sebagai pemutus litar apabila berlakunya litar pintas atau lebihan beban. Sekiranya berlaku kebocoran arus boleh menyebabkan renjatan elektrik yang membawa kematian. Perbandingan bilangan MCB pada lukisan dan yang dipasang di rumah PPK seperti dalam **Jadual 11**

GAMBAR 16



GAMBAR 17



PPK Kg. Ulu Slim
- Pemasangan Kuantiti MCB Dalam Kotak Agihan (DB) Tidak Dipasang Mengikut Kuantiti Lukisan Kontrak
- Hanya 5 Way MCB Dipasang Dalam DB Berbanding Lukisan Kontrak 9 Way
(10.01.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

JADUAL 11
PERBANDINGAN PEMASANGAN MCB PADA LUKISAN DAN DI TAPAK

BIL.	PROJEK PPK	BILANGAN MCB BAGI LITAR KIPAS & LAMPU		BILANGAN MCB BAGI LITAR SOKET	
		REKABENTUK	TAPAK	REKABENTUK	TAPAK
1.	Kg. Parit Makuasang	4	4	5	4
2.	Kg. Ulu Slim	3	1	6	4
3.	Kg. Kubang Kenyeng	8	8	5	5
4.	Kg. Hujung Ketun	5	4	6	5
5.	Kg. Air Putih	6	6	7	7
6.	Al-Muktafi Billah Shah	3	3	4	4

Sumber: Dokumen Kontrak

Maklum balas KKDW yang diterima pada 22 Jun 2023

FELCRA BERHAD

Terdapat perbezaan antara pelan *dan Bills of Quantities* (BQ) bagi kemasan dinding dapur yang disediakan oleh pihak perunding. Ini adalah kerana ketika penyediaan pelan, pihak perunding mengambil rujukan kepada pelan rumah PPK terdahulu di mana tiada kemasan dinding di dapur seperti mana rumah PPK Gelung Pepuyu. Walau bagaimanapun pihak perunding telah memasukkan kemasan dinding dapur dalam BQ dengan tujuan sekiranya kerja tersebut diperlukan. Memandangkan kemasan dinding dapur tidak dibuat di tapak maka APK potongan bagi kemasan dinding dapur akan dibuat oleh pihak perunding.

Kontrak adalah berdasarkan kepada BQ walau bagaimanapun kontraktor melaksanakan kerja berdasarkan pelan. APK potongan bagi kemasan dinding dapur sedang dalam tindakan perunding projek akan dimajukan ke Perolehan dalam bulan Mei 2023.

KEDA

KEDA telah mengeluarkan surat kepada pihak Kontraktor memohon penjelasan berkaitan dengan isu ini dan meminta Kontraktor memasang MCB mengikut bilangan dalam lukisan elektrik dengan kadar segera atau tindakan pemulangan wang kepada KEDA akan diambil.

Pendapat Audit	**Pemasangan Miniature Circuit Breaker (MCB) pada Papan Agihan Elektrik tidak mengikut lukisan kontrak boleh mendatangkan risiko renjatan elektrik.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pelaksanaan PPK masih belum dapat mencapai objektif yang ditetapkan. Pengurusan PPK adalah kurang cekap kerana berlaku kelemahan di peringkat penyediaan garis panduan dan pelaksanaan projek yang menyebabkan projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan mengakibatkan peserta tidak dapat menerima manfaat projek mengikut jadual asal.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan pelaksanaan projek PPK mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

7.1. KKDW hendaklah memantau rapi pelaksanaan dan penyiapan projek PPK mengikut perancangan yang ditetapkan agar manfaat yang disasarkan dapat disampaikan mengikut tempoh masa yang ditetapkan;

7.2. KKDW hendaklah mengemaskini garis panduan yang meliputi kriteria pemilihan golongan sasar serta spesifikasi rumah PPK dan membuat kajian kemungkinan berdasarkan penilaian risiko tapak bagi memastikan keselamatan nyawa dan harta benda; dan

7.3. KKDW perlu meningkatkan pemantauan prestasi perbelanjaan dan kemajuan kerja di peringkat agensi pelaksana bagi memastikan peruntukan yang telah disalurkan kepada agensi pelaksana dibelanjakan mengikut objektif yang ditetapkan.

5

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

- **Jabatan Pengairan dan Saliran**
  - Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara

PROGRAM RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

RUMUSAN AUDIT

"Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) membantu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam membuat ramalan dan hebahan berkenaan banjir. Pengurusan PRAB dari aspek pencapaian output untuk pembinaan infrastruktur adalah baik. Namun, pencapaian output dari segi penyampaian perkhidmatan objektif program adalah **kurang memuaskan** dari segi mengeluarkan amaran dan hebahan banjir dua hari lebih awal serta meningkatkan ketepatan amaran dan kejadian sebenar kepada kurang 0.5 meter".

❖ LATAR BELAKANG

- Menyediakan perkhidmatan ramalan dan amaran banjir yang efektif dan berkesan kepada orang awam bagi meminimumkan impak sosial dan ekonomi disebabkan oleh banjir

Fasa 1	RM145 juta - 3 Lembangan Sungai
Komponen Utama PRAB	Pengesanan, Pangkalan Data, Ramalan dan Amaran Banjir

A. PENCAPAIAN OUTPUT

- **Infrastruktur**
  - 10 **stesen yang dirancang untuk dinaiktaraf dan dibina baharu tidak dilaksanakan**
  - 13 **peralatan hidrologi bernilai RM0.77 juta tidak dipasang**
- **Prestasi sistem**
  - 7 ramalan kejadian banjir monsun **tidak dikeluarkan 7 hari lebih awal**
  - 51 **amaran dikeluarkan kurang daripada 2 hari** sebelum tarikh banjir diramalkan
  - Berdasarkan Laporan Monsun Timur Laut (MTL), 28 hebahan menunjukkan **perbezaan melebihi 0.5 meter antara ramalan dan nilai kejadian sebenar**

B. PENCAPAIAN KEBERHASILAN

- Masih **belum boleh diukur kerana Program PRAB masih dalam tempoh pelaksanaan sehingga tahun 2030**

C. PENGURUSAN PRAB

- **Pembinaan Stesen**
  - **Pelaksanaan projek melebihi tempoh kontrak** di Lembangan Sungai Kelantan, Terengganu dan Pahang antara 1,829 hingga 1,836 hari
  - 10 **stesen yang dibina baharu telah ditutup**
- **Data *Remote Terminal Unit* dan *Gateway***
  - **Data sukat kelembapan tanah dan sukat sejatan air belum diambil kira dalam model ramalan banjir** melibatkan 15 peralatan dengan kos RM390,000
  - Data bagi **118 peralatan tidak diterima di *gateway* selama 3 bulan** berturut-turut melibatkan kos peralatan berjumlah RM110,570
- **Paparan data di PIB**
  - 46.5% data sukat air hujan dan 58.7% data aras air sungai bukan dari RTU PRAB
- **Bilangan data tiada dalam model ramalan**
  - Melibatkan; Kelantan - 8,166 data, Terengganu - 2,030 data dan Pahang - 4,964 data
- **Ramalan, Amaran dan Hebahan**
  - 306 kawasan **tidak menepati ramalan**
  - 183 kawasan **telah mengalami banjir tetapi buletin amaran banjir tidak dikeluarkan**
- **Penyenggaraan Pencegahan**
  - **Penyenggaraan bagi 335 stesen dibuat melebihi masa dua bulan**
  - 20 **stesen tidak pernah dibuat penyenggaraan**
  - **Penyenggaraan pencegahan tidak pernah dilaksanakan di 204 stesen oleh JPS Negeri selepas tamat tempoh jaminan**

4 SYOR AUDIT

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
PROGRAM RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia telah diberi tanggungjawab menyelaras dan memantau pelaksanaan Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB). PRAB dilaksanakan dalam tiga fasa. PRAB Fasa 1 dilaksanakan bermula pada tahun 2015 hingga 2024 di tiga Lembangan sungai utama iaitu Sungai Kelantan, Sungai Terengganu dan Sungai Pahang. Bagi PRAB Fasa 2, ianya telah bermula pada tahun 2018 dan dijangka akan siap pada tahun 2025 melibatkan 38 lembangan sungai seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. JPS juga sedang merancang untuk meluaskan PRAB ini ke lembangan sungai lain di Sabah dan Sarawak bagi dilaksanakan dalam PRAB Fasa 3.
- PRAB menyediakan perkhidmatan ramalan dan amaran banjir yang efektif dan berkesan kepada orang awam. PRAB merangkumi empat komponen utama yang dilaksanakan secara bersepadu. Komponen tersebut adalah seperti berikut:
  - membangunkan sistem pengesanan data hidrologi;
  - membangunkan sistem pangkalan data dan infrastruktur ICT;
  - membangunkan sistem ramalan dan pemodelan banjir; dan
  - meningkatkan sistem amaran dan hebahan.
- Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan PRAB Fasa 1 yang merangkumi komponen pengesanan, ramalan, infrastruktur ICT dan pangkalan data serta amaran dan hebahan. Prestasi program dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan (outcome).
- Pencapaian output dari aspek infrastruktur merangkumi prestasi pelaksanaan PRAB Fasa 1 meliputi pembinaan Stesen Hidrologi Telemetri, Siren dan Rangkaian Komunikasi, Pembangunan Sistem Operasi Ramalan Bersepadu (iFOS) serta amaran dan

hebahan. Pencapaian output dari aspek prestasi sistem merangkumi ketiga-tiga objektif dalam PRAB Fasa 1.

- Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan keberkesanan pengurusan Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara untuk menyediakan perkhidmatan ramalan dan amaran banjir yang efektif dan berkesan kepada orang awam bagi meminimumkan impak sosial dan ekonomi disebabkan oleh banjir.
- Penilaian pengurusan PRAB merangkumi tadbir urus projek, prestasi kewangan, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan sistem, penilaian keselamatan, pengurusan data dan penyenggaraan peralatan.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- PRAB membantu JPS untuk menyediakan perkhidmatan ramalan dan amaran banjir yang efektif dan berkesan kepada orang awam bagi meminimumkan impak sosial dan ekonomi disebabkan oleh banjir.
- Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada PRAB telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan untuk mencapai objektif berikut:
  - Membangunkan sistem yang berupaya meramal kejadian banjir monsun tujuh hari lebih awal berdasarkan data ramalan cuaca dari Jabatan Meteorologi Malaysia;
  - Meningkatkan keupayaan sistem amaran dan hebahan banjir monsun dari enam jam kepada dua hari lebih awal kepada agensi berkepentingan dan penduduk yang terlibat dengan banjir; dan
  - Meningkatkan ketepatan amaran banjir monsun dengan mengurangkan perbezaan ramalan dan sebenar iaitu aras air lebih satu meter kepada kurang 0.5 meter.

Rumusan

Secara keseluruhannya, PRAB membantu JPS dalam membuat ramalan dan hebahan berkenaan banjir. Pengurusan PRAB dari aspek pencapaian output untuk pembinaan infrastruktur adalah baik. Namun, pencapaian output dari segi penyampaian perkhidmatan objektif program adalah kurang memuaskan dari segi mengeluarkan amaran dan hebahan banjir dua hari lebih awal serta meningkatkan ketepatan amaran dan kejadian sebenar kepada kurang 0.5 meter.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
1.	Keberhasilan masih belum boleh diukur kerana PRAB masih dalam tempoh pelaksanaan sehingga tahun 2030.	Penilaian keberhasilan program tidak dapat dibuat.	JPS hendaklah mewujudkan petunjuk prestasi bagi menilai pencapaian keberhasilan PRAB agar objektif meramal dan menghebah dapat dicapai, seterusnya meminimumkan impak banjir kepada penduduk.
2.	Penyenggaraan pencegahan tidak dibuat mengikut ketetapan kontrak.	Memberi risiko kerugian kepada Kerajaan sekiranya berlaku kerosakan peralatan dan tidak dibaiki.	Pemantauan terhadap stesen hidrologi telemetri, siren atau kamera web dan melaksanakan tindakan penyenggaraan mengikut perancangan bagi memastikan stesen dan peralatan berfungsi dengan baik.
3.	Penyenggaraan pencegahan tidak pernah dilaksanakan di 204 stesen oleh JPS Negeri selepas tamat tempoh jaminan.		
4.	Data bagi 118 peralatan tidak diterima di *gateway* selama tiga bulan berturut-turut melibatkan kos peralatan berjumlah RM110,570.	Memberikan risiko kepada ketepatan ramalan yang akan dikeluarkan.	JPS hendaklah menentukan kaedah terbaik bagi memastikan penghantaran data daripada stesen hidrologi telemetri ke *gateway* dengan lebih stabil selepas penutupan rangkaian 3G bagi memastikan objektif PRAB tercapai.
5.	46.5% data sukat air hujan dan 58.7% data aras air sungai yang dipaparkan di Portal Public InfoBanjir menggunakan data bukan dari data *Remote Terminal Unit* (RTU) PRAB.	Keadaan ini memberi kesan kepada ketersediaan data RTU bagi tujuan membuat ramalan.	
6.	Data sukat air hujan yang direkodkan di *gateway* bagi Kelantan, Terengganu dan Pahang adalah kurang daripada bilangan data yang sepatutnya.	Keadaan ini memberikan risiko kepada ramalan yang tepat.	Pengurusan dan proses pembersihan data daripada RTU sehingga ke *Forecast Data Center* (FDC) hendaklah dipantau bagi memastikan tiada ralat berlaku kepada output hasil daripada proses ETL.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

1. PROGRAM RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA

FAKTA UTAMA

Pelaksanaan Fasa 1 2015 - 2024	Peruntukan RM145 Juta	3 Lembangan Sungai Utama
• Mesyuarat Khas Jawatankuasa Bantuan Bencana pada 3 Januari 2014	• Peruntukan Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara Fasa 1 yang disalurkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia	• Sungai Kelantan • Sungai Terengganu • Sungai Pahang

Matlamat Program	Membantu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan ramalan dan amaran banjir yang efektif dan berkesan kepada orang awam bagi meminimumkan impak sosial dan ekonomi disebabkan oleh banjir.
Objektif Program	• Membangunkan sistem yang berupaya meramal kejadian banjir monsun tujuh hari lebih awal berdasarkan data ramalan cuaca dari Jabatan Meteorologi Malaysia. • Meningkatkan keupayaan sistem amaran dan hebahan banjir monsun dari enam jam kepada dua hari lebih awal kepada agensi berkepentingan dan penduduk yang terlibat dengan banjir. • Meningkatkan ketepatan amaran banjir monsun dengan mengurangkan perbezaan ramalan dan sebenar iaitu aras air lebih satu meter kepada kurang 0.5 meter.


1. LATAR BELAKANG

1.1. Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) dilaksanakan selaras keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Bantuan Bencana Pusat (JBBP) pada 3 Januari 2014. PRAB bertujuan menambah baik dan mempertingkatkan keupayaan model ramalan dan sistem amaran banjir secara berterusan dengan aplikasi teknologi yang lebih canggih, cepat dan tepat. JPS Malaysia telah diberi tanggungjawab menyelaras dan memantau pelaksanaannya.

1.2. PRAB dilaksanakan dalam tiga fasa. PRAB Fasa 1 dilaksanakan bermula pada tahun 2015 hingga 2024 di tiga lembangan sungai utama iaitu Sungai Kelantan, Sungai Terengganu dan Sungai Pahang. Bagi Projek PRAB Fasa 2, ianya telah bermula pada tahun 2018 dan dijangka akan siap pada tahun 2025 melibatkan 38 lembangan sungai seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. JPS juga sedang merancang untuk meluaskan PRAB ini ke lembangan sungai lain di Sabah dan Sarawak bagi dilaksanakan dalam PRAB Fasa 3.

1.3. Lokasi PRAB mengikut fasa adalah seperti dalam **Rajah 1**.

RAJAH 1
LOKASI PRAB MENGIKUT FASA



Sumber: JPS

1.4. PRAB merangkumi empat komponen utama yang dilaksanakan secara bersepadu. Komponen tersebut adalah seperti berikut:

a. Membangunkan sistem pengesanan data hidrologi;

b. Membangunkan sistem pangkalan data dan infrastruktur ICT;

c. Membangunkan sistem ramalan dan pemodelan banjir; dan

d. Meningkatkan sistem amaran dan hebahan.


1.5. Komponen pertama iaitu pembangunan sistem pengesanan data hidrologi adalah bertujuan untuk meningkatkan sistem pengesanan maklumat banjir yang menyeluruh dan tepat melalui penambahan sistem pengumpulan data hidrologi bertelemetri serta sistem komunikasi yang efektif di Lembangan Sungai Kelantan, Terengganu dan Pahang.

1.6. Komponen kedua dan ketiga iaitu membangunkan sistem pangkalan data dan infrastruktur ICT serta sistem ramalan dan pemodelan banjir adalah bertujuan untuk membuat ramalan banjir dengan sokongan sistem pangkalan data yang efektif. Satu pangkalan data yang komprehensif diwujudkan bagi menyokong segala keperluan penyimpanan, pemprosesan, analisis dan hebahan. Sistem ramalan dan pemodelan banjir tersebut dibangunkan untuk Lembangan Sungai Kelantan, Terengganu dan Pahang menggunakan maklumat keratan rentas sungai yang terkini.

1.7. Komponen keempat iaitu meningkatkan sistem amaran dan hebahan dengan mewujudkan satu sistem amaran dan hebahan banjir yang menyeluruh merangkumi portal, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) banjir, media sosial, aplikasi mudah alih, siren dan pengintegrasian dengan agensi berkepentingan seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM).

1.8. **Rajah 2** menunjukkan komponen utama dan bagaimana PRAB berfungsi di peringkat pengesanan hingga ke peringkat hebahan amaran. Penerangan bagi setiap komponen adalah seperti di **Jadual 1**.

RAJAH 2
KOMPONEN PRAB DAN FUNGSINYA



Sumber: JPS

JADUAL 1
PENERANGAN BAGI KOMPONEN UTAMA PRAB

BIL.	KOMPONEN	PENERANGAN
1.	Pengesanan	• Data hujan dan data aras air akan dicerap dari Stesen Hidrologi Telemetri (stesen hujan dan stesen aras air) dan dihantar ke Pusat Data Ramalan [Forecast Data Centre (FDC)]. • Data *Global Forecast System* (GFS) juga diterima dari *National Centers For Environmental Prediction* (NCEP) dan dihantar serta disimpan di FDC. • JMM akan membekalkan data ramalan hujan dan ramalan cuaca untuk disimpan di FDC.
2.	Pangkalan data dan infrastruktur ICT	Pusat Data menyimpan semua data hidrologi dan data berkaitan ramalan.
3.	Ramalan	• Data yang diperolehi di peringkat pengesanan akan melalui proses analisis dan pemodelan bagi membuat ramalan banjir. • Proses analisis dan pemodelan menggunakan perisian ICM Live. • Kejadian banjir monsun akan diramal tujuh hari lebih awal.

BIL.	KOMPONEN	PENERANGAN
4.	Hebahan Amaran	Tindakan Agensi: • Hebahan amaran banjir monsun akan dilaksanakan oleh Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) kepada Pusat Pengurusan Bencana Negara [National Disaster Control Centre (NDCC)] melalui emel; • Seterusnya NDCC akan membuat hebahan kepada agensi tindak balas iaitu Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Maritim Malaysia melalui e-mel dan *WhatsApp Group*; dan • Amaran banjir turut dihantar terus kepada orang awam melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) dengan menggunakan syarikat telekomunikasi sedia ada. JPS: *Customized Voice Activated* Siren berfungsi untuk menghebahkan amaran banjir semasa kepada orang awam.

Sumber: JPS

1.9. PRAB dilaksanakan melalui dua fasa dengan peruntukan asal berjumlah RM530 juta. PRAB Fasa 1 telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Keempat (RP4) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan peruntukan sebanyak RM139 Juta. PRAB Fasa 2 telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Kedua (RP2) RMKe-11 dengan peruntukan projek sebanyak RM391 juta. Walau bagaimanapun, disebabkan kekurangan peruntukan PRAB Fasa 1, Unit Perancang Ekonomi (UPE) telah meluluskan pemindahan siling peruntukan PRAB Fasa 2 sebanyak RM6 juta ke PRAB Fasa 1. Berikutan itu, peruntukan keseluruhan bagi PRAB Fasa 2 menjadi sebanyak RM385 juta. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 2.**

JADUAL 2
PERUNTUKAN PRAB

PERUNTUKAN	FASA 1 (RM Juta)	FASA 2 (RM Juta)
ASAL	139.00	391.00
SEMASA (Sehingga Disember 2022)	145.00	385.00

Sumber: Sistem Pemantauan Projek II (SPPII)

1.10. Perolehan PRAB bagi Fasa 1 dan Fasa 2 melibatkan sebanyak 115 kontrak dengan kos berjumlah RM307.56 juta. Selain itu, sebanyak 51 kontrak bagi Fasa 2 masih dalam perancangan pihak JPS. Bilangan kontrak dan kos mengikut komponen adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KOS KONTRAK PRAB


BIL.	KOMPONEN	KONTRAK FASA 1		KONTRAK FASA 2		JUMLAH KONTRAK	
		BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)
1.	Pengesanan	10	71.93	17	110.80	27	182.73
2.	Pangkalan data dan infrastruktur ICT	16	43.32	5	10.17	21	53.49
3.	Pemodelan Ramalan	19	22.62	44	44.98	63	67.60
4.	Hebahan	2	1.27	1	0.49	3	1.76

BIL.	KOMPONEN	KONTRAK FASA 1		KONTRAK FASA 2		JUMLAH KONTRAK	
		BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)	BIL.	KOS (RM Juta)
5.	Program Perekayasaan Jangka Panjang	-	-	1	1.98	1	1.98
JUMLAH		**47**	**139.14**	**68**	**168.42**	**115**	**307.56**
6.	Dalam perancangan*	-	-	51	-		0.00

Sumber: JPS
Nota: (*) - Kos Kontrak Bagi Komponen Dalam Perancangan Masih Belum Dimuktamadkan

1.11. PRAB dilaksanakan secara bersepadu dengan penglibatan tiga agensi utama iaitu JPS, JMM dan Agensi *Remote Sensing* Malaysia (ARSM). Tiga jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Induk, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kerja dibentuk untuk memantau pelaksanaan PRAB seperti dalam **Rajah 3**.

RAJAH 3
JAWATANKUASA PENGURUSAN PROJEK PRAB



Sumber: JPS

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada PRAB telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan untuk mencapai objektif berikut:

a. membangunkan sistem yang berupaya meramal kejadian banjir monsun tujuh hari lebih awal berdasarkan data ramalan cuaca dari JMM;

b. meningkatkan keupayaan sistem amaran dan hebahan banjir monsun dari enam jam kepada dua hari lebih awal kepada agensi berkepentingan dan penduduk yang terlibat dengan banjir; dan

c. meningkatkan ketepatan amaran banjir monsun dengan mengurangkan perbezaan ramalan dan sebenar iaitu aras air lebih satu meter kepada kurang 0.5 meter.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan PRAB Fasa 1 yang merangkumi komponen pengesanan, ramalan, infrastruktur ICT dan pangkalan data serta amaran dan hebahan. Prestasi program dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dari aspek infrastruktur dan aspek prestasi sistem serta pencapaian keberhasilan.

a. Pencapaian output dari aspek infrastruktur merangkumi prestasi pelaksanaan PRAB Fasa 1 meliputi pembinaan stesen hidrologi telemetri, siren dan rangkaian komunikasi, pembangunan Sistem Operasi Ramalan Bersepadu (iFOS) serta amaran dan hebahan. Pencapaian output dari aspek prestasi sistem merangkumi ketiga-tiga objektif dalam PRAB Fasa 1.

b. Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan keberkesanan pengurusan Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara untuk menyediakan perkhidmatan ramalan dan amaran banjir yang efektif dan berkesan kepada orang awam bagi meminimumkan impak sosial dan ekonomi disebabkan oleh banjir.

3.2. Pengurusan PRAB merangkumi tadbir urus projek, peruntukan dan perbelanjaan, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan sistem, penilaian keselamatan, pengurusan data dan penyenggaraan peralatan.

3.3. Pengauditan telah dilaksanakan di JPS Kuala Lumpur, JPS Ampang dan lokasi pemasangan peralatan di stesen hidrologi telemetri, siren dan rangkaian komunikasi di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang.

3.4. Semakan terhadap dokumen PRAB meliputi tempoh tahun 2016 hingga bulan Disember 2022, manakala analisis data dibuat dari bulan Mac 2021 hingga Disember 2022.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan dengan membuat penilaian terhadap komponen sistem bagi memahami risiko serta kawalan utama yang perlu diberi perhatian. Semakan juga dilakukan terhadap kontrak, dokumentasi dan spesifikasi sistem ramalan dan amaran banjir serta ujian *walkthrough* sistem termasuk menganalisis data dan rekod PRAB.

Lawatan fizikal dan pemeriksaan terhadap peralatan yang disenggara serta temu bual pegawai dan orang awam berkenaan PRAB turut dilaksanakan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Julai 2022 hingga Jun 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 8 September 2023. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Prestasi Program

5.1.1. Pencapaian Output - Aspek Infrastruktur

5.1.1.1. Status Pencapaian Stesen Hidrologi Telemetri, Siren dan Kamera Web

a. Pembinaan Stesen

i. Berdasarkan Perjanjian Projek Pembinaan Stesen Hidrologi Telemetri, Siren, dan Rangkaian Komunikasi serta Kerja-Kerja Berkaitan menyatakan bahawa syarikat perlu membina 154 stesen hidrologi yang baharu dan 203 stesen dinaik taraf atau membekalkan peralatan hidrologi telemetri meliputi sukat air hujan, sukat aras air sungai, sukat luah, sukat sejatan, sukat kelembapan tanah, siren dan/atau kamera web mengikut lokasi yang ditetapkan.

ii. Secara keseluruhan, sebanyak 347 (97.2%) daripada 357 stesen yang dirancang telah dibina dan dinaik taraf. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 4**.

JADUAL 4
PELAKSANAAN PROJEK PEMBINAAN STESEN HIDROLOGI

JENIS PROJEK	NEGERI	BILANGAN STESEN		
		PERANCANGAN	LAKSANA	TIDAK LAKSANA
Bina Baru	Kelantan	50	49	1
	Terengganu	22	22	-
	Pahang	82	74	8
	Jumlah	**154**	**145 (94.2%)**	**9 (5.8%)**
Naik Taraf	Kelantan	64	63	1
	Terengganu	12	12	-
	Pahang	127	127	-
	Jumlah	**203**	**202 (99.5%)**	**1 (0.5%)**
JUMLAH KESELURUHAN		**357**	**347 (97.2%)**	**10 (2.8%)**

Sumber: Kontrak Pembinaan Stesen Hidrologi dan Status Pelaksanaan PRAB Fasa 1 dan Analisis JAN

iii. Berdasarkan **Jadual 4**, sembilan (5.8%) daripada 154 stesen yang dirancang untuk dibina baharu dan satu (0.5%) daripada 203 stesen yang dirancang untuk dinaik taraf atau pemasangan peralatan hidrologi telemetri yang baharu tidak dilaksanakan sehingga bulan Disember 2022. Semakan lanjut terhadap Arahan Perubahan Kerja mendapati perkara ini berlaku disebabkan gangguan hidupan liar, halangan undang-undang oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara serta halangan oleh penduduk setempat.

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Satu stesen yang perlu dinaik taraf mengalami gangguan hidupan liar yang tidak terkawal. Stesen yang dirancang untuk dibina baharu, satu stesen disebabkan oleh masalah runtuhan tebing dan mencari lokasi yang sesuai. Empat stesen lain dihalang oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara kerana melibatkan penebangan hutan yang bertentangan dengan undang-undang Taman Negara. Selain itu, satu stesen terletak berhampiran dengan koridor pembinaan jambatan dan pembinaan jalan oleh Jabatan Kerja Raya, satu lagi mendapat bantahan dari penduduk tempatan dan perpindahan penduduk ke penempatan baru.

b. Pemasangan Peralatan

i. Berdasarkan *Bill of Quantities* (BQ) bagi kontrak Pembinaan Stesen Hidrologi Telemetri, peralatan yang perlu dipasang mengikut lokasi yang ditetapkan, sejumlah 492 unit peralatan bagi 357 stesen yang dibina baharu atau dinaik taraf.

ii. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 479 (97.4%) pemasangan peralatan telah dilaksanakan, daripada keseluruhan 492 peralatan yang sepatutnya dipasang. **Manakala 13 peralatan hidrologi telemetri tidak dipasang di 10 stesen yang tidak dilaksanakan naik taraf dan dibina baharu**. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 5**.

JADUAL 5
PELAKSANAAN PEMASANGAN PERALATAN HIDROLOGI TELEMETRI, SIREN DAN KAMERA WEB SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

BIL.	PERALATAN	PERANCANGAN	SEBENAR	
			PELAKSANAAN	TIDAK DILAKSANAKAN
1.	Sukat Air Hujan (RF)	192	186 (96.9%)	6 (3.1%)
2.	Sukat Aras Air Sungai (WL)	106	104 (98.1%)	2 (1.9%)

BIL.	PERALATAN	PERANCANGAN	SEBENAR	
			PELAKSANAAN	TIDAK DILAKSANAKAN
3.	Sukat Luah (SF)	14	14 (100%)	-
4.	Sukat Sejatan Air (EP)	7	7 (100%)	-
5.	Sukat Kelembapan Tanah (SM)	8	8 (100%)	-
6.	Siren (SR)	136	132 (97.1%)	4 (2.9%)
7.	Kamera Web (WC)	29	28 (96.6%)	1 (3.4%)
JUMLAH		**492**	**479 (97.4%)**	**13 (2.6%)**

Sumber : Kontrak Pembinaan Stesen Hidrologi PRAB Fasa 1, Sijil Perakuan Pendudukan Separa (CPO)/Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC), Data *Gateway* dan Analisis JAN

iii. **Anggaran kos berdasarkan BQ untuk 13 peralatan ini adalah berjumlah RM755,400. Dokumen kelulusan perubahan dan butiran harga bagi 13 peralatan tersebut tidak dikemukakan**. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 6**.

JADUAL 6
ANGGARAN KOS BAGI PERALATAN HIDROLOGI TELEMETRI YANG TIDAK DIPASANG

BIL.	LEMBANGAN SUNGAI	NAMA STESEN	SET PERALATAN YANG TERLIBAT	ANGGARAN KOS (RM)
PERALATAN TIDAK DIBEKALKAN DI STESEN NAIK TARAF				
1.	Kelantan	Gemala	RF	46,580
STESEN YANG TIDAK DIBINA BAHARU				
2.	Kelantan	Kampung Kemubu	RF, WL, SR	121,230
3.	Pahang	Sungai Temau	RF	46,580
4.		Sungai Sepial	RF	46,580
5.		Sungai Keniam	RF	46,580
6.		Sungai Tembeling	RF	46,580
7.		Sungai Krau@Jamb. Kuala Kurau	WL, WC	98,330
8.		Kampung Pangsenam	SR	100,980
9.		Tanjung Belenggu	SR	100,980
10.		Kampung Kuala Bera	SR	100,980
JUMLAH				**755,400**

Sumber: Kontrak Pembinaan Stesen Hidrologi dan Status Pelaksanaan PRAB Fasa 1 dan Analisis JAN
Nota: RF - Sukat Air Hujan, WL - Sukat Aras Air Sungai, SR - Siren, WC - Kamera Web

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Perancangan bagi peralatan yang tidak dipasang (10 stesen tidak dibina), peralatan ini digunakan sebagai alat ganti.

Sehingga September 2023, sebanyak 558 nos (52%) daripada 1,071 alat ganti telah digunakan. Baki 513 nos (48%) akan digunakan di dalam projek-projek akan datang.

Pendapat Audit	**Pencapaian peratusan kerja siap stesen yang dinaik taraf dan dibina baharu serta pemasangan peralatan melebihi 90%, tetapi berlaku lebihan 13 peralatan untuk 10 stesen yang tidak dilaksana.**

5.1.1.2. Status Pembangunan iFOS

a. Berdasarkan Klausa 5, Skop Kerja, Lampiran D (Appendiks II) kontrak pembangunan iFOS, syarikat 488040-D diwajibkan untuk membangunkan 12 aplikasi seperti yang ditetapkan dalam kontrak.

b. Semakan Audit mendapati **semua 12 aplikasi yang ditetapkan dalam kontrak telah selesai dibangunkan dan telah digunakan sejak 27 Ogos 2020**. Aplikasi-aplikasi tersebut merangkumi *Centralise Forecast Operation Platform* (CFOP), Portal *Public* InfoBanjir, *Dissemination*, *Mobile Application*, *Video Management System* (VMS), *CrowdSourcing*, RTU *Management*, *Network Monitoring System* (NMS), *Single Sign On* (SSO), *Data Cleaning System* (DCS), *Gateway* dan *Virtualization*.

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Syarikat 488040-D telah siap membangunkan 12 aplikasi seperti yang telah ditetapkan di dalam kontrak.

Pendapat Audit	**Pencapaian pembangunan iFOS adalah baik kerana semua aplikasi selesai dibangunkan dan telah digunakan.**

5.1.2. Pencapaian Output - Prestasi Sistem

5.1.2.1. Ramalan dan Hebahan Banjir Monsun

a. Meramal Kejadian Banjir Monsun Tujuh Hari Lebih Awal

i. Objektif pertama PRAB Fasa 1 adalah untuk membangunkan sistem yang berupaya meramal kejadian banjir monsun tujuh hari lebih awal berdasarkan data ramalan cuaca dari JMM.

ii. Semakan Audit mendapati pihak JPS menggunakan perisian ICM Live bagi membuat model ramalan kejadian banjir. Ujian *walkthrough* sistem bersama pihak JPS mendapati perisian yang digunakan boleh membuat ramalan kejadian banjir monsun tujuh hari lebih awal. Berdasarkan data

ramalan cuaca dari JMM, sebanyak 83 (92.2%) daripada 90 ramalan kejadian banjir monsun telah berjaya dikeluarkan tujuh hari lebih awal. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 7**.

JADUAL 7
RAMALAN KEJADIAN BANJIR MONSUN TUJUH HARI LEBIH AWAL BERDASARKAN DATA RAMALAN CUACA DARI JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA

MONSUN TIMUR LAUT	BILANGAN RAMALAN BANJIR		
	RAMALAN DIKELUARKAN	RAMALAN TIDAK DIKELUARKAN	JUMLAH
2020/2021	22 (95.7%)	1 (4.3%)	23
2021/2022	37 (86.0%)	6 (14.0%)	43
2022/2023	24 (100%)	-	24
JUMLAH	**83 (92.2%)**	**7 (7.8%)**	**90**

Sumber: Laporan Penilaian Hebahan Amaran Banjir Timur Laut (Laporan MTL) dan Analisis JAN

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 18 dan 28 Ogos 2023

1 (2020/2021) - Keadaan ini adalah di luar kawalan JPS dan menyebabkan kegagalan pengeluaran amaran banjir yang sepatutnya dikeluarkan di lembangan Sungai Pahang pada awal Januari 2021.

6 (2021/2022) - Kegagalan mengeluarkan amaran ini adalah disebabkan oleh fokus operasi tertumpu kepada kejadian banjir besar yang melanda Lembah Klang pada pertengahan Disember 2021 akibat cuaca ekstrim yang memberikan impak yang tinggi. Keadaan ini menyebabkan amaran kejadian banjir di kawasan lembangan yang terlibat dalam monsun timur laut berasaskan model hidrodinamik tidak dapat dikeluarkan dengan berkesan akibat kekurangan kakitangan semasa waktu puncak operasi.

Ramalan tujuh hari adalah untuk kegunaan dalaman JPS sahaja untuk melihat kemungkinan kewujudan event cuaca yang significant menyebabkan berlaku banjir. Ia tidak dibuat hebahan kepada pihak berkepentingan kerana maklumat tersebut masih di peringkat awal dan melibatkan penilaian teknikal yang terperinci oleh pihak JPS.

JPS telah mengemukakan cadangan pengukuhan unit operasi ramalan dan amaran banjir kepada Kementerian pada 11 September 2023 bagi mewujudkan 9 perjawatan baharu tanpa melibatkan implikasi kewangan.

Pendapat Audit

Pencapaian sistem bagi meramal kejadian banjir monsun tujuh hari lebih awal berdasarkan data ramalan cuaca dari JMM adalah baik kerana lebih 90% ramalan amaran berjaya dikeluarkan.

b. Sistem Amaran dan Hebahan Banjir Monsun Dari Enam Jam Kepada Dua Hari Lebih Awal

i. Objektif kedua PRAB Fasa 1 adalah untuk meningkatkan keupayaan sistem amaran dan penyampaian maklumat banjir monsun dari enam jam kepada dua hari lebih awal kepada agensi berkepentingan dan penduduk yang terlibat dengan banjir.

ii. Semakan Audit mendapati 32 (38.6%) daripada 83 maklumat amaran banjir telah dikeluarkan dua hari lebih awal berdasarkan tarikh buletin amaran yang dikeluarkan, yang sepadan dengan tarikh yang diramalkan untuk berlakunya banjir. **Sebanyak 51 (61.4%) daripada 83 maklumat amaran telah dikeluarkan kurang daripada dua hari sebelum tarikh banjir yang diramalkan**. Kelewatan mengeluarkan amaran ini selepas mengambil kira keadaan cuaca yang sentiasa berubah untuk membuat ramalan. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 8**.

JADUAL 8
TEMPOH AMARAN BANJIR DIKELUARKAN

MTL	BILANGAN BULETIN AMARAN DIKELUARKAN	HEBAHAN		
		JUMLAH	BILANGAN AMARAN DIKELUARKAN 2 HARI LEBIH AWAL	BILANGAN AMARAN DIKELUARKAN KURANG DARI 2 HARI
2020/2021	12	22	4 (18.2%)	18 (81.8%)
2021/2022	12	37	9 (24.3%)	28 (75.7%)
2022/2023	5	24	19 (79.2%)	5 (20.8%)
JUMLAH	**29**	**83**	**32 (38.6%)**	**51 (61.4%)**

Sumber: Laporan Penilaian Hebahan Amaran Banjir Timur Laut (Laporan MTL) dan Analisis JAN

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 18 dan 28 Ogos 2023

JPS mengesahkan maklumat bilangan 51 (61.4%) amaran banjir dikeluarkan kurang dari dua hari.

Perkara ini disebabkan beberapa faktor:

a. Faktor utama adalah perubahan cuaca yang dinamik disebabkan oleh keragaman cuaca pada ketika itu.

b. Kewujudan cuaca *significant* yang boleh menyebabkan banjir hanya dapat dikesan dalam tempoh kurang dua hari tersebut.

Sebagai perbandingan, semakan dengan "The Philippine Public Storm Warning System" mendapati ramalan terawal dikeluarkan dalam tempoh 36 jam sebelum kejadian dijangka berlaku.

Pendapat Audit

Keupayaan sistem amaran dan penyampaian maklumat banjir monsun dari enam jam kepada dua hari lebih awal adalah kurang memuaskan. Keadaan ini memberi risiko kelewatan kepada penduduk sekitar untuk membuat persediaan awal menghadapi banjir.

c. Mengurangkan Perbezaan Ramalan dan Sebenar Iaitu Aras Air Lebih Satu Meter Kepada Kurang 0.5 Meter

i. Objektif ketiga PRAB Fasa 1 adalah bertujuan meningkatkan ketepatan amaran banjir monsun dengan mengurangkan perbezaan ramalan dan sebenar iaitu aras air lebih satu meter kepada kurang 0.5 meter.

ii. Semakan Audit mendapati JPS menggunakan formula *Root Mean Square Error* (RMSE) sebagai kiraan untuk mengukur ketepatan aras air. RMSE adalah metrik penilaian yang umum digunakan untuk mengukur tahap kesalahan antara nilai yang diramalkan oleh model dengan nilai sebenar sewaktu kejadian.

iii. Berdasarkan Laporan Penilaian Hebahan Amaran Banjir Monsun Timur Laut (Laporan MTL), 49 (59%) daripada 83 hebahan memiliki perbezaan kurang daripada 0.5 meter antara ramalan dan nilai kejadian sebenar. **Sebanyak 28 (33.8%) daripada 83 hebahan pula menunjukkan perbezaan yang melebihi 0.5 meter antara ramalan dan nilai kejadian sebenar, dengan perbezaan antara 0.91 meter hingga 4.95 meter**. **Perbezaan ini disebabkan oleh keadaan cuaca yang sentiasa berubah untuk membuat ramalan**. Sementara itu, enam (7.2%) daripada 83 hebahan memberikan bacaan ralat, yang bermaksud peralatan sukat aras air tidak memberikan sebarang data yang relevan untuk tujuan penilaian. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 9**.

JADUAL 9
PERBEZAAN ARAS AIR ANTARA RAMALAN DAN KEJADIAN SEBENAR

MTL	JUMLAH HEBAHAN	KURANG 0.5 METER	MELEBIHI 0.5 METER	BACAAN RALAT
2020/2021	22	16 (72.8%)	5 (22.7%)	1 (4.5%)
2021/2022	37	33 (89.2%)	4 (10.8%)	-
2022/2023	24	-	19 (79.2%)	5 (20.8%)
JUMLAH	**83**	**49 (59.0%)**	**28 (33.8%)**	**6 (7.2%)**

Sumber: Laporan Penilaian Hebahan Amaran Banjir Timur Laut (Laporan MTL) dan Analisis JAN

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Penjelasan perbezaan aras air ramalan berbanding aras air sebenar adalah terdapat ketidakpastian nilai hujan ramalan berbanding dengan nilai hujan sebenar yang turun. Ini disebabkan oleh kepelbagaian dalam proses pembentukan hujan (proses fizik meteorologi).

Enam daripada 83 hebahan, mempunyai bacaan *error* berlaku disebabkan oleh ketidakpastian maklumat hujan yang tinggi seperti kejadian banjir besar yang berlaku pada pertengahan Disember 2021.

Usaha untuk mengurangkan ketidakpastian ini sedang dilaksanakan melalui projek perekayasaan jangka panjang PRAB dengan kerjasama pihak Jabatan Meteorologi Malaysia.

Pendapat Audit

Keupayaan untuk mengurangkan perbezaan ramalan dan sebenar iaitu aras air lebih satu meter kepada kurang 0.5 meter daripada program ini adalah kurang memuaskan. Perbezaan ini memberi risiko kepada ramalan dan kawasan berpotensi berlaku banjir.

5.2. Pencapaian Keberhasilan

a. Matlamat PRAB adalah membantu JPS dalam melaksanakan peranannya untuk menyediakan perkhidmatan ramalan dan amaran banjir yang efektif dan berkesan kepada orang awam bagi meminimumkan impak sosial dan ekonomi disebabkan oleh banjir.

b. Semakan Audit mendapati keseluruhan PRAB Fasa 1 telah siap dan telah diguna. Bagaimanapun didapati PRAB Fasa 1 disiapkan melebihi tempoh yang ditetapkan. Keadaan ini menyebabkan pelaksanaan PRAB Fasa 1 tersasar dari tarikh asal dan penduduk di kawasan sasaran lewat mendapat manfaat daripada Program tersebut.

c. Setakat pengauditan yang dilaksanakan, didapati berlaku kelemahan pengurusan data dari segi ketersediaan dan integriti data yang memberi kesan kepada ketepatan ramalan banjir. Berdasarkan analisis yang dilakukan didapati ketepatan ramalan banjir masih rendah. Peratus ketepatan ramalan hanya 5.6% dan hebahan amaran kurang memuaskan.

d. Ketika ini, JPS sedang melaksanakan PRAB Fasa 2 sehingga tahun 2025 dan juga merancang pelaksanaan Fasa 3 sehingga tahun 2030. Justeru itu, **keberhasilan**

keseluruhan program masih belum boleh diukur kerana PRAB masih dalam tempoh pelaksanaan sehingga tahun 2030.

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

JPS bersetuju dengan pandangan JAN, keberhasilan boleh diukur selepas PRAB siap sepenuhnya pada tahun 2030.

5.3. Pengurusan Program Ramalan dan Amaran Banjir

5.3.1. Peruntukan dan Perbelanjaan

a. PRAB dilaksanakan melalui dua fasa dengan peruntukan asal berjumlah RM530 juta. PRAB Fasa 1 telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Keempat (RP4) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan peruntukan sebanyak RM139 juta. PRAB Fasa 2 telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Kedua (RP2) RMKe-11 dengan peruntukan projek sebanyak RM391 juta. Walau bagaimanapun, disebabkan kekurangan peruntukan PRAB Fasa 1, Unit Perancang Ekonomi (UPE) telah meluluskan pemindahan siling peruntukan PRAB Fasa 2 sebanyak RM6 juta ke PRAB Fasa 1. Berikutan itu, peruntukan keseluruhan bagi PRAB Fasa 2 menjadi sebanyak RM385 juta.

b. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga Disember 2022, sejumlah RM193.57 juta daripada RM530 juta peruntukan telah dibelanjakan sehingga bulan Disember 2022. Butiran peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 10**.


JADUAL 10
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PRAB
SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

PERKARA	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
FASA 1	145.00	125.21	86.4
FASA 2	385.00	68.36	17.8
JUMLAH	**530.00**	**193.57**	**36.5**

Sumber: Sistem Pemantauan Projek II (SPPII)

c. Perincian peruntukan dan perbelanjaan mengikut RMK adalah seperti **Rajah 4** berikut.

RAJAH 4
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA MENGIKUT RMK SEHINGGA 31 DISEMBER 2022



Sumber: Sistem Pemantauan Projek II (SPPII)

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Fasa 1

- Pencapaian terkini prestasi perbelanjaan telah mencapai 86%.
- Tiga projek yang masih berjalan dan dijangka akan tamat pada hujung tahun 2023.
- Negeri Pahang yang akan tamat *Defect Liability Period* (DLP) pada 31 Oktober 2023 dan kontrak negeri Kelantan dan Terengganu DLP akan tamat pada 23 Oktober 2023. Bayaran muktamad dijangka akan diproses selepas tarikh DLP ini tamat.

- Kerja perunding yang sedang berjalan dan dijangka tamat pada 30 September 2023. Bayaran akhir akan dibuat setelah kerja perunding ini selesai dan dimuktamadkan.

Fasa 2

- Pencapaian terkini prestasi perbelanjaan telah mencapai 39%.
- Projek masih berjalan dan dijangka diselesaikan pada tahun 2027 merangkumi kerja pembinaan stesen telemetri, ukur kejuruteraan dan pembangunan model ramalan.

5.3.2. Pengurusan Pembinaan Stesen Hidrologi Telemetri, Siren dan/atau Kamera Web

5.3.2.1. Tempoh Pelaksanaan Projek

a. Perjanjian Projek Pembinaan Stesen Hidrologi Telemetri, Siren dan Rangkaian Komunikasi serta Kerja-Kerja Berkaitan menyatakan bahawa syarikat perlu membina 154 stesen hidrologi yang baharu dan 203 stesen dinaik taraf atau membekalkan peralatan hidrologi telemetri meliputi sukat air hujan, sukat aras air sungai, sukat luah, sukat sejatan, sukat kelembapan tanah, siren dan/atau kamera web mengikut lokasi yang ditetapkan. Pembinaan stesen hidrologi serta kerja-kerja berkaitan perlu diselesaikan pada 18 Oktober 2017.

b. Semakan Audit mendapati keseluruhan kerja telah siap pada 21 Oktober 2022 bagi Lembangan Sungai Kelantan dan Terengganu dan 28 Oktober 2022 bagi Lembangan Sungai Pahang berdasarkan Perakuan Siap Kerja. Didapati tempoh masa **kerja penyiapan stesen dan pemasangan peralatan adalah selama 1,829 hari bagi Lembangan Sungai Kelantan dan Terengganu dan 1,836 hari bagi kerja di Lembangan Sungai Pahang dari tarikh sepatutnya disiapkan mengikut kontrak**.

c. Sebanyak lima Pelanjutan Masa (EOT) bagi Lembangan Sungai Kelantan dan Terengganu selama 529 hari sehingga 23 Oktober 2022 dan sembilan EOT telah diluluskan selama 880 hari sehingga 31 Oktober 2022 bagi kerja di Lembangan Sungai Pahang. EOT tersebut termasuk pengecualian disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

d. Syarikat 779469-K juga telah dikenakan **Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM4.14 juta bagi kelewatan kerja di Lembangan Sungai Kelantan dan Terengganu selama 1,301**

hari dan RM3.78 juta bagi kelewatan kerja di Lembangan Sungai Pahang selama 990 hari. Butiran EOT yang diluluskan dan kenaan LAD adalah seperti dalam **Rajah 5** dan **Rajah 6**.

RAJAH 5
EOT DAN LAD BAGI PROJEK PEMBINAAN STESEN HIDROLOGI, TELEMETRI, SIREN DAN RANGKAIAN KOMUNIKASI LEMBANGAN SUNGAI KELANTAN DAN TERENGGANU



Sumber: Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa bagi Tahun 2017 Hingga 2022, Dokumen EOT dan Laporan Pembayaran

RAJAH 6
EOT DAN LAD BAGI PROJEK PEMBINAAN STESEN HIDROLOGI, TELEMETRI, SIREN DAN RANGKAIAN KOMUNIKASI LEMBANGAN SUNGAI PAHANG



Sumber: Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa bagi Tahun 2017 Hingga 2022, Dokumen EOT dan Laporan Pembayaran

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Pada peringkat pembangunan stesen, pihak kontraktor menghadapi beberapa masalah dalam tempoh kontrak yang berlarutan sehingga enam tahun berpunca daripada masalah *firmware* peralatan, Perintah Kawalan Pergerakan dan isu

penutupan liputan 3G oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Sebelum syarikat dapat menyerahkan semua stesen yang dibina kepada kerajaan, syarikat telah dikenakan LAD sebanyak RM7.92 juta atas kelewatan tersebut. Bagi mengurangkan LAD terus dikenakan, penyerahan stesen dibuat secara berbahagian (CPO). Tempoh pembinaan stesen yang terlalu lama menyebabkan pihak kontraktor kehilangan sub- kontraktor dan kehilangan kakitangan pekerja mahir.

Pendapat Audit

Pembinaan stesen dan pemasangan peralatan adalah kurang memuaskan kerana disiapkan melebihi tempoh kontrak. Kelewatan pembinaan mengakibatkan proses ramalan dan hebahan banjir tidak dapat dilaksanakan dengan efektif.

5.3.2.2. Penutupan Stesen

a. Perjanjian Projek Pembinaan Stesen Hidrologi Telemetri, Siren, dan Rangkaian Komunikasi serta Kerja-Kerja Berkaitan menyatakan bahawa syarikat perlu membina 154 stesen hidrologi yang baharu dan 203 stesen dinaik taraf atau membekalkan peralatan hidrologi telemetri meliputi sukat air hujan, sukat aras air sungai, sukat luah, sukat sejatan, sukat kelembapan tanah, siren dan/atau kamera web mengikut lokasi yang ditetapkan.

b. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK) 4.1 Klausa 2.8 mengenai Arahan Perubahan Kerja dan Pelanjutan Masa Bagi Kontrak Kerja, menjelaskan bahawa perubahan dalam kontrak kerja merujuk kepada sebarang penyimpangan daripada perjanjian kontrak asal yang berkaitan dengan pelan, spesifikasi, dan/atau senarai kuantiti, sama ada melibatkan pindaan, penambahan, atau pemotongan.

c. Semakan Audit mendapati **tiga stesen yang telah dinaik taraf dan tujuh stesen yang dibina baharu telah ditutup**. Pihak JPS juga didapati tidak mempunyai perancangan bagi menggantikan stesen yang ditutup. Kedudukan stesen yang beroperasi dan ditutup mengikut lembangan sungai sehingga bulan Disember 2022 adalah seperti di **Jadual 11**.

JADUAL 11
BILANGAN STESEN YANG BEROPERASI DAN DITUTUP SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

LEMBANGAN SUNGAI	BILANGAN STESEN NAIKTARAF/BINA BAHARU	BILANGAN STESEN DITUTUP	BILANGAN STESEN BEROPERASI
Kelantan	112	3	109
Terengganu	34	-	34
Pahang	201	7	194
JUMLAH	**347**	**10 (2.9%)**	**337 (97.1%)**

Sumber: Status Pelaksanaan Projek Pembinaan Stesen Hidrologi Telemetri, Siren, dan Rangkaian Komunikasi serta Kerja-Kerja Berkaitan Pembinaan Stesen Hidrologi di Lembangan Sungai Kelantan, Terengganu dan Pahang

d. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 14 peralatan hidrologi telemetri dan siren telah dipasang bagi stesen yang ditutup. Berikutan penutupan stesen, kesemua peralatan tersebut telah dibuka dan dihantar ke JPS, Ampang untuk dijadikan sebagai alat ganti. Anggaran kos berdasarkan BQ adalah RM852,150. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 12** dan **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

JADUAL 12
KOS PERALATAN STESEN DITUTUP DIJADIKAN ALAT GANTI

BIL.	LEMBANGAN SUNGAI	NAMA STESEN	SET PERALATAN YANG TERLIBAT	ANGGARAN KOS (RM)
1.	Kelantan	Kampung Kok Majid	WL, SR	117,230
2.	Kelantan	Kampung Kalai	SR	100,980
3.	Kelantan	Kampung Lancang	SR	100,980
4.	Pahang	Sungai Mentut	RF	46,580
5.	Pahang	Hulu Serau	RF	46,580
6.	Pahang	Sungai Tekai	RF	46,580
7.	Pahang	Sungai Pegau	RF	46,580
8.	Pahang	Sungai Triang	WL, SF, RF	182,830
9.	Pahang	Sungai Repas di Empangan Repas	WL, RF	62,830
10.	Pahang	Kampung Pasir Bayam	SR	100,980
JUMLAH				**852,150**

Sumber: Kontrak Pembinaan Stesen Hidrologi dan Status Pelaksanaan PRAB Fasa 1 dan Analisis JAN
Nota: RF - Sukat Air Hujan, WL - Sukat Aras Air Sungai, SR - Siren, WC - Kamera Web

GAMBAR 1



GAMBAR 2



JPS Ampang, Kuala Lumpur
- Peralatan Disimpan di Dalam Stor
(26.07.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Jawatankuasa Perubahan Kerja telah memutuskan untuk tidak meneruskan pembinaan stesen di atas sebab yang telah dinyatakan dalam APK adalah disebabkan oleh projek rancangan tebatan banjir, kecurian, kerosakan peralatan disebabkan gangguan hidupan liar, keadaan tanah tidak stabil dan bantahan penduduk.

Peralatan disimpan di stor JPS Ampang untuk digunakan sebagai alat ganti.

Pendapat Audit

Pengurusan pembinaan stesen hidrologi telemetri dan siren adalah kurang memuaskan kerana berlakunya penutupan stesen menyebabkan peralatan yang telah dipasang tidak boleh digunakan dengan optimum dan berisiko pembaziran.

5.3.2.3. Kerosakan Peralatan

a. Klausa 17.1.6 dalam Seksyen E3 bagi Perjanjian Projek Pembinaan Stesen Hidrologi Telemetri, Siren, dan Rangkaian Komunikasi serta Kerja-Kerja Berkaitan Pembinaan Stesen Hidrologi di Lembangan Sungai Kelantan, Sungai Terengganu, dan Sungai Pahang, menyatakan bahawa masa tindak balas bagi penyenggaraan dan pembaikan kerosakan perlu dilaksanakan dengan segera apabila terdapat kegagalan dalam sistem atau penerimaan aduan daripada pegawai JPS melalui pelbagai medium komunikasi seperti panggilan telefon, e-mel, SMS, faks, borang aduan, borang arahan kerja dan lain-lain.

b. JPS menggunakan prosedur aduan kerosakan sehingga peralatan dibaiki dilaksanakan mengikut Persijilan Standard MS ISO 9001 2015 - Sistem Pengurusan Kualiti *Procurement, installation, maintenance and repair of hydrological equipment used for hydrological data collection for research and development of water resources as well as for flood and drought monitoring in the country*. Laporan berkaitan dengan pembaikan dan penyenggaraan ini harus disampaikan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan selepas proses penyenggaraan atau pembaikan selesai dan setelah prestasi peralatan dipantau dan dinilai.

c. Lawatan Audit di 19 stesen hidrologi di Lembangan Sungai Kelantan, Terengganu dan Pahang mendapati peralatan sukat aras air sungai di empat stesen telah rosak akibat saluran paip yang patah dan masih belum dibaiki iaitu di Stesen Kuala Marong, Stesen Sungai Semantan, Bentong, Stesen Kuala Ping, dan Stesen Kampung Dura, Hulu Terengganu. Selain itu, satu peralatan sukat luah di Stesen Rantau Panjang, Kelantan tidak berfungsi. **Pihak Audit**

tidak dapat mengesahkan tarikh kerosakan peralatan tersebut kerana tiada bukti dokumentasi dikemukakan termasuk Laporan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan bagi stesen yang telah selesai pembaikan kepada pihak Audit. **Aduan kerosakan hanya dibuat selepas lawatan Audit**. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 13**.

JADUAL 13
SENARAI PERALATAN YANG ROSAK DI STESEN

LEMBANGAN SUNGAI	NAMA STESEN	TARIKH			PERALATAN YANG ROSAK
		CPO/CPC	LAWATAN	ADUAN	
Kelantan	Stesen Rantau Panjang	27.04.2022	08.03.2023	16.03.2023	Peralatan menyukat kederasan air tidak berfungsi
Terengganu	Stesen Kampung Dura, Hulu Terengganu	01.06.2021	25.01.2023	27.01.2023	Peralatan bagi menyukat aras air (bubbler) tidak berfungsi kerana paip patah
Terengganu	Stesen Kampung Kuala Ping, Hulu Terengganu	01.02.2022	25.01.2023	27.01.2023	Peralatan bagi menyukat aras air (bubbler) tidak berfungsi kerana paip patah
Pahang	Stesen Kuala Marong, Bentong	01.09.2021	31.10.2022	03.11.2022	Peralatan bagi menyukat aras air (bubbler) tidak berfungsi kerana paip patah
Pahang	Stesen Sungai Semantan @ Kampung Lengkong, Temerloh	28.10.2022	31.10.2022	03.11.2022	Peralatan bagi menyukat aras air (bubbler) tidak berfungsi kerana paip patah

Sumber: Lawatan fizikal Audit

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Aduan kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan oleh JPS. Status sehingga kini, tiga peralatan bubbler di Stesen Sungai Semantan@Kg Lengkong, Bentong, Stesen Kuala Ping, dan Stesen Kampung Dura, Hulu Terengganu telah dibaiki dan satu lagi Stesen Sungai Bentong @ Kuala Marong dalam pembaikan tebing sungai. Pembaikan peralatan hidrologi akan dibuat setelah kerja-kerja pembaikan tebing sungai selesai.

Tindakan pembaikan dan penyelenggaraan ini akan dibincangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) selepas proses penyelenggaraan atau pembaikan selesai dan setelah prestasi peralatan dipantau dan dinilai. Walau bagaimanapun, MKSP akan diadakan setahun sekali mengikut prosedur ISO 9001:2015 dan cadangan MKSP terkini akan diadakan pada September 2023 bagi membincangkan pembaikan stesen yang telah selesai.

Pendapat Audit

Kerja-kerja pembaikan bagi peralatan yang rosak adalah kurang memuaskan kerana tidak dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan. Keadaan ini menyebabkan penghantaran data ke FDC menjadi tidak efektif dan mengganggu ketepatan analisis ramalan banjir.

5.3.3. Pengurusan Data Remote Terminal Unit (RTU)

5.3.3.1. Data Sukat Kelembapan Tanah dan Sukat Sejatan Air

a. Dalam pelaksanaan Projek PRAB Fasa 1, antara peralatan yang dipasang ialah sukat kelembapan tanah dan sukat sejatan air. Data bagi peralatan ini merupakan sebahagian daripada data kitaran hidrologi yang digunakan dalam membuat model ramalan banjir.

b. Berdasarkan ujian *walkthrough* terhadap proses ramalan banjir melalui perisian ICM Live pada 22 November 2022 dan 11 Januari 2023, pihak Audit mendapati data sukat kelembapan tanah dan sukat sejatan air belum diambil kira dalam membuat model ramalan banjir walaupun data tersebut telah mula diterima di *gateway* bermula 22 Oktober 2022.

c. Pihak Audit mendapati kos bagi satu unit peralatan sukat kelembapan tanah adalah berjumlah RM5,000 manakala bagi peralatan sukat sejatan air berjumlah RM50,000. Pihak JPS telah membelanjakan sebanyak RM390,000 bagi perolehan peralatan sukat kelembapan tanah dan tujuh sukat sejatan air. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 14**.

JADUAL 14
PEMASANGAN PERALATAN SUKAT KELEMBAPAN TANAH DAN SUKAT SEJATAN AIR

BIL.	NAMA STESEN	PERALATAN		KOS PEMASANGAN
		SUKAT KELEMBAPAN TANAH	SUKAT SEJATAN	JUMLAH (RM)
KELANTAN				
1.	Bandar Baru Gua Musang	1	1	55,000
2.	IPMI Zon Timur, Panji Kota Bharu	1	1	55,000
3.	Kuala Krai	1	-	5,000
TERENGGANU				
4.	Kenyir *Elephant Village* (KEV)	1	1	55,000
5.	Rumah Pam Pulau Bahagia	1	-	5,000
PAHANG				
6.	Sungai Yap	-	1	50,000
7.	Sungai Pahang Tua @ Pahang Tua	1	1	55,000
8.	JPS Stor Raub	1	1	55,000
9.	Sungai Pahang @ Lubuk Pasu	1	1	55,000
JUMLAH		**8**	**7**	**390,000**

Sumber: Sijil Perakuan Pendudukan Separa (CPO)/Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC), Data Gateway, Pusat Data Ramalan (FDC) dan Analisis JAN

d. **Data sukat kelembapan tanah dan sukat sejatan air belum diambil kira dalam membuat model ramalan banjir kerana konfigurasi data ke dalam model masih belum disempurnakan**.

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Pengiraan nilai anggaran kos peralatan sebanyak RM390,000 adalah disahkan betul.

Berkaitan data sejatan air yang belum digunakan dalam model, pihak jabatan dalam proses mengkonfigurasikan data sejatan air untuk di masukkan ke dalam model. Langkah yang telah diambil adalah mewujudkan data sejatan air dalam *view* pangkalan data untuk pengguna model.

Data sejatan air ini juga akan digunakan untuk pengemaskinian data sejatan *air fall-back* untuk digunakan di dalam model. Proses kerja ini akan berterusan mengikut keperluan.

Pendapat Audit

Penggunaan data dan peralatan sukat kelembapan tanah dan sukat sejatan air adalah tidak memuaskan kerana belum diambil kira dalam model ramalan banjir sungguhpun data telah mula diterima di *gateway* bermula 22 Oktober 2022. Keadaan ini memberi kesan terhadap ketepatan ramalan banjir.

5.3.3.2. Penerimaan Data RTU

Klausa 10.0 (a), Skop Kerja 2.2 (i) dan 7.1, Lampiran Seksyen E3 (Spesification) kontrak pembinaan stesen hidrologi telemetri menyatakan bahawa RTU perlu berupaya untuk mengunci masuk data peralatan hidrologi secara automatik dan menghantar data tersebut ke server (gateway) tanpa sebarang gangguan melalui media komunikasi yang sesuai. RTU merupakan peranti jarak jauh yang ditempatkan di stesen hidrologi untuk memantau dan merekodkan data telemetri.

a. Kelewatan Penerimaan Data di *Gateway*

i. Analisis Audit mendapati data bagi 13 peralatan tidak diterima di *gateway* selepas Sijil Perakuan Pendudukan Separa (CPO)/Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) diperaku. **Pihak Audit juga mendapati data bagi enam**

peralatan juga lewat diterima di *gateway* antara 52 hingga 237 hari selepas CPO/CPC diperaku. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 15**.

JADUAL 15
BILANGAN PERALATAN YANG DATA TIDAK ATAU LEWAT DITERIMA SELEPAS CPC/CPO DIPERAKU MENGIKUT LEMBANGAN SUNGAI

PERALATAN		BIL. TIDAK DITERIMA				BIL. LEWAT DITERIMA			
JENIS	JUMLAH	K	T	P	JUMLAH	K	T	P	JUMLAH
Sukat Air Hujan	180	7	1	3	11 (6.1%)	0	0	3	3 (1.7%)
Sukat Aras Air	101	0	1	0	1 (1.0%)	0	0	2	2 (2.0%)
Sukat Luah	14	1	0	0	1 (7.1%)	0	0	1	1 (7.1%)

Sumber: Kontrak Pembinaan Projek Pembinaan Stesen Hidrologi Telemetri, Siren dan Rangkaian Komunikasi serta Kerja-Kerja Berkaitan Pembinaan Stesen Hidrologi di Lembangan Sungai Kelantan, Sungai Terengganu, dan Sungai Pahang, Data *Gateway* dan Analisis JAN
Nota: K - Kelantan; T - Terengganu; P - Pahang

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

10 daripada 13 peralatan tersebut merupakan stesen yang mempunyai masalah komunikasi kerana bergantung kepada pembekal perkhidmatan komunikasi luar.

3 daripada 13 peralatan ada penerimaan data di *gateway*. Walaubagaimanapun, terdapat gangguan penghantaran kerana bergantung kepada pembekal perkhidmatan komunikasi luar dan arahan daripada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

6 peralatan mengalami lewat penerimaan data di *gateway* juga kerana terdapat gangguan penghantaran kerana bergantung kepada pembekal perkhidmatan komunikasi luar dan arahan daripada pihak SKMM.

Jabatan juga telah membuat mesyuarat bagi membincangkan terhadap kesan stesen apabila penutupan 3G berlaku dan tindakan selanjutnya.

b. Data Tidak Diterima Bagi Tempoh Melebihi Tiga Bulan Berturut-turut

i. Analisis Audit mendapati **data bagi 118 (25.4%) daripada jumlah keseluruhan 465 peralatan tidak diterima di *gateway* selama tempoh tiga bulan berturut-turut**. **Tempoh ini adalah antara 91 hingga 375 hari dan anggaran kos terlibat sebanyak RM110,570**.

ii. Semakan Audit selanjutnya daripada jumlah 118 peralatan tersebut, **19 (16.1%) peralatan mengalami masalah data tidak dapat diterima sebelum penutupan rangkaian 3G**. **Sementara itu, 99 (83.9%) peralatan menghadapi masalah data tidak dapat diterima selepas penutupan rangkaian 3G**. **Seterusnya tiada bukti pemantauan dilakukan oleh JPS bagi memastikan penghantaran data RTU ke *gateway* berlaku**. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 16**.

JADUAL 16
BILANGAN STESEN YANG DATA TIDAK DITERIMA DI *GATEWAY* MELEBIHI TIGA BULAN BERTURUT-TURUT SEBELUM DAN SELEPAS PENUTUPAN RANGKAIAN 3G MENGIKUT PERALATAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

LEMBANGAN SUNGAI	PERALATAN													
	SUKAT AIR HUJAN		SUKAT ARAS AIR SUNGAI		SUKAT LUAH		SUKAT SEJATAN AIR		SUKAT KELEMBAPAN TANAH		SIREN		JUMLAH	
	SEBELUM	SELEPAS	SEBELUM	SELEPAS	SEBELUM	SELEPAS	SEBELUM	SELEPAS	SEBELUM	SELEPAS	SEBELUM	SELEPAS	SEBELUM	SELEPAS
Kelantan	2	16	2	12	1	0	0	0	0	0	1	1	6	29
Terengganu	1	12	3	10	0	1	0	0	0	0	1	0	8	23
Pahang	6	26	1	16	0	2	0	2	0	1	1	0	5	47
JUMLAH	**9**	**54**	**6**	**38**	**1**	**3**	**0**	**2**	**0**	**1**	**3**	**1**	**19**	**99**
%	**14.3**	**85.7**	**13.6**	**86.4**	**25.0**	**75.0**	**0**	**100**	**0**	**100**	**75.0**	**25.0**	**16.1**	**83.9**
JUMLAH KESELURUHAN	**63**		**44**		**4**		**2**		**1**		**4**		**118**	

Sumber: Kontrak Pembinaan Projek Pembinaan Stesen Hidrologi Telemetri, Siren, dan Rangkaian Komunikasi serta Kerja-Kerja Berkaitan Pembinaan Stesen Hidrologi di Lembangan Sungai Kelantan, Terengganu dan Pahang, Data *Gateway* dan Analisis JAN

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Langkah menaiktaraf RTU menggunakan liputan komunikasi 4G telah dikenalpasti. JPS telah membuat penukaran RTU sebanyak 33 stesen, penukaran seterusnya adalah tertakluk kepada peruntukan yang diterima dan keputusan pihak atasan.

Mesyuarat Penyelarasan Bayaran Perkhidmatan Sistem Komunikasi Untuk Penghantaran Data Stesen bertarikh 8 Ogos 2023, sekiranya tiada data diterima, bayaran komunikasi yang telah bayar akan dituntut semula dalam tuntutan bayaran interim/akhir.

Kos telekomunikasi terlibat adalah RM110,570, bagaimanapun didapati kos sebenar adalah RM75,360 setelah mengambilkira stesen yang gagal menghantar data. JPS mengesahkan tiada bayaran dibuat bagi stesen yang gagal menghantar data.

Pendapat Audit

Penerimaan data RTU di *gateway* kurang memuaskan kerana kelewatan penerimaan data selepas CPC/CPO diperaku serta data tidak diterima tiga bulan berturut-turut memberikan risiko kepada ketepatan ramalan yang akan dikeluarkan.

5.3.4. Pengurusan Pembangunan iFOS

5.3.4.1. Video Management System

a. Manual Pengguna Aplikasi *Video Management System* (VMS) menjelaskan VMS adalah perisian yang digunakan untuk menguruskan aliran video di *Centralized Forecast Operation Platform* (CFOP), *Public Portal* dan aplikasi mudah alih. Paparan video dalam CFOP adalah dalam bentuk aliran waktu sebenar, sementara paparan dalam Public Portal dan aplikasi mudah alih akan menggunakan gambar statik yang akan berubah mengikut permintaan dan dikemaskini.

b. Portal Public InfoBanjir (PIB) mempunyai dua level akses iaitu paparan orang awam dan paparan pengguna berdaftar (ID). Salah satu fungsi PIB bagi pengguna berdaftar adalah memaparkan imej dan video kamera yang dipasang di stesen hidrologi.

c. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2022, sebanyak 28 kamera web telah dipasang di Lembangan Sungai Kelantan, Terengganu dan Pahang dan didaftarkan di dalam iFOS. **Semakan menerusi PIB pada bulan Jun 2023 mendapati hanya 12 kamera web dipaparkan di portal tersebut**.

d. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak **tujuh daripada 12 kamera web yang dipaparkan di PIB berstatus *offline* bermula antara 6 Februari hingga 20 Mei 2023**. Pihak Audit mendapati **tiada bukti pemantauan dan dokumentasi laporan kerosakan kamera web disediakan**. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 17**.

JADUAL 17
KAMERA WEB YANG BERSTATUS *OFFLINE*

BIL.	LEMBANGAN SUNGAI	BIL. KAMERA WEB	LOKASI	TARIKH AKHIR IMEJ DIPAPARKAN
1.	Kelantan	8	Sungai Kelantan di Tambatan Draja	06.02.2023
			Sungai Kusial Baru	19.04.2023
2.	Terengganu	2	Sungai Nibong	02.02.2023
3.	Pahang	18	Sungai Maran di Bandar Maran	20.03.2023
			Sungai Jelai di Jeti Lipis	26.03.2023
			Sungai Pahang @ Pekan Chenor	14.04.2023
			Sungai Tembeling di Kuala Tahan	20.05.2023
JUMLAH		**28**	**7 (58.3%) daripada 12 kamera**	

Sumber: Tangkap Layar Portal Public InfoBanjir pada Bulan Jun 2023

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Bermula 1 Mac 2023, Pihak PRABN telah memasukkan skop pemantauan CCTV ke dalam skop kontrak Perkhidmatan Kesinambungan Sistem Operasi Ramalan Bersepadu Integrated Forecast Operation System (IFOS) melalui No. Kontrak: DL230000000000587 bermula pada 1 Mac 2023 sehingga 28 Februari 2025.

Pendapat Audit

Penggunaan Video Management System tidak memuaskan bagi 28 kamera web kerana 16 kamera web tidak dipaparkan di PIB dan tujuh kamera berada dalam status *offline*. Kelemahan pemantauan menyebabkan proses kemaskini terhadap kawasan berpotensi banjir tidak dapat dilakukan.

5.3.4.2. RTU Management System

a. Berdasarkan *System Development Specification* dalam kontrak pembangunan Sistem iFOS, fungsi penyenggaraan bagi peralatan Stesen Hidrologi Telemetri, Siren dan Rangkaian Komunikasi disediakan di dalam Modul RTU Management bertujuan untuk merekodkan jadual penyenggaraan pencegahan peralatan dan kerja penyenggaraan yang telah dilaksanakan.

b. Menerusi Manual Pengguna RTU *Management System*, aplikasi ini merupakan salah satu bahagian dalam sistem Pusat Data Ramalan (FDC) yang berfokus pada pengurusan (pendaftaran dan pelupusan) dan penyenggaraan peralatan yang perlu dilakukan berdasarkan keadaan peralatan tersebut. Modul ini mampu mengesan dan merakam aktiviti dan proses yang berkaitan dengan pengurusan peralatan dan penyenggaraan.

c. Semakan Audit mendapati fungsi penyenggaraan dalam RTU *Management System* masih belum digunakan oleh JPS bagi merekodkan **jadual dan aktiviti penyenggaraan peralatan iaitu semenjak sistem mula digunakan pada 27 Ogos 2020 sehingga 31 Disember 2022**. **Tempoh terlibat adalah selama 846 hari**. Perkara ini disebabkan pihak JPS masih menggunakan borang manual untuk melaksanakan fungsi tersebut.

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Skop kontrak Perkhidmatan Kesinambungan Sistem Operasi Ramalan Bersepadu Integrated Forecast Operation System (IFOS) bermula pada 1 Mac 2023 sehingga 28 Februari 2025. Kakitangan JPS yang terlibat dengan penggunaan Modul RTU *Management System* akan menghadiri sesi latihan semula bagi fungsi modul berkenaan.

Pendapat Audit

Penggunaan RTU *Management System* adalah kurang memuaskan menyebabkan usaha untuk mengesan dan mengenal pasti kerosakan peralatan serta keperluan penyenggaraan tidak dapat dilaksanakan dengan efektif.

5.3.4.3. Gateway System - Data Cleaning System (DCS)

a. Merujuk Lampiran E Spesifikasi Teknikal kontrak pembangunan iFOS, data daripada stesen *Remote Terminal Unit* (RTU) yang dipasang di lokasi tertentu akan dihantar ke telemetri *server*. *Gateway System* hendaklah berupaya mendapatkan data-data ini daripada telemetri server, menjalankan proses *data cleaning*, *data quality*, pemurnian dan seterusnya dihantar ke pangkalan data berpusat bagi tujuan pemprosesan. Data ini kemudiannya akan dihantar ke perisian permodelan bagi tujuan ramalan banjir. Hasil daripada perisian permodelan ini akan dihantar ke *Application Framework* bagi tujuan pelaporan, pengagihan dan hebahan sama ada kepada pihak dalaman mahupun pihak luaran.

b. Berdasarkan Manual Pengguna, DCS merupakan sebuah aplikasi yang berfungsi untuk menjalankan proses *Extract, Transform and Load* (ETL) serta menjalankan penyenggaraan data dalam konteks hidrologi. Proses ETL yang dijalankan oleh DCS bertujuan untuk menjalankan jadual kerja pembersihan

data serta mengesan kesalahan data yang biasanya timbul semasa proses penentuan data.

c. DCS akan mengumpulkan maklumat dari *gateway* untuk memulakan, memproses, dan membaca data dari fail yang diterima dalam *folder* penerimaan. Kemudian, data ini akan dimasukkan ke dalam Pusat Data Ramalan (FDC) untuk tujuan paparan atau digunakan dalam aplikasi PublicInfobanjir, Aplikasi Mudah Alih, serta Platform Operasi Ramalan Terpusat/Model Data Ramalan Banjir.

d. Analisis Audit mendapati sebanyak 44,397 data melibatkan 161 stesen sukat air hujan dan sebanyak 1,970,840 data melibatkan 95 stesen sukat aras air sungai dipaparkan di PIB. **Daripada jumlah tersebut, sebanyak 23,733 (53.5%) data sukat air hujan dan 814,722 (41.3%) data sukat aras air sungai menggunakan data RTU PRAB manakala sebanyak 20,664 (46.5%) data sukat air hujan dan 1,156,118 (58.7%) data aras air sungai menggunakan data bukan dari RTU PRAB. Keadaan ini memberi kesan kepada ketersediaan data RTU bagi tujuan membuat ramalan**. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 18**.

JADUAL 18
SUMBER DATA YANG DIGUNAKAN DI PIB SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

LEMBANGAN SUNGAI	PIB		BIL. DATA	
	BIL. STESEN	BIL. DATA	PRAB	BUKAN PRAB
SUKAT AIR HUJAN				
Kelantan	46	9,805	5,108	4,697
Terengganu	17	4,177	1,655	2,522
Pahang	98	30,415	16,970	13,445
JUMLAH	**161**	**44,397**	**23,733 (53.5%)**	**20,664 (46.5%)**
SUKAT ARAS AIR SUNGAI				
Kelantan	31	575,785	254,895	320,890
Terengganu	15	362,808	97,492	265,316
Pahang	49	1,032,247	462,335	569,912
JUMLAH	**95**	**1,970,840**	**814,722 (41.3%)**	**1,156,118 (58.7%)**

Sumber: Data *Gateway*, Data FDC dan Analisis JAN

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

JPS mengesahkan bahawa terdapat beberapa sumber selain daripada RTU Fasa 1.

e. Seterusnya pihak Audit mendapati sebanyak **106 (0.4%) daripada 23,733 data sukat air hujan dan 18,143 (2.2%) daripada 814,722 data sukat aras air sungai selepas ETL berbeza dengan data RTU sebenar**. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 19**.

JADUAL 19
PERBEZAAN DATA RTU SELEPAS ETL

NEGERI	DATA PRAB FASA 1 SEBELUM DCS		BIL. DATA SELEPAS DCS	
	BIL. STESEN	BIL. DATA	TIADA PERBEZAAN	ADA PERBEZAAN
SUKAT AIR HUJAN				
Kelantan	46	5,108	5,084	24
Terengganu	17	1,655	1,649	6
Pahang	97	16,970	16,894	76
JUMLAH	**160**	**23,733**	**23,627 (99.6%)**	**106 (0.4%)**
SUKAT ARAS AIR SUNGAI				
Kelantan	29	254,895	245,790	9,105
Terengganu	15	97,492	95,313	2,179
Pahang	47	462,335	455,476	6,859
JUMLAH	**91**	**814,722**	**796,579 (97.8%)**	**18,143 (2.2%)**

Sumber: Data *Gateway*, Data FDC dan Analisis JAN

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

ETL hanya akan memproses data yang terkini sahaja pada tarikh tersebut. Skop pemantauan bagi proses pembersihan data telah dimasukkan ke dalam kontrak kesinambungan sistem IFOS.

f. Penggunaan Data Dalam Model Ramalan

i. Prosedur Operasi Standard Penerimaan dan Pemprosesan Data di *gateway* dan Sistem Pembersihan Data untuk Stesen RTU Baru (PRAB Fasa 1) menjelaskan data Stesen Hidrologi Telemetri akan direkodkan dalam selang waktu setiap lima minit dan dikirimkan ke *gateway* dalam tiga set data setiap 15 minit. Oleh itu, satu stesen akan merekodkan sebanyak 12 set data dalam tempoh satu jam atau satu stesen akan merekodkan sebanyak 288 set data dalam tempoh 24 jam.

ii. Analisis Audit terhadap Buletin amaran banjir yang dikeluarkan pada 17 Disember 2022 pada Jam 2.00 petang bagi Lembangan Sungai Kelantan, Terengganu dan Pahang menunjukkan sebanyak lima kejadian

banjir diramalkan berlaku. Berdasarkan analisis untuk PRAB Fasa 1 di Kelantan mendapati **hanya 46,530 (85.1%) daripada jumlah keseluruhan 54,696 data direkodkan**.

iii. Sementara itu, di Terengganu **hanya 17,578 (89.6%) daripada 19,608 data direkodkan**. Selanjutnya, di Pahang **sebanyak 100,977 (95%) daripada 106,296 data direkodkan**. Daripada 106,296 data di Pahang, didapati 355 (0.3%) menggunakan data legasi. Keadaan ini memberi kesan kepada ketersediaan data RTU bagi tujuan membuat ramalan. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 20.**

JADUAL 20
PENGGUNAAN DATA SUKAT AIR HUJAN DALAM MEMBUAT RAMALAN
BERMULA 14.12.2022 JAM 12.00 AM SEHINGGA 17.12.2022 JAM 2.00 PM

BIL. BULETIN	TARIKH JANGKAAN BANJIR	BIL. STESEN	SET DATA	BACAAN SUKATAN AIR HUJAN				
				BIL. DATA	TARIKH	BIL. DATA		
						PRAB FASA 1	LEGASI	TIADA DI DB
		(a)	(b)	(a) x (b)				
KELANTAN								
1 dan 2	19.12.2022, 1.00 pagi dan 12.00 tengah hari	53	288 (24 jam)	15,264	14.12.2022	12,960	0	2,304
			288 (24 jam)	15,264	15.12.2022	12,960	0	2,304
			288 (24 jam)	15,264	16.12.2022	13,050	0	2,214
			168 (14 jam)	8,904	17.12.2022	7,560	0	1,344
JUMLAH		**53**	**1032 (86)**	**54,696**		**46,530 (85.1%)**	**0**	**8,166 (14.9%)**
TERENGGANU								
3.	18.12.2022, 9.00 pagi	19	288 (24 jam)	5,472	14.12.2022	4,896	0	576
			288 (24 jam)	5,472	15.12.2022	4,896	0	576
			288 (24 jam)	5,472	16.12.2022	4,930	0	542
			168 (14 jam)	3,192	17.12.2022	2,856	0	336
JUMLAH		**19**	**1032 (86)**	**19,608**		**17,578 (89.6%)**	**0**	**2,030 (10.4%)**
PAHANG								
4 dan 5	18.12.2022, 8.00 malam dan 19.12.2022, 8.00 pagi	103	288 (24 jam)	29,664	14.12.2022	28,105	119	1,440
			288 (24 jam)	29,664	15.12.2022	28,130	94	1,440
			288 (24 jam)	29,664	16.12.2022	28,327	93	1,244

BIL. BULETIN	TARIKH JANGKAAN BANJIR	BIL. STESEN	SET DATA	BACAAN SUKATAN AIR HUJAN				
				BIL. DATA	TARIKH	BIL. DATA		
		(a)	(b)	(a) x (b)		PRAB FASA 1	LEGASI	TIADA DI DB
			168 (14 jam)	17,304	17.12.2022	16,415	49	840
JUMLAH		**103**	**1032 (86)**	**106,296**		**100,977 (95.0%)**	**355 (0.3%)**	**4,964 (4.7%)**

Sumber: Data *Gateway*, Data FDC dan Analisis JAN

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

355 data telah ditetapkan untuk menggunakan sumber data dari RTU.

Ketiadaan data pada pangkalan data IFOS, disebabkan gangguan teknikal terhadap proses *Extract Transfer Load* (ETL) pada server *Data Cleaning System* (DCS) atau server pangkalan data utama.

Gangguan pada proses ETL telah dibaikpulih, sekiranya tempoh gangguan (downtime) lama, maka proses ETL hanya akan dibuat pada data-data yang terkini sahaja.

Beberapa aktiviti penambahbaikan bagi meningkatkan prestasi pangkalan data dan pemprosesan ETL telah dilaksanakan oleh syarikat yang membangunkan sistem ini di dalam tempoh jaminan sistem seperti *Database Fine Tunning*, *Database Indexing* dan ETL *Fine Tuning*.

Pendapat Audit

Pengurusan Aplikasi *Gateway System* [Data Cleaning System (DCS)] adalah kurang memuaskan kerana berlaku ralat data dan kelemahan pemantauan kepada proses ETL. Keadaan ini memberikan risiko kepada ramalan yang tepat.

5.3.5. Pengurusan Ramalan

JPS menyediakan Laporan Monsun Timur Laut (MTL) bagi menilai ketepatan hebahan amaran banjir yang dikeluarkan dengan membandingkan ramalan banjir dan kejadian banjir sebenar. Kaedah penilaian dikategorikan kepada tiga situasi iaitu 'HIT' apabila amaran banjir dikeluarkan dan kejadian sebenar berlaku, 'MISS' apabila amaran banjir dikeluarkan bahawa akan berlaku kejadian banjir tetapi kejadian banjir sebenar tidak berlaku manakala 'FAIL' apabila amaran banjir tidak dikeluarkan tetapi kejadian banjir sebenar berlaku.

5.3.5.1. Penetapan bagi kaedah menilai ketepatan "HIT"

Semakan Audit terhadap laporan MTL mendapati **kaedah bagi penetapan penilaian ketepatan "HIT" ramalan adalah tidak konsisten. Penilaian ketepatan ramalan bagi MTL 2020/2021 dan 2022/2023 disediakan berdasarkan kepada jumlah Buletin Amaran Banjir manakala MTL 2021/2022 merujuk kepada jumlah Hebahan Amaran Banjir**Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 21.**

JADUAL 21
AMARAN BANJIR YANG DIKELUARKAN
MENGIKUT MONSUN DAN KETEPATAN RAMALAN MTL

MONSUN TIMUR LAUT	JUMLAH BULETIN AMARAN	JUMLAH HEBAHAN	HIT	SEMAKAN AUDIT				
				SUMBER	HIT	MISS	FAIL	JUMLAH
2020/2021	12	22	11 (85.0%)	Buletin	11 (85.0%)	1 (7.5%)	1 (7.5%)	13
2021/2022	12	43	26 (60.0%)	Hebahan	26 (60.0%)	11 (26.0%)	6 (14.0%)	43
2022/2023	5	24	3 (60.0%)	Buletin	3 (60.0%)	2 (40.0%)	0	5
JUMLAH	**29**	**89**						

Sumber: Laporan Penilaian Hebahan Amaran Monsun Timur Laut di Terengganu, Pahang dan Kelantan

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Adalah disahkan peratusan yang dilaporkan. Kaedah menilai ketepatan ramalan yang digunakan untuk Laporan Penilaian Hebahan Amaran Banjir MTL ditambahbaik.

Pendapat Audit

Penilaian ketepatan berlaku banjir, "HIT" adalah kurang memuaskan kerana tiada penetapan bagi kaedah yang konsisten untuk tujuan pelaporan dan tidak menggambarkan keadaan sebenar.

5.3.5.2. Ketepatan Ramalan Mengikut Kawasan

a. Semakan Audit terhadap Laporan MTL mendapati JPS telah mengeluarkan amaran hebahan bagi kawasan yang diramalkan berlakunya kejadian banjir semasa Musim Monsun Timur Laut melalui Buletin Amaran. Sebanyak 324 kawasan yang berisiko banjir telah dikenal pasti. Daripada jumlah tersebut, hanya 18 (5.6%) kawasan, yang telah menepati ramalan dan dikategorikan sebagai "HIT", manakala 306 (94.4%) kawasan yang tidak menepati ramalan dan dianggap sebagai "MISS".

b. Semakan Audit selanjutnya terhadap Buletin Amaran banjir mendapati hanya maklumat mengenai kawasan yang diramalkan yang tersedia dalam buletin tersebut termasuk dinyatakan sebagai "kawasan sekitarnya" tanpa perincian lanjut kawasan terlibat. Walau bagaimanapun, **terdapat 183 kawasan yang dilaporkan dalam Laporan Mengenai Banjir Terkini telah mengalami banjir tetapi buletin amaran banjir tidak dikeluarkan bagi kawasan terbabit**. Keadaan ini menunjukkan kadar kejadian banjir yang lebih tinggi berbanding dengan kawasan ramalan dinyatakan dalam buletin amaran.

c. Kawasan yang tidak dinyatakan secara khusus atau diklasifikasikan sebagai "kawasan sekitarnya" di dalam hebahan amaran banjir memberi risiko kepada kesiapsiagaan penduduk di kawasan yang terlibat untuk menghadapi kemungkinan banjir. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 22.**

JADUAL 22
AMARAN BANJIR YANG DIKELUARKAN
MENGIKUT MONSUN DAN KETEPATAN RAMALAN MTL MENGIKUT KAWASAN

MONSUN TIMUR LAUT	JUMLAH AMARAN			JUMLAH BERLAKU BANJIR		
				KAWASAN		KAWASAN LAIN
	BULETIN	HEBAHAN	KAWASAN	HIT	MISS	HIT
2020/2021	12	22	119	9 (7.6%)	110 (92.4%)	103
2021/2022	12	43	141	9 (6.4%)	132 (93.6%)	70
2022/2023	5	24	64	0 (0%)	64 (100%)	10
JUMLAH	**29**	**89**	**324**	**18 (5.6%)**	**306 (94.4%)**	***183**

Sumber: Laporan Penilaian Hebahan Amaran Monsun Timur Laut di Terengganu, Pahang dan Kelantan dan Analisis JAN
Nota: (*) - Kawasan yang Dilaporkan Dalam Laporan Mengenai Banjir Terkini yang Telah Mengalami Banjir Sebagaimana yang Diramalkan, Tetapi Kejadian Ini Tidak Dinyatakan Dalam Buletin Amaran

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Tafsiran "HIT (Sekitarnya)" adalah merujuk kepada kawasan banjir yang berlaku dalam sub-lembangan yang sama atau sub lembangan berhampiran. Ia merujuk kepada liputan daerah yang diramalkan akan berlaku hujan lebat berterusan oleh JMM. Cadangan tambahan tafsiran tersebut dalam Kamus KPI telah dipersetujui semasa Sesi Pembentangan Status Pencapaian Pertengahan Tahun KPI JPS pada 28 Ogos 2023.

Pendapat Audit | **Ketepatan ramalan mengikut kawasan adalah tidak memuaskan bagi PRAB Fasa 1 kerana peratusan Hit (5.6%) adalah rendah berbanding kawasan MISS (94.4%).**

5.3.6. Amaran dan Hebahan

JPS telah membuat perancangan untuk meningkatkan sistem ramalan dan amaran banjir di seluruh negara bagi memastikan hebahan maklumat amaran awal banjir dapat disampaikan kepada masyarakat melalui agensi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan bencana. Maklumat ini diselaras dan diintegrasikan dalam Portal Public InfoBanjir dan media sosial rasmi JPS.

5.3.6.1. Hebahan Amaran Melalui Siren

a. Klausa 10 (a), *Obligation of The Contractor*, melalui Dokumen E3, Klausa 7.8.1 kontrak Projek Pembinaan Stesen Hidrologi menyatakan syarikat hendaklah merancang, membekalkan dan memasang siren di lokasi yang ditetapkan. Sistem Amaran Awal Rangkaian (NEWS) memerlukan gabungan antara sistem siren dan teknologi SMS. Teknologi SMS yang dibekalkan hendaklah berupaya memberikan komunikasi yang pantas, boleh dipercayai dan tepat.

b. Lawatan Audit di stesen siren Lembangan Sungai Kelantan, Terengganu dan Pahang mendapati papan tanda telah dipasang di 81 stesen siren sebagai pemberitahuan aras air kepada penduduk seperti dalam **Rajah 7** dan **Gambar 3** serta **Gambar 4**.

RAJAH 7
PEMBERITAHUAN ARAS AIR MELALUI PAPAN TANDA DI STESEN SIREN

WASPADA	AMARAN	BAHAYA
Siren akan berbunyi selama 1 minit (nada pertama)	Air sungai telah melebihi aras amaran	Air sungai melebihi aras bahaya

Sumber: JPS

GAMBAR 3



Stesen Siren Jeli, Kelantan
- Papan Tanda Pemberitahuan Aras Air
(08.03.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Stesen Siren Bentong, Pahang
- Papan Tanda Pemberitahuan Aras Air
(31.10.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

c. Pihak Audit mendapati sebanyak 19 (14.8%) daripada 128 stesen siren mempunyai peralatan sukat aras air sungai dan siren di lokasi yang sama. Analisis Audit terhadap data di *gateway* mendapati 12 (63.2%) daripada 19 stesen menunjukkan aras air pada tahap waspada. Bagaimanapun hanya **tiga (25%) daripada 12 stesen telah membuat pengaktifan siren melalui SMS oleh pegawai bertanggungjawab**, manakala sembilan (75%) daripada 12 stesen tiada pengaktifan siren dibunyikan melalui SMS oleh pegawai bertanggungjawab. Pihak Audit tidak dapat menentukan prosedur yang ditetapkan bagi pemakluman aras air berada pada tahap waspada. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 23.**

JADUAL 23
PENGAKTIFAN SIREN MELALUI SMS

LEMBANGAN SUNGAI	BIL. STESEN (SUKAT ARAS AIR SUNGAI DAN SIREN)	ARAS AIR PADA TAHAP WASPADA (BIL. STESEN)	PENGAKTIFAN SIREN MELALUI SMS (BIL. STESEN)	TIADA PENGAKTIFAN SIREN MELALUI SMS (BIL. STESEN)
Kelantan	12	6 (50.0%)	-	6 (100%)
Terengganu	1	1 (100%)	1 (100%)	-
Pahang	6	5 (83.3%)	2 (40.0%)	3 (60.0%)
JUMLAH	**19**	**12 (63.2%)**	**3 (25.0%)**	**9 (75.0%)**

Sumber: Data *Gateway*, Data FDC dan Analisis JAN

d. JPS didapati tidak mempunyai prosedur yang jelas berkenaan keperluan pengaktifan siren apabila aras mencapai tahap waspada menyebabkan pelaksanaan amaran siren awal ini tidak dilaksanakan dengan seragam di semua stesen siren yang berkaitan.

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Tindakan SOP siren akan berbunyi pada peringkat AMARAN dan BAHAYA sahaja. JPS mengambil perhatian akan ralat pada papan tanda siren tersebut. JPS telah membetulkan maklumat papan tanda siren terlibat dan lain-lain papan tanda secara berperingkat dan dijangka selesai pada 30 November 2023.


Pendapat Audit

Hebahan amaran melalui siren tidak memuaskan kerana pelaksanaan yang tidak seragam serta maklumat yang dinyatakan di 81 papan notis mengelirukan penduduk setempat.

5.3.6.2. Statistik Pelawat Portal Public InfoBanjir

Pihak Audit mendapati bilangan pelawat yang mengakses portal Public InfoBanjir (PIB) bagi tempoh bulan September 2020 hingga Disember 2022 adalah antara 708 hingga 22,980 pelawat sebulan. Pihak Audit juga mendapati bilangan pelawat meningkat pada musim Monsun Timur Laut iaitu bermula bulan Oktober hingga Mac setiap tahun seperti di **Carta 1**.

CARTA 1
JUMLAH PELAWAT YANG MENGAKSES PORTAL PIB



Sumber: Statistik *Hits* Pelawat Portal PIB

5.3.6.3. Bilangan Muat Turun *Mobile Apps MyPublic* InfoBanjir

Pihak Audit mendapati berdasarkan portal Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia (GAMMA), bilangan pengguna yang telah memuat turun aplikasi *MyPublic* InfoBanjir *Mobile* adalah berjumlah 19,837 pengguna setakat bulan April 2023. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 24**.

JADUAL 24
BILANGAN MUAT TURUN MOBILE APPS PIB

BIL	SUMBER	BILANGAN
1.	Google Play	14,913
2.	App Store	4,924
3.	AppGallery	0
JUMLAH		**19,837**

Sumber: Portal GAMMA

5.3.6.4. Bilangan Pengikut Media Sosial Public InfoBanjir

JPS mempunyai laman sosial media rasmi iaitu *Facebook* dan *Twitter* sebagai medium untuk hebahan aras air dan ramalan kejadian banjir kepada orang awam.

Semakan terhadap laman sosial media tersebut mendapati bilangan pengikut *Facebook* setakat bulan April 2023 adalah 41,665 dan *Twitter* adalah berjumlah 13,400 pengikut.

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Kempen Amaran dan Ramalan Informatif Banjir (KARIB) merupakan salah satu program yang diperkenalkan di bawah *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA), PRAB. KARIB mensasarkan empat golongan sasaran iaitu:

- Masyarakat dan komuniti
- Agensi Kerajaan
- Institusi Pendidikan
- NGO dan Pihak Swasta

Sehingga 2022, KARIB telah berjaya melaksanakan sebanyak 23 program ceramah melalui tayangan video ceramah PRAB.

Pendapat Audit

Statistik Pelawat Portal Public InfoBanjir adalah memuaskan kerana wujud trend peningkatan akses portal terutamanya sewaktu musim Monsun Timur Laut.

5.3.7. Pengurusan Persekitaran dan Keselamatan ICT

5.3.7.1. Penilaian Tahap Keselamatan ICT

a. Penilaian Tahap Keselamatan ICT [Security Posture Assessment (SPA)] adalah aktiviti yang dilaksanakan bagi mengesan kelemahan terhadap rangkaian dan sistem ICT seterusnya melaksanakan tindakan pengukuhan agar rangkaian dan sistem ICT berada dalam keadaan tersedia, selamat dan dipercayai.

b. Semakan Audit mendapati JPS telah melantik pihak ketiga bagi melaksanakan Ujian Pengukuhan Keselamatan terhadap pangkalan data, laman web, rangkaian, sistem dan aplikasi bagi tahun 2021 hingga 2022. **Keputusan ujian menunjukkan terdapat 25 kelemahan pada tahap kritikal**. Kelemahan yang ditemui mungkin membawa kemudaratan kepada data dan aplikasi JPS serta platform ini terdedah kepada penggodaman dan serangan siber. Butiran lanjut berkenaan ujian pengukuhan keselamatan bagi tahun 2021 dan 2022 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
UJIAN PENGUKUHAN KESELAMATAN

BIL.	TAHUN	TARIKH PENGUJIAN	AKTIVITI PENGUJIAN	KEPUTUSAN
1.	2021	09.07.2021 - 10.07.2021 (2 hari)	*Full Penetration Test*	Secara keseluruhannya, semua platform yang telah diuji mempunyai pertahanan keselamatan yang baik untuk mengelakkan penggodaman daripada berlaku.
		11.07.2021 - 12.07.2021 (2 hari)	*External Penetration Test*	
		21.07.2021 (1 hari)	*Full Penetration Test*	
		22.07.2021 - 23.07.2021 (2 hari)	*Internal full Penetration Test*	Terdapat satu platform berada pada tahap kritikal dan memerlukam perhatian segera. Platform ini terdedah pada penggodaman dan serangan siber. Tindakan pembetulan isu tersebut perlu dibuat dengan segera.
2.	2022	13.10.2022 - 27.10.2022 (15 hari)	• *External Penetration Test* • *Internal Penetration Test* • *Network Device Assessment*	Secara keseluruhannya, sejumlah 24 URL telah diuji untuk proses penilaian terhadap kawalan keselamatan dari sebarang penggodaman dan serangan siber dilakukan. Semakan mendapati terdapat 87 jenis kelemahan dalam kawalan keselamatan telah ditemui. Kelemahan tersebut meliputi 24 kelemahan pada tahap kritikal, 12 pada tahap tinggi, 45 pada tahap sederhana dan 17 pada tahap rendah. Kelemahan yang ditemui mungkin membawa kemudaratan kepada data dan aplikasi JPS. Penambaikan kawalan keselamatan terhadap isu-isu kritikal perlu dibuat segera khususnya bagi kawalan input, mengetatkan kata laluan dan pelaksanaan HTTPS. Oleh itu, untuk mengelakkan pencerobohan pada masa hadapan, JPS perlu melaksanakan proses mitigasi dan perlu mematuhi amalan dan garis panduan keselamatan dalam ISMS/DKICT ISO/IEC 27001: 2013.

Sumber: Laporan *Security Posture Assessment* (SPA)

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Hasil penemuan SPA telah dibentangkan dan dimaklumkan pada Pegawai Teknologi Maklumat yang terlibat pada 6 Ogos 2021 dan 2 November 2022.

Pihak BPM juga telah memaklumkan kepada syarikat yang bertangungjawab untuk menjalankan penyenggaraan IFOS berkenaan penemuan SPA yang terlibat untuk diambil tindakan pengukuhan segera. Langkah-langkah pengukuhan telah dikenalpasti.

5.3.7.2. Pusat Data

a. Bab 7 (Keselamatan Fizikal dan Persekitaran) Dasar Keselamatan ICT MAMPU (DKICT) menyatakan JPS perlu memastikan premis dan kemudahan ICT ditempatkan di kawasan yang selamat dan dilindungi daripada sebarang bentuk pencerobohan, ancaman, kerosakan serta akses yang tidak dibenarkan.

b. Pemeriksaan Audit pada 8 Februari 2023 di Pusat Data Sektor Awam (PDSA) Bandar Enstek mendapati kawalan fizikal dan persekitaran meliputi perkara seperti berikut:

   i. Pusat data boleh diakses menggunakan kad oleh kakitangan yang diberi kuasa. Sebarang akses kepada Pusat Data akan dicatat dalam buku log.

   ii. Pusat data telah menggunakan sistem penyejukan *chiller* untuk menyejukkan persekitaran pusat data.

   iii. Pusat data telah dilengkapi dengan sistem pemadam kebakaran dari *Inert Gas Fire Suppression System*. Bahan yang digunakan adalah berasaskan gas.

   iv. Kamera Litar Tertutup (CCTV) telah dipasang di dalam dan di luar bilik *server* bagi memantau dan merakam pergerakan keluar masuk pelawat dan aktiviti yang dilakukan dalam bilik *server*.

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat gangguan sistem penyejukan *chiller* di mana telah berlaku insiden *lightning strike* menyebabkan gangguan suhu pada tahap 59°C (suhu normal di bawah 27°C) kepada sistem penyejukan pada ruang pusat data di PDSA Bandar Enstek pada 8 November 2022. Insiden ini menyebabkan berlakunya gangguan pengoperasian ke atas semua *server*, perkakasan dan aplikasi bagi 70 agensi yang menggunakan perkhidmatan MyGovCloud@PDSA di PDSA Enstek.

d. Pihak Audit juga mendapati **DKICT JPS yang disediakan tidak merangkumi kawalan keselamatan pusat data**.

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Pihak JPS telah menyediakan *high availability* (HA) bagi perkakasan rangkaian dan server-server yang mempunyai fungsi kritikal. Selain itu pihak MAMPU juga menyediakan ketersediaan infrastruktur pusat data sebanyak 99.5%. Pihak JPS akan membuat perjanjian *Operation Level Understanding* (OLU) bersama pihak MAMPU.

Perenggan berkaitan dengan kawalan keselamatan pusat data telah diwujudkan di dalam Polisi Keselamatan Siber JPS Malaysia versi 1.0 (PKS 1.0) yang telahpun digunapakai pada tahun 2023, BIDANG A.7 Keselamatan Fizikal Dan Persekitaran (Physical And Environmental Security).

5.3.7.3. Pusat Pemulihan Bencana (DRC)

a. DRC merupakan infrastruktur fizikal yang menggantikan pusat operasi utama jika berlaku bencana. DRC juga dilengkapi dengan perkakasan, perisian, sistem aplikasi dan sistem rangkaian yang menyerupai pusat operasi utama atau *data centre*.

b. **Semakan Audit mendapati DRC tidak disediakan kerana tidak dimasukkan dalam perancangan pembangunan PRAB Fasa 1. Ketiadaan DRC memberi risiko kepada kehilangan data sekiranya berlaku bencana.**

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Pembangunan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) bagi PRAB Fasa 1 telah dimasukkan di dalam perancangan Fasa 2. DRC ini telah mendapat peruntukan di dalam PRAB Fasa 2 - PRAB (Fasa 2) P33139005152404, dokumen Makmal Kejuruteraan pada tahun 2019 boleh dirujuk pada 5.2.8 DRC.

Pada Julai 2023, JPS telah melaksanakan bengkel *Disaster Recovery Plan* (DRP) bagi mengemaskini DRP JPS sedia ada bersama-sama wakil bahagian dan pihak MAMPU. Pihak JPS sedang mengkaji kaedah bagi memastikan ketersediaan data dapat dicapai semasa tempoh downtime. Pembangunan semula IFOS versi 2.0 beserta DRC keseluruhan sistem dijangka bermula 2024.

Pendapat Audit

Pengurusan persekitaran dan keselamatan ICT kurang memuaskan antaranya DKICT JPS dan penyediaan DRC dalam menjamin ketersediaan data dan kesinambungan operasi PRAB.

5.3.8. Penyenggaraan Sistem/Stesen Hidrologi, Siren dan Rangkaian Telekomunikasi

5.3.8.1. Penyenggaraan Pencegahan

a. Mengikut Klausa 10 (k), *Obligation of The Contractor*, Bil. No. 3, *Instrumentation and Communication*, 3.17 *System Maintenance*, Dokumen E3 (Specification), Bil. No. 15.0 dan 17.0 penyenggaraan di semua stesen meliputi stesen yang sukar diakses setiap dua bulan dalam tempoh setahun. Pihak syarikat juga hendaklah menyediakan laporan penyenggaraan dan analisis prestasi setiap stesen dan membuat perbincangan bersama pegawai JPS setiap dua bulan selama setahun.

b. Semakan Audit mendapati hanya dua stesen yang dibuat **penyenggaraan pencegahan setiap dua bulan sekali mengikut ketetapan kontrak manakala 335 (99.4%) stesen dibuat melebihi sela masa dua bulan**. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 26**.

JADUAL 26
PENYENGGARAAN TIDAK DILAKSANAKAN MENGIKUT JADUAL KONTRAK

LEMBANGAN SUNGAI	BILANGAN STESEN SEPATUTNYA DILAKSANAKAN PENYENGGARAAN SETIAP DUA BULAN	BILANGAN STESEN YANG DISENGGARA	
		SETIAP DUA BULAN	MELEBIHI DUA BULAN
Kelantan	109	2	107
Terengganu	34	0	34
Pahang	194	0	194
JUMLAH	**337**	**2**	**335**

Sumber: Laporan Pemantauan Status Penyenggaraan

c. Semakan Audit selanjutnya terhadap laporan pemantauan status penyenggaraan mendapati sebanyak 227 stesen yang telah selesai tempoh jaminan sehingga bulan Disember 2022. Daripada jumlah tersebut, sebanyak lapan stesen telah lengkap enam kali dibuat penyenggaraan mengikut kontrak. **Sebanyak 199 (87.7%) stesen dibuat penyenggaraan antara satu ke lima kali dan 20 (8.8%) stesen tidak pernah dibuat penyenggaraan**. **Perkara ini berlaku kerana wujud kelemahan kontrak yang tidak menyatakan sebarang pengenaan denda terhadap syarikat sekiranya penyenggaraan tidak dilaksanakan**. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 27**.

JADUAL 27
PENYENGGARAAN TIDAK DILAKSANAKAN MENGIKUT SPESIFIKASI KONTRAK SEBANYAK ENAM KALI

LEMBANGAN SUNGAI	BILANGAN STESEN	BILANGAN STESEN YANG DISENGGARA		
		ENAM KALI	1-5 KALI	TIADA PENYENGGARAAN
Kelantan	69	8	57	4
Terengganu	23	-	23	-
Pahang	135	-	119	16
JUMLAH	**227**	**8**	**199**	**20**

Sumber: Laporan Pemantauan Status Penyenggaraan

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 18 dan 28 Ogos 2023

Pihak syarikat 779469-K gagal menjalankan tanggungjawabnya disebalik amaran melalui surat peringatan telah dikeluarkan oleh JPS. Surat Peringatan Menjalankan Kerja-Kerja Penyenggaraan bertarikh 13 Disember 2021, 20 Januari 2021 dan 15 Mac 2021.

Bayaran keseluruhan penyenggaraan yang terlibat adalah sebanyak RM1,233,200. Walau bagaimanapun, sehingga kini pihak JPS telah membuat bayaran sebanyak RM458,200 setelah mengambilkira syarikat 779469-K gagal melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan dan pemotongan sebenar bayaran dapat dilaksanakan sebelum *Certicate of Making Good Defect* (CMGD) dikeluarkan terhadap kerja penyenggaraan yang tidak dilaksanakan.

Dokumen kontrak tidak memperuntukkan klausa yang membolehkan JPS mengenakan denda kepada syarikat 779469-K melainkan menolak bayaran-bayaran yang masih terhutang oleh pihak Kerajaan atau dari Bon Pelaksanaan/Performance Bond sebelum CMGD dikeluarkan.

d. Selepas tamat *Defect Liability Period* (DLP), urusan penyenggaraan diserahkan kepada pihak JPS Negeri dengan *standard operating procedure* (SOP) penyenggaraan disediakan oleh JPS Ibu Pejabat. Terdapat dua kaedah penyenggaraan stesen oleh pihak JPS Negeri iaitu penyenggaraan secara dalaman atau penyenggaraan secara kontrak menggunakan peruntukan dari kerajaan pusat. Jabatan membuat pemantauan penyenggaraan bersama perbelanjaan peruntukan yang disalurkan melalui Mesyuarat Pemantauan Peruntukan Mengurus dan Pembangunan.

e. Merujuk klausa 6 SOP penyenggaraan stesen hidrologi JPS Negeri menyatakan penyenggaraan stesen hidrologi perlu dilaksanakan setiap empat bulan sekali

bagi penyenggaraan pencegahan dan tidak mengira masa bagi penyenggaraan pembaikan.

f. Selain itu, pihak Audit mendapati setelah tamat tempoh jaminan bagi setiap stesen hidrologi, penyenggaraan pencegahan akan diuruskan oleh pihak JPS Negeri. Namun, sehingga 31 Disember 2022 **penyenggaraan pencegahan tidak pernah dilaksanakan oleh pihak JPS Negeri bagi 204 stesen yang telah tamat tempoh jaminan di Lembangan Sungai Kelantan dan Pahang**.

g. Semakan lanjut Audit mendapati hanya JPS Negeri Terengganu yang melaksanakan penyenggaraan stesen hidrologi dengan semakan borang penyenggaraan 23 stesen hidrologi yang telah tamat DLP. Manakala JPS Negeri Pahang hanya menyerahkan salinan SST lantikan syarikat bagi kerja-kerja penyenggaraan bagi 135 stesen hidrologi yang akan bermula pada 7 Ogos 2023. Bagi JPS Negeri Kelantan, pihak Audit tidak dapat mengesahkan penyenggaraan bagi 69 stesen hidrologi telah dibuat kerana tiada sebarang dokumen berkenaan penyenggaraan diserahkan kepada pihak Audit.

Maklum balas JPS yang diterima pada 21 Julai 2023, 28 Ogos 2023 dan 14 September 2023

Terdapat dua kaedah penyenggaraan stesen oleh pihak JPS Negeri iaitu penyenggaraan secara dalaman atau penyenggaraan secara kontrak menggunakan peruntukan dari Kerajaan Pusat. Jabatan membuat pemantauan penyenggaraan menggunakan perbelanjaan peruntukan yang disalurkan melalui Mesyuarat Pemantauan Peruntukan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan Pembangunan.

JPS Pahang telah mengeluarkan SST penyenggaraan mengikut bermula pada Ogos 2023 pada tahun ini untuk tempoh lapan bulan.

Pendapat Audit

Pengurusan penyenggaraan pembaikan dan pencegahan kurang memuaskan kerana kerja tidak dilaksanakan mengikut kontrak dan SOP ditetapkan. Kelemahan pemantauan memberi risiko kerugian kepada Kerajaan sekiranya peralatan rosak tidak dibaiki dan tamat tempoh waranti.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara umum, PRAB membantu JPS dalam membuat ramalan dan hebahan berkenaan banjir. Pengurusan PRAB dari aspek pencapaian output untuk pembinaan infrastruktur adalah baik. Namun, pencapaian output dari aspek prestasi sistem adalah kurang memuaskan dari segi mengeluarkan amaran dan hebahan banjir dua hari lebih awal serta meningkatkan ketepatan amaran dan kejadian sebenar kepada kurang 0.5 meter. Pengurusan PRAB juga didapati kurang memuaskan dari segi pengurusan pembinaan stesen hidrologi telemetri, data RTU, pembangunan iFOS, ketepatan ramalan dan amaran banjir, pengurusan persekitaran keselamatan ICT dan pengurusan penyenggaraan.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

7.1. JPS hendaklah mewujudkan petunjuk prestasi bagi menilai pencapaian keberhasilan Program Ramalan Amaran Banjir (PRAB) agar objektif meramal dan menghebah dapat dicapai, seterusnya meminimumkan impak banjir kepada penduduk;

7.2. Pemantauan terhadap Stesen Hidrologi Telemetri, Siren atau Kamera Web dan melaksanakan tindakan penyenggaraan mengikut perancangan bagi memastikan stesen dan peralatan berfungsi dengan baik;

7.3. JPS hendaklah menentukan kaedah yang terbaik bagi memastikan penghantaran data daripada stesen hidrologi telemetri ke *gateway* dengan lebih stabil selepas penutupan rangkaian 3G bagi memastikan objektif PRAB tercapai; dan

7.4. Pengurusan dan proses pembersihan data daripada RTU sehingga ke *Forecast Data Center* (FDC) hendaklah dipantau bagi memastikan tiada ralat berlaku kepada output hasil daripada proses ETL.

AKRONIM

AKRONIM

A

ABM	Akademi Binaan Malaysia
ACMV	*Air Conditioning and Mechanical Ventilation*
ADTEG	Adaptasi Teknologi Getah
AKS	Agensi Kawal Selia
AMBS	Al Muktafi Billah Shah
AP	Arahan Perbendaharaan
APAD	Agensi Pengangkutan Awam Darat
APK	Arahan Perubahan Kerja
APMF	Laporan *Activity Performance Management Framework*
APMM	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

B

B40	Kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan di bawah RM4,360)
BC	*Bituminous Cuplump*
BDA (m/s 4-53)	Lembaga Kemajuan Bintulu (Bintulu Development Authority)
BDA (m/s 7-11)	Bahagian Dasar dan Antarabangsa
BKOPP	Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan
BKP	Bahagian Kawalan Penyakit
BKR	Bahagian Kesejahteraan Rakyat
BMS	*Bio Medical System*
BNM	Bank Negara Malaysia
Borang/ Notis 5A	Notis Bahawa Hasil Tanah Harus Dibayar
BP	Bon Pelaksanaan
BPH	Bahagian Pengurusan Hartanah
BPK	Bahagian Pembangunan Kontraktor
BPL	Blueprint Pelancongan Langkawi
BPM	Bahagian Pengurusan Maklumat
BPO	Pembagasan dan pengecatan
BPP (m/s 7-11)	Bahagian Penilaian dan Pensijilan
BPP (m/s 13-12)	Bahagian Penguatkuasaan Pelesenan
BPPL	Bahagian Pentauliahan dan Pemantauan Latihan
BPPM	Bahagian Pengurusan Pekerja Migran
BPS	Benih Padi Sah
BPSP	Bahagian Pengairan dan Saliran
BQ	Senarai Kuantiti (Bills of Quantities)
BRS	Spesifikasi Keperluan Bisnes
BRT	Bus Rapid Transit
BTLPS	Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber

C

C&U	*Carry & Use*
CBD	*Convention on Biological Diversity*
CCC	Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance)
CCD	Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan (Contractor Continuous Development)
CCP	*Contract Coordination Panel*
CCTV	Sistem Kamera Litar Tertutup (Closed Circuit Television)
CFOP	*Centralized Forecast Operation Platform*
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Construction Industry Development Board)
CIDBH	CIDB Holdings Sdn. Bhd.
CIMS	*Centralized Information Management System*
CKEB	Cawangan Konservasi Ekosistem dan Biodiversiti
CKKA	Cawangan Kolaborasi dan Kesedaran Awam
CMA	*Cuplump Modified Asphalt*
CMB	*Cumplump Modified Bitumen*
CMGD	Perakuan Membaiki Kecacatan
CMS	*Cirad-Michelin South American Leaf Blight*
CNC	Perakuan Kerja Tak Siap (Certificate of Non Completion)
COMBI	Communication for Behavioural Impact
COTs	*Crown Of Thorns*
Covid-19	*Corona Virus Disease 2019*
CPC	Sijil Perakuan Siap Kerja (Certificate of Practical Completion)
CPO	Sijil Perakuan Pendudukan Separa (Certificate of Partial Occupation)
CPS	City Planning System

CPTED	Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat (Crime Prevention Through Environmental Design)
CPTLPS	Cawangan Pengurusan Taman Laut dan Pengurusan Sumber
CSFB	Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan

D

DAN 1.0	Dasar Agromakanan Negara 2011 - 2020
DAN 2.0	Dasar Agromakanan Negara 2021 - 2030
DB (m/s 4-94)	Kotak Agihan (Distribution Box)
DB (m/s 10-10)	Dewan Bandaraya
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DCS	*Data Cleaning System*
DE	Dana Pembangunan
DISF	Dana Strategik Pelaburan Tempatan (Domestik Investment Strategic Fund)
DKICT	Dasar Keselamatan ICT
DLP	Tempoh Tanggungan Kecacatan (Defect Liability Period)
DOA	Jabatan Pertanian Malaysia (Department Of Agriculture)
DOF	Jabatan Perikanan (Department of Fisheries)
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics Malaysia)
DPN (m/s 7-3)	Dasar Pembinaan Negara
DPN (m/s 8-5)	Dasar Pengangkutan Negara
DRC	Pusat Pemulihan Bencana (Disaster Recovery Center)
DSPPA	Dasar Strategik Pajakan dan Pengurusan Aset

E

eKasih	Bank Data Kemiskinan Nasional
EMIS	*Education Management Information System*
EOT	Pelanjutan Masa (Extension of Time)
EP	Sukat Sejatan Air (Evaporation Pan)
ePLKS	ePas Lawatan Kerja Sementara
EPP 11	*Entry Point Project* 11
ePPA	Sistem Permohonan Pekerja Asing
ePPAx	Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu
e-Propem	Sistem Produktiviti dan Pemasaran
EPU	Unit Perancang Ekonomi (Economic Planning Unit)
ERL	Express Rail Link
ESSCOM	Eastern Sabah Security Command
ETL	*Extract, Transform and Load*
ETP	Spesis Terancam (Endangered, Threatened and Protected)
eVDR	eVisa Dengan Rujukan

F

F01	Fasiliti Bangunan dan Infrastruktur Am
F02	Fasiliti Bangunan Penjagaan Kesihatan
FDC	Pusat Data Ramalan (Forecast Data Centre)
FELCRA	Lembaga Penyatuan & Pemulihan Tanah Persekutuan (Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority)
FELCRA BINA	FELCRA Bina Sdn. Bhd.
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Federal Land Development Authority)
FM	Pengurusan Fasiliti (Facility Management)
FME	Eksekutif Pengurusan Fasiliti (Facility Management Executive)
FMM	Pengurus Pengurusan Fasiliti (Facility Management Manager)
FOC	*Fear of Crime*
FOMEMA	*Foreign Workers' Medical Examination Monitoring Agency*
FTA	*Free Trade Agreement*
FTC	FELCRA Training and Consultancy Sdn. Bhd.
FWCMS	*Foreign Workers Centralized Management System*

G

GDC	Kos Pembangunan Kasar (Gross Development Cost)
GEF	*Global Environment Facilities*
GI	Geran Infra
GIATMARA	GIATMARA Sdn. Bhd.
GIS	Sistem Maklumat Geografi (Geographic Information System)
GPOP	Garis Panduan Pengurusan Operasi dan Penyenggaraan
GST	*Goods and Service Tax*

GUP	Getah Untuk Pribumi
GDV	Nilai Pembangunan Kasar (Gross Development Value)

H

HD	*High Definition*
HIF	Dana Berimpak Tinggi (High Impact Fund)
HPCG	*High Performance Commonwealth Games*

I

IADA	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (Integrated Agricultural Development Area)
IBS	Sistem Binaan Berindustri (Industrialised Building System)
ICA 10	*Industrial Coordination Act – Section 10 (Exemption from Manufacturing Licence)*
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology)
IF	*Industry Forward*
iFOS	Sistem Operasi Ramalan Bersepadu
IIFC	Jawatankuasa Pelulus Dana Intervensi Industry4WRD (Industry4WRD Intervention Fund Approval Committee)
IKAM	Indeks Kualiti Air Marin
IMR	Institut Penyelidikan Perubatan (Institute for Medical Research)
IPA	Agensi Penggalakan Pelaburan (Investment Promotion Agencies)
IPD	Ibu Pejabat Polis Daerah
IPK	Ibu Pejabat Kontinjen
IPPDRM	Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
ISBSF	Interim Stage Bus Support Fund
IST	Tangki Septik Individu (Individual Septic Tank)
ISTC	*Industrial Support and Technology Commercialization*
IT	Teknologi Maklumat (Information Technology)
ITA	Elaun Cukai Pelaburan (Investment Tax Allowance)
IUCN	*International Union for Conservation of Nature*

J

JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JAN	Jabatan Audit Negara
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
JKK	Jawatankuasa Kerja
JKKP	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
JKK-PA	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing
JKKPA-PATI	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
JKR	Jabatan Kerja Raya
JKT	Jabatan Kerajaan Tempatan
JMM	Jabatan Meteorologi Malaysia
JP LADA	Jemaah Pengarah LADA
JPKA	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan
JPKPS	Jawatankuasa Peruntukan Kawasan Perindustrian Sedia Ada
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JPN (m/s 3-90)	Jawatankuasa Peracangan Negeri
JPN (m/s 14-8)	Jabatan Pendidikan Negeri
JPPAPT	Jawatankuasa Penggajian Pekerja Asing dan Pekerja Tempatan
JPPG	Jawatankuasa Penyelarasan dan Pembayaran Geran
JPPH	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
JPRTK	Jawatankuasa Program Rekalibrasi Tenaga Kerja
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JTKSM	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
JTLM	Jabatan Taman Laut Malaysia
JUPEM	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
JV	Usaha sama (Joint Venture)

K

KADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kemubu Agricultural Development Authority)
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Kedah Regional Development Authorit)
KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan

KETARA	Projek Pembangunan Pertanian Terengganu Utara
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
kg	Kilogram
Kg.	Kampung
KIR	Ketua Isi Rumah
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KKM	Kementerian Kesihatan
KKR	Kementerian Kerja Raya
KLIA	Kuala Lumpur International Airport
KLIA2	Kuala Lumpur International Airport 2
KM	Kebenaran Merancang
km²	Kilometer Persegi
KPI (m/s 2-19)	Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator)
KPI (m/s 3-72)	Indeks Prestasi Utama (Key Performance Index)
KPK	Kementerian Perladangan dan Komoditi
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KPKR	Ketua Pengarah Kerja Raya
KPKT	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
KPLBS	Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah
KPM	Kementerian Pendidikan
KPN	Ketua Polis Negara
KSM	Kementerian Sumber Manusia
KTM	KTM Komuter
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
KWATLRL	Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut
KWC-19	Kumpulan Wang Amanah Covid-19

L

LAD	Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (Liquidated and Ascertained Damages)
LADA	Lembaga Pembangunan Langkawi (Langkawi Development Authority)
LDP	Luruhan Daun Pestalotiopsis
LED	*Light Emitting Diode*
LGM	Lembaga Getah Malaysia
LHDNM	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
LKK	Latihan Kompetensi Kemahiran
LMD	*Labour Market Database*
LOB	*Live On Board*
LP	Lembaga Perolehan
LPATA	Lembaga Pemeriksa Pelupusan Aset Tak Alih
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
LRT	Light Rapid Transit
LSCT	*Large Scale Clone Trial*
LTK	Lanjutan Tempoh Kontrak

M

M&E	Mekanikal dan Elektrikal
M&O	Pengurusan dan Operasi (Manage and Operate)
M1	Musim 1
M2	Musim 2
m²	Meter Persegi
M40	Golong Berpendapatan Sederhana
mA	*Miliampere*
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Muda Agricultural Development Authority)
MAFI	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Ministry of Agriculture and Food Security)
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Malaysian Administrative Modernization and Management Planning Unit)
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Malaysian Agricultural Research and Development Institute)
MARGMA	Malaysian Rubber Glove Manufacturers Assocition
MasPlan	Pelan Induk Perancangan Pembangunan Tanah-tanah LADA
MB	Majlis Bandaraya
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
MBSJ	Majlis Bandaraya Subang Jaya
MCB	*Miniature Circuit Breaker*
MD	Majlis Daerah
MDM	Majlis Daerah Marang

MDN	Menteri Dalam Negeri
M-FICORD	Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (Ministry of Food Industry, Commodity and Regional Development Sarawak)
MHC	*Mersing Harbour Centre*
MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Malaysian Investment Development Authority)
MIK	Melayu Islam Kedah
MIPSS	*Malaysia Intergrated and Public Safety System*
MITI	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (Ministry of International Trade and Industry)
MJA	Mesyuarat Jabatan Arah
MJM	Memorandum Jemaah Menteri
MKKD	Program Memperkasakan Kapasiti, Kebolehan dan Daya Saing Industri Pembinaan
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MM	Milimeter
MMK	Majlis Mesyuarat Kerajaan
MNKT	Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan
MoF	Kementerian Kewangan (Ministry of Finance)
MOT	Kementerian Pengangkutan (Ministry of Transport)
MP	Majlis Perbandaran
MPA	Kawasan Perlindungan Marin (Marin Protected Area)
MPAJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
MPC	Malaysian Productivity Corporation
MPERS	Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia
MPJP	Mesyuarat Pengurusan Jabatan Perikanan
MPK	Majlis Perbandaran Klang
MPKj	Majlis Perbandaran Kajang
MPLBP	Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
MPMIS	Sistem Maklumat Pengurusan Taman Laut (Marine Park Management Information System)
MPP	Majlis Perbandaran Pengerang
MPS	Majlis Perbandaran Selayang
MPSepang	Majlis Perbandaran Sepang
MRB	*Malaysia Rubber Board*
MRC	Majlis Getah Malaysia (Malaysia Rubber Council)
MRI	*Malaysia Rubber Industry*
MRT	Mass Rapid Transit
MSM	Menteri Sumber Manusia
MSN	Majlis Sukan Negara
MSP	Markah Setiap Parameter
MT/Ha	Metrik Per Hektar
MTL	Monsun Timur Laut
MyFIRST	Sistem Pengurusan Sumber Perikanan Bersepadu
MyIMMs	Sistem Imigresen Malaysia
MyIPO	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Intellectual Property Corporation of Malaysia)
MyPSO	Sistem Pelan Strategik Organisasi KKR
MYSA	Agensi Angkasa Malaysia (Malaysian Space Agency)
MYSTEP	Malaysian Short Term Employment Programme

N

NCI	**Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (National Committe on Investment)**
NDCC	Pusat Pengurusan Bencana Negara (National Disaster Control Centre)
NDT	*Non Destructive Testing*
NFA	*No Further Action*
NGE	*National Graduate Employability*
NKEA	*National Key Economic Areas*
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Result Areas)
NOC	Notis Perubahan (Notice of Change)
NRE	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (Ministry of Natural Resources and Environment)
NRECC	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Ministry of Natural Resources, Environment and Climate Change)

O

O&M	Operasi dan Manual
OBB	*Outcome Based Budgeting*
OKU	Orang Kurang Upaya

OPA	Operasi Penyenggaraan Aset
OPK	Operasi Penguatkuasaan Khas
OSC	Agensi Pusat Setempat (One Stop Centre)

P

P.P	Pegawai Penguasa
PAB	Peranti Arus Baki
PAKAT	Pasukan Khas Pendidikan Kesihatan
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PBS	Program Bandar Selamat
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PDSA	Pusat Data Sektor Awam
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
PEMERKASA	Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PFI	Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Funding Initiative)
PFP	Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan
PGA	Pasukan Gerakan Am
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
PHK	Pelarasan Harga Kontrak
PIB	Public Info Banjir
PIP	Bahagian Pembangunan Industri Padi
PK (m/s 9-7)	Pejabat Kesihatan
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah
PKEN	Pembangunan Ekonomi Negeri
PKK	Penilaian Kompetensi Kemahiran
PKP	Perintah Kawalan Pergerakkan
PKPP	Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang
PKS	Perindustrian Kecil dan Sederhana
PKTS	Perakuan Kerja Tidak Siap
PLANMalaysia	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
PLB	Pusat Latihan Bertauliah
PLKB	Pusat Latihan Kompetensi Bertauliah
PLKK	Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya
PLKS	Pas Lawatan Kerja Sementara
PP (m/s 7-11)	Penyeliaan dan Pengurusan
PP (m/s 1-35)	Pekeliling Perbendaharaan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPj	Perbadanan Putrajaya
PPK (m/s 4-53)	Projek Pemajuan Kawasan
PPK (m/s 3-3)	Pertubuhan Peladang Kawasan
PPK (m/s 7-36)	Perakuan Pendaftaran Kontraktor
PPMK	Peratus Pencapaian Markah Keseluruhan
PPN (m/s 3-62)	Pejabat Perikanan Negeri
PPN (m/s 8-25)	Pelan Pemulihan Negara
PPP (m/s 4-3)	Program Peningkatan Pendapatan
PPP (m/s 12-44)	*Public Private Partnership*
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPrISA	Pengurusan Projek ICT Sektor Awam
PPRT	Program Perumahan Rakyat Termiskin
PPSB	Projek Penanaman Padi Skala Besar
PQC	*Pre Quota Calculation*
PRAB	Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara
PROSPEK	Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung
PRS	Sistem Laporan Polis (Police Reporting System)
PS	Taraf Perintis (Pioneer Status)
PSDK	Pelan Strategik Denggi Kebangsaan
PSH	Pekerja Sambilan Harian
PSK	Persatuan Sukan Kebangsaan
PSO	Pelan Strategik Organisasi
PTG	Pejabat Tanah & Galian
PTK	Pejabat Tenaga Kerja
PTM	Pertukaran Majikan
PTP (m/s 1-8)	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
PTP (m/s 9-7)	Penghapusan Tempat Pembiakan
PUU	Penasihat Undang-Undang

Q

QR	Tindak Balas Cepat (Quick Response)

R

R&D	*Research & Development*
R1M	Restoran 1Malaysia
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia
RF	Sukat Air Hujan (Rain Fall)
RFP	Permintaan Atas Cadangan (Request for Proposal)
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Rural Industry Smallholder Development Authority)
RKT	Rancangan Kemajuan Tanah
RM	Ringgit Malaysia
RMKe-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebalas
RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas
RMSE	*Root Mean Square Error*
ROA	Pulangan Atas Aset (Return on Assets)
RP	*Rolling Plan*
RP1	*Rolling Plan* Pertama
RP3	*Rolling Plan* Ketiga
RRIM	Rubber Rearch Institute Malaysia
RRIMINIS	Rubber Rearch Institute Malaysia Mini Station
RSN	Rancangan Struktur Negeri Selangor
RTD	Rancangan Tempatan Daerah
RTK	Rekalibrasi Tenaga Kerja
RTU	*Remote Terminal Unit*
RWDP	*Rainwater Down Pipe*

S

SADA	Syarikat Air Darul Aman
SAG	Geran Automasi Pintar (Smart Automation Grant)
SAGAC	Jawatankuasa Pelulus Geran Automasi Pintar (Smart Automation Grant Approval Committee)
SAP	Surat Arahan Pelaksanaan
SBPKP	Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan
SC	*Steering Committee*
SCORE	Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals)
Semi-D	Rumah Berkembar (Semi Detached House)
SF	Sukat Luah (Stream Flow)
Sg	Sungai
SHA	Perjanjian Pemegang Saham (Shareholders Agreement)
SHO	Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (Safety and Health Officer)
SIPP	Skim Insentif Pengeluaran Padi
SK	Sekolah Kebangsaan
SKALA	Sistem Kawal dan Lapor
SKP	Sijil Kecekapan Pengurusan
SM	Sukat Kelembapan Tanah (Soil Moisture)
SMART SBB	Program Smart Sawah Berskala Besar
SMB	Sistem Maklumat Bersepadu
SME	*Subject Matter Expert*
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMR	Standard Malaysian Rubber
SMS	Sistem Pesanan Ringkas (Short Messaging System)
SOFA	Penyata Akaun Muktamad (Statement Of Final Account)
SOP	Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedure)
SPA	*Security Posture Assessment*
SPAD	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
SPBS	Sistem Pemantauan Bandar Selamat
SPBT	Skim Pinjama Buku Teks
SSB/DB	*Sub Switch Board/Distribution Board*

T

T20	Golongan Berpendapatan Tinggi
TB (m/s 3-7)	Tidak Berkaitan
TB (m/s 1-27)	Tidak Berkenaan
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TPR	Timbalan Pendakwaraya

U

UKAS	Unit Kerjasama Awam Swasta
ULV	*Ultra Low Volume*
UNDP	*United Nations Development Programme*
UNDP-GEF	*United Nations Development Programme-Global Environment Facility*
UNEP-WCMC	*United Nations Environment Programme World Conservation Monitoring Centre*
UPA	Unit Pengurusan Aset
UPE	Unit Perancang Ekonomi
UPK	Unit Promosi Kesihatan

V

VDR	Visa Dengan Rujukan
VE	*Value Engineering*

W

WC	Kamera Web (Web Camera)
WDPA	*World Database On Protected Area*
WJP	Wang Jaminan Pelaksanaan
WL	Sukat Aras Air Sungai (Water Level)
WP	Wilayah Persekutuan
WPKL&P	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Y

YAB	Yang Amat Berhormat
YB	Yang Berhormat

JABATAN AUDIT NEGARA
ARAS 1-9, BLOK F2 & F3, KOMPLEKS F, LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62000 PUTRAJAYA

www.audit.gov.my